SABAH HEBAT!
Katakan Tidak kepada Nombor 16

Modul MONOTOS

Bahasa Melayu 2 SPM

Format Baharu (KSSM)

Sinergi Ketua-ketua Panitia Bahasa Melayu Sekolah Menengah JPN Sabah dan
Sektor Pembelajaran JPN Sabah

BIL	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1	Sidang Redaksi Modul Monotos Bahasa Melayu SPM Jabatan Pendidikan Negeri Sabah	3
2	Sekapur Sirih Seulas Pinang	4
3	Setinta Kata	5
4	Dari Meja Editor	6
5	Format Instrumen SPM Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)	7
6	**BAHAGIAN A** Soalan 1: Morfologi	8 - 24
7	Soalan 2: Sintaksis	25 - 38
8	Soalan 3: Penyuntingan	39 -48
9	Soalan 4: Bahasa Melayu Standard	49 -58
10	Soalan 5: Peribahasa	59 -79
11	**BAHAGIAN B** Soalan 6:Petikan Umum	80 -109
12	Soalan 7: Petikan Sastera	110 -133
13	Soalan 8: Novel	134 - 169
14	**BAHAGIAN C** Rumusan	170 -212
15	Skema Jawapan	213 -315
16	Senarai Penyumbang Bahan Modul Monotos BM Kertas 2	316 - 318

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH

Pengerusi	:	Yang Berbahagia Datuk Dr.Mistirine Radin Pengarah Pendidikan Negeri Sabah
Timbalan Pengerusi	:	Dr. Mohd Kassim Bin Tusin Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Penyelaras	:	Puan Ajanah Mohamed Ketua Penolong Pengarah Kanan Unit Bahasa, Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
	:	Dr. Dewi binti Madzlan@Madlan Penolong Pengarah Unit Bahasa Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Editor	:	Juilis Mokujal Guru Cemerlang Bahasa Melayu SMK. Narinang, Kota Belud
Pereka Grafik	:	Sulaiman bin Hj. Suhaili SMK. Pengiran Omar II, Sipitang

SEKAPUR SIRIH SEULAS PINANG

Yang Berbahagia Datuk Dr. Mistirine Radin
Pengarah Pendidikan Negeri Sabah

Salam sejahtera kepada semua pendidik dan calon SPM di negeri Sabah.

Sabah Hebat!
Katakan Tidak kepada Nombor 16.
Katakan Ya kepada 10 Terbaik!

Kita bersyukur kepada Tuhan kerana dengan keizinan dan limpah-Nya, Modul Monotos Bahasa Melayu KSSM dapat dihasilkan. Oleh itu, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Unit Bahasa, Sektor Pembelajaran, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah yang diterajui oleh Dr Kassim Haji Tusin (Timbalang Pengarah, Sektor Pembelajaran, JPN Sabah), Puan Ajanah Mohamad (Ketua Penolong Pengarah Kanan, Unit Bahasa, Sektor Pembelajaran), Dr Dewi Binti Madzlan@Madlan (Penolong Pengarah, Unit Bahasa Sektor Pembelajaran) dan panel penulis Modul Monotos atas komitmen dalam menghasilkan modul yang sangat bermanfaat ini.

Prakarsa penghasilan modul ini merupakan Projek Peningkatan Prestasi Bahasa Melayu SPM Jabatan Pendidikan Negeri Sabah yang bertujuan untuk memenuhi hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) supaya setiap murid memperoleh keputusan yang terbaik dalam peperiksaan. Atas keperluan tersebut, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah telah melaksanakan program bersama dengan semua Ketua Panitia Bahasa Melayu Menengah Sabah pada tahun lepas dan diteruskan pada tahun ini untuk menghasilkan modul pengajaran yang boleh digunakan oleh guru dalam PdP dengan harapan mampu memugar kecemerlangan murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Justeru, Modul Monotos garapan idea Ketua-Ketua Panitia Bahasa Sekolah Menengah JPN Sabah mengetengahkan format baharu Bahasa Melayu KSSM yang julung kali dihadapi oleh pelajar pada tahun ini. Saya yakin Modul Monotos BM SPM ini dapat dimanfaatkan oleh semua guru Bahasa Melayu SPM untuk memastikan calon SPM mendapat latihan yang mencukupi.

Oleh itu, saya mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada panel penulis atas komitmen luar biasa dan iltizam menghasilkan Modul Monotos Bahasa Melayu SPM. Saya berharap setiap guru di Sabah dapat memanfaatkan modul ini dalam PDPC masing-masing. Melalui kesungguhan dan komitmen semua guru Bahasa Melayu, saya pasti prestasi pelajar Sabah mampu duduk sama rendah,berdiri sama tinggi dengan dengan calon dari negeri lain.

Sekian dan selamat maju jaya

SETINTA KATA

Dr.Kassim Haji Tusin
Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sabah Hebat!
Katakan Tidak Kepada Nombor 16.
Kata Ya kepada 10 Terbaik.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita diberikan kekuatan dan kesihatan untuk menggalas tanggungjawab hakiki dengan penuh dedikasi. Program Peningkatan Akademik Pengarah bersama Ketua Panitia Bahasa Melayu Sekolah Menengah tahun 2021 dizahirkan melalui Modul Monotos Bahasa Melayu SPM. Oleh itu, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Unit Bahasa, Sektor Pembelajaran, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah dan panel penulis Modul Monotos atas inisiatif menghasilkan modul ini.

Monotos dalam bahasa KadazanDusun bermaksud berabis atau berusaha bersungguh-sungguh melakukan sesuatu perkara sehingga berhasil mendapatkan kecemerlangan atau kejayaan. Melalui sikap ‘monotos’ dalam jiwa setiap orang pastinya akan menghasilkan semangat, motivasi dan kecemerlangan yang boleh menaikkan imej sekolah, PPD dan Jabatan. Saya faham untuk menghasilkan modul pembelajaran bukan mudah seperti yang dibayangkan kerana menulis modul yang berimpak tinggi memerlukan komitmen, kesabaran dan pengorbanan yang bukan sedikit daripada para penulis. Saya yakin Ketua-Ketua Panitia Bahasa Melayu yang menghasilkan modul ini berusaha bersungguh-sungguh @ monotos sehingga modul ini dapat dihasilkan dan dapat dimanfaatkan oleh calon SPM pada tahun ini.

Modul Monotos garapan idea Ketua-Ketua Panitia Bahasa Melayu JPN Sabah pada hemat saya, sangat relevan digunakan oleh guru dan murid sebagai bahan latih tubi berfokus menjelang peperiksaan SPM pada tahun ini. Saya berharap agar warga guru mahupun murid dapat memanfaatkan modul ini dengan sebaik mungkin demi meningkatkan prestasi subjek Bahasa Melayu dalam peperiksaan SPM tahun 2021. Oleh itu, saya mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada panel penulis modul kerana berusaha gigih sehingga dapat menghasilkan Modul Monotos Bahasa Melayu SPM, modul format baharu yang sangat konprehensif. Modul ini diharapkan dapat membantu guru melaksanakan PdP secara bersemuka mahupun PDPR. Akhir sekali, sumbangan para penulis menghasilkan Modul Monotos didahului dengan ucapan syabas dan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

DARI MEJA EDITOR

Perubahan format Bahasa Melayu KSSM telahpun ditatarkan kepada guru-guru pada tahun lepas. Melalui penataran tersebut, Jurulatih Utama Daerah (JUD) telah didedahkan dengan format baharu BM KSSM yang merangkumi Kertas 1, Kertas 2, Kertas 3 dan Kertas 4. Kursus penataran di peringkat daerah dan sekolah juga telah dilaksanakan untuk memastikan setiap guru Bahasa Melayu memahami, menguasai dan mendalami perubahan format tersebut. Menyedari peri pentingnya bahan latih tubi selaras dengan perubahan format baharu tersebut, Ketua-Ketua Panitia Bahasa Melayu Sekolah Menengah JPN Sabah telah mengadakan mesyuarat dalam talian untuk membincangkan solusi terbaik mengatasi cabaran yang dihadapi oleh rakan guru Bahasa Melayu menyediakan bahan latih tubi dan memutuskan untuk bersinergi menghasilkan modul format baharu Bahasa Melayu SPM.

Modul MONOTOS Bahasa Melayu SPM percambahan idea sinergi Ketua-Ketua Panitia Bahasa Melayu Sekolah Menengah JPN Sabah merupakan modul latih tubi berfokus yang dihasilkan khusus untuk membantu calon meraih Bahasa Melayu A+ dalam peperiksaan SPM 2021. Modul ini merangkumi soalan Bahagian A (Morfologi, Sintaksis, Penyuntingan, Bahasa Melayu Standard dan Peribahasa) dan Bahagian B (Petikan Umum, Petikan Sastera dan Novel) dan Bahagian C (Novel) sebagai bahan latih tubi berfokus. Bahan latih tubi yang disediakan oleh panel penulis pastinya membantu murid untuk membuat latih tubi dan menggunakan bahan tersebut dalam sesi perbincangan bersama rakan yang lain.

Dari aspek teknikalnya, Modul Monotos ini menepati standard peperiksaan SPM format baharu kerana dihasilkan oleh Ketua Panitia Bahasa Melayu yang berpengalaman sebagai pemeriksa, penggubal soalan dan jurulatih utama Bahasa Melayu di peringkat negeri dan kebangsaan. Semoga Modul Montos ini memudahkan PDPC rakan guru dan seterusnya KPI Bahasa Melayu JPN Sabah dapat dicapai dalam peperiksaan SPM tahun 2021. Bagi pihak Ketua-Ketua Panitia Bahasa Melayu Sekolah Menengah JPN Sabah, saya mengucapkan terima kasih atas kepercayaan pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sabah kepada kami menggalas amanah menggubal Modul Monotos ini.

Salam hormat.

JUILIS MOKUJAL
Guru Cemerlang Bahasa Melayu

FORMAT INSTRUMEN BAHARU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAN (KSSM) BAHASA MELAYU (1103)

Bil	**Perkara**	**Kertas 1 (1103/1) 100 markah**	**Kertas 2(1103/2) 100 markah**	**Kertas 3 (1103/3) 70 markah**	**Kertas 4 (1103/4) 30 markah**
1	Jenis Instrumen	Ujian Bertulis	Ujian Bertulis	Ujian Lisan	Ujian Mendengar
2	Jenis Item	Subjektif Respons Terhad Subjektif Respons Terbuka	Subjektif Respons Terhad Subjektif Respons Terbuka	Subjektif Respons Terhad Subjektif Respons Terbuka	Objektif Aneka Pilihan Objektif Pelbagai Bentuk Subjektif Respons Terhad
3	Bilangan Soalan	**Bahagian A** Satu saja Soalan berdasarkan kombinasi pelbagai bahan rangsangan Jawab 1 soalan **Bahagian B** Empat Soalan berdasarkan domain Jawab satu daripada empat soalan Jumlah soalan : 5 soalan	**Bahagian A** **Sistem & Aplikasi Bahasa** S1-Morfologi S2-Sintaksis S3-Penyuntingan S4-Bahasa Melayu Standard S5-Peribahasa **Bahagian B** S6-Petikan Umum S7-Petikan Sastera S8 -Novel **Bahagian C** S9- Rumusan Jumlah soalan : 9 soalan	**Bahagian A** Individu Satu petikan/bahan rangsanagn yang disediakan untuk setiap calon Bersoal jawab dengan pentaksir (dari sekolah lain) **Bahagian B** Kumpulan Satu tajuk/tema umum disediakan untuk perbincangan dalam kumpulan (3-5 orang satu kumpulan)	4 – 6 petikan Instrumen mengandungi 20 hingga 25 soalan (wajib jawab semua soalan) Jawapan berdasarkan petikan
4	Konstruk	**Kemahiran menulis** Mengaplikasi Menganalisis Menilai Mencipta	**Kemahiran membaca** Memahami Mengaplikasi Menganalisis Menilai Mencipta	**Kemahiran mendengar dan bertutur** Memahami Mengaplikasi Menganalisis Menilai	**Kemahiran mendengar** Memahami Mengaplikasi Menganalisis

BAHAGIAN A
SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
[35 *markah*]

SOALAN 1: MORFOLOGI

Praktis 1

Lihat rajah infografik di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata nama am konkrit** *dan* **dua kata kerja transitif.** *Kemudian anda dikehendaki membina* **satu ayat sendiri** *daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan tersebut sebagai peribahasa atau nama khas.*

[8 markah]

Praktis 2

Lihat lirik lagu di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata nama am abstrak** *dan* **dua kata nafi.** *Kemudian anda dikehendaki membina* **satu ayat sendiri** *daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan tersebut sebagai peribahasa atau nama khas.*

Namun Ku Punya Hati,

Senyumku tak seghairah
Gerak gaya tidak selincah
Mataku tak seayu
Kicau burung pun tak semerdu
Namun kupunya hati
Juga gayaku perasaan
Hidupku yang begini
Kadar waktu diizin Tuhan
Tidak kuminta
Lahir ke dunia
Tidak kuduga
Cacat begini
Bukan kuminta
Kasih dan sayang
Bukan kurayu bantu simpati
Maafkan wahai teman
Kumenumpang di sudut dunia
Mencari ketenangan
Sampai masa ku pergi jua

Sumber: Lirik lagu

[8 *markah*]

Praktis 3

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata adjektif** *dan* **dua kata kerja transitif.** *Kemudian anda dikehendaki membina* **satu ayat sendiri** *daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan tersebut sebagai peribahasa atau nama khas.*

Ruang balai perlepasan sesak dan padat dengan manusia. Pelbagai aksi dapat ditonton. Ada yang berlari-lari anak menggalas beg sandang besar, ada yang lenggang kangkung menolak troli yang sarat dengan beg dan cenderamata. Zarith berdiri di tengah-tengah lautan manusia, betul-betul menghadap skrin yang memaparkan jadual penerbangan. Beg sandang yang berwarna kelabu jenama Karrimor, dirasakan berat benar, seperti mahu patah bahunya.

Dipetik dan diubah suai daripada Cerpen daripada Siswa *"Balai Perlepasan*"
oleh Syeeda Koppeli. Dewan Siswa, Oktober 2016
[8 *markah*]

Praktis 4

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya dan senaraikan **tiga kata kerja tak transitif**. *Kemudian anda dikehendaki membina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menembahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Budaya bersukan dalam kalangan masyarakat amat digalakkan pada setiap peringkat umur. Jika kita mengamalkan gaya hidup sihat, sama ada beriadah atau melakukan aktiviti sukan, kita menjadi sebahagian daripada masyarakat yang memahukan hidup yang berkualiti. Tubuh badan yang sihat menambahkan produktiviti diri, keluarga, dan negara yang dicintai. Kementerian Belia dan Sukan menetapkan sehari dalam bulan Oktober setiap tahun sebagai Hari Sukan Negara. Hari tersebut disambut pada Sabtu kedua di seluruh negara.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Hari Sukan Negara'
oleh Farah Alia Suraya Azman,
Dewan Siswa, Bil. 09/2016
[6 *markah*]

Praktis 5

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata nama tunggal** *dan* **dua kata majmuk**. *Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.*

Secara umumnya, bukan sedikit muncul pemimpin muda di dunia sejak belakangan ini. Pemimpin tidak muncul dalam sekelip mata. Sifat itu perlu disemai sejak awal lagi. Bak kata nenek moyang kita, melentur buluh biarlah dari rebung lagi. Ketokohan dan sifat kepemimpinan yang ada pada seseorang pemimpin sebenarnya bermula sejak bangku sekolah lagi. Oleh itu, pembabitan pelajar dalam aktiviti kokurikulum atau kurikulum di sekolah amat penting dan perlu diberi perhatian. Aktiviti tersebut banyak memberikan sumbangan terhadap usaha memupuk nilai sifat kepemimpinan, seperti semangat bertolak ansur, semangat kerja berpasukan dan berkomunikasi.

Petikan rencana *' Kepimpinan Remaja Tonggak Masa Hadapan Negara'*
Majalah Dewan Siswa DBP, bil. 4 2019
[8 markah]

Praktis 6

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata bilangan** *dan* **dua kata majmuk mantap**. *Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.*

Anda tentu masih ingat sebahagian daripada rakan-rakan anda yang menjadi pengawas, pengerusi atau setiausaha persatuan dan kelab di sekolah, kemudiannya menjadi pemimpin dalam pelbagai bidang ketika ini. Sebagai pengawas dan pengerusi kelab dan persatuan, mereka sejak awal lagi sudah terdedah dengan pelbagai tugas dan tanggungjawab. Semuanya itu memerlukan ilmu, kemahiran, kesabaran dan kerjasama daripada orang lain. Oleh sebab itu, bakat kepemimpinan mereka sudah menyinar sejak bangku sekolah lagi. Ketika di sekolah menengah lagi, penulis mempunyai beberapa orang rakan yang sememangnya

memiliki kewibawaan dan pengaruh. Untuk menjadi ketua, memerlukan keberanian dan keyakinan. Sifat tersebut perlu terus dipupuk sepanjang masa sehingga akhirnya dapat menjadi pemimpin pada tahap yang lebih tinggi.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana ' Kepimpinan Remaja Tonggak Masa Hadapan Negara' Majalah Dewan Siswa DBP, bil. 4 2019.

[8 *markah*]

Praktis 7

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **tiga kata majmuk**. *Kemudian anda dikehendaki membina* **satu ayat** *sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan tersebut sebagai peribahasa atau nama khas.*

Keluarga bahagia teras keluarga cemerlang. Jika seisi keluarga mengecap kesenangan dan kebahagiaan, nescaya segala elemen negatif seperti perselisihan, pertelingkahan atau perceraian yang dapat menjejaskan keharmonian rumah tangga dapat dihindarkan. Jika ibu bapa bersatu hati bak kata pepatah, telur dua sebandung, pecah satu pecah keduanya, maka mereka dapat menyempurnakan tanggungjawab terhadap keluarga. Jika seluruh anggota keluarga bermuafakat dalam apa-apa jua aspek kehidupan, maka kerukunan dan kedamaian rumah tangga terjamin.

Dipetik dan diubah suai daripada Pentingnya Keluarga Bahagia,
Oleh Thaarmaaraj A/L Ramanathan,
Dewan Siswa, Bil. O4 2020
[6 *markah*]

Praktis 8

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata hubung** *dan* **dua kata sendi nama.** *Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan tersebut sebagai peribahasa atau nama khas.*

Kedudukan guru amat dimuliakan dalam mana-mana agama sekalipun. Guru perlu dihormati dan disanjung. Kita belajar membaca dan mengira daripada guru. Lulus peperiksaan kerana ilmu yang diberikan oleh guru. Berjaya masuk ke universiti di dalam atau di luar negara juga disebabkan peranan guru yang dimiliki kelak sama ada menjadi doktor, peguam, polis, akauntan, jurutera, juruterbang, guru, ahli bomba, jururawat, dan sebagainya ialah hasil daripada ilmu yang ditimba daripada mereka yang bergelar guru.

Dipetik dan diubah suai daripada Cikgu, Jasamu Kusimpan di Hati Nurani
Oleh Normah Ahmad
Dewan Siswa, Bil. O5 2020
[8 *markah*]

Praktis 9

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya dan senaraikan **dua kata sendi nama** *dan* **dua kata hubung gabungan**. *Kemudian anda dikehendaki membina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Seluruh sistem perundangan dan kehakimaan perlu melalui proses gerak gempur penggunaan bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, segalanya bertitik tolak daripada nilai jati diri setiap mereka yang terlibat di mahkamah. Kecintaan terhadap bahasa Melayu harus dipasak dan diperkasakan. Mustahil untuk menterjemahkan segala kandungan teks undang-undang daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Sistem latihan melalui kursus-kursus yang menekankan penggunaan bahasa Melayu harus dipertingkatkan dalam kalangan hakim, pendakwa raya dan peguam. Arahan yang lebih tegas wajar dikeluarkan oleh pihak mahkamah untuk memastikan penggunaan bahasa Melayu didahulukan dalam semua prosiding mahkamah kecuali penggunaan istilah tertentu dalam bahasa Latin atau bahasa asing yang lain boleh dibenarkan

Dipetik dan diubah suai daripada
"Memartabatkan Bahasa Kebangsaan di Mahkamah"
oleh Norazlina Abdul Aziz dan Mazlina Mohamad Mangsor,
Dewan Bahasa, Bil. 03/ 2021
[8 *markah*]

Praktis 10

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya dan senaraikan **tiga kata terbitan awalan** . *Kemudian anda dikehendaki membina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menembahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Arkitek Kota

hanya seniman peka,
yang faham akan jiwa laut,
kenal lambung gelombangnya,
alur sungai serta diam batu,
perasaan musim,
fiil langit dan sabar bumi,berhak membina kota.
kerana arkitek matang itu anak di taman,
perenung di perpustakaan,
orang muda pulang bertandang di lorong malam,
pemunggah barang pasar di subuh hari,
pengadil di bangku bijaksana,
dan datuk bandar yang bangga.
dia harus sayangkan lagu burung,
pemancing di teduh pohon,
Pemerhati tasik, pengawas bintang,
dan bunga menjalar di beranda.

Dipetik dan diubah suai daripada
Sajak 'Arkitek Kota'
oleh Muhammad Haji Salleh,
Dirgahayu Bahasaku Dewan Bahasa dan Pustaka

[6 *markah*]

Praktis 11

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya dan senaraikan **dua kata adjektif terbitan** *dan* **dua kata kerja terbitan**. *Kemudian anda dikehendaki membina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menembahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Langkah mematuhi peraturan merupakan salah satu cara untuk mewujudkan sekolah yang harmoni. Amalan ini dapat melahirkan pelajar yang mempunyai tingkah laku yang baik dan menjadi insan yang berwibawa. Sebagai contohnya, memakai uniform sekolah yang lengkap serta kemas, dan beratur ketika membeli makanan. Sekiranya amalan ini menjadi budaya mereka, nescaya keharmonian dalam kalangan warga sekolah dapat diterapkan dalam diri setiap insan. Kerjasama antara guru dengan pelajar dalam mematuhi peraturan pasti akan menjadi pemangkin kecemerlangan akademik dan sahsiah pelajar. Sebagai kesimpulannya, sekolah harmoni penting bagi mewujudkan sekolah yang terbaik untuk pelajar. Semua warga sekolah harus bekerjasama dan bertanggungjawab dalam melahirkan sekolah yang harmoni, cemerlang dan terbilang.

Dipetik dan diubah suai daripada Cetusan Pendapat *'Sekolah Harmoni'*
oleh Vinoshen a/l Raveentharan,
Dewan Siswa, bil. 09/2013
Dewan Bahasa dan Pustaka

[8 *markah*]

Praktis 12

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata terbitan apitan** *dan* **dua kata ganda**. *Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas*.

Trauma ialah pengalaman individu yang unik tentang suatu peristiwa atau keadaan yang kekal, seperti keupayaan individu untuk mengintegrasikan pengalaman dan emosi, atau terharu dengan suatu pengalaman.Trauma memberikan ancaman kepada kehidupan, individu dan keluarga. Trauma juga ialah pengalaman yang luar biasa seperti rangsangan yang kuat dan berbahaya sehingga mengatasi keupayaan kanak-kanak, remaja dan dewasa.Menurut Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) pada tahun 2002 sebanyak 154 juta orang di seluruh dunia menderita tekanan mental. Jumlah ini meningkat berkali-kali ganda pada tahun 2015.

Petikan daripada sains perubatan bertajuk *' Trauma Mengganggu Emosi'*
Majalah Dewan Kosmik DBP, bil. 1 2016.

[8 *markah*]

Praktis 13

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata terbitan akhiran** *dan* **dua kata kerja pasif** . *Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan tersebut sebagai peribahasa atau nama khas.*

Ke Makam Bonda

Kami mengunjungi pusara bonda
Sunyi pagi disinari suria
Wangi berseri puspa kemboja
Menyambut kami mewakili bonda
Tegak kami di makam sepi
Lalang-lalang tinggi berdiri
Dua nisan terkapar mati
Hanya papan dimakan bumi
Dalam kenangan kami melihat
Mesra kasih bonda menatap
Sedang lena dalam rahap
Dua tangan kaku berdakap
Bibir bonda bersih lesu
Pernah dulu mengucupi dahiku
Kini kurasakan kasihnya lagi
Meski jauh dibatasi bumi

Nisan batu kami tegakkan
Tiada lagi lalang memanjang
Ada doa kami pohonkan
Air mawar kami siramkan
Senyum kemboja menghantar kami
Meninggalkan makam sepi sendiri
Damailah bonda dalam pengabadian
Insan kerdil mengadap Tuhan
Begitu bakti kami berikan
Tiada sama bonda melahirkan
Kasih bonda tiada sempadan
Kemuncak murni kemuliaan insan

Puisi Ke Makam Bonda
Datuk Usman Awang

[8 *markah*]

Praktis 14

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata kerja tak transitif** *dan* **dua kata ganda**. *Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.*

Penulis mencadangkan agar anda melakukan aktiviti fizikal sekurang-kurangnya 10 hingga 15 minit sehari pada waktu petang. Penulis melihat bahawa pelajar yang bercita-cita tinggi untuk cemerlang selalunya menghabiskan masa mereka dengan belajar setiap masa. Mereka berasa sangat suntuk dan tidak ada masa lagi untuk melakukan aktiviti lain selain belajar. Oleh itu, aktiviti pertama yang diabaikan termasuklah aktiviti fizikal iaitu bersenam dan bersukan. Kebanyakan pelajar berasa aktiviti fizikal tidak berfaedah menjelang peperiksaan kerana aktiviti sebegini tidak menyumbangkan apa-apa kepada kecemerlangan dalam peperiksaan.

Petikan daripada motivasi diri bertajuk
' Aktiviti Fizikal Menjelang Peperiksaan'
Majalah Dewan Siswa DBP, bil. 9 2016.

[8 *markah*]

Praktis 15

Lihat rajah infografik di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata ganda** *dan* **dua kata adjektif.** *Kemudian anda dikehendaki membina* **satu ayat sendiri** *daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan tersebut sebagai peribahasa atau nama khas.*

Praktis 16

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **empat kata akronim** . *Kemudian anda dikehendaki membina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.*

Pelbagai aktiviti menarik turut disediakan dalam Karnival Kerjaya tersebut. Antara aktiviti tersebut termasuklah acara senamrobik, program bual bicara bersama panel jemputan, dan uji bakat kerjaya dalam bidang penyiaran bersama RTM dan Bernama. Selain itu, karnival ini turut menyediakan ruang niaga untuk 30 buah gerai makanan, pakaian, barangan digital pelbagai jenama. Di samping itu, para pengunjung juga boleh menonjolkan bakat kreatif dalam pertandingan melukis komik adaptasi daripada cerpen terpilih yang dipertandingkan.

Dipetik dan diubah suai daripada
Harapan Setinggi Gunung
Dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4
Kementerian Pendidikan Malaysia
[8 *markah*]

Praktis 17

Baca sajak di bawah dengan teliti dan senaraikan **empat kata ganda berimbuhan**. *Kemudian anda dikehendaki* **membina satu ayat** *anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.*

Tanah, Pepohon dan Lurah

Beri aku
sebidang tanah
seluas tapak tangan
bersama pepohon yang menari-nari
bersama serangga buas dan ganas
subur atas segala kesuburan
indah atas segala keindahan!
Jejariku hendak berenang-renang
berputar dengan pepohon yang basah
di atas timbunan lagu-lagu kepujian
selembut sutera
betapa suburnya ia dari tanah-tanih
melambai-lambai ke kiri dan ke kanan
bersama merdu nian sepoi angin
di tepi lembah lurah
penuh dengan madu maha manis!
Di lembah lurah tanah merkah itu
angin lembut membisikkan cinta murni
mata melihat pantai kasih di bibir lurah
besi wajah asyik menari-nari di tengah lurah
sebebas-bebas hatinya
hingga tangan sopan
menariknya perlahan-lahan
tersandar di dadanya

Tanah bersama pepohon dan lurah
besi waja atas kapal membakar
dalam tenang laut kecintaan
bisa jua menjadi teman hidup manusia
dan hidup cuma untuk sendiri-sendiri

Sajak *Tanah Airku*
oleh Joseph Selvam,
Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005

[8 *markah*]

Praktis 18

Baca petikan berita di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata akronim** *dan* **kata pemeri**. *Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.*

KUALA LUMPUR: Operasi pawagam akan kembali dibuka bermula 16 Disember ini selepas kerajaan tidak menyambung Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Persatuan Pemamer Filem Malaysia (MAFE) dalam satu kenyataan berkata, pembukaan semula pawagam itu hanya akan dilaksanakan di beberapa lokasi terpilih saja buat ketika ini. MAFE berkata, keputusan kerajaan itu adalah tepat pada masanya kerana banyak filem mega tahun ini akan ditayangkan dalam masa terdekat. "Persatuan juga akan menjalankan perbincangan bagi mendapatkan kebenaran melonggarkan prosedur operasi standard (SOP) ketika ini seperti penjarakan tempat duduk," katanya. MAFE berkata, pawagam ialah pusat utama sosial, komuniti dan budaya gaya hidup Malaysia, memainkan peranan penting dalam menawarkan hiburan.

Dipetik dan diubahsuai daripada *Pawagam akan Dibuka Semula Bermula* 16 Disember oleh Alzahrin Alias. 14 Disember 2020, BH Online

[8 *markah*]

Praktis 19

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata hubung pancangan** *dan* **kata hubung gabungan**. *Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.*

Penguasaan pelbagai bidang ilmu melalui proses pendidikan dapat melahirkan modal insan gemilang yang berupaya melakukan anjakan paradigma. Pelbagai kaedah pengajaran baharu yang berpusatkan pada murid diperkenalkan bukan sahaja untuk menjana minda generasi muda yang kritis, dan kreatif serta berfikiran saintifik malahan dapat melahirkan generasi berfikir di luar kotak. Bidang pendidikan di negara ini juga menuntut pelajar mengaplikasikan dan mempraktikkan ilmu selain kemahiran yang dipelajari supaya dapat memenuhi keperluan semasa.

Dipetik dan diubah suai daripada *Pendidikan Melahirkan Modal Insan Gemilang*
Oleh Lok Chun Chuan
Dewan Siswa, Bil 12, 2017

[8 *markah*]

Praktis 20

Lihat dan teliti infografik di bawah dengan teliti dan senaraikan ***dua kata nama tunggal dan dua kata nama terbitan*** *. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.*

Praktis 21

*Baca petikan di bawah dengan teliti.**Gandakan** perkataan yang bergaris.Kemudian,anda dikehendaki* **membina satu ayat anda sendiri** *daripada setiap kata ganda yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya.Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Keadaan kacau apabila jentolak hadir di depan rumah Munsyi yang kini tidak dilihat batang hidungnya. Burung berterbangan dan pohon di sekeliling Kampung Pagar terus ditumbangkan tanpa belas kasihan. Bunyi keluh jelas kedengaran dalam kalangan penduduk kampong yang mendiami kawasan pinggir bandar sejak zaman nenek moyang mereka.Yang menanti kepingan tanah ini, hanyalah pembinaan kondominium beertaraf tiga bintang yang berisi batu.

Sumber: Petikan cerpen Munsyi
Dalam *Antologi Kulit Kijang dari Istanbul*,
Dewan Bahasa dan Pustaka
[8 *markah*]

SOALAN 2: SINTAKSIS

Praktis 1

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat bersusunan biasa** *yang bergaris kepada* **ayat bersusunan songsang** *tanpa mengubah maksud asalnya*.

Anand amat meminati pelbagai kerjaya yang berkaitan dengan hal-hal perkomputeran. Dia meminati seni reka bentuk grafik. Dia juga meminati hal-hal berkaitan dengan pembangunan sistem perisian dan juga pengaturcaraan. Ketiga-tiga bidang kerjaya ini amat diminatinya. Dia berbelah bahagi untuk membuat pilihan. Rakan-rakan Anand mencadangkan agar dia memilih kerjaya yang berkaitan dengan seni reka bentuk grafik. Ibu bapanya pula mencadangkan sesuatu yang lain, iaitu pegawai teknologi maklumat kerana prospek kerjaya yang luas, termasuk bekerja dalam sektor awam. Persoalannya, apakah bidang kerjaya yang patut dipilih oleh Anand dan apakah faktor yang menentukan pilihan kerjayanya itu?

Petikan daripada buku teks Tingkatan 5, muka surat 38

[6 *markah*]

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

Praktis 2

Tuliskan ayat **bersusunan songsang** *yang terdapat dalam petikan dialog di bawah.*

Dina dan adik-adiknya sedang berbual-bual tentang perancangan mereka ketika pulang ke kampung pada cuti hujung tahun nanti.

Dina :Seronoknya. Tak sabar rasanya hendak pulang ke kampung.

Muzaffar :Sudah lama kita tidak pulang ke kampung. Berasa sungguh rindu akan datuk dan nenek saya.

Muqri :Berbuah lebat agaknya pokok rambutan di seberang sungai. Dapatlah makan rambutan sambil berendam di dalam sungai.

Dina :Sungguh hebat imaginasi kamu. Kakak harap dapatlah kita berjumpa dengan anak-anak Pak Long dan Mak Ngah.

Muzaffar :Mesti meriah jika dapat berkumpul sekeluarga. Sungguh sedap dan menyelerakan masakan nenek. Gemuklah saya nanti jika tinggal sebulan di sana.

Suasana hening malam dipecahkan dengan derai ketawa mereka.

[6 *markah*]

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

Praktis 3

Baca petikan dibawah dengan teliti, kemudian kenal pasti **subjek** *dan* **predikat** *bagi setiap ayat yang dihitamkan.*

Penularan coronavirus ini yang disebarkan melalui ‘manusia kepada manusia’ ini perlu disekat dengan secepat mungkin melalui kaedah kuarantin. **Pihak berkuasa perlu mewajibkan setiap penduduk di kawasan itu sentiasa berada di rumah atau kawasan yang dikategorikan selamat**. **Perkara ini bertepatan dengan arahan pihak berkuasa China untuk memperluas sekatan perjalanan keluar ke atas Wuhan dan tujuh lagi bandar** sejak khamis lepas berikutan penularan coronavirus.**Melihat perkembangan semasa wabak tersebut semua rakyat di negara ini yang ingin keluar negara dinasihatkan memberi keutamaan kepada kesihatan atau menangguhkan perjalanan mereka.**

(Dipetik dan diubahsuai daripada `Utama Kesihatan Elak Jangkitan`
oleh Prof Dr Azizi Ayob, Berita Harian 29 Januari 2020)
[6 *markah*]

1. Subjek :

_____

Predikat :

_____

2. Subjek :

_____

Predikat :

_____

3. Subjek :

_____

Predikat :

_____

Praktis 4

Baca petikan dibawah dengan teliti, **cerakin ayat yang dihitamkan** *menjadi* **ayat tunggal**.

> **Kesihatan aset penting dalam kehidupan manusia dan menjadi aspek utama dalam kesejahteraan masyarakat.** Tanpa disedari, corak pengambilan makanan harian menunjukkan secara jelas tahap kesihatan seseorang pada masa depan. Kita tidak boleh bergantung kepada sistem dan kemudahan kesihatan semata-mata jika konsep gaya hidup yang betul tidak diamalkan. **Gaya hidup masa kini yang serba pantas dan mencabar telah mengakibatkan peningkatan masalah kesihatan yang ketara. Kesihatan tidak hanya melibatkan soal makanan tetapi berkait rapat dengan proses gaya hidup** seperti penjagaan diri dan emosi.

(Dipetik dan diubahsuai daripada `Ubah Gaya Hidup Lebih Sihat`
Sinar Harian, 21 Febuari 2020
[6 markah]

i) Kesihatan aset penting dalam kehidupan manusia dan menjadi aspek utama dalam kesejahteraan masyarakat**.**

Ayat Tunggal :
a.
_____
b.
_____

ii) Gaya hidup masa kini yang serba pantas dan mencabar telah mengakibatkan peningkatan masalah kesihatan yang ketara.

Ayat Tunggal**:**
a.
_____
b.
_____

iii) Kesihatan tidak hanya melibatkan soal makanan tetapi berkait rapat dengan proses gaya hidup.

Ayat Tunggal**:**
a.
_____
b.
_____

Praktis 5

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti **pola ayat** *bagi setiap ayat tersebut sama ada Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK), Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FSN) atau Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA)*

Kawasan bandar merupakan penyumbang utama pembebasan karbon dioksida dan gas rumah tanaman akibat aktiviti manusia. Banyak faedah oleh hutan bandar ini. Hutan bandar yang berkualiti dan stabil dalam ekosistem sangat bagus. Pokok bandar mengurangkan karbon dioksida di atmosfera. Bidang perhutanan bandar perlu mencari pendekatan lebih kreatif. Penggunaan palma dalam perhutanan bandar sangat cantik

.

Dipetik dan diubah suai daripada
Hutan Bandar
Oleh Ahmad Azaruddin Mohd. Noor dan Adnan Mohammad
Dewan Kosmik, Jun/2011
[6 markah]

Praktis 6

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti **pola ayat** *bagi setiap ayat yang bergaris sama ada Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK), Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FSN) atau Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA). Kemudian,* **bina dua ayat** *daripada mana-mana dua pola ayat tersebut.*

Perkataan Koronavirus dan COVID-19 kini merupakan satu terma yang tidak asing lagi bagi masyarakat Malaysia, malahan di seluruh dunia. Sejak mula dilaporkan pada Disember 2019, sebanyak 3.4 juta kes melibatkan lebih 240,000 kematian telah dilaporkan di seluruh dunia. Di Malaysia pula sebanyak 4,530 kes telah dilaporkan dengan jumlah kematian sebanyak 73 orang. Satu angka yang amat menakutkan yang berlaku dalam jangka masa yang singkat. Bagi memerangi virus COVID-19 ini, Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 yang kini berlanjutan hingga fasa ketiga sehingga 12 Mei 2020. Beberapa perkara yang diulas untuk memastikan rakyat Malaysia memahami isu-isu penting mengenai COVID-19 ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
Episod Hitam COVID-19 dan Koronavirus: Antara Fakta dan Mitos
Oleh Dr. Muhammad Abdul Latiff Abu Bakar
https://www.astroawani.com/berita-malaysia/episod-hitam-covid19-dan-koronavirus-antara-fakta-dan-mitos-241232
03 Mei, 2020

[6 *markah*]

Praktis 7

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat bersusunan biasa** *yang bergaris kepada* **ayat bersusunan songsang** *tanpa mengubah maksud asalnya.*

Gelaran 'Panglima Bahasa' ini diberikan kepada Syed Nasir. Lantaran beliau dengan tegasnya memberikan jaminan bahawa sanggup hidup dan mati bersama-sama pejuang bahasa. Hal ini kerana, demi memperjuangkan dan mendaulatkan Bahasa Melayu dalam semua sektor. Pada bulan Februari tahun 1956, beliau dilantik menyandang jawatan Pegawai Pelajaran Persekutuan. Seterusnya pada tahun 1957, Syed Nasir dilantik sebagai Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. Pada masa tersebut, beliau menggantikan Professor Ungku Aziz. Selain itu, menurut buku Tun Syed Nasir (1996), DBP lahir hasil daripada Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu ketiga yang diadakan di Singapura dan Johor Bahru. Rentetan Kongres Bahasa dan Persuratan tersebut yang seterusnya mengangkat Profesor Ungku Aziz yang bertugas di Universiti Malaya Singapura sebagai pengarahnya yang pertama.

Dipetik dan diubah suai daripada Tun Syed Nasir,
"Panglima Bahasa Yang Gigih Berjuang" Usahawan!
Oleh Irwan Hidayat *Pendidik, Bil 134/2019*

[6 *markah*]

Praktis 8

Berdasarkan petikan di bawah, **bina enam ayat tanya** *yang lengkap dengan menggunakan kata tanya yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan frasa yang berhuruf condong.*

Pelbagai langkah diambil untuk meningkatkan keupayaan personaliti bagi menyediakan diri murid sebagai pemimpin masa hadapan. Dalam hal ini murid di peringkat akar umbi perlu pengisian untuk membina ketahanan diri. Oleh itu pemimpin murid dalam pelbagai bidang telah diasuh dengan tiga komponen utama iaitu sikap serta jati diri, kemahiran dan ilmu kepimpinan. Sebagai persiapan membina dan melahirkan pelapis pemimpin masa hadapan yang kental berwibawa dan memiliki ciri-ciri unggul, satu usaha telah dijalankan oleh Majlis Guru Kaunseling Kemaman (MGKK). Baru-baru ini, seramai 26 pemimpin murid dari beberapa sekolah yang terpilih telah mengikuti diskusi bersama Johor Leaders Counsil (JSLC). Program julung-julung kali diadakan itu mendapat kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Kemaman dan Jabatran Pendidikan Negeri Johor (JPNJ). Mereka diberi pendedahan dan pengisian ke arah membentuk jati diri pemimpin di samping menjalin perkongsian pintar bersama Johor Student Leader Counsil (JSLC)

Dipetik dan diubah suai daripada Perkongsian Pintar Jelmakan Inovasi
Kepimpinan oleh Nurismas SN *Pendidik, Bil 134/2019*

[6 *markah*]

Praktis 9

Berdasarkan petikan di bawah, kenal pasti dan tulis **subjek dan predikat** *yang lengkap bagi* **tiga ayat** *yang anda pilih seperti yang berikut:*

Subjek *:* _____

Predikat *:* _____

Orientasi Pusat Sumber Sekolah merupakan siri lapan buah buku yang sesuai untuk sekolah rendah dan menengah rendah. Pusat Sumber Sekolah di bawah Unit Kurikulum dipertanggungjawabkan kepada guru yang dinamakan sebagai Guru Perpustakaan dan Media. Buku ini memperkenalkan murid dengan kertas, kulit buku dan jaket buku. Nilai menyayangi buku terselit dalam buku ini. Selain itu, buku ini memperkenalkan fiksyen kepada para pembaca, dan murid diajar membuat sinopsis beberapa buah buku.

Dipetik dan diubah suai daripada: Orientasi Pusat Sumber Sekolah
Oleh: Soraya Nita binti Othman
Lagend Bookhouse & Distributor 2019

[6 *markah*]

Praktis 10

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **cakap ajuk** *yang bergaris kepada* **cakap pindah** *tanpa mengubah maksud asalnya.,*

Semasa kami sedang beratur untuk menaiki feri menyeberangi Selat Bhosporus, seorang lelaki tua menghampiriku. " Black market, black market? Lelaki tua itu begitu berani. Dia tidak berbisik-bisik seperti remaja tadi dan meletakkan sehelai jaket kulit bewarna hitam di atas lengannya.

" Eh, lawanya jaket itu! Macam yang kita tengok kat Grand Bazaar semalam. Murah ke?" tanya Shahmeem berminat.

" Jangan peduli." kataku

(Dipetik daripada Cerpen "Jaket Kulit Kijang dari Istanbul" oleh Maskiah Haji Masrom dalam antalogi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Kementerian Pelajaran Malaysia)

i. _____

ii._____

iii._____

Praktis 11

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **cakap ajuk** *yang bergaris kepada* **cakap pindah** *tanpa mengubah maksud asalnya.*

"Jangan bimbang Allia, aku cuma menyediakan kau untuk bertemu Farisha kerana ada banyak maklumat yang aku perlu masukan semalam," dalih Dr. Maxi untuk memudarkan curiga Allia.

" Aku dah kongsi banyak maklumat dengan dia pagi tadi. Mengapa esok aku perlu bersama dengan dia lagi?" Alia masih tidak puas hati.

Allia mendengus perlahan. Dia berasa agak berang kerana tidak mendapat maklumat sepenuhnya tentang rancangan Dr. Maxi.

Jangan bimbang Allia. Selepas 10 minit kau berada dalam bilik Farisha pagi esok, kami akan berikan arahan seterusnya," terang Aqram pula.

(i) _____

(ii)_____

(iii)_____

Praktis 12

Berdasarkan petikan di bawah **bina enam ayat tanya** *yang lengkap dengan menggunakan* **kata tanya** *yang betul bagi* **frasa yang bergaris**. *Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan frasa yang berhuruf condong.*

Perbuatan membuli menerusi alam maya ***akan meninggalkan kesan kepada mangsa*** ***apabila tekanan emosi berlaku semasa atau selepas menggunakan internet***. Internet dianggap kemudahan yang boleh menganggu perasaan mangsa. Situasi menjadi lebih parah ***apabila mangsa kerap mengasingkan diri daripada mereka berinteraksi dengan rakan dan ahli keluarga***. Ada kes berlaku dalam kalangan ahli keluarga yang terjejas prestasi pelajaran mereka di sekolah berbanding dengan rakan-rakan yang lain. Hal ini berlaku ***apabila mangsa*** ***selalu memikirkan masalah yang dihadapi*** sehingga mengabaikan pelajaran akan membimbangkan ibu bapa ***kerana konflik berlaku sesama ahli keluarga walaupun berpunca daripada perkara yang remeh.*** Dari aspek yang lain pula, mereka yang dibuli berhasrat ***untuk berhenti daripada menggunakan komputer atau telefon bimbit***. Situasi ini berlaku ***kerana mangsa buli siber berasa takut atau fobia apabila hendak menggunakan kemudahan tersebut.***

Dipetik dan diubah suai daripada 'Gejala Buli di manakah Kesudahannya',
Oleh Amirah Abd. Rahman,
Dewan Siswa, Bil.03/2018.

[6 *markah*]

(i)_____

(ii)_____

(iii)_____

(iv)_____

(v)_____

(vi)_____

Praktis 13

Berdasarkan petikan di bawah **bina enam ayat tanya** *yang lengkap dengan menggunakan* **kata tanya** *yang betul bagi* **frasa yang bergaris**. *Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan frasa yang berhuruf condong.*

Coklat hitam juga dipanggil 'dark chocolate'. Selain baik untuk kesihatan jantung, coklat hitam ***mampu mengurangkan pembekuan kolesterol***. Kajian menunjukkan memakan coklat hitam mengikut kuantiti yang dibenarkan setiap hari selama dua minggu ***boleh membantu menurunkan tekanan darah dengan ketara.*** Selain itu bagi wanita, coklat hitam ini mampu menjadikan kulit bersiri dan mengekalkan awet muda ***kerana mengandungi mineral serta vitamin A, C dan E,*** meningkatkan peredaran darah sehingga ke otak dan merangsang ingatan. Anda tidak perlu bimbang ***kerana lemak yang terdapat dalam coklat hitam ini tidak menggemukan.*** Ibu bapa disaran ***memperkenalkan coklat hitam kepada anak dan mengajar mereka mengenai khasiat coklat hitam***. Bagaimanapun, majoriti kanak-kanak tidak gemarkan coklat hitam ***kerana rasa yang pahit*** berbanding coklat yang dikomersialkan.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Coklat hitam pilihan terbaik
Oleh Aida Adilah Mat
My Metro, 3 Januari 2020.

[6 *markah*]

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(iv) _____

(v) _____

(vi) _____

Praktis 14

Berdasarkan petikan di bawah, kenal pasti dan tulis **subjek dan predikat yang lengkap** *bagi* **tiga ayat** *yang anda pilih seperti berikut*:

Malaysia terus mengorak langkah dalam bidang penerokaan angkasa lepas apabila melaksanakan program penghantaran angkasawan pertama ke angkasa lepas melalui kerjasama dengan beberapa buah negara lain. Pemilihan calon angkasawan pertama negara tidak menghadapi sebarang masalah kerana ramai peserta telah menawarkan diri untuk menyertainya. Calon-calonnya terdiri daripada pendidik, doktor, jurutera, saintis dan juruterbang. Kejayaan program ini memberikan impak yang besar kepada negara untuk terus maju dalam bidang penerokaan angkasa lepas. Negara dapat menjalinkan kerjasama yang lebih erat dengan negara-negara yang sudah maju dalam bidang tersebut. Kerjasama dengan negara-negara terbabit membolehkan rakyat Malaysia mencontohi cara mereka bekerja dalam bidang tersebut.

(Dipetik dan diubah suai daripada "Meneroka Angkasa Lepas" oleh Haslin Ghafur, *Utusan Malaysia*, 26 Mei 2006)

Subjek :
_____

Predikat :
_____

Subjek :
_____

Predikat :
_____

Subjek :
_____

Predikat :
_____

[6 *markah*]

Praktis 15

Berdasarkan petikan di bawah, kenal pasti dan tulis **dua ayat tunggal yang lengkap** *bagi* **tiga ayat majmuk** *yang anda pilih seperti yang berikut* :

Udara sejuk menyapa tubuhku di luar. Walaupun semua tingkap dan pintu masih belum dibuka, hening pagi masih lagi dapat dirasai dalam kediaman kami sekeluarga. Cahaya mentari subuh sudah meninjau sedikit ke dalam ruang tamu. Patutlah ibu sudah bising, bisikku kepada diri sendiri. Topi keledar dan kunci motosikal ayah sudah tiada di atas almari. Baju kerjanya pun masih belum kulihat dari kelmarin. Aku masih ingat lagi peristiwa itu. Hari pertama aku di sekolah, ibu telah menghantarku bersama-sama kakak pada masa itu. Ayah tidak dapat datang kerana rakan sekerjanya bercuti untuk menghantar anaknya ke asrama.

(Dipetik dan diubah suai daripada "Surat untuk Kakak" oleh Muhammad Zahir Mad Shah, Dewan Siswa, Oktober 2017)

[6 *markah*]

(i) _____

_____

(ii) _____

_____

Soalan 16

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian tukarkan **ayat yang dihitamkan** *kepada* **ayat pasif** *tanpa mengubah maksud asalnya.*

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) menerajui transformasi pertanian supaya menjadi sektor moden dan kompetitif sehingga memberi pulangan lumayan kepada pengusaha tanaman, ternakan dan perikanan. **Kementerian sentiasa memberi galakan kepada kumpulan sasar untuk mengusahakan aktiviti pertanian secara moden dengan aplikasi teknologi dan inovasi**. Kerajaan telah memperuntukan RM43 juta kepada Industri Pertanian 4.0 bagi membangunkan baka berkualiti dan berproduktiviti tinggi, seterusnya memacu ekonomi negara melalui sektor agromakanan. **Kerajaan turut menyediakan dana bersesuaian bagi menyokong petani, nelayan dan penternak, terutama yang menceburi bidang keusahawanan**. Yang pasti, teknologi adalah strategi utama bagi mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing serta meningkatkan minat belia untuk menyertai sektor ini sebagai usahawan. **Semua pihak perlu melaksanakan transformasi bidang pertanian dan industri makanan supaya sektor agromakanan menjadi lebih moden, dinamik dan kompetitif**.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *BH Online*, 27 Mei 2020

[6 *markah*]

(i) _____

(ii) _____

(iii)_____

Praktis 17

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian tukarkan **ayat yang dihitamkan** *kepada* **ayat aktif** *tanpa mengubah maksud asalnya.*

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menjalankan tugas pencegahan dan pemadaman kebakaran. Badan beruniform ini juga bertanggungjawab dalam menguatkuasakan undang-undang yang berkiatan dengan aspek keselamatan. **Agensi kerajaan dan swasta yang menjalankan kawad kebakaran sebenarnya turut dibantu oleh pihak bomba**. **Kempen untuk menyedarkan masyarakat tentang keselamatan dan bahaya kebakaran juga diadakan oleh mereka.** JBPM bertanggungjawab untuk memastikan sesebuah bangunan mempunyai ciri-ciri keselamatan. Mereka memastikan setiap bangunan dilengkapi sistem amaran dan alat pemadam api agar berfungsi dengan baiknya. **Kerja-kerja forensik kebombaan dijalankan pihak bomba untuk menyiasat punca kebakaran dan seterusnya melaksanakan pendakwaan di mahkamah selepas berlaku suatu kebakaran**.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *www.bomba.gov.my*

[6 *markah*]

(i) _____

_____

(ii) _____

_____

Praktis 18

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti jenis-jenis ayat yang bergaris berikut sama ada ayat tersebut **ayat penyata**, **ayat tanya**, **ayat seruan** *atau* **ayat perintah**.

Apakah cara terbaik menjaga pemakanan seseorang supaya lebih selamat? Keselamatan makanan terjamin dengan menggunakan bahan mentah segar serta dimasak dengan sempurna. Pengambilan kuantiti makanan juga perlu dikawal dengan mengurangkan makan yang tingi kandungan gula, lemak dan garam. Hal ini dikatakan demikian kerana makanan bergaram menyebabkan penyakit darah tinggi. Makanan manis boleh menyebabkan penyakit diabetes. Jangan mengambil makanan ringan dan makanan segera terlalu banyak. Makanan berlemak pun boleh menyebabkan obesiti. Wahai ibu bapa,jagalah pemakanan anak-anak! Makanan seimbang penting untuk menjaga kesihatan diri dan keluarga.

Dipetik dan diubah suai daripada
"Pilih Pemakanan Seimbang, Kekal Gaya Hidup Sihat'
Oleh Hamizah Badiran
Dewan Siswa, Bil. 2/2018
[6 *markah*]

(i) _____
(ii) _____
(iii)_____
(iv)_____

Praktis 19

Berdasarkan petikan di bawah, tukarkan **ayat aktif** kepada **ayat pasif**.

Kementerian Kesihatan mengingatkan semua rakyat Malaysia agar sentiasa mengamalkan cara hidup sihat dan kekal aktif sepanjang musim Aidilfitri ini, sekali gus dapat menikmati kemeriahan perayaan bersama-sama keluarga dengan sempurna. Datuk Dr.Noor Hisham Abdullah turut menasihati orang ramai dengan memastikan persekitaran rumah bersih bagi mengelakkan pembiakan nyamuk yang boleh menyebabkan penyakit denggi,chikungunya,malaria dan lain-lain penyakit bawaan vector.Oleh itu,kita perlu menyediakan juadah dengan mengutamakan amalan kebersihan dan keselamatan makanan yang menggunkan bahan mentah segar.

(Dipetik dan diubah suai daripada "Amal Cara Hidup Sihat,
Jaga Kebersihan Rumah Elak Penyakit", Berita Harian Online,Jun 2019)

(6 *markah*)

(i) _____
(ii) _____
(iii)_____

Praktis 20

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat aktif** *yang bergaris kepada* **ayat pasif** *tanpa mengubah maksud asalnya.*

Tunku Abdul Rahman telah menyuarakan cadangan asal penubuhan Gagasan Persekutuan Malaysia. Lanjutan daripada cadangan Tunku itu, satu Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (JPPM) telah ditubuhkan bagi mengadakan rundingan dengan pemimpin wilayah yang terlibat. Satu persidangan telah diadakan untuk memberikan penjelasan tentang gagasan Malaysia kepada pemimpin dan rakyat Borneo Utara dan Selatan.Rakyat Borneo Utara dan Sarawak mengemukakan segala masalah dan syarat-syarat berkaitan hak perlindungan berpelembagaan. Ahli Suruhanjaya Cobbold telah mengadakan lawatan ke-35 buah tempat di Borneo Utara dan Sarawak.

Dipetik dan diubah suai daripada
Malaya kepada Malaysia oleh Siti Khadijah Baharudin,
Dewan Siswa, Bil 8/2019
[6 *markah*]

(i) _____

(ii) _____

(iii)_____

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

Praktis 1

Petikan di bawah mengandungi **sembilan kesalahan bahasa**. *Senarai dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut*.

Faedah bersukan yang utama adalah aktiviti ini dapat mendisiplinkan diri. Hal ini dikatakan demikan kerana individu yang ingin berjaya dalam bidang sukan mesti mempunyai disiplin yang tinggi. Sukan juga amat penting bagi melahirkan remaja yang sihat, sama ada dari segi fizikal mahupun mental. Hal ini disebabkan oleh kerana bersukan boleh menguatkan otot dan tulang serta menyehatkan badan dengan membakar lemah berlebihan di dalam badan. Tambahan pula, bersukan boleh dijadikan hobi yang mengisi masa lapang. Dengan mengisi masa lapang dengan bersukan, remaja tidak sahaja dapat mengelakkan diri daripada membazir masa dengan aktiviti yang tidak berfaedah dan dapat terhindar masalah sosial yang semakin runcing dalam kalangan remaja belakangan ini.

[9 *markah*]

Praktis 2

Petikan di bawah mengandungi **dua belas kesalahan bahasa**. *Senarai dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada dua belas kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut*.

Sastera mempunyai pelbagai peranan dalam masyarakat, bergantung kepada cara kita mentaksirkannnya. Karya sastera yang baik lazimnya terpaparkan reliti masyarakat dengan jujurnya. Di samping itu, sastera juga kemukakan ilmu dan fikiran bagi memajukan masyarakat. Penulis menjadi wakil menyampaikan suara gulungan yang tertindas tanpa mengira latarbelakang , keturunan, kaum , jantina dan agama. Kita juga boleh menggunakan karya sastera untuk memupuk semangat cinta kepada negara, memupuk perpaduan, dan menyerlahkan 39identiti bangsa. Melalui karya sastera, kita dapat lahirkan masyarakat yang menyintai keamanan, persekitaran, dan kemanusiaan.

[12 *markah*]

Praktis 3

Petikan di bawah mengandungi **sepuluh kesalahan bahasa.** *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sepuluh kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Atlet daripada sekolahlah tempat lahirnya jagoh-jagoh bertaraf dunia samada dalam sukan badminton, skuash, hoki, dan lain-lain. Lagu Negara-ku banyak kali berdendang megah di gelanggang antara bangsa apabila mereka muncul sebagai juara.

Pada hakikatnya, kejayaan atlet negara tidak kekal lama kerana faktor tenaga dan usia. Oleh kerana itulah, atlet palapis berusia 14 hingga 18 tahun yang dibekal oleh sekolah-sekolah dalam kejohanan sukan berprestij adalah sangat penting.

Dipetik dan diubah suai daripada
Sekolah Tempat Lahirkan Atlet Kelas Dunia
oleh Abdul Ghani Ahmad
Pendidik, September 2018

Praktis 4

Dalam petikan 1, terdapat **enam kesalahan bahasa** *manakala petikan 2 terdapat* **lima kesalahan bahasa.** *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

Petikan 1

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) perlu melaksanakan pembaruan dengan kadar segera untuk memastikan institut bahasa dan budaya yang paling diiktiraf di Malaysia itu kekal relevan. DBP juga perlu memperkasakan dan mempergiatkan penerbitan buku dalam bidang sains dan teknologi sesuai dengan hasrat kerajaan dan konspirasi negara untuk melahirkan bangsa Malaysia yang berilmu, berpengetahuan tinggi, berdaya maju dan berdaya saingan pada peringkat antara bangsa.

Dipetik dan diubahsuai daripada
DBP Perlu Dijenama Semula, Kekal Relevan
Oleh Siti Fatimah Mohammed Anwar dan Suzalina Halid
Berita Harian Online, Jun 2019

[6 *markah*]

Petikan 2

Rekahan tanah dalam kawasan runtuhan tebing Sungai Kelantan di Kampung Pohon Chelagi semakin serius apa bila turut membabitkan kawasan tapak pam air milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang terletak beberapa meter sahaja daripada lokasi asal kejadian. Lokasi tersebut berada dalam zon kuning dan pemeriksaan akan dilakukan secara berterusan. Kebanyakkan penduduk yang terlibat sudah berpindah dan menumpang di rumah saudara mereka buat sementara waktu.

Dipetik dan diubahsuai daripada
Tebing runtuh: Rekahan baharu dikesan
Oleh Hazelen Liana Kamarudin
Sinar Harian, Februari 2021

[5 *markah*]

Praktis 5

Petikan di bawah mengandungi **tiga belas kesalahan bahasa**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada dua belas kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut*.

Manusia merupakan mahluk hidup yang paling unik sekali berbanding semua hidupan di muka bumi justeru sistem tubuh manusia bekerja tanpa henti. Bagi mempastikan sistem ini bertahan, tidur merupakan keperluan untuk berehat. Ada orang berfikir bahawa tidur suatu perbuatan yang merugikan, maka tidak perlu memperuntukan masa yang banyak untuk tidur. Bagi seseorang yang tidur selama enam jam sehari, dua puluh lima peratus dari masa hidupnya pada hari itu hilang. Jika masa tidur ini dikurangkan sudah pasti, banyak perkara yang bermanfaat dapat dilakukan dalam waktu yang dijimatkan ini.

Ada pelbagai punca-punca yang dikaitkan dengan masalah tidak cukup tidur, antaranya seperti ketakutan, ketegangan emosi, tekanan kerja, tekanan kewangan dan sekitaran yang bising. Hal ini menyebabkan pelbagai komplekasi, seperti sukar menumpukan perhatian, cepat marah dan mudah tertekan. Malah, dalam jangka masa panjang, hal ini dapat mempercepatkan kematian. Pengabaian tidur merupakan fenomena biasa yang perlu dibaiki. Mungkin disebabkan oleh kurangnya pengetahuan atau kesan kekurangan tidur tidak dirasai dalam tempuh segera, masyarakat seakan-akan bena tak bena bila mata telah kuyu yang menandakan badan perlu segera tidur.

Dipetik dan diubah suai daripada
Tidurlah Dengan Rela
Oleh Mohd. Syukri Anwar
Dewan Kosmik, Bil 11/2014
[13 *markah*]

Praktis 6

Dalam Petikan 1, *terdapat* **enam kesalahan bahasa** *manakala* Petikan 2 *terdapat* **enam kesalahan bahasa**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Daripada setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

Petikan 1

Tahun 2020 merupakan tahun yang tercabar bagi sektor koperasi kerana tidak dapat melaksanakan pelbagai aktiviti koperasi dengan licin disebabkan pandemik COVID-19. Bagaimanapun prestasi koperasi yang berterusan telah memberi pulangan dan keuntungan kepada anggota. Hal ini sekaligus menambahkan keyakinan kepada anggota koperasi untuk menyokong koperasi seterusnya menjana keuntungan berdasarkan perbelanjaan berhemah. Sesungguhnya tindakan bersiap siaga perlu koperasi lakukan untuk menghadapi kekangan dan risiko era ekonomi yang tidak tentu.

[6 *markah*]

Petikan 2

Muruku rangup

SAMUZA

Koperasi Usahawan Wilayah Utara ialah pengeluaran produk Muruku Kacang Dal dan Muruku Pulut, yang menggunakan resepi warisan. Produk ini dihasilkan tanpa bahan pengawit selain pembungkusannya yang mudah tutup selepas dibuka. Selain itu dijual di pasaraya MYDIN, AEON dan di negara Brunei, produk ini juga dipromosikan di Jepun, Shanghai, Naning dan Singapura.

Dipetik dan diubah suai daripada
Wadah Pelancar Jilid: WP02/10, Oktober 2020

[6 *markah*]

Praktis 7

Petikan di bawah ini mengandungi **sepuluh kesalahan bahasa**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sepuluh kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Teknologi hijau mempunyai obligasi strategi yang lebih jauh berbanding autonomi tenaga dan kawalan perubahan cuaca. Oleh kerana itu, kerajaan harus memberikan pelbagai intensif dan imbuhan kepada badan swasta bagi merancakan pelaburan dalam industri teknologi hijau serta sokongan adaptasi teknologi ini oleh sektor berkenaan. Dari aspek tenaga, teknologi hijau diharapkan dapat membantu mengurangkan kadar kebergantungan tenaga dan mempromosikan efisyen tenaga negara.

Teknologi hijau berpotensi dalam mempacu pembangunan negara, mengurangkan kos operasi, meningkatkan nilai aset dan marjin keuntungan. Industri yang menggunapakai dan membangunkan produk berkonsepkan teknologi hijau juga dapat menyediakan peluang pekerjaan pada penduduk tempatan.

Dipetik dan diubah suai
daripada 'Jagalah Alam Untuk Kesejahteraan Hidup'
oleh Tharasathakumar Palanisamy,
Dewan Siswa, Bil.8/2019

[10 *markah*]

Praktis 8

Petikan di bawah ini mengandungi **sepuluh kesalahan bahasa**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sepuluh kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Tutor maya akan membuat penyediaan yang cukup rapi untuk menghadapi pelbagai persoalan yang murid mereka kemukakan sama ada daripada emel yang diterima mahupun pesanan ringkas daripada ibu bapa. Selain daripada itu, guru-guru maya juga haruslah mempunyai karakter yang mampu mengambil perhatian penontonnya yang terdiri dari pelbagai lapisan masyarakat.

Bukan kurang menariknya kerana ibu bapa juga boleh mempelajari apa yang diakses oleh anak mereka. Di masa yang sama, soalan-soalan dalam talian yang disediakan penguji murid dari segi kemahiran berfikir aras rendah hingga Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Dipetik dan diubah suai daripada
'Konsep Pembelajaran Maya: Fantasi Jadi Realiti'
Oleh Cikgu Tan CL,
Majalah Pendidik, November 2018
[10 *markah*]

Praktis 9

Dalam Petikan 1, *terdapat* **enam kesalahan bahasa** manakala Petikan 2 *terdapat* **lima kesalahan bahasa**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

Petikan 1

Trend penggunaan bahasa rojak kini menjadi sebahagian dari kata seharian remaja. Kesannya, individu yang menggunakan bahasa Melayu baku dianggap sebagai skema dan ditinggal zaman. Generasi alaf baru pula keliru untuk menggunakan bahasa yang sesuai dalam kehidupan seharian. Bahasa rojak yang menjadi ikutan ramai ini akan menghakis ketulinan bahasa Melayu secara perlahan-lahan. Keadaan ini menjadi semakin buruk bila ada segelintir murid terpengaruh untuk menggunakan bahasa rojak dalam penulisan tugasan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Bahasa Rojak Hilangkan Jiwa Bangsai'
Berita Harian Online, 24 April 2019

[6 *markah*]

Petikan 2

Azam : Dah beberapa kali kau menjual ayam?
Hakim : Sudah enam kali. Ayam kecil-kecil yang kita lihat di dalam reban ialah pusingan yang ketujuh.
Azam : Bagaimana hasilnya? Aku harap semuanya dijalankan dengan baiknya.
Hakim : Aku tahu pelihara ayam ini satu risiko. Tetapi kalau semua orang takut, bagaimana manusia hendak mendapatkan barang makanan? Cuma, kadang-kadang aku rasa terlalu banyak masaalah yang menimpa.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Cerpen Ayam, Kaduk dan Raja'
dalam Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia

[5 *markah*]

Praktis 10

Petikan di bawah mengandungi **11 kesalahan bahasa**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada* **11 kesalahan** *yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut*

Sebaik pulang dari membeli keperluan harian, usahlah mengesa-gesa mengeluarkan barang yang dibeli dari kereta untuk simpanan dalam rumah. Sebaliknya lakukanlah secara terperingkat agar memberi hasil positif kepada diri anda. Caranya mudah, angkut barangan yang ada satu demi satu. Tabiat ini akan memberi anda dua bentuk sanaman dalam masa yang sama. Tindakan berjalan ulang-ulang dari kereta ke dalam rumah membantu anda membakar kolori manakala angkatan barang-barang pula mampu membina dan melatih urat-urat dan tulang anda.

Dipetik dan diubahsuai dari
Majalah Kesihatan No.1 Di Malaysia (RAPI)
Bil.265 I Nov 2015
[11 *markah*]

Praktis 11

Petikan di bawah mengandungi **tiga belas kesalahan bahasa**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga belas kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut*

Majun ialah sejenis makanan kesihatan tradisonal orang Melayu. Majun di makan oleh kaum wanita dan lelaki. Majun dikeluarkan secara komersil dan dipasarkan dengan berbagai jenama seperti Majun Pak Tani, Majun Khorzani dan Majun Purba. Sebagai makanan kesihatan tradisional, majun dimakan supaya penjagaan kesihatan dan mengelakan diri daripada menghidapi penyakit seperti angin, urat sakit dan seumpamanya. Majun perlu dimakan pada setiap hari kursusnya pada waktu pagi. Majun juga mewujudkan seseorang itu bertenaga zahir dan batin, dapat memanas badan dan membersihkan serta memulih urat saraf. Majun diperbuat dari pelbagai jenis akar kayu. Campuran itu bergantung pada jenis pesakit yang hendak diubati. Misalnya, bagi memulihkan tenaga batin,ramuan yang diperlukan ialah tongkat ali, ubi jaga,madu lebah dan minyak bijan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Majun'oleh Yusaida Yusof
Dewan Siswa,Bil.5/2020
[13 *markah*]

Praktis 12

Petikan di bawah mengandungi **12 kesalahan bahasa**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada 11 kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran global pada masa akan datang bergantung kepada kejayaan kita dalam menjadikan usaha mengejar inovasi melalui pendidikan berkualiti. Kita yakin pendidikan bertaraf dunia sebagai pengerak utama pembangunan ekonomi negara.

Pendidikan merupakan mekanisma asas dalam ditingkatkan pembangunan negara agar dapat berdayasaing di peringkat antarabangsa. Komitmen dengan gembelengan tenaga semua pihak sangat diperlukan bagi pastikan usaha kerajaan memantapkan kualiti sistem pendidikan Malaysia hingga diterima di persada antarabangsa dan seterusnya mendapat status berada di dalam kelompok negara yang mempunyai sistem pendidikan terbaik dunia.

Dipetik dan diubah suai daripada
Pendidikan Kita Bertaraf Dunia
Oleh Abdul Ghoni Ahmad
Majalah Pendidik, Feb 2018
[11 *markah*]

Praktis 13

*Petikan di bawah mengandungi **13*** **kesalahan bahasa**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada 13 kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Siswazah harus menjadi ejen perubahan pada masyarakat dengan memberi sumbangan yang bermakna kepada pembangunan sosio ekonomi negaranya. Namun, ruang kerja bagi siswazah sastera, bahasa, sains sosial dan pendidikan tidak sahaja terhad dan penuh dengan saingan yang hebat. Keadaan itu menjadi semakin buruk dengan bilangan lepas universiti dan siswazah yang semakin bertambah daripada setahun ke tahun. Oleh itu, siswazah perlu bersedia dengan berbagai kemahiran untuk berhadapan dengan cabaran.

Dipetik dan diubah suai daripada
Dilema Siswazah Menganggur
Oleh Haslina Hassan
Dewan Masyarakat, Januari 2002
[13 *markah*]

Praktis 14

Dalam petikan 1, terdapat enam kesalahan bahawa manakala petikan 2 terdapat lima kesalahan bahasa. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahanan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Petikan 1

Teknoloji Mudah Alih Generasi Kelima (5G) bakal menjadi komponen penting kepada Malaysia di dalam mencapai starus negara maju. Teknoloji ini mampu memperkenal perkhidmatan baru dan meningkatkan keberkesanan pengeluaran. Sehubungan itu, sejak April tahun lalu, syarikat telekomunikasi membuat persiapan bagi menyediakan teknoloji 5G negara dijangka dapat memulakan operasi komersial pada suku ketiga tahun ini. Katanya, penggunaan 5G ialah permulaan kepada usaha negara memperkukuhkan ekonomi bagi pencapaian pertumbuhan yang mapan. Setakat ini, terdapat 56 tapak langsung 5G di Kedah, Kuala Lumpur,Perak,Selangor,Terengganu dengan Pulau Pinang.

Sumber : Internet

[6 *markah*]

Petikan 2

KUALA LUMPUR, 30 Jun – Sebanyak 21,862 kes jenayah siber direkodkan di seluruh negara membabitkan harga kerugian mencecah RM5.8 billion. Penjenayah siber seperti *Macau Scam* dan *African Scam* akan menggunakan internet sebagai medium supaya mencari mangsa. Oleh itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) melihat wujud keperluan untuk menyebarkan tentang ilmu pengetahuan pada masyarakat supaya mereka dapat mengelak daripada menjadi mangsa sindiket penipuan jenayah siber.

Sumber: Internet

[5 *markah*]

Praktis 15

*Petikan di bawah mengandungi **13*** **kesalahan bahasa**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada 13 kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melancarkan Rangka Kerja Smart City Malaysia sebagai panduan pada kerajaan tempatan untuk bangunkan bandar berdasarkan teknologi bersepadu dan lestari ke arah bandar pintar. KPKT turut mempromosikan program komuniti penjagaan kebersihan atau lebih dikenali sebagai 'plogging' bertujuan untuk meningkatkan tahap kebersihan, selain mempromosi penukaran bahan semula kitar dengan mata ganjaran dan sebagai punca pendapatan.

Program ini harus diperluaskan ke seluruh negara sebagai dapatan tambahan, terutama di kalangan kumpulan B40 yang menjadi separuh Program Komuniti Kebangsaan. Sudah tentu perlaksanaannya memerlukan peranan pihak pemegang konsesi pengurusan sisa pepejal yang lebih aktif bagi penuhi keperluan mengendali sisa pepejal yang dikumpul dengan menyediakan kemudahan stesyen penimbang dan pengumpulan setok serta sistem penawaran ganjaran mata.

Dipetik dan diubah suai daripada
Kerja Semua Pihak Galak Kitar Semula'oleh Mohd Yusoff Ishak
BH Online, 4 Oktober 2019
[13 *markah*]

NOTA DAN PANDUAN MENJAWAB BAHASA MELAYU STANDARD

1. Menukar bahan teks Melayu klasik kepada bahasa Melayu Standard atau moden

2. Bahan dipetik daripad teks KOMSAS Tingkatan 4 dan 5

3. Panjang petikan antara 50 hingga 60 patah perkataan.

4.Penilaian markah bersifat holistik

5. Jumlah markah tidak tetap. Begantung kepada kehendak soalan

1. Jawapan mesti ditulis dalam bahasa Melayu moden

2. Baca dan fahami maksud ayat dan keseluruhan petikan

3. Garisi perkataan bahasa klasik yang perlu ditukar

4. Jangan tokok tambah butiran dan fakta yang tiada dalam petikan asal

5.Jangan kurangkan atau buang butiran atau fakta dalam petikan

6. Kekalkan nama khas seperti watak, tempat, peralatan dan istilah

7.Kekalkan laras bahasa istana

8.Partikel ‘pun’ dan ‘lah’mesti digugurkan

9. Jangan gunakan perkataan lama seperti ‘arakian’, ‘hatta’, ‘syahidan’, ‘alkisah’, ‘sebermula’ atau ‘maka’.

10. Kekalkan bentul asal ayat

SOALAN 4: BAHASA MELAYU STANDARD

Praktis 1

Baca petikan bahasa **Melayu Klasik** *di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam* **bahasa Melayu Standard** *tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Seketika lagi maka Laksamana pun datang membawa syahawat dan Keris Kertala Sari. Maka sembah Bendahara, "Inilah, tuanku pertandaan yang sungguh. Pada bicara patik, jika lain daripada Laksamana, tiada akan dapat membunuh penjurit itu. Janganlah membunuh dia, menentang matanya pun tiada dapat." Maka segala mereka pun masing-masing tunduk kemalu-maluan, lalu kembali.

Dipetik daripada Kepimpinan Melalui Teladan
dalam *Antologi Jaket Kulit Kijang* dari Istanbul,
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 *markah*]

Praktis 2

Baca petikan bahasa **Melayu Klasik** *di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa* **Melayu Standard** *tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Jawab orang yang empunya padi itu, "Dari segala macam makanan yang ada di bumi, tidaklah ada yang lebih enak dan lebih besar faedahnya daripada tanaman yang engkau sangka emas ini."

Maka berkatalah anak yatim piatu itu kepada penduduk kayangan itu, "Jikalau tuan tidak keberatan, perkenankanlah saya mengambilnya barang sedikit. Saya hendak menanamnya pula di bawah sana di bumi tempat asal saya."

Dipetik daripada Asal Padi
dalam *Antologi Kuingin Berterima Kasih*,
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 *markah*]

Praktis 3

Baca petikan bahasa **Melayu Klasik** *di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa* **Melayu Standard** *tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya*

Sebermula maka Kertala Sari pun masuk ke dalam . Maka dilihatnya oleh Kertala Sari orang berkawal terlalu banyak dengan alat senjatanya.

Maka Kertala Sari pun membaca pustakanya lalu berjalan di tengah orang banyak itu. Maka ia pun pergi ke rumah seorang kaya.

Maka dicurinya harta yang kemas-kemas itu lalu dibawanya kembali dan bini orang kaya-kaya itu dicabulinya. Maka ia pun kembali ke tempatnya.

Dipetik daripada Kepimpinan Melalui Teladan
dalam *Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.
[6 *markah*]

Praktis 4

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam ***bahasa Melayu Standard*** *tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya*

Maka kata segala anak buah Seri Nara Diraja, "Bagaimana maka datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, dan bulu mata dengan bulu kening sudah bertemu?"

Maka kata Seri Nara Diraja, "Di mana kamu sekalian tahu, jikalau demikian, sia-sialah cula dibeli oleh bapaku sekati emas di benua Keling itu."

Dipetik daripada"Burung Terbang dipipiskan Lada"
dalam antologi *Sejadah Rindu,*
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 *markah*]

Praktis 5

*Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Sembah Sang Memerang dengan ketakutannya, "Harapkan diampun tuanku, beribu-ribu ampun, telah sebenarnyalah seperti sembah Sang Sebarau itu; mengaku kesalahanlah patik-patik yang kedua ini, titah tuanku patik junjung."

Titah baginda, "Hai Syah Alam di Rimba, menanglah engkau; patut engkau diatkan nyawa anak memerang itu ganti nyawa dan bini Sang Sebarau ini yang telah dimakan Sang Memerang itu; bukan salah engkau melainkan salah Sang Memerang sendiri anaknya mati dipijak sekaliannya."

Demikian adanya.

Dipetik daripada "Pelanduk Mengajar Memerang"
dalam antologi *Baik Budi Indah Bahasa,*
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 *markah*]

Praktis 6

*Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan telitinya, kemudian tulis petikan tersebut semula dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Dan telah sudah lepas idah, maka Seri Nara Diraja pun bernikah dengan Tun Kudu. Maka menjadi muafakatlah Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja, menjadi berkasih-kasihan seperti saudara sejalan jadi. Maka sembah Seri Nara Diraja pada Sultan Muzaffar Syah, "Tuanku, baiklah Paduka Raja dijadikan bendahara, kerana ia sedia anak bendahara."

Maka titah baginda, "Baiklah."

Maka Paduka Raja pun dijadikan bendahara.

Dipetik daripada Burung Terbang Dipipiskan Lada
dalam *Antologi Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 *markah*]

Praktis 7

SOALAN 4: BAHASA MELAYU STANDARD

*Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan telitinya, kemudian tulis petikan tersebut semula dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Maka orang Siam terlalu hairan melihat kelakuan Tun Umar itu. Telah Hari malam, maka Awi Dicu pun datanglah. Maka oleh Bendahara Paduka Raja segala pohon kayu bakau dan nyirih dan tumpu api-api itu sekaliannya disuruhnya tambati puntung api. Telah dipandang oleh orang siam api tiasa terbilang lagi banyaknya, maka kata hulubalang Siam, "Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka ini, tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang apa hal kita? Sedang sebuah perahunya tadi lagi tiada terlawan oleh kita."

Dipetik daripada Burung Terbang Dipipiskan Lada
dalam *Antologi Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 *markah*]

Praktis 8

*Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan telitinya, kemudian tulis petikan tersebut semula dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Syahadan, maka kedengaran di Melaka bahawa Cau Pandan sudah mati, sakitnya muntahkan darah, dadanya seperti kena panah. Telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka titah baginda, "Sungguhlah Tuan Sidi Arab ini hamba Allah keramat."

Maka beberapa puji baginda akan Tuan Sidi Arab itu dan dianugerahi baginda dengan sepertinya.

Dipetik daripada Burung Terbang Dipipiskan Lada
dalam *Antologi Sejadah Rindu,*
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 *markah*]

Praktis 9

*Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan telitinya, kemudian tulis petikan tersebut semula dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Maka kata orang itu, "Manira ini disuruhkan oleh Patih Gajah Mada melihat pakanira, sudahkah datang dari Daha atau belumkah, kerana Patih Gajah Mada hendak bertemu dengan manira." Maka Kertala Sari segera mengambil kerisnya lalu berjalan diiringkan oleh orang itu.

Dipetik daripada Kepimpinan Melalui Teladan
dalam *Antologi Jaket Kulit Kijang* dari Istanbul,
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 *markah*]

Praktis 10

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan telitinya, kemudian tulis petikan tersebut semula dalam **bahasa Melayu Standard** *tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Maka baginda pun terlalu amat kurnia akan Laksamana; barang sesuatu bicara, jikalau tiada Laksamana, tiadalah putus. Maka negeri Melaka pun kararlah.

Berapa lamanya maka terdengar ke Majapahit kepada Patih Gajah Mada bahawa Kertala Sari sudah mati dibunuh oleh Laksamana.

Dipetik daripada Kepimpinan Melalui Teladan
dalam *Antologi Jaket Kulit Kijang* dari Istanbul,
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 *markah*]

Praktis 11

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan telitinya, kemudian tulis petikan tersebut semula dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Kata sahibulhikayat, maka tersebutlah perkataan Raja Benua Siam. Dari zaman dahulu kala negeri Siam itu Syahrunnuwi namanya disebut orang, dan raja-raja di bawah angin ini semuanya takluk kepadanya, dan nama rajanya Bubunnya. Telah kedengaran ke benua Siam bahawa Melaka negeri besar yang tiada takluk kepadanya, maka Paduka Bubunnya pun menyuruh ke Melaka hendak minta surat sembah.

Dipetik daripada Burung Terbang Dipipiskan Lada
dalam Antologi Sejadah Rindu,
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 *markah*

Praktis 12

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan telitinya, kemudian tulis petikan tersebut semula dalam **bahasa Melayu Standard** *tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Maka Sultan Muzaffar Syah tiada mahu menyembah ke Benua Siam. Maka Raja Benua Siam terlalu marah, lalu menyuruh berlengkap akan menyerang Melaka; Awi Cakri nama panglimanya, membawa rakyat terlalu banyak tiada terpermai lagi. Maka dipersembahkan orang ke bawah Duli Sultan Muzaffar Syah bahawa Raja Benua Siam menitahkan hulubalang, Awi Cakri namanya, membawa rakyat terlalu banyak tiada terpermai banyaknya, berjalan darat terus ke hulu Pahang.

Dipetik daripada Burung Terbang Dipipiskan Lada
dalam *Antologi Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 *markah*]

Praktis 13

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan telitinya, kemudian tulis petikan tersebut semula dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka baginda menyuruh menghimpunkan segala rakyat teluk rantau berhimpun ke Melaka. Dan akan Tun Perak membawa orang Kelang ke Melaka dengan anak isterinya sekali. Maka orang Kelang berdatang sembah kepada Sultan, "Ya tuanku, segala teluk rantau yang lain semuanya menghadap dengan laki-laki juga; akan patik sekalian dibawa oleh Tun Perak dengan perempuan sekali."

Dipetik daripada Burung Terbang Dipipiskan Lada
dalam *Antologi Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 *markah*]

Praktis 14

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan telitinya, kemudian tulis petikan tersebut semula dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Adapun Seri Amerta itu asalnya orang Pasai, tanah Samudera Namanya; sebab cerdik, lagi tahu berkata-kata, maka dijadikan baginda bentara, digelar baginda Seri Amerta. Maka diperbuatkan baginda satu bangku tebal, di bawah lutut baginda, di sanalah ia memikul pedang, ialah yang menyampaikan titah raja barang sesuatu.

Dipetik daripada Burung Terbang Dipipiskan Lada
dalam *Antologi Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 *markah*]

Praktis 15

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan telitinya, kemudian tulis petikan tersebut semula dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Syahadan, pada suatu hari, maka Tun Perak datang menghadap, duduk di tanah sama-sama orang banyak. Maka kata bentara yang bergelar Seri Amerta kepada Tun Perak, "Tuan Tun Perak, segala orang Kelang ini menghadap baginda mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan. Adapun orang Kelang ini menghadap dibawa Tun Perak dengan membawa perempuan sekali. Mengapakah maka demikian fiil tuan?"

Dipetik daripada Burung Terbang Dipipiskan Lada
dalam *Antologi Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 *markah*]

Praktis 16

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan telitinya, kemudian tulis petikan tersebut semula dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka tiada disahut oleh Tun Perak kata itu. Sekali lagi Seri Amerta berkata, itu pun tiada disahuti oleh Tun Perak. Genap tiga kali Seri Amerta berkata itu,maka barulah disahuti oleh Tun Perak, katanya, "Hai Seri Amerta, tuan hamba dengan pedang tuan hamba sebilah itu juga, hendaklah baik-baik tuan hamba peliharakan, jangan diberi berkarat, jangan kemakanan matanya. Akan pekerjaan kami orang bekerja ini, di mana tuan hamba tahu? Adapun akan sekarang Duli Yang Dipertuan di dalam negeri ini dengan perempuan anak isteri dan segala perkakas.

Dipetik daripada Burung Terbang Dipipiskan Lada
dalam *Antologi Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 *markah*]

Praktis 17

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan telitinya, kemudian tulis petikan tersebut semula dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka benarkah pada fikir tuan hamba kami sekalian datang dengan laki-laki juga, dengan begini jauh Selat Kelang? Jikalau satu hal negeri ini, apa hisab pada kami sekalian? Sebab itulah maka segala orang Kelang ini hamba suruh bawa dengan anak isterinya sekali. Nescaya berperang dengan musuh bersungguh-sungguh hatinya; kurang-kurang ia berlawankan Duli Yang Dipertuan lebih ia berlawankan anak isterinya bersungguh-sungguh."

Dipetik daripada Burung Terbang Dipipiskan Lada
dalam *Antologi Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 *markah*]

Praktis 18

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan telitinya, kemudian tulis petikan tersebut semula dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka oleh Seri Amerta kata Tun Perak itu semuanya dipersembahkan ke bawah Duli Yang Dipertuan. Maka baginda pun tersenyum, seraya bertitah, "Benar seperti kata Tun Perak itu." Maka diambil baginda sirih dari puan baginda, disuruh berikan kepada Tun Perak. Maka titah baginda kepada Tun Perak, "Bahawa Tun Perak tiada patut diam di Kelang lagi; baiklah Tun Perak diam di negeri."

Dipetik daripada Burung Terbang Dipipiskan Lada
dalam *Antologi Sejadah Rindu,*
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 *markah*]

Praktis 19

Baca petikan Bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** *tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Telah tuan itu mendengar khabar Cau Pandan akan datang ke Melaka itu, maka tuan itu pun berdiri di hadapan baginda. Maka dihalakannya panahnya itu ke benua Siam. Maka kata Tuan Sidi Arab,sambal menarik panah itu, "mati engkau,Cau Pandan."

(Dipetik daripada "Burung Terbang Dipipiskan Lada"
dalam antologi *Sejadah Rindu,*
Kementerian Pendidikan Malaysia)
[6 *markah*]

Praktis 20

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** *tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Telah kedengaran ke benua Siam bahawa Melaka negeri besar yang tiada takluk kepadanya, maka Paduka Bubunnya pun menyuruh ke Melaka hendak minta surat sembah. Maka Sultan Muzaffar Syah tiada mahu menyembah ke benua Siam. Maka Raja Benua Siam terlalu marah,lalu menyuruh berlengkap akan menyerang Melaka; Awi Cakri nama panglimanya, membawa rakyat terlalu banyak tiada perpermanai lagi

Dipetik daripada
Burung Terbang Dipipiskan Lada
Dalam *Antologi Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 *markah*]

NOTA PERIBAHASA

TINGKATAN 4

BIL	PERUMPAMAAN	MAKNA
1	Bagai angin meniup lembut	Suasana nyaman
2	Bagai cendawan tumbuh selepas hujan	Terlalu banyak pada sesuatu masa
3	Bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing	Mementingkan diri
4	Bagai melukut di tepi gantang	Tidak dianggap penting
5	Bagai menatang minyak yang penuh	Memelihara seseorang dengan penuh kasih sayang
6	Bagai pauh dilayang	Pipi yang gebu/licin
7	Bagai telur di hujung tanduk	Keadaan yang amat genting
8	Bak unggas bersiul merdu	Bunyi pelbagai serangga
9	Merak bak darah dingin bagai salju	Merah seperti darah
10	Seperti abu atas tunggul	Kedudukan yang tidak selamat
11	Seperti api dalam sekam	Dendam yang telah lama terpendam
12	Seperti bangu di ekor kerbau	Tidak mempunyai pendirian sendiri
13	Seperti harimau menyembunyikan kukunya	Orang yang menyembunyikan kelebihannya
14	Seperti kaca terhempas ke batu	Kesedihan yang amat sangat
15	Seperti ketam menyuruh anaknya berjalan betul	Orang yang menyruh orang lain melakukan sesuatu perkara dengan baik padahal dia tidak dapat melakukannya
16	Seperti lembu dicucuk hidung	Orang bodoh dan selalu mengikut orang lain
17	Umpama api membara ganas	Api yang marak menyala
BIL	**SIMPULAN BAHASA**	**MAKNA**
1	Air muka	Rupa muka/maruah/harga diri
2	Anak emas	Anak kesayangan
3	Asam garam	Segala pengalaman
4	Awan larat	Ukiran yang berkait-kait;awan yang ditiup angin
5	Ayam tambatan	Orang yang menjadi harapan dalam satu pasukan kerana kehebatannya.
6	Berat tulang	Orang yang malas
7	Berhati waja	Pendirian yang teguh
8	Bersengkang mata	Berjaga malam
9	Bertali arus	Tidak putus-putus,tidak henti-henti
10	Bertikam lidah	Berdebat,bertengkar
11	Cakap besar	Percakapan untuk menunjuk-menunjukkan kepandaian atau kebolehan diri
12	Darah daging	Anak kandung
13	Gulung tikar	Menutup perniagaan kerana rugi
14	Hati kecil	Perasaan dalam batin
15	Ipar duai	Saudara suami atau isteri

16	Kaki ayam	Tidak memakai kasut
17	Kaum kerabat	Saudara mara
18	Khabar angin	Perkhabaran yang belum dapat dipastikan kebenarannya
19	Langkah bendul	Gadis yang berkahwin sebelum kakaknya
20	Lidah pendeta	Kata-kata hikmat daripada orang yang bijaksana dan mempunyai pengetian yang tinggi untuk dijadikan panduan hidup
21	Makan gaji	Bekerja untuk mendapatkan gaji
22	Murah hati	Suka memberi bantuan
23	Pelanduk dua serupa	Dua orang yang mempunyai wajah yang sama dan susuk badan serta perwatakan yang serupa
24	Rendah hati	Tidak sombong
25	Ringan tulang	Rajin bekerja
26	Sehelai sepinggang	Keadaan yang sangat miskin
27	Tangan kosong	Hampa
28	Tangan terbuka	Sedia menerima kedatangan seseorang dengan sukacita
29	Tepian gelanggang	Tempat mengadakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan
30	Terang hati	Lekas pandai
31	Tulang belakang	Sumber kekuatan
BIL	**PEPATAH**	**MAKNA**
1	Belakang parang kalau diasah lagikan tajam	Walau bodoh macam pun kalau diajar akan pandai juga
2	Berakit-rakit ke hulu,berenang-renang ke tepian,bersakit-sakit dahulu bersenang-senang kemudian	Menempuh kesulitan dahulu baru mencapai kesenangan
3	Berat sama dipikul,ringan sama dijinjing	Sikap bekerjsama dan membuat sesuatu perkara
4	Dayung sudah di tangan,perahu sudah di air	Segalanya sudah sedia
5	Duduk sama rendah,berdiri sama tinggi	Sama taraf atau kedudukan
6	Kalau kail panjang sejengkal lautan yang dalam diduga jangan	Jika pengetahuan cetek jangan cuba hendak melawan orang yang lebih luas pengetahuannya
7	Malu berkayuh perahu hanyut,malu bertanya sesat jalan	Kalau malas berusaha pasti akan susah
8	Seekor kerbau membawa lumpur,semuanya terpalit	Hanya kerana seorang yang melakukan kesalahan tetapi orang lain juga turut dituduh melakukannya
9	Sekali air bah, sekali pasir berubah	Suasana akan berubah apabila keadaan berubah

10	Sesal dahulu pendapatan,sesal kemudian tiada gunanya	Berfikirlah dengan teliti sebelum melakukan sesuatu supaya tidak timbul kesal akibat perbuatan itu
11	Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas	Adat atau sesuatu yang tetap dengan keutuhannya
12	Terlajak perahu boleh diundur,terlajak kata buruk padahnya	Berhati-hati apabila bercakap kerana ditakuti menyakiti orang lain/kesilapan yang sukar dibetulkan lagi
BIL	**BIDALAN**	**MAKNA**
1	Air yang tenang jangan disangka tiada buaya	Orang yang pendiam jangan disangka bodoh atau penakut
2	Burung terbang dipipiskan lada	Belum mendapat sesuatu yang dihajati tetapi telah berangan-angan menggunakannya
3	Cepat kaki ringan tangan	Rajin membuat kerja
4	Genggam bara api biar sampai jadi arang	Melakukan sesuatu kerja yang sukar hendaklah bersabar sehingga berjaya
5	Indah khabar daripada rupa	Cerita atau gambaran lebih hebat dari keadaan yang sebenar
6	Jauh panggang daripada api	Jawapan yang sangat berbeza
7	Jika melentur buluh biarlah dari rebungnya	Melatih hendaklah anak sejak kecil kerana jika sudah besar susah hendak mendidiknya
8	Patah tumbuh hilang berganti	Tiap-tiap yang hilang aka nada gantinya
9	Rosak badan kerana mulut	Tersalah cakap maka diri sendiri yang mendapat susah
10	Sudah erhantuk baru tengadah	Sudah terkena baru hendak beringat
BIL	**KATA-KATA HIKMAT**	**MAKNA**
1	Badan sihat otak cerdas	Tubuh badan yang sihat akan membentuk minda yang cerdas
2	Berkata benarlah walaupun kebenaran itu menyakitkan	Semasa bercakap kita hendaklah menyatakan pendapat secara jujur walaupun ada pihak yang mungkin tersinggung dengan pendapat kita
3	Hilang bahasa lenyaplah bangsa	Sekiranya bahasa pupus maka bangsaakan turut terkubur
4	Kata itu kota	Kata-kata mestilah ditunaikan
5	Kebersihan dan keceriaan kunci kecemerlangan	Sekiranya bersih dan indah akan menghasilkan kecemerlangan dalam semua aspek
6	Makan untuk hidup bukan hidup untuk makan	Kita meneruskan kehidupan dengan makanan bukannya hidup hanya untuk makan
7	Malaysia Boleh	Malaysia berupaya melakukan apa-apa sahaja

8	Mata pena lebih tajam daripada mata pedang	Pendapat yang dikemukakan secara bertulis kadangkala lebih berbisa
9	Membazir itu amalan syaitan	Perbuatan berlebih-lebihan dianggap salah di sisi agama
10	Mencegah lebih baik daripada mengubati	Menghalang penait lebih baik daripada mengubat penyakit
11	Pandu cermat jiwa selamat	Memandu dengan berhati-hati akan mengelakkan kemalangan
12	Pemuda harapan bangsa,pemudi tiang negara	Pemuda pemudi merupakan tonggak negara
13	Tangan yang meghayun buian itu boleh menggoncang dunia	Wanita yang dianggap lemah sebenarnya amat perkasa

NOTA PERIBAHASA TINGKATAN 5

BIL	PERUMPAMAAN	MAKNA
1	Bagai aur dengan tebing	Saling menyokong
2	Bak cendawan tumbuh selepas hujan	Terlalu banyak pada sesuatu masa
3	Seperti abu di atas tunggul	Kedudukan yang tidak tetap atau tidak selamat
4	Seperti baung kena tukul	Suara yang merungut kerana tidak puas hati
5	Seperti dihiris dengan sembilu	Terasa pedih sekali
6	Seperti hujan jatuh ke pasir	Berbuat baik tidak pada tempatnya
7	Seperti kacang lupakan kulit	Tidak mengenang budi atau jasa
8	Seperti menepuk air di dulang	Menceritakan keaiban diri atau keluarga sendiri
9	Seperti meniup api dalam air	Pekerjaan yang sangat sukar
10	Umpama bersuluh di tengah hari	Perbuatan yang bodoh atau bertanya tentang sesuatu yang sudah diketahui
11	Umpama si buta baru celik	Orang susah baru memperoleh kesenangan

BIL	SIMPULAN BAHASA	MAKNA
1	Adu domba	Melaga-lagakan seseorang dengan orang lain
2	Akal budi	Fikiran yang sihat
3	Bahasa dalam	Bahasa istana
4	Bahasa isyarat	Komunikasi menggunakan lambang
5	Buah pena	Hasil karya
6	Bulat kata	Keazaman yang bersungguh-sungguh
7	Gencatan senjata	Memberhentikan peperangan
8	Hak cipta	Hak milik karya intelektual
9	Hari lebaran	Hary raya
10	Ipar duai	Saudara suami isteri
11	Jalan damai	Menyelesaikan sesuatu secara rundingan

12	Lintah darat	Peniaga yang mengambil keuntungan terlalu tinggi
13	Masin lidah	Apa yang dkata menjadi kebenaran
14	Memerah otak	Befikir dengan serius
15	Mencari jalan	Mencari helah
16	Mencolok mata	Sesuatu yang tidak elok dipandang
17	Nyawa-nyawa ikan	Hampir-hampir mata
18	Senyum kambing	Senyum mengejek
19	Tabir besi	Negara-negara di bawah blok Rusia
20	Zaman bahari	Zaman purbakala
BIL	**PEPATAH**	**MAKNA**
1	Berakit-rakit ke hulu,berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu bersenang-senang kemudian	Menempuh kesulitan dahulu baru mencapai kesenangan
2	Berjalan pelihara kaki,bercakap pelihara lidah	Hendaklah selalu beringat-ingat apabila melakukan sesuatu perkara
3	Bar mati anak jangan mati adat	Jika anak sendiri yang melanggar adat dia mesti dihukum
4	Bukit sama didaki,;urah sama dituruni	Perhubungan yang sangat akrab,susah senang tetapi Bersama
5	Bulat air kerana pembetung,bulat kata kerana muafakat	Keputusan sebulat suara melalui mesyuarat
6	Hati gajah sama dilapah,hati kuman sama dicecah	Pembahagian yang sama adil
7	Hidup kayu berbuah,hidup manusia biar berjasa	Semasa hidup hendaklah berbuat baik pada diri sendiri dan masyarakat
8	Hidup tidak kerana tulah,mati tidak kerana sumpah	Berusaha dengan daya usaha sendiri tanpa mengharapkan bantuan orang
9	Hilang bahasa,lenyaplah bangsa	Bahasa akan hilang apabila bangsanya tidak menggunakan bahasanya itu
10	Jika tidak dipecahkan ruyung,manakan dapat sagunya	Cita-cita tidak akan tercapai jika tidak berusaha bersungguh-sungguh
11	Kalau nak tahu jahat seseorang tanya seterunya,kalau nak tahu baik seseorang tanya sahabatnya	Setiap kebaikan atau keburukan seseorang itu dapat diketahui melalui musuh atau kawannya
12	Manusia punya asa, Tuhan punya kuasa	Manusia hanya boleh berharap, tetapi Tuhan yang menentukannya
13	Menyambung biar Panjang,menyebar biar lebar	Melakukan sesuatu itu biarlah memberi faedah
14	Sediakan payung sebelum hujan	Berjaga-jaga sebelum ditimpa kesusahan
15	Sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit	Kerja yang dilakukan secara beransur-ansur akan mencapai kejayaan
16	Siapa menjala siapa terjun,siapa berhutang siapa membayar	Siapa yang berkehendak dialah yang berusaha
17	Yang bulat tidak datang menggolek,yang pilih tidak datang melayang	Seseorang yang akan mendapat keuntungan dengan mudah

18	Yang dikejar tak dapat,yang dikendong berciciran	Sesuatu yang diusahakan tidak akan mendapat hasilnya dan yang ada di tangan pula hilang
19	Yang kurik itu kendi yang merah itu saga,yang baik itu budi yang indah itu bahasa	Yang baik dan indah itu ialah budi dan bahasa bukannya rupa
BIL	**BIDALAN**	**MAKNA**
1	Genggam bara api biar sampai jadi arang	Mengerjakan sesuatu yang sukar hendaklah bersabar hingga mencapai kejayaan
2	Membuat mahu menuras tidak	Membuat sesuatu pekerjaan tetapi malas belajar untuk menambahkan pengetahuan tentang pekerjaan itu
3	Orang penyegan susah makan	Orang yang malas bekerja hidupnya susah
4	Setitik dijadikan laut sekepal dijadikan gunung	Membesar-besarkan perkara yang kecil
5	Besar pasak dari tiang	Perbelanjaan yang lebih besar daripada pendapatan
6	Rajin bekerja mudah belanja	Orang yang rajin hidupnya senang
BIL	**KATA-KATA HIKMAT**	**MAKNA**
1	Bahasa mencerminkan jiwa	Kata-kata yang diujarkan sebenarnya lahir daripada jiwa
2	Bertangguh itu pencuri masa	Tidak wajar berlengah-lengah apabila melakukan sesuatu
3	Berusahalah kamu seolah-olah kamu akan hidup seribu tahun	Bekerja dan beramal secara seimbang
4	Cegah sebelum parah	Sebelum berlakunya perkara yang buruk perlulah ditegah
5	Jauh berjalan,luas pengalaman	Semakin jauh kita berjalan pengetahuan akan turut bertambah
6	Kita mesti menanti waktu,waktu tidak menanti kita	Masa sangat berharga
7	Manusia itu mati tetapi kemanusiaan hidup selama-lama	Kebaikan dan kesejahteraan akan kekal selamanya
8	Muafakat itu berkat	Bekerjasama pasti mendatangkan kebaikan sampai bila-bila
9	Negara bersih rakyat sihat	Negara yang tidak kotor menyebabkan masyarakat hidup dalam kesejahteraan
10	Rajin dan usaha tangga kejayaan	Usaha yang bersungguh-sungguh akan mendatangkan kejayaan
11	Sembahyanglah kamu sebelum kamu disembahyangi	Beribadat kepada Tuhan
12	Syurga itu di bawah telapak kaki ibu	Anak tidak boleh menderhaka kepada ibu bapa

SOALAN 5 : PERIBAHASA

Praktis 1

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian senaraikan **tiga** peribahasa yang sesuai yang terdapat dalam petikan tersebut.*

Namaku Mat Jenin. Aku anak yatim piatu kerana kehilangan ayah dan ibu sejak kecil lagi. Ayahku terbunuh kerana dibaham harimau sewaktu berburu di hutan. Emakku pula meninggal dunia semasa melahirkan adikku.

Hidupku ibarat sudah jatuh ditimpa tangga kerana orang yang kusayangi sudah meninggalkanku.

" Belajarlah rajin- rajin, Mat kerana di mana ada kemahuan di situ ada jalan. Jangan jadi macam datuk dan arwah ayah kamu sangat miskin dan susah ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang", kata datuk. Segala nasihat datuk akan aku ingati sampai bila-bila dan dijadikan panduan untuk menghadapi cabaran masa hadapan.

[6 *markah*]

i. …….

ii. …….

iii. …….

Praktis 2

*Baca dialog di bawah dengan teliti, kemudian kemudian nyatakan **dua** peribahasa yang sesuai dan berikan **satu maksud** peribahasa yang dinyatakan dalam petikan tersebut.*

Kak Long : Wah! Kecil-kecil cili padi.

Adik : Itulah kak long. Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa.

Kak Long : Ala, masalah kecil sahaja! Bukankah peribahasa ada mengatakan , kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai? “

Adik : Tapi, kita bukannya hendak ke pantai. Taman Negara mana ada laut, mana ada ombak!”

Kak long : Itu peribahasalah , dik!. Ya, kamulah yang betul!

Adik : Terima kasih kak long kerana memuji.

[6 *markah*]

i. …….

ii. …….

iii. …….

Praktis 3

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian kemudian nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan*

Roy merupakan atlet yang berbakat dan menjadi orang harapan di sekolahnya. Dia mahu menjadi pelajar yang berjaya dalam kedua-dua bidang, iaitu sukan dan akademik. Untuk mencapai cita-cita tersebut, Roy melipatgandakan usaha dalam semua aktiviti sukan dan pelajarannya. Jadual latihan sukan dan aktiviti kokurikulum mesti seimbang dengan jadual ulang kaji pelajarannya. Keputusan peperiksaan pertengahan tahun yang diumumkan baru-naru ini, amat mengecewakannya. Roy berazam akan belajar bersungguh-sungguh sebagaimana yang dijadualkan. Dia tidak mahu membuang masa lagi.

[6 *markah*]

i. …….

ii. …….

iii. …….

Praktis 4

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan **tiga** *peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.*

Produk makanan tambahan semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Malaysia. Memang terdapat lambakan makanan tambahan yang semakin popuar di pasaran. Tambahan pula, pebagai medium telah digunakan untuk mempromosikan tersebut termasuk radio, televisyen, dan media sosial. Ada yang mendakwa bahawa makanan ini lebih baik berbanding dengan ubat. Akibatnya, ada pesakit yang tidak mahu mengambil ubat. Sebenarnya makanan tambahan tidak boleh menggantikan ubat. Semasa membeli bahan ini, pengguna perlu berhati-hati. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak makanan tambahan yang tidak diuji secara menyeluruh dari segi keselamatannya. Penguna jangan mudah terpedaya dengan iklan-iklan makanan tambahan di pasaran agar tidak menyesal pada kemudian hari.

Dipetik dan diubah suai daripada Buku Teks Tingkatan 4
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 *markah*]

i. …….

ii. …….

iii. …….

Praktis 5

Dialog di bawah mengandungi dua peribahasa. *Senaraikan* **dua** *peribahasa tersebut, kemudian berikan* **peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud** *dengan peribahasa tersebut.*

Dahlia	:	Tolonglah papa, mama. Lia kata tidak mahu, tidak mahulah ! Papa dan mama janganlah paksa-paksa Lia.
Puan Ros	:	Papa dan mama tidak memaksa pun. Kami cuma tidak mahu Lia membuat kerja separuh jalan kerana alang-alang berdakwat biar hitam.
Dahlia	:	Peperiksaan sudah dekat. Lia tidak mahu ketinggalan dalam pelajaran.
Puan Ros	:	Mama hairan dengan perubahan sikap Lia. Semasa memujuk mama dulu untuk menyertai sukan tenis, Lia juga yang kata ramai atlet wanita yang berjaya dalam sukan mahupun pelajaran. Lia juga kata di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.
Dahlia	:	Itu dahulu , sekarang Lia sudah berubah fikiran. Lia hendak memberi tumpuan pada pelajaran.
Puan Ros	:	Kalau itu keputusan Lia, mama tidak akan memaksa .

Dipetik dan diubah suai daripada Buku Teks Tingkatan 4
Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 *markah*]

Praktis 6

Baca petikan di bawah dengan teliti. Senaraikan **dua** *simpulan bahasa sahaja, kemudian bina ayat daripada simpulan bahasa tersebut.* (4 markah)

Aku hampir gagal. Cukup aku beritahu bahawa kegagalan itu kerana rumah burung walit. Situasi yang amat perit, mengecewakan, dan mengundang putus asa menyebabkan aku hampir gulung tikar. Bukan mudah untuk aku meraih keyakinan jawatankuasa pemilihan di agensi kewangan ketika ingin mendapatkan bantuan modal. Aku mendongkak mencari sinar harapan. Dalam apa-apa perniagaan, pencarian ilmu harus didahulukan. Pembacaan buku-buku serta sumber Internet dan kursus yang dianjurkan oleh kakitangan Perhilitan membekalkan banyak inspirasi dan menjadi tulang belakang kejayaan perniagaan ini. Kini aku mempunyai 15 buah rumah burung walit.

Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Tingkatan 5
Kementerian Pendidikan Malaysia

i. …….

ii. …….

Praktis 7

Daripada petikan di bawah, senaraikan **dua** *peribahasa, kemudian berikan maksud peribahasa tersebut.*

Integriti sangat penting. Namun begitu, integriti tidak lahir dengan sendirinya dalam diri setiap individu. Oleh itu, melentur buluh biarlah daripada rebungnya melalui institusi kekeluargaan secara turun-temurun dapat menyemai integriti dalam jiwa anak-anak. Apabila seseorang individu mulai memasuki alam pekerjaan, integriti telah pun mendarah daging. Hal ini akan memudahkan mereka menyesuaikan diri dengan budaya kerja positif dan cemerlang di tempat kerja masing-masing. Selain itu, mengurangkan risiko untuk terjebak dalam aktiviti salah laku di tempat kerja seperti harapkan pagar, pagar makan padi.

Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Tingkatan 5
Kementerian Pendidikan Malaysia
[4 *markah*]

i. …….

ii. …….

Praktis 8

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian nyatakan **tiga** *peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.*

Mazlan merupakan seorang pemilik syarikat elektronik terkemuka yang sangat mementingkan pengurusan masa untuk kemajuan syarikatnya. Hal ini demikian kerana dia mengganggap orang yang tidak bijak menguruskan masa ialah orang yang rugi. Selain itu, Mazlan juga akan memastikan segala perancangannya dalam pengurusan syarikat mengikut peraturan-peraturan yang dia tetapkan. Dia juga sangat menjaga kebajikan pekerja-pekerja di bawahnya kerana para pekerja itulah merupakan nadi utama penggerak syarikatnya.

(Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Tingkatan 5,
Kementerian Pendidikan Malaysia)

[6 *markah*]

i. …….

ii. …….

iii. …….

Praktis 9

Baca dialog di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam dialog tersebut.

Penemu duga: Boleh saya tahu, mengapakah saudara memohon mengikuti program pertukaran budaya peringkat negeri ini?

Fahmi: Saya memohon menyertai program ini kerana ingin melihat keunikan dan perbezaan budaya masyarakat di negeri lain. Dengan itu, saya dapat menimba pengalaman dan pengetahuan yang baharu, bak kata peribahasa _____.

Penemu duga: Bagus. Bagaimanakah saudara akan menyesuaikan diri apabila saudara terpilih menyertai program ini?

Fahmi: Apabila saya berasa di sana, saya akan memegang prinsip dan nasihat orang tua-tua iaitu _____.

Penemu duga: Sekiranya saudara terpilih ke program ini, apakah usaha saudara untuk menonjolkan budaya negeri saudara ke peringkat negeri ini?

Fahmi: Saya akan memperkenalkan budaya unik Johor seperti tarian dan pakaiannya agar masyarakat negeri lain turut menyukainya dan tidak ditelan arus kemodenan, sesuai dengan peribahasa Melayu yang berbunyi _____.

(Dipetik dan diubah suai daripada Buku Teks Tingkatan 4,
Kementerian Pendidikan Malaysia)

[6 *markah*]

Praktis 10

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian nyatakan **tiga** *peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.*

BANDA ACEH, 23 Januari- "Belajarlah rajin-rajin kalau hendak menjadi jururawat. Kalau ibu dan bapa sudah tiada satu hari nanti, kamu kena berdikari."

Itulah kata-kata hikmat masih terngiang-ngiang di telinga Nurhayani Norman, 17, yang kehilangan kedua-dua ibu bapanya selain seorang adik lelaki berusia 14 tahun dalam bencana ombak besar tsunami.

Kejadian tersebut menyebabkan remaja itu kehilangan tempat bergantung selain menangguhkan sementara cita-citanya untuk menjad jururawat. Hal tersebut kerana Sekolah Perawat Kesihatan (SPK) di sini turut musnah dilanda bencana yang menggemparkan masyarakat dunia itu.

[6 *markah*]

i. …….

ii. …….

iii. …….

Praktis 11

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian nyatakan **tiga** *peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.*

"Dari mana awak dapat gambar Cikgu Muliani? Tahukah beliau akan hal ini?" Alangkah terkejut dan tebalnya mukaku ketika ini,dituduh sembarangan oleh pengetua.

"Sebenarnya cikgu, gambar ini…" Deringan telefon di meja pengetua menghentikan percakapanku.

"Awak boleh keluar," Pengetua mengarahkan aku keluar tanpa sempat aku menjelaskan hal yang sebenar. Aku ingin memberitahu pengetua bahawa gambar itu gambar orang yang pernah aku sayang ketika zaman persekolahan dulu, bukan gambar Cikgu Muliani. Memang wajah mereka seiras sehinggakan aku terkedu melihat Cikgu Muliani tika pertama kali berjumpanya di sekolah ini.

[6 *markah*]

i. …….

ii. …….

iii. …….

Praktis 12

Baca petikan di bawah dengan teliti. Senaraikan **dua** *peribahasa sahaja, kemudian bina ayat daripada peribahasa tersebut.*

Peribahasa bagai itik mendapat air bermaksud kegembiraan yang amat sangat kerana beroleh sesuatu yang disukai. Berdasarkan peribahasa tersebut, dapat dibayangkan betapa gembiranya itik tatkala berenang di dalam air. Begitulah juga dengan manusia. Bezanya, tidak pernah lagi kita temukan insiden itik lemas. Oleh itu, sentiasalah berawas kerana kalau tidak berada-ada masakan tempua bersarang rendah, dan kalau tiada angin bertiup, masakan pokok bergoyang. Ambil langkah berjaga-jaga kerana peribahasa ada menggambarkan bahawa air tenang jangan disangka tiada buaya.

Sumber : Buku Teks Tingkatan 4

[4 *markah*]

i. …….

ii. …….

Praktis 13

Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.

Nek Jah : Orang muda kini sudah tidak mengendahkan budaya masyarakat Malaysia dan lebih suka akan budaya Barat. Mereka sepatutnya menjunjung adat dan budaya tempatan kerana _____

.

Amin : Betul tu, Nek. Remaja sekarang lebih mementingkan trend semasa dan hidup dalam kelompok mereka sendiri tanpa memikirkan perasaan orang tua-tua. Mereka hanya memikirkan diri masing-masing seperti _____.

Nek Jah : Walaupun kita mengejar kemajuan, namun jangan menggadaikan budaya sendiri. Kita memang sedang menuju ke arah kemajuan agar setanding dengan negara maju bak kata peribahasa _____.

(Sumber : MPSM & MGC Perlis, 2019)

[6 *markah*]

Praktis 14

Baca ayat berikut dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan situasi dan maksud dalam ayat tersebut.

i. Danial Poong tidak jemu-jemu berusaha untuk memajukan diri dalam sukan bola sepak kerana dia yakin melalui usaha kerasnya pasti dia akan berjaya dalam sukan bola sepak suatu hari nanti.

ii. Lokman sentiasa bersikap sederhana dalam berbelanja mengikut kemampuannya setiap bulan kerana dia sedar akan pendapatanya yang terhad.

iii. Seseorang yang rajin membaca pelbagai bahan bacaan pasti akan luas pengetahuannya dalam pelbagai bidang.

Sumber : PFS, 2019

[6 *markah*]

i. …….

ii. …….

iii. …….

Praktis 15

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian nyatakan **tiga** *peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut*.

Menelusuri jejak insan bertulang besi, berurat dawai ini pasti akan memberikan inspirasi kepada para pembaca. Antara projek yang pernah diusahakannya ialah tanaman tembikai dan projek madu lebah kelulut, dengan kerjasama Koperasi Ummu Wahidah Terengganu Berhad yang diterajuinya. Madu lebah kelulut yang diusahakannya agak istimewa kerana diternak di dalam kawasan ladang stevia.

Di samping itu, beliau bersama keluarga mengusahakan dua buah kedai kek yang turut menyediakan kelas bimbingan untuk para penggemar kek mempelajari pelbagai teknik hiasan kek. Perkara yang lebih membanggakan beliau ialah minyak daripada daun gelam untuk merawat penyakit saraf yang diprosesnya sendiri telah mula berada di pasaran tempatan.

Dipetik daripada *Wanita Berjiwa Perkasa*,
Buku teks BM tingkatan 4 halaman 50

[6 *markah*]

i. …….

ii. …….

iii. …….

Praktis 16

Baca dialog di bawah dengan teliti kemudian nyatakan **tiga** *peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam dialog tersebut.*

Amin	:Bolehkah Tok ceritakan serba sedikit tentang adat perkahwinan kaum Temuan?
Tok Batin	:Adat perkahwinan orang Temuan ini lebih kurang sama dengan adat perkahwinan orang Melayu. Si Teruna akan memberitahu keluarganya jika dia berkenan kepada seseorang gadis. Bapa saudara lelaki akan merisik si gadis melalui bapa saudara gadis gadis untuk mendapatkan persetujuan. Sekiranya kedua-dua belah pihak bersetuju, maka hari pertunangan ditetapkan.

Dipetik daripada *Adat Perkahwinan Suku Kaum Temuan*,
Buku teks tingkatan 5, halaman 161

[6 *markah*]

i. …….

ii. …….

iii. …….

SOALAN 6: PETIKAN UMUM

Praktis 1

Baca **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

STRES ialah tindak balas emosi, fizikal dan mental akibat perubahan dalam sesuatu keadaan yang berlaku dalam kehidupan harian manusia. Stres merangkumi beban, tekanan, kebimbangan, keletihan, konflik, panik, kemurungan dan tidak bermaya. Secara umumnya, stres terbahagi kepada stres jangka pendek dan stres jangka panjang. Stres jangka pendek merupakan tindak balas spontan tubuh badan terhadap apa-apa situasi yang mencabar, bahaya atau menakutkan. Stres jangka panjang pula selalunya dialami oleh mereka yang menghidapi stres yang berpanjangan. Stres seperti ini selalunya disebabkan oleh penyakit berbahaya atau masalah yang berpanjangan. Punca utama stres seringkali dikaitkan dengan masalah kehidupan yang terjadi seperti masalah peribadi, masalah di tempat kerja dan lain-lain. Bahayanya stres ini bukan sahaja boleh *menjejaskan kualiti* kehidupan kita, malahan orang sekeliling seperti keluarga dan kawan rapat kita juga boleh terkena tempiasnya.

(Dipetik dan disesuaikan daripada *Sinar Harian, 04 Mac 2021*)

Bahan 2

Keadaan atau masa yang menimbulkan stres selalu berlaku. Perkara ini tidak dapat dielakkan memandangkan gaya hidup di dunia moden yang serba pantas ini. Kegagalan menangani stres juga boleh membawa kesan buruk ke atas kesihatan seseorang. Lazimnya sistem imun dapat mempertahankan tubuh daripada penyakit. Namun begitu, stres boleh melemahkan sistem imun. Jika hal ini berlaku, individu berkenaan akan lebih mudah mendapat penyakit berbahaya seperti kanser dan masalah jantung. Pada masa yang sama, jika dia sedang berhadapan dengan masalah kesihatan, stres boleh memburukkan keadaan lagi. Berasaskan fakta-fakta tersebut, adalah penting untuk seseorang untuk berbuat sesuatu sekiranya mereka mendapati diri mereka tidak berupaya menangani stres. Mereka perlu mengatasi masalah tersebut secepat mungkin untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa stres yang boleh membunuh.

(Dipetik dan disesuaikan daripada *Artikel Kesihatan, 2007*)

i. Berdasarkan **bahan 1**, berikan maksud frasa *menjejaskan kualiti*?

[2 markah]

ii. Merujuk **bahan 1** dan **bahan 2**, nyatakan persamaan dan perbezaan kesan stres kepada seseorang?

[3 markah]

iii. Stres menyebabkan seseorang mudah mendapat penyakit berbahaya seperti kanser dan sakit jantung.

Pada pendapat anda, apakah kesan lain yang dihidapi sekiranya masalah stres ini tidak diatasi segera?

[3 markah]

iv. Seorang rakan anda mengalami masalah stres yang serius sehingga membuatkan dia patah semangat dan tidak mahu untuk melakukan aktiviti hariannya seperti biasa.

Sebagai seorang sahabat, apakah cadangan yang boleh anda berikan kepada rakan anda agar stres yang dihadapinya tidak bertambah serius?

[4 markah]

Praktis 2

Baca **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Serangan Influenza Meningkat tetapi Terkawal

Wabak influenza ketika ini dalam keadaan terkawal. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan kes di 10 buah negeri termasuk bandar raya Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Menurut Ketua Pengarah Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham bin Abdullah, peningkatan influenza dikesan menerusi analisis semasa bagi pola aktiviti influenza negara. Analisis ini melibatkan pesakit influenza yang dikesan di klinik dan hospital di seluruh negara. Kemasukan pesakit ke wad dengan jangkitan pernafasan akut teruk juga diambil kira dalam analisis ini.

Laporan pengawasan influenza yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perubatan dan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan menunjukkan peningkatan pola aktiviti virus influenza dalam persekitaran. Tiada sebarang kelainan, perubahan atau mutasi pada penularan influenza ketika ini. Penularan influenza di Malaysia adalah sama seperti kes yang dilaporkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau World Health Organization (WHO) di pelbagai negara tropika lain.

Bagi kes influenza di sekolah, negeri Selangor mencatatkan bilangan kes tertinggi, iaitu 387 kes. Pulau Pinang mencatatkan 161 kes dan Johor mencatatkan 109 kes. Negeri-negeri lain mempunyai bilangan kes influenza kurang daripada 100 kes.

Tan Sri Dr Noor Hisham turut mencadangkan mereka yang mempunyai gejala jangkitan influenza supaya berehat di rumah dan tidak berada di tempat tumpuan awam, makan angin, atau bertemu dengan orang lain. Jika perlu mengadakan pertemuan, mereka dinasihati agar memakai pelitup muka.

(Sumber : Berita Harian, 14 Januari 2020)

Bahan 2

Kesan pandemik COVID-19 terhadap pendidikan

Pandemik COVID-19 yang terjadi hampir di seluruh dunia menjadi masalah utama di dunia dan juga merupakan krisis kesihatan bagi umat manusia. Dalam sektor pendidikan, pandemik itu memberikan kesan yang sangat banyak seperti kebanyakan sekolah di dunia ditutup untuk menghentikan penyebaran COVID-19. Beberapa negara telah menutup sekolah dan menyebabkan sekurang-kurangnya 290,5 juta pelajar di seluruh dunia mengalami gangguan aktiviti pembelajaran kerana sekolah ditutup oleh kerajaan.

Kesan dari pandemik COVID-19 menyebabkan kerajaan melaksanakan program pembelajaran dalam talian. Pembelajaran dalam talian merupakan pembelajaran yang berdasarkan pada teknologi media digital yang bahan pelajarannya dihantar secara elektronik atau dalam bentuk fail kepada pelajar dari jarak jauh menggunakan rangkaian Internet dengan media komputer. Menurut kerajaan pembelajaran dalam talian dinilai merupakan cara yang paling berkesan dan cekap untuk melakukan pembelajaran di tengah pandemik saat ini.

(Sumber : Wikipedia, ensiklopedia bebas.)

i. Berdasarkan **bahan 1**, berikan maksud *peningkatan pola.*

[2 *markah*]

ii. Merujuk **bahan 1** dan **bahan 2**, nyatakan **perbezaan** antara wabak influenza dan pandemic COVID-19 .

[3 *markah*]

iii. Penularan wabak penyakit berjangkit merupakan masalah utama di dunia dan menyebabkan berlakunya krisis kesihatan manusia. Penularan penyakit berjangkit daripada menjadi semakin teruk.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah berkesan yang perlu diambil bagi menangani masalah penularan penyakit berjangkit daripada menjadi semakin teruk.

[3 *markah*]

iv. Jiran anda mempunyai gejala jangkitan penyakit semasa menghadiri majlis kenduri di kawasan perumahan yang padat dengan penduduk

Sebagai seorang jiran yang prihatin, apakah tindakan yang akan anda lakukan agar jiran anda mematuhi panduan menghadapi wabak penyakit berjangkit.

[4 *markah*]

Praktis 3

Baca **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri*

Bahan 1

Pada era globalisasi ini, penggunaan teknologi komunikasi telah ***mengubah perkembangan*** kesihatan mental remaja. Sesetengah pakar tidur memberi amaran bahawa waktu tidur remaja boleh terganggu dengan lampu daripada skrin telefon yang menghalang mereka mencapai tidur nyenyak. Kekurangan tidur memberi kesan psikologi kepada remaja termasuklah mudah marah, kemahiran sosial terjejas dan memori lemah yang boleh memberi kesan kepada pencapaian akademik mereka. Risiko diabetes, tekanan darah tinggi, penambahan berat badan dan kemurungan juga dilaporkan meningkat kerana kekurangan tidur.

Penyelidik dalam neurobiologi menyatakan bahawa remaja yang memanfaatkan teknologi mungkin dapat melakukan pelbagai tugas pada masa yang sama, tetapi kemasukan maklumat baru yang berterusan boleh mengurangkan daya tumpuan dan kemampuan menapis maklumat, Satu kajian melaporkan bahawa pelajar tidak dapat menumpukan perhatian kepada kerja rumah mereka untuk lebih daripada dua minit tanpa perhatian mereka dialihkan oleh gajet mereka.

Penggunaan media sosial yang kerap juga menyebabkan remaja berisiko mengalami kemurungan khususnya dalam kalangan remaja yang mempunyai masalah keyakinan diri. Hal ini disebabkan oleh ilusi kesempurnaan hidup yang dipamerkan menyebabkan masing-masing berasa tidak memenuhi jangkaan hidup mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada
"Kesan Penggunaan Gajet Kepada Remaja"
Sumber Internet : LIFESTYLE Sinar Aktif, 21 Mei 2019.

Bahan 2

i) Berdasarkan Bahan 1, berikan maksud ***mengubah perkembangan .***

[2 *markah*]

ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan **persamaan dan perbezaan** kesan penggunaan gajet kepada anak-anak**.**

[3 *markah*]

iii) Penggunaan teknologi maklumat memberikan pelbagai faedah kepada murid. Pada pendapat anda, apakah faedah-faedah tersebut?

[4 *markah*]

iv) Anda melihat anak-anak pada semua peringkat umur leka menggunakan gajet tidak kira masa dan tempat.

Sebagai ibu bapa, cadangkan langkah-langkah untuk memastikan anak-anak menggunakan gajet dengan bijak.

[4 *markah*]

Praktis 4

Baca **Bahan 1** *dan* **Bahan 1** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) menyarankan ibu bapa supaya lebih sensitif, berwaspada dan meningkatkan keselamatan anak. Kanak-kanak pada awal usia seharusnya diberikan pendedahan tentang risiko dan bahaya yang tidak dijangka apabila berada di luar rumah. Ibu bapa juga perlu menerapkan nilai murni kepada anak-anak agar tidak terlibat dalam kegiatan jenayah. Usaha untuk mendidik dan mendisiplinkan anak-anak perlu dilakukan agar dapat melahirkan insan yang lebih prihatin dan bertanggungjawab. Ibu bapa perlu membantu usaha pencegahan jenayah yang dilakukan oleh kerajaan dan pihak polis. Selain itu, Kempen Kesedaran Jenayah wajar dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat sekali gus mengingatkan masyarakat agar *sentiasa berwaspada* kerana jenayah boleh berlaku pada bila-bila masa. Pihak berkuasa khususnya pihak polis telah menambah anggota untuk tujuan mengurangkan kadar jenayah di Malaysia. Namun begitu, masyarakat sewajarnya membuang tanggapan negatif terhadap anggota keselamatan kerana mereka mempunyai peranan penting dalam menjaga keselamatan negara.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Ibu Bapa Kena Lebih Peka,Utama Keselamatan Anak'
oleh Nik Hariff Hassan
Berita Harian Online, Julai 2019

Bahan 2

Keluarga turut mempunyai peranan terhadap pembabitan remaja dalam jenayah. Ibu bapa pada masa kini terlalu mementingkan kerjaya dan diri sendiri sehingga tidak mempunyai masa berkualiti untuk dikongsi bersama anak-anak. Akibatnya anak-anak akan berasa terabai dan mula melakukan sesuatu yang dapat memuaskan perasaan mereka. Ibu bapa perlu memberi perhatian serta bimbingan kepada anak-anak kerana mereka mudah terpengaruh dengan pemikiran dan perbuatan pada usia yang masih mencari-cari identiti sebenar mereka. Selain itu, ibu bapa harus mempunyai rasa bertanggungjawab terhadap pendidikan anak-anak bagi memastikan mereka mengetahui norma-norma sosial yang perlu dipatuhi. Remaja mesti mempunyai rasa bertanggungjawab terhadap diri sendiri, keluarga, bangsa dan negara bagi mengawal diri daripada terbabit dengan masalah sosial.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Keluarga Berperanan Bendung Jenayah dalam Kalangan Remaja'
oleh Muhammad Zafir
Harian Metro, Julai 2017

i. Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *sentiasa berwaspada*.

[2 *markah*]

ii. Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan perbezaan cara-cara ibu bapa mengelakkan anak-anak menjadi mangsa jenayah.

[3 *markah*]

iii. Penglibatan remaja dalam kes jenayah memberi kesan buruk kepada negara.
Pada pendapat anda, apakah kesan buruk tersebut?

[4 *markah*]

iv. Remaja kini mudah terpengaruh dengan kelakuan negatif yang disebarkan melalui media massa.
Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh ibu bapa untuk menangani masalah ini?

[4 *markah*]

Praktis 5

Baca **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Jati diri selalunya dikaitkan dengan akhlak dan maruah individu, masyarakat atau negara. Pembentukan Jati Diri Kebangsaan pula merujuk kepada suatu yang asasi dan menjadi agenda utama dalam sesebuah negara dengan tujuan untuk *membina identiti yang tulen* dan murni yang boleh menjadi teras dan lambang keagungan dan keunggulan sesebuah negara. Jati diri yang kian rapuh memberikan impak negatif terhadap kecintaan pada negara dan bangsa, khususnya dalam kalangan generasi muda. Hal ini berlaku bukan sahaja disebabkan oleh pemikiran generasi muda yang tidak ambil tahu, tetapi disebabkan oleh sikap segelintir masyarakat yang mudah menularkan perkara yang tidak benar sehingga menjejaskan keakuran generasi muda tentang jati diri. Malah saban hari ada sahaja perkara-perkara yang tidak benar dan agak keterlaluan untuk menjatuhkan sesuatu pihak demi kepentingan pihak lain. Akibat daripada perkara tersebut, seramai 82 peratus daripada 346 orang golongan belia di Sarawak kian muak dengan berita-berita sebegini dan menganggap tidak perlu untuk memikirkan tentang kejadian dalam sesebuah kerajaan. Malah teras perbincangan pada masa kini lebih berfokus pada kepentingan peribadi semata-mata. Menurut Ketua Bahagian Strategik, Komunikasi Korporat dan Jaringan, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak (UPMKB), Dr Mohamad Maulana Magiman, walaupun data tersebut sedikit tetapi jika diteliti sejumlah 82 peratus golongan belia ini amat memberi impak yang jelas kepada penanaman semangat jati diri. Elemen paling penting dalam membentuk jati diri ialah pendidikan. Proses pendidikan pula boleh berlangsung secara formal dan tidak formal.

(Dipetik dan diubah suai daripada ‘Jati diri pembentuk identiti bangsa’
Utusan Borneo Online, 2019)

Bahan 2

"Dengan semangat patriotik yang sejati barulah lahir jati diri dan semangat cinta negara yang tulen yang akan mendahului kepentingan individu, kaum, politik dan ekonomi"

Tan Sri Lee Lam Thyee

"Semangat cinta negara ialah semangat patriotik kepada negara. Dengan mempunyai semangat patriotik yang sejati barulah lahir jati diri dan semangat cinta negara yang tulen yang akan mendahului kepentingan individu, kaum, politik dan ekonomi."

Demikian pandangan Pemegang Amanah Yayasan 1Malaysia Tan Sri Lee Lam Thye ketika mengulas tentang peri pentingnya semangat cinta akan negara yang perlu wujud dalam diri setiap individu.

"Selain itu penerapan nilai patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia perlu bermula sejak bangku sekolah lagi. Dalam penerapan nilai-nilai inilah strategi kerajaan digunakan supaya setiap warganegaranya tahu akan kewujudan asal-usul bangsa serta negaranya," kata Lee. Beliau menekankan peranan pendidik dalam maksud menanamkan semangat patriotisme adalah penting agar belia menterjemahkan patriotisme dalam bentuk sumbangan konkrit terhadap kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negara. Tanpa jati diri yang teguh, masyarakat terutamanya generasi muda akan mudah terpesong dan terbelenggu dalam situasi yang merencatkan kemajuan diri dan semua di sekeliling mereka.

(Dipetik dan diubahsuai daripada " Patriotisme Bina Jati Diri Masyarakat"
oleh Wan Syamsul Amly, ,
April , 2015, dalam BH Online)

i. Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *identiti yang tulen.*

[2 *markah*]

ii. Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan implikasi-implikasi kerapuhan jati diri dalam kalangan generasi muda di negara ini.

[3 *markah*]

iii. Generasi muda kini semakin meminggirkan budaya dan adat resam etnik masing-masing.

Pada pendapat anda, mengapakah generasi muda di negara ini semakin melupakan budaya dan adat resam mereka ?

[4 *markah*]

iv. Usaha melahirkan generasi muda yang mempunyai mempunyai jati diri yang teguh menuntut kerjasama pelbagai pihak.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengembalikan identiti dan jati diri anak-anak muda di negara ini ?

[4 *markah*]

Praktis 6

Baca **Bahan 1 dan Bahan 2** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Menerajui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) yang besar dan penting, menuntut tanggungjawab serta amanah cukup besar. Walaupun nama kementerian diubah, kita tidak lari daripada perjuangan asal untuk *menerajui transformasi* pertanian supaya menjadi sektor moden dan kompetitif sehingga memberi pulangan lumayan kepada pengusaha tanaman, ternakan dan perikanan. Kerajaan melihat keperluan untuk menerajui industri makanan secara keseluruhan. Maksudnya, bukan sahaja konteks pengeluaran atau pembekal makanan, tetapi keseluruhan rantaian nilai makanan. Sudah tentu ini perlu dilakukan melalui pendekatan baharu dan luar kebiasaan bagi memastikan kementerian dapat menghadapi cabaran sekuriti makanan termasuk disebabkan wabak COVID-19. Banyak isu perlu dilihat termasuk kekurangan tanah pertanian, pengurusan tanah pertanian, kualiti benih dan baja, serangan penyakit, kekurangan sumber air, umur majoriti pesawah, isu dalam pelaksanaan subsidi dan insentif kerajaan, masalah kekurangan data serta isu lain pada peringkat rantaian pengeluaran. Ia juga menyebabkan kos pengeluaran padi tinggi di Malaysia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Tingkat Usaha Transformasi Sektor Pertanian'
oleh Datuk Seri Dr Ronald Kiandee,
Berita Harian, Mei 2020

Bahan 2

Tarikh 6 Ogos setiap tahun diisytiharkan sebagai Hari Peladang, Penternak dan Nelayan. Hari ini adalah hari pengiktirafan dan penghormatan kepada masyarakat peladang, penternak dan nelayan di seluruh negara. Pada tahun 1975, perayaan sambutan itu dirasmikan Tun Haji Abdul Razak di pekarangan Parlimen. 6 Ogos pada tahun ini ialah tahun yang ke-45 penganjurannya. Pengiktirafan ini membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap usaha para peladang, penternak dan nelayan memainkan peranan melonjakkan pelbagai aktiviti demi mengeluarkan bahan makanan dan memajukan sektor pertanian negara kita. Cabaran bagi kita sekarang ialah memastikan berlakunya satu perubahan dalam sektor pertanian dan industri makanan dengan memanfaatkan teknologi pertanian dan inovasi moden demi memastikan peladang, penternak dan nelayan meningkatkan pendapatan selain membantu menstabilkan harga barangan seterusnya mengurangkan keperluan import negara.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Cabaran Kementerian Dalam Merubah Realiti' oleh Wartawan Sinar Harian,
Sinar Harian, Ogos 2020

i. Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *menerajui transformasi.*

[2 *markah*]

ii. Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan persamaan dan perbezaan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam sektor pertanian.

[3 *markah*]

iii. Sektor pertanian sebenarnya memberikan banyak manfaat kepada seorang individu. Pada pendapat anda, apakah manfaat tersebut?

[4 *markah*]

iv. Generasi muda sekarang kurang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian.
Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh kerajaan bagi mengatasi isu ini?

[4 *markah*]

Praktis 7

Baca **Bahan 1 dan Bahan 2** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Presiden Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia, Datuk Michael Kang, berkata akan berlaku peningkatan ketara adaptasi digital dalam kalangan PKS pascapenularan COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Perniagaan normal baharu ini memerlukan PKS mengubah minda mereka kepada digital kerana perniagaan tradisional tidak akan berkesan lagi.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mahu kerajaan mempercepat proses pendigitalan masyarakat sebagai langkah adaptasi kepada normal baharu pada masa depan, pascapenularan wabak COVID-19. Proses pendigitalan akan membabitkan pelbagai aspek, termasuk pendidikan, urusan perniagaan atau e-dagang, e-kerajaan dan dalam kehidupan harian. Mengulas lanjut Kang berkata, tinjauan yang dilakukan SME Corp baru-baru ini mendapati pada minggu pertama PKP dilaksanakan, hanya enam peratus PKS menjalankan perniagaan dalam talian dan angka itu melonjak kepada 30 peratus fasa ketiga PKP. Oleh itu, PKS perlu membudayakan perniagaan secara digital kerana selain mengurangkan kos operasi dengan bilangan pekerja yang sedikit, produktiviti syarikat juga dapat ditingkatkan. Kelebihan lain ialah perniagaan secara dalam talian menggunakan wang tunai berbanding kaedah tradisional yang memberikan hutang sehingga tiga bulan kepada peniaga. Hal ini menjamin aliran tunai syarikat. Hal ini bermakna pelanggan harus membayar secara dalam talian terlebih dahulu sebelum produk yang ditempah dihantar kepada mereka.

(Dipetik dan diubah suai daripada petikan 'Cara Berniaga Berubah Pasca-COVID-19' Hazwan Faisal Mohamad - April 27, 2020 @ 11:12 pagi, BH Online)

Bahan 2

KUALA LUMPUR: Permintaan tinggi terhadap perkhidmatan penghantaran makanan telah membantu perniagaan restoran berjalan lancar walaupun negara kini dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari 18 Mac hingga 31 Mac, susulan wabak COVID-19. Beberapa pemilik restoran nasi kandar terkenal di Pulau Pinang menyifatkan medium perniagaan menerusi perkhidmatan penghantaran makanan seperti Foodpanda, GrabFood dan DeliveryEat membantu perniagaan masing-masing *berjalan lancar*. Makanan yang dijual diiklankan menerusi Facebook, WhatsApp serta aplikasi media sosial yang lain. Perniagaan secara dalam talian ini memudahkan peniaga mencari pelanggan dan tidak memerlukan bilangan pekerja yang ramai. Keadaan ini akan mengurangkan kos operasi peniaga.

Sementara itu, Pengarah Urusan Foodpanda Malaysia Sayantan Das berkata syarikat itu beroperasi seperti biasa semasa Perintah Kawalan Pergerakan dan akan melaksanakan penghantaran tanpa sentuh. Menurut beliau, pusat penghantar mereka menyediakan pencuci tangan pembasmi kuman dan penutup hidung dan mulut kepada penghantar serta mereka diminta mencuci tangan setiap dua jam dan setiap kali selepas membuat penghantaran," katanya sambil menambah pelanggan dan penghantar makanan boleh memilih untuk penghantaran tanpa sentuh apabila membuat pesanan serta pembayaran secara dalam talian. Melalui perniagaan secara dalam talian ini penghantaran barangan atau makanan hanya dibuat selepas pelanggan membayar kos produk dan perkhidmatan penghantaran.

(Dipetik dan diubah suai daripada petikan COVID-19: Khidmat Penghantaran Bantu Pengusaha Restoran, Orang Ramai 21 Mac, 2020 @ 10:18 pagi , BH Online)

i. Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *berjalan lancar*.

[2 *markah*]

ii. Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan persamaan kelebihan perniagaan secara dalam talian semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan pandemik COVID -19.

[3 *markah*]

iii. Berdasarkan perenggan pertama dalam Bahan 1, Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) mengubah set minda mereka kepada digital kerana perniagaan tradisional tidak akan berkesan lagi.

Pada pendapat anda, apakah kelemahan-kelemahan perniagaan secara dalam talian?

[4 *markah*]

iv. Ayah anda telah diberhentikan kerja apabila kilang tempat beliau bekerja terpaksa ditutup susulan pandemik Covid-19. Walaupun beliau telah diberikan wang pampasan tetapi jumlah tersebut tidak dapat menampung perbelanjaan keluarga untuk jangka masa yang panjang.

Sebagai anak yang prihatin, cadangkan usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh ayah anda untuk menambah pendapatan keluarga semasa pandemik COVID-19.

[4 *markah*]

Praktis 8

Baca **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

"Unduk Ngadau " bukan sekadar gelaran kepada seorang wanita yang dipilih dalam kalangan wanita Kadazandusun pada setiap kali sambutan Pesta Kaamatan di negeri ini tetapi lebih kepada *aspek budaya* dan adat resam.

Pemilihan seorang wanita yang bakal bergelar "Unduk Ngadau merupakan acara utama sekali gus penyeri kepada acara kemuncak perayaan Pesta Keamatan bagi suku kaum Kadazandusun di negeri ini. Pemilihan 'Unduk Ngadau' dilihat daripada beberapa aspek seperti disiplin, keaslian pakaian tradisi yang dipakai atau diperagakan dengan perhiasan yang bersesuaian dan penguasaan bahasa ibunda dengan baik, berkeyakinan dan boleh berkomunikasi dengan baik. Penetapan kriteria ini merupakan usaha penting untuk menjaga budaya warisan adat Kadazandusun agar sentiasa menjadi pegangan generasi akan datang

Gelaran "Unduk Ngadau" bukan suatu gelaran biasa seperti pertandingan ratu cantik Ketika ini, "Unduk Ngadau" ialah gelaran warisan yang mendukung kesucian pengorbanan Huminodun iaitu legenda suku kaum ini suatu masa dahulu. Malah lebih utama, wanita yang bergelar "Unduk Ngadau" tersebut perlu sentiasa menjaga tingkah laku dan terus berbakti kepada masyarakat selama menerima gelaran tersebut seiring dengan pengorbanan Huminodun.

Dipetik dan diubah suai daripada" Unduk Ngadau Bukan Sekadar Gelaran"
oleh Malina Jamarin,Inspirasi Bil.3/2017

Bahan 2

Pesta Budaya atau dalam Bahasa Murut Sabah dikenali sebagai "Kalimaran '' merupakan platform penyambung warisan budaya sukan tradisional suku kaum Murut di Sabah. Pesta yang dirayakan setiap tahun ini penting sebagai suatu acara yang mendedahkan generasi muda hari ini terhadap aspek budaya dalam kalangan etnik Murut itu sendiri.

Pertandingan sukan ini merupakan satu wadah untuk suku kaum Murut mengetengahkan budaya kehidupan melalui acara sukan tradisi yang diwarisi sejak turun-temurun sebagai tatapan kepada generasi muda. Sebagai contoh suatu ketika dahulu, menyumpit merupakan kemahiran memburu yang penting untuk seorang anak lelaki mencari makanan sehingga kemahiran itu turut dijadikan aktiviti penting yang sangat popular terutama ketika majlis keramaian. Senjata sumpit atau dalam Bahasa Murut 'Ansapuk' merupakan salah satu peralatan penting dalam amalan tradisi suku kaum tersebut dalam aktiviti memburu mahupun berperang mempertahankan kawasan mereka di pedalaman Sabah.

Namun hari ini, individu yang mahir menyumpit semakin berkurang disebabkan faktor kemajuan teknologi yang semakin pesat. Sehubungan dengan itu, melalui sambutan pesta Kalimaran kemahiran ini kembali dihidupkan sebagai penyambung kemahiran tersebut dalam kalangan remaja dan belia hari ini,

Dipetik dan diubah suai daripada" Etnik Murut pertahankan Pesta Kalimaran"
oleh Wenny Di Tian Soh,Inspirasi Bil.4/2017

i. Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *aspek budaya*.

[2 *markah*]

ii. Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan persamaan tujuan pesta budaya diadakan dan perbezaan budaya warisan yang ditonjolkan dalam pesta budaya tersebut.

[3 *markah*]

iii. Masyarakat majmuk di Malaysia telah mewujudkan kepelbagaian budaya yang harus dikekalkan sepanjang zaman.

Pada pendapat anda, mengapakah usaha memartabatkan budaya warisan negara sangat penting kepada negara ?

[4 *markah*]

iv. Di sebalik perubahan dimensi tamadun masyarakat, budaya warisan tidak harus dipinggirkan kerana fungsinya sebagai pengajaran dan pembelajaran khususnya kepada generasi muda tidak boleh diketepikan.

Sebagai remaja , apakah usaha yang dapat anda lakukan untuk membantu mengekalkankan budaya warisan di negara ini ?

[4 *markah*]

Praktis 9

Baca **Bahan 1 dan Bahan 2** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Jika dahulu sukan merujuk kepada permainan yang perlu dimainkan di arena atau gelanggang, melibatkan perlawanan bersemuka dan memerlukan sentuhan fizikal. Namun kini, kemajuan teknologi maklumat telah mewujudkan sukan elektronik atau e-sukan. Kini permainan komputer bukan sekadar hiburan masa senggang, tetapi telah menjadi satu kerjaya yang boleh menjana pendapatan yang lumayan. Sebahagian besar permainan e-sukan berkonsepkan tempur dan strategi seperti *Multiplayer Online Battle Arena* (MOBA), *Conuter Strike(1.6 and Global Offensive)* dan *Federation Internationale de Football Association 19 (FIFA 19)*. Pemain e-sukan perlu mempunyai daya fikir yang tinggi untuk merangka strategi yang berkesan untuk menumpaskan lawannya. E-sukan tidak melibatkan sentuhan fizikal dan tidak memerlukan kekuatan fizikal seperti sukan konvensional. E-sukan diminati oleh golongan muda kerana permainan video membenarkan seseorang pemain bermain dengan ramai pemain dalam satu-satu masa. E-sukan juga mencabar keupayaan mental seseorang pemain untuk bertahan dalam satu-satu permainan. E-sukan telah menerima pelbagai imej dan persepsi negatif khususnya daripada ibu bapa lebih-lebih lagi apabila terdapat kes kematian kerana terlalu ketagihan permainan video.

Sumber: Internet

Bahan 2

Boling padang merupakan sukan fizikal yang digemari di negara-negara komanwel. Permainan ini memerlukan beberapa biji bola besi asimetri yang dipanggil *bowl*, bola kayu kecil berwarna putih atau kuning yang dinamakan *jack*, pita pengukur, dan tikar. Boling padang dipertandingkan dalam empat kategori, iaitu perseorangan , berpasangan, bertiga , dan berempat untuk lelaki dan wanita. Teknik permainan ini adalah dengan mendekatkan bola asimetri ke arah sebiji bola yang lebih kecil secara leretan. Bola yang paling hampir dengan *jack* akan mendapat mata. Permainan ini memerlukan strategi dan fokus yang tinggi kerana bola akan bergerak serong. Melalui boling padang, kecergasan badan sesorang dapat ditingkatkan kerana setiap leretan memerlukan banyak pergerakan fizikal.

Sumber: *Malaysian Lawn Bowl Federation*, 2014.

i. Berdasarkan **bahan 1**, berikan maksud *masa senggang.*

[2 markah]

ii. Merujuk **bahan 1** dan **bahan 2**, nyatakan **persamaan dan perbezaan** e-sukan dan sukan boling?

[3 markah]

iii. E-sukan semakin berkembang di serata dunia dan berjaya mencuri tumpuan generasi Z.

Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menarik minat golongan belia untuk turut terlibat dalam bidang ini?

[3 markah]

iv. Pada suatu hari, anda mendapati rakan baik anda telah mengalami masalah ketagihan bermain permainan video. Anda ingin membantu rakan anda dengan memberikannya beberapa nasihat.

Apakah nasihat yang boleh anda berikan kepada rakan anda agar tidak terus mengalami masalah tersebut?

[4 *markah*]

Praktis 10

Baca **Bahan 1 dan Bahan 2** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Tidak menghairankan andai ada orang sanggup habis beribu-ribu ringgit bagi mendapatkan joran yang terbaik untuk memancing. Di negara ini, banyak *lokasi strategik* yang dianggap syurga bagi kaki pancing sama ada sungai, tasik, lautan atau kolam pancing. Namun begitu, ada sesetengah pemancing menjadikan hobi memancing sebagai sumber pendapatan sampingan menerusi pertandingan memancing. Hasil kajian yang dilakukan terbukti memancing ialah hobi sebahagian besar masyarakat di Malaysia dan kini semakin popular.

Memancing bukanlah hobi semata-mata kerana ada masanya hobi ini membawa tuah kepada kaki pancing, terutamanya apabila menyertai pertandingan memancing. Sebagai contoh, pada pertengahan Disember 2014, pertandingan memancing yang dikendalikan oleh Wakjali Event Management menyediakan hadiah bernilai RM121 ribu dalam pertandingan memancing GP Selangor siri akhir di Taman Tasik Shah Alam.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Fenomena Hobi Generasi Baharu' oleh Samat Buang,
Dewan Siswa, Oktober 2016

Bahan 2

Aktiviti berkebun , termasuk menanam sayur-sayuran dan pokok buah-buahan, bukan sahaja dapat memanfaatkan tanah yang terbiar, malah dapat dijadikan aktiviti yang menyihatkan badan. Hobi ini lazimnya dilakukan oleh individu yang mempunyai tanah kosong berhampiran dengann rumah. Aktiviti berkebun yang menggabungkan kemahiran membuat batas, menyemai biji benih, dan menanam benih dapat menjimatkan wang apabila pokok buah-buahan dan sayur-sayuran yang ditanam mengeluarkan hasil.

Selain dapat menjanakan pendapatan sampingan dengan menjual tanaman yang berlebihan, kegiatan ini juga dapat membantu usaha menghijaukan bumi dan mengawal pemanasan global. Tidak mustahil bermula dengan hobi bercucuk tanam di sekeliling rumah, akhirnya seseorang itu berjaya memiliki kebun sayur-sayuran dan buah-buahan sendiri.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kenali Personaliti Melalui Hobi' oleh Nizar Parman,
Dewan Siswa, Oktober 2016

i. Berdasarkan **Bahan 1,** berikan maksud *lokasi strategik*.

[2 *markah*]

ii. Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan **persamaan dan perbezaan** kepentingan hobi kepada seseorang.

[3 *markah*]

iii. Kegiatan hobi ini semakin diabaikan oleh golongan remaja.
Pada pandangan anda, mengapakah keadaan ini berlaku ?

[3 *markah*]

iv. Hobi yang ekstrem ada masanya boleh menjejaskan tumpuan seorang pelajar terhadap pembelajaran. Oleh itu, remaja harus bijak memilih hobi masing-masing. Sebagai individu yang bijak. bagaimanakah anda memilih hobi yang bersesuaian dengan status anda sebagai pelajar?

[4 *markah*]

Praktis 11

Baca **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Sejarah telah membuktikan bahawa masyarakat maju yang dapat menguasai pelbagai bidang dalam kehidupan mereka dan mencipta sejarah ialah masyarakat yang suka membaca. Disiplin membaca untuk mendapatkan ilmu merupakan kuasa pembebasan daripada belenggu kemiskinan dan kejahilan. Budaya membaca membolehkan pemikiran seseorang itu berkembang dan mempunyai imaginasi yang lebih tinggi untuk bercakap dan mengeluarkan pendapat berbanding dengan orang yang kurang membaca.

Amalan membaca dapat dikaitkan dengan pembinaan ilmu pengetahuan dalam diri seseorang kerana perbezaan yang ketara antara individu yang suka membaca berbanding dengan individu yang tidak suka membaca ialah ilmu pengetahuan yang dimiliki. Masyarakat yang suka membaca mampu untuk melahirkan manusia yang berguna dan mempunyai tahap pemikiran yang tinggi. Golongan ini juga akan menjadi pemimpin di negara kerana *idea bernas* mereka dapat membangunkan negara tersebut.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Bangsa Membaca Bangsa Berjaya'
oleh Syed Mahadzir Syed Ibrahim
Dewan Siswa Bil 01 2018

Bahan 2

Membaca seharusnya dijadikan sebagai rutin kehidupan dan santapan minda. Remaja, khususnya generasi muda yang masih berada di bangku sekolah, mestilah dilatih supaya berminat untuk membaca dan membuat rujukan daripada buku. Hal ini juga akan menjadikan amalan membaca kepada remaja sebagai amalan yang baik bagi menimba ilmu, khususnya buku yang mempunyai ilmu pengetahuan.

Amalan membaca buku ilmu pengetahuan oleh penerbit yang berwibawa dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dengan mendapatkan bahan ilmu yang sudah disahkan sebagai bahan yang telah diedit sebelum buku tersebut dicetak. Begitu juga membaca karya sastera, seperti novel dan cerpen, juga dapat memahami budaya kehidupan masyarakat. Dalam era globalisasi, membaca masih penting, terutama buku yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran tinggi, sains dan teknologi, dan juga membaca akhbar. Begitu juga pembacaan dan penerokaan di alam maya, iaitu Internet, melalui pembacaan di media baharu dan media sosial sebagai rujukan kedua.

Dipetik dan diubah suai daripada
Amalan Membaca Buku Semakin Dilupakan?
Oleh Aminah Mansor
Dewan Siswa Bil 01 2018

i. Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *idea bernas*.

[2 *markah*]

ii. Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan **persamaan dan perbezaan** manfaat membaca dalam kalangan masyarakat.

[3 *markah*]

iii. Remaja lebih cenderung untuk mendapatkan maklumat melalui Internet dan gemar membeli buku tetapi malas untuk membaca.

Pada pendapat anda, apakah punca amalan membaca dalam kalangan murid kian pudar?

[4 *markah*]

iv. Anda melihat rakan anda membaca bahan yang boleh dikategorikan sebagai bahan picisan yang boleh merosakkan pemikiran remaja.

Sebagai rakan yang prihatin, bagaimanakah cara anda dapat membantu menyelesaikan masalah ini?

[4 *markah*]

Praktis 12

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Kejadian banjir kilat yang menenggelamkan sesuatu kawasan selepas hujan merupakan bencana alam yang lazim berlaku di dunia. Di Malaysia, banjir kilat kerap berlaku di bandar besar yang pesat membangun. Hal ini terjadi kerana sistem perparitan dan pengaliran air yang tidak sempurna dan tersekat disebabkan oleh aktiviti manusia yang tidak bertanggungjawab, seperti penerokaan hutan, pembangunan kawasan perumahan dan pembinaan bangunan pencakar langit. Banjir kilat juga berpunca daripada sikap manusia yang tidak bertanggungjawab kerana mengambil *jalan mudah* dengan membuang sampah ke dalam sungai atau longkang. Rentetan itu, sistem perparitan akan menjadi cetek dan terkambus sebagai angkara perbuatan manusia yang mempunyai kesedaran moral dan sivik yang rendah.

Dipetik dan disesuaikan daripada *Dewan Siswa, Bil 2. 2017*

Bahan 2

Menteri Muda Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar, Datu Len Talif Salleh berkata, pembangunan tidak seharusnya disertai dengan pemusnahan pokok dan kawasan semula jadi secara total. Beliau berkata, apa yang penting ialah kawalan dibuat ke atas pembangunan supaya kawasan hijau dapat dikekalkan pada tahap maksimum dan pokok yang telah hilang dapat diganti melalui penanaman pokok baharu. Oleh itu, pelestarian alam sekitar merupakan isu penting yang harus disemai dalam kalangan generasi muda ke arah mengekalkan keindahan alam semula jadi untuk tatapan generasi akan datang. Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Galeri Perhutanan Sekolah di Dewan Terbuka Sekolah Kebangsaan (SK) Abang Haji Matahir Sarikei. Penubuhan galeri itu akan memberikan kesedaran kepada semua pihak terutamanya generasi muda agar memainkan peranan lebih aktif dan menggembleng tenaga untuk melindungi alam sekitar serta menyelesaikan masalah dan isu persekitaran.

Dipetik dan disesuaikan daripada *Utusan Borneo, 23 Mac 2019*

i. Berdasarkan **bahan 1**, berikan maksud frasa *jalan mudah*?

[2 *markah*]

ii. Merujuk **bahan 1** dan **bahan 2**, nyatakan perbezaan antara kedua-dua bahan tersebut.

[3 *markah*]

iii. Aktiviti manusia banyak merosakkan alam sekitar sehingga menyebabkan bencana alam.

Pada pendapat anda, apakah langkah berkesan yang perlu diambil bagi menangani masalah alam sekitar daripada menjadi semakin teruk?

[3 *markah*]

iv. Jiran anda telah melakukan pembakaran sampah secara terbuka di kawasan perumahan yang padat dengan penduduk.

Sebagai seorang jiran yang prihatin, apakah tindakan yang akan anda lakukan agar jiran anda menghentikan aktiviti tersebut.

[4 *markah*]

Praktis 13

Baca **Bahan 1 dan Bahan 2** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Sekalipun dengan pendekatan Pendidikan Abad Ke-21(PAK21), Pembelajaran pelbagai mod (blended learning), penggunaan teknologi komunikasi serta gajet terkini, persekitaran bilik darjah tidak semestinya akan menjanjikan kehadiran semua murid yang bersifat interaktif sepenuhnya. Akan wujud juga murid yang bersifat pemalu, pendiam dan kurang bercakap mengisi ruang bilik darjah tersebut.

Jika tiada sebarang usaha diambil untuk menarik atau membawa murid yang kurang interaktif ini bersama-sama murid lain yang interaktif , besar kemungkinan golongan ini akan tersisih daripada kelompok utama. Justeru, pelbagai pendekatan perlu diambil oleh guru agar golongan ini dapat dilentur melalui pola Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang dikendalikan dalam bilik darjah.

Perhatian yang khusus daripada guru amat diperlukan dalam menangani permasalahan yang dihadapi oleh murid ‘senyap’ ini. Guru perlu ‘mendekati’ murid yang bersikap pemalu, pendiam dan kurng bercakap ini.

Dipetik daripada ‘Keluarkan Mereka Daripada ‘Mod Senyap’
oleh Dr. Suresh Kumar N Vellymalay,
Bahagian Antropologi dan Sosiologi
Universiti Sains Malaysia (USM)
Pendidik Bil 121

Bahan 2

Dalam dunia ini, ada seramai 60 peratus manusia mempunyai cap jari Loop(feeling), 30 peratus Whorl(logik) dan 10 peratus Arch(instinct). Buku bertajuk, Dasyatnya Sidik Jari, Rahsia Di Sebalik Cap Jari dan Ilmu Finger Print. Setelah kita mampu memahami diri murid kita atau orang lain,' maka gaya komunikasi kita pun mesti berbeza. Jika bercakap dengan anak yang penuh perasaan, kita hendaklah *menggunakan perasaan*. "Adik tak kesian ke pada mama, mama penat baru balik kerja, adik ajak mama keluar pergi beli." Jika bercakap dengan anak Whorl, kita kena gunakan bahasa logik, terus terang. Namun, kedua-duanya suka dipuji.

Setelah mempelajari Ilmu Finger Print, guru dapat membantu murid-muridnya mengenali kelebihan dan potensi diri murid-muridnya. Di Malaysia lebih 200 guru dan ibu bapa telah mendapat ilmu ini. Mereka bersyukur dapat menimba ilmu cap jari ini. Antaranya guru kaunselor dari SK Kg Keda, Kedah. Beliau berkongsi pengalamannya, ramai murid datang ke Bilik Bimbingan dan Kaunseling untuk mengenali diri mereka seperti aspek psikometrik, bulan kelahiran dan lain-lain. Guru-guru mudah untuk mengenal diri murid-muridnya secara mendalam dan akan mudahlah untuk membimbing muridnya.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Manfaat Ilmu Analisis Cap Jari.'
oleh Noorhisham bin Hamzah SK Beranang Selangor.
Pendidik Mac *2018,* Dewan Bahasa dan Pustaka

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *menggunakan perasaan*.

[*2 markah*]

(ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan **persamaan dan perbezaan** faktor yang menyebabkan kaedah mengenal pasti potensi murid boleh dipraktikkan di dalam kelas.

[3 markah]

(iii) Aktiviti-aktiviti yang dijalankan melalui kaedah pembelajaran abad ke-21 banyak memberikan faedah kepada murid.

Pada pendapat anda, apakah faedah-faedah tersebut?

[3 *markah*]

(iv) Kumpulan anda diminta untuk menyiapkan tugasan oleh guru anda dengan menggunakan teknik pembelajaran dan pengajaran bahasa pada masa yang ditetapkan. Namun, tugasan tersebut tidak berjaya diselesaikan.

Sekiranya kumpulan anda diberikan peluang kedua untuk menyiapkan tugasan yang sama dalam masa yang ditetapkan, cadangkan langkah-langkah untuk memastikan tugasan tersebut dapat diselesaikan.

[4 *markah*]

SOALAN 7: PETIKAN SASTERA

Praktis 1

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat sendiri.

Bahan 1

SAJAK PESAN IBU BERIBU-RIBU

Kita ada ibu
Ibu kita satu
Pesanannya beribu-ribu.

Setiap langkah kita diiringi pesanan ibu
"Buat begini jangan begitu
Bacalah buku selalu
Kukuhkan diri dengan ilmu
Pilihlah kawan yang mulia hati
Tolaklah kawan pementing diri
Pilihlah kawan yang punya petunjuk
Tolaklah kawan bertabiat buruk."
Ibu yang satu menyekat kita di pintu
Bertanya ke mana arah tuju
"Jagalah diri selalu
Di luar sana mungkin bencana menunggu."
Kita menjadi jemu
Mendengar pesanan beribu-ribu
Tapi ibu tetap ibu
Pesanan bertambah satu dan satu
"Jangan dibiar kepala berkutu
Carilah ubat jerawat batu."

(Dipetik daripada sajak "Pesan Ibu Beribu-ribu" oleh Rahman Shaari dalam antologi *Bintang Hati*, Kementerian Pendidikan Malaysia)

Bahan 2

Bonda tersenyum melihat saya tidak sabar untuk meninggalkan bumi kelahiran saya ini. "Mel, bonda merestui kamu untuk berhijrah ke ibu kota. Tetapi, ingatlah pesan bonda supaya menjaga dua perkara. Perintah agama jangan sesekali kamu abaikan. Agama itu baju peribadi bangsa kita. Akidah yang kukuh menjadi akar yang *menunjang pohon kebenaran*. Islam merupakan panduan hidup. Peliharalah bahasa ibunda kita kerana itulah sahaja warisan kita yang tinggal. Bahasa jiwa bangsa. Bangsa yang bijak tidak akan membuang bahasanya walau apa-apa alasan sekalipun."

Pesan itu menyuburi hati dan perasaan saya. Pesanan daripada lidah seorang bonda untuk anakandanya yang akan merantau jauh. Saya yakin mempunyai kekuatan untuk menghadapi dugaan dan cabaran di tengah ibu kota.

(Dipetik daripada cerpen "Munsyi" oleh Husna Nazri dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Kementerian Pendidikan Malaysia)

i. Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *menunjang pohon kebenaran*.

[2 *markah*]

_____

_____

_____

ii. Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan pesanan ibu yang disebutkan.

[3 *markah*]

_____

_____

_____

_____

iii. Pada pendapat anda, apakah kesan jika kita mengabaikan pesanan seorang ibu?

[3 *markah*]

_____

_____

_____

_____

iv. Bagai kacang lupakan kulit. Peribahasa ini sering kali dikaitkan dengan isu pengabaian ibu bapa yang telah lanjut usia kerana anak-anak mereka terlalu sibuk dengan kerja mahupun kerana ingin mengejar kemewahan hidup.

Pada pendapat anda, bagaimanakah cara seseorang individu yang sibuk bekerja menjaga ibu bapa mereka yang telah lanjut usia?

[4 *markah*]

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

Praktis 2

Baca **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

SAJAK DIRGAHAYU BAHASAKU

Tempatmu di singgahsana
Hati nurani bangsaku
Warga yang berbudi
Setia dan amanah.

Bahasa itu maruah bangsa
Yang mesti dipelihara martabatnya
Agar tetap kukuh dan ampuh
Melayari lautan bijaksana
Salam ikatan mesra dan teguh.

Cekal dan waja semangat pejuangku
Hak bangsaku memiliku
Hak bangsaku mendaulatkanmu
Di bumi bertuah ini
Merentas dunia tak bertepi.

Sejarah bangsa mencatatkan kegemilangan
Ke barat dan ke timur menjalin persaudaraan
Gagah pelautku membelah lautan

Bahan 2

"Mel, agama dan bahasa itu cermin maruah kita yang ditinggalkan nenek moyang! Jasad yang dibaluti agama serta lidah yang dilebati bahasa ibunda merupakan warisan kita yang masih ada. Andai kedua-dua sudah hilang di atas muka bumi ini, kita bukan lagi generasi bermaruah, tetapi bangsa yang dilaknati Allah."

Pesan bonda itu kekal melebat dalam hati sanubari saya. Pesan mulus yang terpahat lama di pangkal hati. Oleh itu, saya tangguhkan berkali-kali hasrat itu. Hasrat untuk menjengah wajah kota yang pesat dengan kemajuan dan peradaban. Saya batalkan keinginan meruap-ruap dalam diri saya untuk mencari pengalaman baharu sebagai warga kota.

Kata bonda, kota besar itu sudah hilang segala nilai-nilai tradisinya. Kota yang sekadar dibangunkan dengan kempen dan slogan itu sarat dengan api prasangka dan runcing prejudis para warganya yang berbilang bangsa dan bercampur aduk pula budaya dan bahasa pertuturannya.

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *Dirgahayu bahasaku*?

[2 *markah*]

_____
_____
_____

(ii) Berdasarkan **semua bahan**, apakah keistimewaan bahasa Melayu?

[3 *markah*]

_____
_____
_____
_____

(iii) Pada pendapat anda, mengapakah masih ada segelintir masyarakat Melayu yang enggan bertutur menggunakan bahasa Melayu?

[4 *markah*]

_____
_____
_____
_____

(iv) Dalam urusan yang melibatkan pentadbiran negara kita, langkah yang boleh dilaksanakan untuk memartabatkan bahasa Melayu adalah dengan memastikan

urusan rasmi negara seperti surat-menyurat menggunakan bahasa Melayu.

Cadangkan cara-cara yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan untuk menggalakkan masyarakat menggunakan bahasa Melayu dengan baik?

[4 *markah*]

_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____

Praktis 3

Baca bahan-bahan di bawah dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

BAHAN 1

KIROPRAKTIK

Apabila berlaku ketidakseimbangan pada tulang-tulang atau turutan tulang anda tidak normal. Apakah yang anda akan lakukan? Siapakah yang akan anda cari? Lazimnya, kebanyakan orang akan mencari tukang urut tetapi kini ada *alternatif lain* yang dipanggil kiropraktik, iaitu menggunakan tekanan pada tulang belakang atau bahagian lain daripada tubuh seseorang oleh ahli kiropraktik. Fokusnya adalah untuk meletakkan tulang-tulang yang dislokasi di tempat asalnya.

BAHAN 2

Sajak Si Tukang Urut

Kisah manipulasi
Beralihnya tulang belakang
Menolak saraf, kebas perit
Kiropraktor dicari
Mengubati dengan memanipulasi
Meregang membetulkan
Melegakan derita dan sengsara
Punca segalanya pada tunjang kita

Kiropraktor menjajarkan
Meletakkan pada tunjang pada tempatnya
Mengelakkan tujahan saraf
Yang menyakitkan seluruh badan
Zahirnya tidak kelihatan
Namun seksanya amat terkesan
Berdiri resah, bangun hampir rebah
Baring lelah, berjalan pun goyah

Ubat-ubatan sekadar sementara
Meredah keluh-kesah dirasa
Kiropraktor mengubat tanpa ubatan
Membetulkan jasad asal keadaan
Terbukti mujarabnya buat semua
Merentas bangsa dan juga usia.

Rahmawati binti Othman
Tampin, Negeri Sembilan
Dewan Bahasa dan Pustaka.

BAHAN 3

GURINDAM SERI REGANGAN

Apabila sakit rasa di tengkuk,
Itu tanda tulangnya bengkok.

Apabila kebas di hujung jari,
Cederanya tulangn tanpa disedari

Apabila tulang belakang terhalang,
Semua nikmat akan hilang.

Apabila mengenal kaedah kiropraktik,
Pasti dirimu tidak akan panik.

Apabila kiripraktor gunakan kepakaran,
Maka hilangnya segala kegusaran

Apabila regangan jadi pilihan,
Dapatlah sudah cara pemulihan.

Apabila mengenal cara mencegah, tidur malamnya tiada yang tegah.

Nita binti Zakaria
Seremban, Negeri Sembilan,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

(i) Berdasarkan **Bahan 1,** berikan maksud *alternatif lain*.

[2 *markah*]

_____
_____

(ii) Berdasarkan **semua bahan** , apakah kebaikan-kebaikan kiropraktik?

[4 *markah*]

_____
_____
_____
_____
_____

(iii) Perubatan moden merupakan pilihan masyarakat pada hari ini. Pada pendapat anda mengapakah perubatan moden menjadi pilihan pada hari ini?

[3 *markah*]

_____
_____
_____
_____
_____

(iv) Rakan anda mengalami ketidakseimbangan pada tulang belakangnya. Anda banyak membaca dan mengetahui berkaitan bidang kiropraktik ini.

Sebagai rakan yang prihatin, apakah nasihat yang anda perlu berikan supaya rakan anda mendapat rawatan kiropraktik.

Sebagai rakan yang prihatin, apakah nasihat yang anda perlu berikan supaya rakan anda mendapatkan rawatan kiropraktik.

[4 *markah*]

_____
_____
_____
_____
_____

Praktis 4

Baca bahan-bahan di bawah dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, murid digalakkan menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya. Namun apabila berada di luar kelas atau di luar kawasan sekolah, bahasa rojak pula mengambil alih hampir sepenuhnya sebagai bahasa komunikasi.

Pencemaran bahasa rojak dalam kalangan masyarakat khususnya murid sekolah semakin membimbangkan dewasa ini. Bahasa rojak merujuk bahasa bercampur aduk yang digunakan dalam tulisan dan juga lisan. Bahaya penggunaan bahasa rojak adalah ia akan beransur-ansur *menghakis kekuatan* bahasa Melayu.

Irwan Hidayat, Cabaran Bahasa Rojak,
Majalah Pendidik, Bil 117

Bahan 2

Jiwa Bahasa

Apakah yang ada pada bahasa?
satu aura, nikmat berbahasa,
perlu dijunjung setinggi-tinggi angkasa,
satu martabat dan maruah bangsa,
tersemat dalam keramat perlembagaan Negara.

Jika kita berjiwa bahasa,
kita tahu dalam detik berkata-kata,
kita bijak dalam mengguna takluknya,
di manakah letaknya identiti kita?
jika tidak diletak pada bahasa.

Jika kita berjiwa bahasa,
Usah bangunkan kelongsong pemikiran,
Sebaliknya tanamkan rasa cinta,
Cinta akan negara cinta akan bahasa.

Jika kita cerdik dalam menjiwai bahasa,
daulatkannya di mahkota bahtera,
Pertahankanlah dengan kubu sejahtera,
Dalam membela ketuanan bangsa.

Bahan 3

Gurindam Berbahasa

Apabila tuan hendak berpantun,
Pastikan bicara penuh santun.

Apabila tuan hendak bernazamm,
Jangan dilupakan adat resam.

Apabila tuan hendak bertalibun,
Pastikan kata molek disusun.

Apabila tuan hendak bergurindam,
Jangan ada rasa dendam.

Apabila tuan hendak bersajak,
Jangan dicampurkan bahasa rojak.

Apabila tuan bermadah pujangga,
Lafaz lidah pastikan dijaga.

Apabila tuan berlagu syair,
Jangan malas untuk berfikir.

Ingatlah, pabila berbahasa, Peminpin seronok memapar arah, Ketika di pentas siasah, Dengan berbahasa, Orang beriman menikmati ibadah, Khusyuk dan pasrah, Pabila berbahasa, Manusia patuh pada perintah, Lembut dengan sahsiah Muhamad Azam Supian, Universiti Pendidikan Sultan Idris, dalam *Majalah Tunas Cipta*, Bil 10 2017	Apabila tuanhendak berkata, Pastikan ayat berlapik fakta. Apabila tuan mula berbicara, Pastikan jelas lontaran suara. Hazrul Aziz, Kangar Perlis dalam *Majalah Dewan Bahasa Pustaka* Bil 11 2020

(i) Berdasarkan **Bahan 1,** berikan maksud *menghakis kekuatan*. [2 *markah*]

_____
_____
_____
_____

(ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan perbezaan dan persamaan martabat bahasa Melayu? [4 *markah*]

_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____

(iii) Penggunaan bahasa rojak akan menghakis kekuatan bahasa dalam kalangan rakyat Malaysia. [3 *markah*]

Pada pendapat anda apakah punca penggunaan bahasa rojak dalam kalangan masyarakat?

_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____

(iv) Rakan sekelas anda sering menggunakan bahasa rojak dalam kumpulan *whatsApp dan* telegram semasa kelas pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) guru anda. [4 *markah*]

Sebagai rakan yang prihatin, apakah tindakan yang anda perlu lakukan supaya rakan anda boleh menggunakan bahasa Melayu dengan betul?

_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____
_____

Praktis 5

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Impian Seorang Nelayan

Burung Camar hinggap di jejari
Seorang nelayan sedang bermimpi
Mimpi tentang duyung
Mimpi tentang untung
Biduk hanyut dibawa ombak
Laut Cina Selatan

Dalam mimpi berkata sang duyung
"Wahai nelayan kau anak laut
Di sini tempatmu
Di sini rezekimu
Pengorbanan yang kau lakukan
Ada balasannya"

Mega mendong
Laut pun bergoncang
Nelayan tersentak biduk sesat haluan
Sang mentari terlindung
Pantai tak kelihatan
Tawakkal jalan akhirnya

Dalam pondok kecil beratap rumbia
Seorang ibu memandang hari muka
Sambil ia menyusukan bayi yang kehausan
Ufuk timur hilang dari pandangan

Wahai anak yang sedang menangis
Mungkin kini engkau tak mengerti
Bila kau dewasa dan pandai nanti
Pengorbanan ayahmu sayang
Jangan kau lupakan

Lirik : **M. Nasir**

Bahan 2

Azam menggeleng-geleng lagi, "Jabatan Haiwan kan ada. Takkan mereka tidak memantau? Kau boleh adukan kepada mereka. Minta nasihat doktor veterinar jika ayam kau sakit."

"Aku pun harap begitu. Aku harap kerajaan boleh buat sesuatu. Jangan biarkan penternak kecil terperangkap dalam jerat syarikat besar."

Azam memujuk pula, "Menternak cara kontrak ini ada kelebihannya, bagus juga. Kau tidak payah keluar mencari anak-anak ayam. Kau tidak payah keluar mencari dedak. Setiap musim syarikat payung akan mengatur lori-lori untuk mengangkut ayam-ayam yang sudah besar."

Hakim menjawab, "Ya, mereka hantar segalanya dengan harga yang mereka tentukan. Kini, hidupku bergelumang dengan hutang. Setiap saat aku berhutang dengan RAJA. Kau fikirkan pula, kalau nasibku malang dan nilai jualanku kurang daripada harga dedak dan ubat yang mereka bekalkan, bererti aku akan menanggung hutang kepada RAJA. Berhutang dan berhutang.

Azam memandang wajah sahabatnya penuh simpati. "Jadi, apakah cadangan kau sekarang?"

Dipetik daripada cerpen "Kaduk,Ayam dan Raja"
Oleh Zurinah Hassan dalam antologi
Jaket Kulit Kijang Dari Istanbul
Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 3

ANAK LAUT

Segar angin laut
mengembalikan rindunya pada kolek
bagai buih kecil terapung di air
menjaring sedikit rezeki
dan sisi ikan
kulit ketam
kepala sotong
dan
kaki udang yang bersimpati.

Seperti kolek terdampar di pasir
menampakkan urat-urat jalur-jalur tua
anak laut itu sudah dapat menerka
langkahnya hampir tiba
pada muara Pencipta

RAHIMIDIN ZAHARI
antologi *Anak Laut*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *mega mendong*.

[2 *markah*]

_____
_____

(ii) Berdasarkan **semua bahan,** nyatakan masalah yang dihadapi oleh mereka ketika mencari rezeki.

[3 *markah*]

_____
_____
_____

(iii) Sektor pertanian merupakan salah satu penyumbang utama dalam ekonomi negara.

Pada pendapat anda, apakah kebaikan menceburi bidang pertanian kepada negara?

[4 *markah*]

(iv) Pada suatu petang, anda terlihat poster iklan Program Pencarian Penternak Jaya Muda yang ditampal di tepi jalan. Anda akan mencadangkan agar sahabat anda menyertai program tersebut. Anda yakin bahawa sahabat anda itu akan berjaya kerana dia memenuhi kriteria seperti yang terdapat dalam iklan. Sahabat anda perlu membuat persediaan untuk menghadiri temuduga tersebut.

Sebagai rakyat yang prihatin, bagaimanakah anda dapat membantu untuk mengatasi masalah ini?
[4 *markah*]

Praktis 6

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

"Mel, bonda merestui kamu untuk berhijrah ke ibu kota. Tetapi, ingatlah pesan bonda supaya menjaga dua perkara. Perintah agama jangan sesekali kamu abaikan. Agama itu baju peribadi bangsa kita. Akidah yang kukuh menjadi akar yang menunjang pohon kebenaran. Islam merupakan panduan hidup. Peliharalah bahasa ibunda kita kerana itulah sahaja warisan kita yang tinggal. Bahasa jiwa bangsa. Bangsa yang bijak tidak akan membuang bahasanya walau apa-apa alasan sekalipun."

Pesan itu menyuburi hati dan perasaan saya. Pesanan daripada lidah seorang bonda untuk anakandanya yang akan merantau jauh. Saya yakin mempunyai kekuatan untuk menghadapi dugaan dan cabaran di tengah ibu kota. Sebelum berangkat, bonda menyerahkan naskhah-naskhah kitab lama miliknya di dalam sebuah beg sarat untuk dikirimkan kepada sahabat lama di kota.

"Mel, buku-buku ini khazanah nenek moyang kita. Di kota nanti carilah sahabat lama bonda bernama Munsyi. Hadiahkan buku-buku ini kepadanya kerana masih ada nilainya di kota sana."

Dipetik daripada cerpen 'Munsyi'

oleh Husna Nazri

Bahan 2

BERTUTURLAH DALAM BAHASAKU

Burung tempua terbangnya rendah,
Hinggap sebentar di dahan sena;
Bahasa Melayu bahasa yang indah,
Terungkap kata seribu makna.

Si dara ayu berbaju merah,
Kerongsang bertatah permata nilam;
Bahasa Melayu tercatat sejarah,
Luas tersebar seluruh alam.

Cantiknya paras Puteri Salju,
Bersama nenda mencari lokan;
Jika negara ingin maju,
Bahasa ibunda jangan pinggirkan.

Si gadis ayu bergelar ratu,
Umurnya muda masih belasan;
Bahasa Melayu bahasa penyatu,
Tercapai hasrat satu wawasan.

Pulau Sendayu di atas peta,
Hendak dituju bersama teman;
Bahasa Melayu bahasa kita,
Tetap gemilang zaman berzaman.

Melompat-lompat si anak rusa,
Melihat kelkatu di dalam paya;
Marilah mengangkat martabat bahasa,
Tekad dipadu ke puncak jaya.

Sumber:http://cikgunorainimy.blogspot.com/2010/04/pantun-bahasa-melayu.html?m=1

i. Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkap ketiga.

[2 *markah*]

_____

_____

ii. Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan kepentingan-kepentingan yang diperoleh apabila masyarakat memelihara bahasa Melayu?

[3 *markah*]

_____

_____

_____

_____

iii. Bahasa Melayu telah dipilih sebagai bahasa kebangsaan di negara kita.

Pada pendapat anda, apakah sebab-sebab pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa utama di negara kita?

[3 *markah*]

_____

_____

_____

_____

_____

_____

iv. Pada suatu hari di dalam kelas, anda telah mendengar rakan-rakan anda bersembang menggunakan bahasa rojak. Sebagai seorang yang prihatin dengan bahasa, anda berasa sedih dengan keadaan tersebut.

Sebagai seorang rakan, cadangkan langkah-langkah yang boleh anda lakukan untuk mengatasi masalah ini?

[4 *markah*]

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

Praktis 7

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Meskipun bapa sudah tidak lagi menjadi kaki burung ketitir, bapa sudah agak tua dan tidak boleh berbuat apa-apa lagi. Bapa hanya berada di rumah makan dan tidur saja. Sikit-sikit boleh juga jaga cucu dan picit-picit tubuh ibu, tetapi bapa sebenarnya *sudah dimakan tua* waktu itu.

Bapa tidak dapat ampu ibu lagi. Pasti juga tidak boleh angkat ibu ke tandas lagi. Mujurlah yang lumpuh, cuma ibu seorang. Kalau bapa juga lumpuh, entahlah. Aku tidak dapat membayangkan masalahnya.

Suatu hari, entah bagaimana, aku menjerit kuat sedikit sewaktu ibu sedang berak kerana lama sangat najisnya tidak terbit-terbit. Aku sudah naik kejang kaki tangan kerana lama ampu ibu. Dan aku lihat pipi ibu basah kerana air mata meleleh turun. Isteriku menerpa dan apabila melihat air mata ibu sedang mengalir melalui retak-retak di pipi ibu yang kendur hodoh itu, dia mengambil tempatku.

Dipetik daripada Cerpen*Ibu dan Ceper*
Antologi *Harga Remaja*, Hlm 106
Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 2

Erti Hidup Bererti

Aku selalu didatangi
malam sepi
bagai kalung
yang melingkari leherku
tidak berubah keesokan hari
siapa yang akan datang menjengukku
keluhan seorang tua sunyi

Keheningan tasik
kehijauan rumput
hanya menjadi bayangan
di penjuru ruang zaman
cinta dalam rahim dilupai
dari sulung ditendang ke bongsu
dari angah ditendang ke sulung balik
kucari erti hidup
menderita mengerang sakit
berdiri tanpa ruang

Aku bagi mereka
tiada makna
anakku bakaku
baik setia mahupun derhaka
semoga disirami benih keinsafan
menjadi penawar dalam hati
embun cinta atasi angin dingin
jangan terpegun
ada yang mati
ada yang hidup
tiada yang kekal kecuali Tuhan.

Teo Wei Sing
Suara Anak Pahang, 2009
Pekan Ilmu Sdn. Bhd

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *sudah dimakan tua*.

[2 *markah*]

_____

_____

(ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan persamaan-persamaan yang terdapat dalam bahan tersebut.

[3 *markah*]

_____
_____
_____
_____

(iii)Ibu bapa merupakan insan yang banyak berkorban untuk membesarkan anak-anak.

Pada pendapat anda, apakah cara-cara yang boleh dilakukan oleh anak-anak untuk membalas jasa ibu bapa?

[3 *markah*]

_____
_____
_____
_____
_____

(iv) Ketika anda berjalan bersama-sama keluarga di kota, anda terlihat seorang warga emas yang hidup sebagai gelandangan. Anda berasa sedih akan keadaan warga emas tersebut.

Sebagai warga yang prihatin, cadangkan langkah-langkah yang dapat anda akukan untuk mengatasi masalah ini.

[4 *markah*]

_____
_____
_____
_____

Praktis 8

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Dari Mimpi Ke Bintang

Terang mengejar sebentuk bintang
Bermula sebagai lakaran naratif mimpi
Dari sekadar kerdipan kecil
Gugusnya kian cerlang merapah
Ke serata metropolitan langit.

Bintang-bintang itu
Tak sesekali gugur menjadi butir pasir
Perlus diterjah amuk ombak
Warnanya tak sekali pun memudar
Dipadam ketegaran teriak hujan
Kerana perjuangannya
Menjadi bintang benderang
Menyalakan semangat dan pedoman Tuhan.

Bahan 2

Barangkali juga, selagi Malaysia belum mendapatkan emas pertama dalam Sukan Olimpik, selagi itulah orang kampungnya tidak akan percaya cacing juga mampu memberikan emas buat mereka. Lagipun Hamidun sendiri belum benar-benar dapat membuktikan penternakan cacing tanah ini telah atau bakal menyenangkan kehidupannya sebab usahanya belum menampakkan hasil sejak diusahakan. Masih terlalu awal sepertimana awalnya menduga apakah sukan badminton negara akan membawa pulang pingat emas yang didambakan sekian lama.

"Bang, anak abang Si Rashid tu, katanya mahu beli raket badminton."

"Minggu lepas kita sudah belikan dia basikal, kalau tiap-tiap minggu kita belikan peralatan sukan, tak berasaplah dapur kita nanti."

"Itu pelaburan jangka masa panjang bang, kita tak boleh berkira sangat dengan anak-anak. Zaman sekarang, bidang sukan dan bidang seni pun boleh membangunkan masa depan kalau kita didik anak-anak dengan cara yang betul."

Dipetik daripada cerpen
'Kejutan Buat Zaleha Pada Perlawanan Akhir Badminton Sukan Olimpik'
oleh Ruhaini Matdarin
kumpulan cerpen Melawan yang Mustahil, ITBM

Bahan 3

PANTUN SUKAN

Kain cindai bawa berjalan,
Buat mengibas nyamuk dan agas;
Rajin dan tabah dalam bersukan,
Minda cerdas jasmani cergas.

Harum sungguh bunga kemboja,
Disusun dari dari Mandilin;
Sukan membentuk semangat waja,
Sentiasa ceria cergas berdisiplin.

Burung undan burung tempua,
Hinggap berehat di pohon kayu;

i. Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *menyalakan semangat.*

[2 *markah*]

_____
_____
_____

ii. Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan kepentingan bidang sukan kepada masyarakat.

[4 *markah*]

_____
_____
_____
_____
_____

iii. Sehingga hari ini impian Malaysia untuk memiliki emas pertama dalam sukan Olimpik masih tidak kesampaian.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah perlu dilakukan oleh pelbagai pihak untuk merealisasikan impian ini?

[3 *markah*]

_____
_____
_____
_____
_____

iv. Minggu ini, sekolah anda telah mengadakan Hari Sukan Tahunan di padang sekolah. Anda ditugaskan untuk membantu guru menyediakan atlet bagi acara yang dipertandingkan. Namun malangnya, semasa acara ini dijalankan, ramai murid yang menarik diri dan sengaja tidak mahu mengambil bahagian dalam apa-apa jua acara. Lebih menyedihkan, acara yang dipertandingkan hanya disertai oleh pelajar yang sama.

Sebagai pengerusi rumah sukan, apakah cadangan yang anda boleh berikan kepada pihak sekolah untuk menarik minat murid menyertai Hari Sukan Tahunan tersebut.

[4 *markah*]

_____
_____
_____
_____
_____
_____

NOVEL

[10 *markah*]

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Walaupun ada sedikit perasaan gemuruh dalam dirinya tetapi Haiqal dapat mempersembahkan tarian zapinnya dengan baik sekali. Setiap kali dia mengambil tempat di hadapan pentas itu, tepukan yang gemuruh bergema malah ada beberapa orang tua yang menyaksikan Haiqal menari itu dengan linangan air mata.

Lazim turut hadir pada malam itu walaupun terpaksa dipapah oleh rakan-rakannya. Dia juga sentiasa bersorak memberikan kata-kata perangsang kepada Haiqal dan See Hwa. Ketika *lagu Anak Ayam* dimainkan, Haiqal dan See Hwa sekali lagi menari berpasangan atas permintaan YB Datuk Saiful Azizi sendiri. Beliau begitu terpesona melihat kelembutan gerak tari See Hwa dan Haiqal.

Ketika asyik menari, mata Haiqal terpandang tiga susuk manusia yang cukup dikenalinya. Mereka berdiri di bahagian belakang balai tempat duduk penonton sambil tersenyum. Kehadiran tetamu istimewa itu langsung tidak pernah diduganya. Dia berasa amat terharu apabila gadis kecil yag berdiri di tengah-tengah ibu bapanya mengangkat kedua-dua tangan dan menunjukkan ibu jari ke atas.

Dipetik daripada Novel *Silir Daksina*
Karya Nizar Parman
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan bagaimanakah reaksi individu atau hadirin yang menyaksikan persembahan tarian zapin secara berpasangan oleh Haiqal dan See Hwa?

[4 *markah*]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latif Talib
b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
f) Tirani, karya Beb Sabariah
g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Tulis sinopsis **sebuah** novel yang telah anda pelajari.

[6 *markah*]

Praktis 2

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Beberapa buah buku disimpan rapi di dalam sebuah almari kaca yang berkunci. Haiqal hanya merenungnya lama. Dia seakan-akan tidak percaya. Buku-buku yang terkurung di dalam almari itu dikarang oleh ayahnya. Dia benar-benar ingin menyentuh buku-buku itu. Betapa hebatnya arwah ayahnya itu.

Bukan setakat buku-buku sahaja, malah sejarah hidup ayahnya juga turut dipamerkan di situ. Ada sebuah album besar yang menyimpan gambar-gambar ayahnya. Dia menyelak lembaran demi lembaran album itu. Hatinya sangat tertarik apabila melihat beberapa keping gambar ayahnya yang segak mengenakan baju Melayu teluk belangga bersama-sama kumpulan zapin Seri Purnama.

"Ayahku benar-benar seorang penari zapin, Zim?" Kalimat itu meluncur dari bibirnya.

Lazim menepuk bahunya. "Bukan setakat tu saja, Qal. Dialah juga orang yang bertanggungjawab menghidupkan kumpulan zapin D'Purnama yang telah lama berkubur. Maklumat yang aku dengar daripada ayahku, dia juga bersusah payah memujuk ahli-ahli lama yang seolah-olah telah jauh hati akibat sengketa sesama mereka suatu masa dulu,' jelas Lazim.

Dipetik daripada Novel *Silir Daksina*
Karya Nizar Parman
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan, nyatakan perwatakan Abdullah bin Kayan.

[4 *markah*]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latif Talib
b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
f) Tirani, karya Beb Sabariah
g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Tema merupakan persoalan utama yang menjadi inti dalam sesebuah karya kreatif. Melalui tema yang diketengahkan penulis dalam karya kreatif sudah pasti memudahkan pembaca untuk memahami dan menghayati karya tersebut dengan lebih mendalam.

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, bandingkan **tema** yang diketengahkan dalam novel tersebut.

[6 *markah*]

Praktis 3

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti,kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Warung kecil itu mula didatangi pelanggan Wak Min. Ada yang memakai pakaian untuk pergi ke kebun dan ada pula yang berpakaian biasa. Semuanya berjabat tangan dengannya sebelum duduk dan memesan makanan dan minuman. Tidak kurang juga ada yang berbisik-bisik sesama sendiri. Ada juga yang memandangnya beberapa kali. Haiqal terus menantikan kehadiran lelaki yang bernama Tauke Ong itu.

Tidak lama kemudian, sebuah lori kecil berkepala merah berhenti di tepi jalan berdekatan dengan warung Wak Min. Seorang lelaki Cina, memakai kemeja kotak-kotak dan berseluar pendek labuh separuh lutut turun dari ruang pemandu lori itu. Mungkin inikah Tauke Ong? Bisik hatinya. Tauke Ong kelihatan sangat mesra menegur pelanggan-pelanggan lain di warung Wak Min. Dia duduk di sebuah bangku kosong di warung itu, semeja dengan pelanggan-pelanggan yang ditegurnya tadi, lat satu meja daripada tempat duduk Haiqal. Entah apa-apalah yang dikatakan oleh seorang rakannya itu hingga lelaki cina itu ketawa terbahak-bahak.

Kemudian Wak Min mendekati dan menepuk bahunya. Dia memandang pula ke arah Haiqal. Ketawanya lenyap. Gelisah juga Haiqal apabila diperhatikan begitu, apatah lagi rakan-rakan semejanya juga turut berkongsi mata memandang ke arahnya.

Dipetik daripada Novel *Silir Daksina*
Karya Nizar Parman
Kementerian Pendidikan Malaysia

Huraikan watak dan perwatakan Tauke Ong sebagaimana yang digambarkan dalam petikan di atas?

[4 *markah*]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut*:

a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latif Talib
b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
f) Tirani, karya Beb Sabariah
g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam novel yang dikaji.

[6 *markah*]

Praktis 4

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti,kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Ada kebimbangan yang terbit dihati Ratna. Namun, dia berharap yang disangkanya itu tidak akan berlaku. Dia kasihankan akan Haiqal. Anak muda yang terlalu memendam rasa. Dalam hati kecilnya dia berdoa agar kemelut yang melanda anak muda itu akan segera berakhir. Hujan masih belum ada tanda mahu berhenti. Masih lagi mencurah-curah. Lampu –lampu kuning di sepanjang jalan di pantai Batu Buruk itu telah dinyalakan. Pantai Batu Buruk yang tadinya agak riuh, perlahan-lahan menjadi sepi. Pelanggan di gerai juga semakin berkurangan. Jika ada pun, yang sedang duduk di gerai–gerai itu pengunjung yang datang ke situ dengan menunggang motorsikal.

Disebabkan senja kian menjengah, lalu Haiqal mengambil keputusan untuk terus meredah sahaja hujan itu. Mujurlah dia membawa baju hujan yang disimpan di ruang bawah tempat duduk skuternya. Dia mesti sampai ke rumah sebelum maghrib. Meskipun Ratna ada memintanya agar menunggu sehingga hujan reda, Haiqal tetap mahu pulang juga.

Dipetik daripada Novel *Silir Daksina*
Karya Nizar Parman
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bagaimanakah keadaan pantai Batu Buruk sewaktu Haiqal selesai berjumpa dengan Ratna?

[4 *markah*]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut*:

a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latif Talib
b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
f) Tirani, karya Beb Sabariah
g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, huraikan **satu** persoalan kerjasama yang terdapat dalam setiap novel.

[6 *markah*]

Praktis 5

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti,kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

"Malam ini aku perlu betulkan sikit lagi ingatan Alia. Aku takut dia tiba-tiba memberontak nanti," kata Dr. Maxi sebaik-baik sahaja mendengar pintu bilik Alia dihempas. Dia tahu Alia marah.

Perasaan Alia memang tidak pernah stabil. Oleh sebab dia ialah prototaip pertama Karl, dia ibarat ciptaan yang tidak pernah selesai. Perlu dipertingkat dan dibetulkan dari semasa ke semasa.

"Dulu Karl selalu sebut tentang masalah Alia dengan wanita lain. Kau ingat Aqeam?" Khairul Anwar bersuara.

Dipetik daripada *Novel Di Sebalik Dinara*
Karya Dayang Noor
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan, jelaskan perwatakan Alia berserta bukti.

[4 *markah*]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut*:

a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latif Talib
b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
f) Tirani, karya Beb Sabariah
g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** perwatakan watak utama.

[6 *markah*]

Praktis 6

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti,kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

"Terima kasih kerana sudi meminjamkan buku-buku ini kepada saya, See Hwa," ujar Haiqal. Dia meniup pisang tanduk goreng yang masih panas itu sebelum disuap ke mulutnya.

"Sama-sama. Itu sudah menjadi tanggungjawab saya. Lagipun ini amanah arwah ayah kamu. Berdosa kalau saya tidak tunaikan," balas See Hwa.

Haiqal tersenyum apabila mendengar kata-kata See Hwa itu. Anak bungsu Tauke Ong dan Puan Khei ini bukan sahaja cantik tetapi sangat berbudi bahasa. Perkara yang paling mengagumkan Haiqal adalah kefasihannya bertutur dalam bahasa Melayu.

Dipetik daripada Novel *Silir Daksina*
Karya Nizar Parman
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan di atas, nyatakan latar masyarakat yang ingin dipaparkan oleh pengarang.

[4 *markah*]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut*:

a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latif Talib
b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
f) Tirani, karya Beb Sabariah
g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** ciri istimewa watak utama yang menarik perhatian anda.

[6 *markah*]

Praktis 7

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti,kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bulan Ogos adalah bulan yang kukira sangat menyesakkan. Selain Seri Purnama dipilih sebagai tuan rumah sambutan Hari Kemerdekaan peringkat mukim, dalam bulan ini juga program Berkampung Bersama Puisi akan dilancarkan, iaitu seminggu sebelum sambutan kemerdekaan. Surat siaran telah diedarkan dan aku mampu menarik nafas lega apabila ramai penduduk di sekitar kawasan DUN ini berminat untuk menyertainya. Yang berhormat sendiri telah menyatakan persetujuannya untuk mendeklamasikan puisi pada malam perasmiannya nanti. Beliau juga amat teruja apabila menerima undangan sebagai perasmi. Begitulah berita yang disampaikan oleh Haji Kemat kepadaku.

Dipetik daripada Novel *Silir Daksina*
Karya Nizar Parman
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan, nyatakan persetujuan yang diberikan oleh Yang Berhormat kepada Haiqal.

[4 *markah*]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut*:

a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latif Talib
b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
f) Tirani, karya Beb Sabariah
g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** konflik yang dihadapi oleh watak utama dalam novel.

[6 *markah*]

Praktis 8

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti,kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

"Umi, yang umi beri kepada along selama ini memang tidak ada kurangnya. Cukup. Namun, along ke sana ada sebab. Along Cuma hendak memenuhi harapan ayah. Ayah yang suruh along ke sana, umi," jelas Haiqal.

"Along, ayah along dah tujuh tahun meninggal. Harapan apa lagi? Dah, lupakan sahaja hasrat along tu," tingkah uminya.

"Tapi, umi…along mesti ke sana juga. Banyak perkara yang perlu along ketahui. Along dah besar, umi," tegas Haiqal.

"Apa lagi yang along nak selesaikan? Cakap dengan Umi. Along mesti terima hakikat,ayah along sudah meninggal."

Dipetik daripada Novel *Silir Daksina*
Karya Nizar Parman
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan, berikan sebab-sebab along mahu ke kampung ayah along yang sudah meninggal.

[4 *markah*]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut*:

a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latif Talib
b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
f) Tirani, karya Beb Sabariah
g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** perwatakan watak sampingan dalam novel tersebut.

[6 *markah*]

Praktis 9

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti,kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Haiqal menyeka air mata yang menitis di pipinya. dia bagaikan mendengar bisikan itu, merintih dan meruntun sanubarinya. Hatinya bagai ditarik-tarik. Jika benar begitu yang tersurat, alangkah seksanya dan sunyinya hidup manusia bernama Abdullah bin Kayan itu. Terlalu memendam rasa sehingga Haiqal turut merasai tempiasnya.

"Wajarkah aku ke sana?" Tanya Haiqal kepada dirinya. Namun rasa hati kecilnya yang meruntun dan melonjak itu segera menurun apabila dia mengenangkan nasibnya nanti. Tiada sesiapa pun yang dikenalinya di sana. Sudah pasti juga tiada sesiapa yang akan mengenali dirinya, dan halangan yang paling besar, sudah tentu uminya.

Dipetik daripada Novel *Silir Daksina*
Karya Nizar Parman
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan, nyatakan halangan dan cabaran yang akan dialami oleh Haiqal untuk ke kampung ayahnya, Abdullah bin Kayan.

[4 *markah*]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut*:

a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latif Talib
b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
f) Tirani, karya Beb Sabariah
g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** contoh peristiwa yang menggambarkan unsur saspens dalam novel.

[6 *markah*]

Praktis 10

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti,kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

"Hah, sistem dinara ni aku rasa macam ada misteri sikit!" Nada suara Shida bertukar menjadi rendah. Seperti ada rahsia besar yang ingin dikongsi. "Aku baru baca tadi, Dinara sebenarnya hasil kerja Karl dan seorang lagi saintis iaitu Medina. Tetapi sebelum Dinara berjaya disiapkan, Medina telah menghilangkan diri. Tadi aku cuba cari maklumat tentang dia di arkib, aku cuma jumpa dua tiga dokumen sahaja. Sebab itu aku terus jadi musykil. "Shida menyuarakan sesuatu yang bersarang di mindanya.

"Itukah misterinya?" tanya Farisha yang tidak dapat menangkap keganjilan situasi tersebut.

Dipetik daripada *Novel Di Sebalik Dinara*
Karya Dayang Noor
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan, berikan misteri dan keganjilan situasi yang sedang disiasat oleh watak Farisha.

[4 *markah*]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut*:

a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latif Talib
b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
f) Tirani, karya Beb Sabariah
g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** contoh peristiwa yang menggambarkan teknik imbas kembali dalam novel.

[6 *markah*]

Praktis 11

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti,kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Dalam diam, sudah hampir lapan belas tahun rupa-rupanya Tauke Lim menetap di desa ini, betapa pantasnya perjalanan masa. Anak sulungnya kini sedang melanjutkan pengajian di Universiti Malaya dalam jurusan undang-undang. Anak keduanya, Ai Ching pula akan menduduki peperiksaan SPM. Ternyata Tauke Lim betah tinggal di desa ini. Bagaimana tidak? Dia dan keluarganya pandai menyesuaikan diri serta ringan tulang. Jika ada majlis keramaian seperti kenduri kahwin, dia akan turut rewang. Malah, tidak lupa untuk menyumbang bahan-bahan seperti gula dan beras. Pendek kata, hidupnya sekeluarga macam orang Melayu juga.

Dipetik daripada Novel *Silir Daksina*
Karya Nizar Parman
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan, bagaimanakah caranya Tauke Lim menyesuaikan diri dengan penduduk di Kampung Seri Purnama?

[4 *markah*]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut*:

a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latif Talib
b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
f) Tirani, karya Beb Sabariah
g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** latar tempat yang berkait rapat dengan peristiwa penting dalam hidup watak utama.

[6 *markah*]

Praktis 12

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti,kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Malam itu cuaca terasa agak dingin. Farisha mandi ala kadar dan terus masuk tidur. Tetapi kedinginan cuaca malam tidak mampu membantunya untuk terus lena. Dia masih teringatkan perbincangannya dengan Aqram petang tadi. Sistem Dinara sudah diceroboh. Kini, mereka semua bergantung kepadanya untuk menyelamatkan sistem itu. Kepalanya tiba-tiba terasa berat. Jika Rosman meninggalkannya, mampukah dia untuk melaksanakan tugasan ini?

Dipetik daripada Novel *Silir Daksina*
Karya Nizar Parman
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan, apakah perkara yang menyebabkan Farisha tidak dapat terus terlena pada malam itu?

[4 *markah*]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut*:

a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latif Talib
b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
f) Tirani, karya Beb Sabariah
g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** contoh peristiwa yang berlaku pada waktu pagi.

[6 *markah*]

Praktis 13

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti,kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

"Bukankah awak sedang koma? Bagaimana awak boleh bercakap dengan saya?" Farisha menyuarakan kekeliruannya. Alia yang mendengar setiap biji butir percakapannya, tiba-tiba terkejut.

"Maxi, bagaimana perempuan ini boleh berkomunikasi dengan Karl? Kau tidak beritahu aku!" Suara Alia separuh mengherdik. Rasa cemburunya mula menyelinap. Dia merasakan ini tidak adil. Mengapa perempuan ini dibenarkan berhubung dengan Karl, sedangkan dia tidak?

"Sabar Alia, Karl amat perlukan Farisha untuk melaksanakan sesuatu. Tolong berikan kerjasama, rayu Dr. Maxi sambil mengharapkan Alia tidak akan hilang pertimbangan.

Dipetik daripada *Novel Di Sebalik Dinara*
Karya Dayang Noor
Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Berdasarkan petikan, mengapakah Alia separuh mengherdik apabila Farisha dapat berkomunikasi dengan Karl?

[4 *markah*]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut*:

a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latif Talib
b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
f) Tirani, karya Beb Sabariah
g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **dua** novel yang anda pelajari, bincangkan **satu** kepincangan masyarakat yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

[6 *markah*]

Praktis 14

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti,kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Ratna tersenyum mendengar kata-kata Haiqal. "Sejak aku mengambil alih gerai ini daripada emak aku, macam inilah keadaannya. Mujurlah abang dan adik aku hendak membantu. Kalau tidak, terpaksalah menggajikan orang lain."

Sebenarnya Haiqal begitu mengagumi Ratna, rakan sekelasnya semasa berada dalam tingkatan empat dan lima. Gadis manis itu juga mempunyai cita-cita tinggi untuk menjadi usahawan berjaya. Setelah gagal mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan SPM, Ratna tidak menoleh ke belakang lagi. Dia terus membantu emaknya mengurus gerai itu sambil belajar cara hendak mengurus gerai itu sambil belajar cara hendak menguruskannya. Sudahnya, dia telah diberikan kepercayaan oleh emaknya untuk mengurus gerai ini.

"Baguslah kalau macam tu. Mudah-mudahan cita-cita kau untuk membuka restoran sendiri akan tercapai. Bolehlah aku makan percuma selalu!" ujar Haiqal diikuti ketawanya.

Dipetik daripada Novel *Silir Daksina*
Karya Nizar Parman
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan, mengapakah Haiqal begitu mengagumi Ratna?

[4 *markah*]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut*:

a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latif Talib
b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
f) Tirani, karya Beb Sabariah
g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **dua** novel yang anda pelajari, huraikan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam setiap novel.

[6 *markah*]

Praktis 15

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Mikrocip yang tertanam di dalam tubuh Farisha telah direka khas oleh Karl bagi membolehkan dia menyalurkan pemikirannya wanita itu. Dengan itu, Farisha boleh melaksanakan setiap tugasan yang diarah oleh Karl.

Mikrocip itu berupaya menjadi penerima isyarat dan mentafsirkannya kepada arahan dan seterusnya menggerakkan anggota tubuh Farisha untuk bertindak balas. Mikrocip itu merupakan hasil daripada kajian yang mengambil masa lebih 20 tahun.

Itu ialah ciptaan Karl yang agung dan tidak pernah diumumkan kepada media. Pihak pengurusan Soft Lab tidak mahu ciptaan sebegitu menjadi kontroversi. Teknologi sebegitu mungkin hanya boleh digunakan untuk tujuan ketenteraan ataupun pada waktu darurat. Karl menggunakan teknologi itu sebagai satu kaedah mirip kepada telepati supaya dia boleh berhubung dengan Farisha.

Dipetik daripada *Novel Di Sebalik Dinara*
Karya Dayang Noor
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan, nyatakan kepentingan mikrocip tersebut kepada Karl.

[4 *markah*]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut*:

a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latif Talib
b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
f) Tirani, karya Beb Sabariah
g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** contoh peristiwa yang menggambarkan nilai ketabahan dalam novel.

[6 *markah*]

Praktis 16

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti,kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Aqram dapat melihat rasa ragu, risau, dan marah yang bercampur aduk. Nampaknya ada sedikit keraguan yang terpalit di minda Farisha tentang projek yang ditawarkan oleh Aqram sebentar tadi. Farisha tidak yakin tawaran itu serius. Dia juga rupanya berasa risau akan kereta Rosman yang kerap rosak. Mungkin nanti ada tugasan-tugasan yang bakal tertangguh akibat ketiadaan kenderaan. Di sebalik rasa itu, dia juga menyimpan sekelumit amarah terhadap tindakan abangnya, Azraai yang dirasakannya agak mengongkong hidupnya dan membataskan kebebasannya akhir-akhir ini.

Aqram membuka kembali mata. Hanya itu sahaja maklumat yang berjaya diperolehnya. Dia tidak berjaya menerobos kenangan masa silam yang tersimpan rapi di ingatan Farisha. Mungkinkah dia ingat siapa dirinya? Dari mana dia datang? Apakah tujuan hidupnya?

Dipetik daripada *Novel Di Sebalik Dinara*
Karya Dayang Noor
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan, nyatakan maklumat yang Aqram berjaya perolehi menerusi pemikiran Farisha?

[4 *markah*]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut*:

a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latif Talib
b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
f) Tirani, karya Beb Sabariah
g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda kaji, terdapat peristiwa yang boleh diteladani. Berikan **satu** contoh peristiwa yang boleh diteladani dalam setiap novel kajian anda.

[6 *markah*]

Praktis 17

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti,kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

"Mahu saya padamkan ingatannya sepanjang lima minit tadi Dr. Maxi?" tanya Khairul Anwar yang sudah bersedia untuk melaksanakan tugasannya seperti yang dilakukan selepas setiap sesi antara Farisha dengan Karl.

"Jangan! Saya mahu Shida ingat perkara yang telah berlaku tadi. Saya ingin dengar daripada mulutnya sendiri perkara yang telah dialaminya." Naluri penyelidik dalam diri Dr. Maxi mula menguasai. Selama ini dia lebih menumpukan perhatian untuk menyelamatkan Dinara dan hanya menurut sahaja prosedur yang telah digariskan oleh Karl. Tetapi kali ini dia berdegil. Dia mahu tahu perkara yang berlaku di minda Shida selama lima minit tadi. Hal ini bakal menjadi satu lagi penemuan penting Soft Lab!

Dipetik daripada *Novel Di Sebalik Dinara*
Karya Dayang Noor
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan, pada pandangan anda mengapakah Dr Maxi melarang Khairul Anwar memadam ingatan Shida seperti yang dilakukan selepas sesi antara Farisha dengan Karl?

[4 *markah*]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut*:

a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latif Talib
b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
f) Tirani, karya Beb Sabariah
g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda kaji, anda menemui peristiwa yang memberi kesan positif kepada diri anda. Nyatakan **dua** peristiwa tersebut dengan mengemukakan bukti yang kukuh.

[6 *markah*]

Praktis 18

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti,kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

> "Tapi yalah, zaman dah berubah. Budak-budak sekarang dah kurang berminat dengan kebudayaan tradisional ni. Banyak hiburan lain yang lebih sesuai dengan cita rasa mereka. Suatu hari nanti mungkin dah tak ada lagi pewaris muzik zapin macam kita ni," kata Haji Salim.
>
> Dipetik daripada Novel *Silir Daksina*
> Karya Nizar Parman
> Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan, nyatakan sebab-sebab Tarian Zapin semakin dilupakan oleh generasi muda?

[4 *markah*]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut*:

a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latif Talib
b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
f) Tirani, karya Beb Sabariah
g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **dua** novel yang anda pelajari, jelaskan **satu** peristiwa yang menarik dalam novel tersebut.

[6 *markah*]

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 *markah*]

Praktis 1

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah ini, kemudian buat satu **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan atau bahan.*

Bahan 1 – Petikan

Umumnya, hanya sebilangan kecil generasi muda di negara kita yang bijak menguruskan kewangan. Kebanyakan daripada mereka gagal menguruskan kewangan atas pelbagai faktor. Mereka lebih mementingkan gaya hidup mewah tanpa memikirkan kesannya terhadap kemampuan kewangan mereka. Amalan gemar memiliki telefon pintar atau alat elektronik tercanggih di pasaran dan bertukar-tukar model terbaharu menjadi trend generasi terkini. Hal ini menunjukkan generasi muda perlu mempunyai ilmu tentang pengurusan kewangan lebih-lebih lagi semasa berlakunya kegawatan ekonomi. Oleh itu, generasi muda dinasihatkan supaya tidak membazir ketika berbelanja. Hal ini demikian kerana, sebilangan daripada mereka gemar membeli barangan berjenama yang mahal harganya menyebabkan mereka menghadapi masalah dalam menguruskan kewangan. Mereka sepatutnya menyediakan senarai perbelanjaan untuk memastikan kewangan sentiasa terurus.

Kebanyakan generasi muda yang baru memasuki alam pekerjaan perlu membayar balik wang pinjaman pembiayaan pelajaran. Dalam hal ini, mereka sepatutnya memperuntukkan sebahagian daripada pendapatan bulanan untuk membayar balik wang pinjaman tersebut. Perkara ini sangat penting bagi memastikan mereka dapat menguruskan kewangan masing-masing. Dalam hal perkahwinan pula, generasi muda gemar memilih pakej perkahwinan yang terkini. Mereka seharusnya memilih pakej perkahwinan mengikut kemampuan masing-masing. Pada masa yang sama, kos yang tinggi diperlukan untuk memulakan kehidupan baru dalam berkeluarga. Oleh yang demikian, pasangan yang baru berkahwin disarankan supaya tinggal bersama-sama ibu bapa untuk sementara sebagai langkah penjimatan. Dalam tempoh berkenaan, pasangan tersebut dapat menabung sebagai persediaan membeli rumah. Sebenarnya, pembelian rumah pada usia muda adalah lebih baik bagi mendapatkan tempoh pembiayaan yang lebih anjal. Bagi pasangan yang menyewa rumah, mereka perlulah memastikan kadar sewaan rumah tidak melebihi 30 peratus daripada pendapatan bulanan isi rumah.

Sehubungan itu, perancangan awal untuk menguruskan kewangan bagi semua perkara perlu dilakukan. Kita juga janganlah mengikut nafsu ketika berbelanja, terutama apabila mempunyai wang lebihan. Sebagai contoh, apabila mendapat bonus, pelbagai keinginan akan terlintas dalam fikiran seperti kereta baharu, perabot baharu, dan percutian. Selain itu, pengurusan kewangan menjadi semakin mencabar apabila kad kredit mudah dimiliki. Penggunaan kad kredit yang sewenang-wenangnya menyebabkan penggunanya menanggung bebanan hutang.

Dipetik dan diubah suai daripada "Gen Y Suka Membazir"
oleh Alzahrin Alias, *Berita Harian,* 15 Mac 2014

Bahan 2 - Grafik

Praktis 2

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah ini, kemudian buat satu **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan atau bahan.*

Bahan 1 – Petikan

Telefon pintar merupakan alat komunikasi yang penting dalam kehidupan masyarakat. Namun begitu, telefon pintar boleh menyebabkan sesetengah murid bertindak agresif dengan merakamkan aktiviti yang tidak bermoral walaupun sekadar gurauan. Murid mudah terpengaruh oleh persekitaran dan mempunyai perasaaan ingin mencuba terhadap perkara yang dilihatnya dan akhirnya menjadi kebiasaan mereka.

Telefon pintar yang dilengkapi dengan kemudahan multimedia akan *mendatangkan impak yang besar* terhadap perubahan tingkah laku murid, misalnya mereka mudah leka akan peranti masing-masing dan kurang berinteraksi dengan rakan-rakan. Mereka lebih mementingkan hiburan berbanding dengan pelajaran. Oleh yang demikian, pelajaran murid-murid terabai dan pencapaian akademik mereka kian merosot. Murid-murid juga mudah terpengaruh oleh budaya tidak sihat yang tersebar melalui aplikasi telefon pintar.

Secara tidak langsung, penggunaan telefon pintar boleh menyebabkan murid-murid mengalami masalah untuk berkomunikasi dengan masyarakat. Misalnya, mereka lebih yakin apabila berkomunikasi secara maya, iaitu menerusi aplikasi Whatsapp dan sebagainya, namun mereka menjadi gagap dan kurang keyakinan diri apabila bersemuka dengan masyarakat. Lebih malang lagi, murid-murid lebih gemar membaca khidmat pesanan ringkas (SMS) berbanding dengan membaca buku. Walau bagaimanapun, penggunaan telefon pintar membolehkan murid-murid untuk menghubungi keluarga. Telefon pintar juga boleh menjadi sumber maklumat jika digunakan dengan baik. Namun begitu, penggunaan telefon pintar sehingga lewat malam boleh menyebabkan mereka tidak mendapat tidur yang cukup sehingga membawa kepada perubahan personality seperti kemurungan dan kurang tumpuan terhadap akademik.

Murid merupakan asset negara dan generasi yang bakal menjadi pemimpin pada masa hadapan. Arahan Kementerian Pendidikan Malaysia melarang murid-murid membawa telefon bimbit ke sekolah patut dipatuhi demi kebaikan semua pihak.

(Dipetik dan diubah daripada rencana “Larangan Telefon Pintar untuk Pelajar Sekolah” oleh Sa’adiah Shuib, *Dewan Masyarakat*, April 2015)

Bahan 2 – Grafik

Praktis 3

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah ini, kemudian buat satu **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan atau bahan.*

Bahan 1 – Petikan

Mengigau semasa tidur adalah sejenis parasomnia iaitu kelakuan abnormal semasa sedang tidur. Mengigau merupakan sesuatu yang agak normal dan kebiasaannya tidak nempunyai kaitan dengan apa-apa masalah kesihatan. Pun begitu, hal ini masih mendatangkan kebimbangan kerana masalah mengigau semasa tidur akan memudaratkan kualiti tidur.

Sehingga kini, masih tidak dapat ditemui punca utama keadaan ini berlaku. Namun begitu, antara faktor luaran yang mungkin menyebabkan keadaan ini berlaku ialah mimpi yang dialami ketika tidur terutamanya mimpi ngeri. Hal ini dikatakan demikian kerana mimpi ngeri yang dialami boleh menyebabkan individu terkeliru antara dunia mimpi dengan dunia realiti. Keadaan ini sebenarnya boleh mendatangkan mudarat yang lain. Sebagai contoh, individu yang mengigau cenderung untuk melakukan perbuatan atau percakapan yang agresif seperti menjerit, dan memukul. Ada juga yang mendatangkan kecederaan kepada dirinya atau individu yang tidur bersamanya. Selain itu, ada kajian yang mengaitkan keadaan mengigau semasa tidur dengan keletihan yang melampau. Secara logiknya, individu yang terlalu letih ekoran terlalu sibuk dengan urusan seharian tidak akan dapat tidur yang cukup dan berkualiti.

Dalam pada itu, stres juga mungkin merupakan punca mengigau semasa tidur. Individu yang mengalami stres tidak akan dapat tidur yang cukup dan berkualiti sekali gus menyebabkan kita mengigau semasa tidur. Mengalami masalah kesihatan juga didakwa menjadi punca keadaan mengigau semasa tidur. Ketika sakit, antibodi kita berada dalam keadaan yang sangat lemah lalu menyebabkan badan kita berada di luar kawalan yang biasa. Kesan pengambilan ubat-ubatan juga boleh menyebabkan keadaan mengigau semasa tidur. Walaupun agak jarang ditemui, mengigau ketika tidur juga mungkin berpunca daripada penyakit gangguan tidur yang dialami oleh individu. Antara penyakit tersebut ialah *sleep behavior disorder* (RBD) dan *nocturnal sleep-related eating disorder* (NS-RED). RBD merupakan kondisi yang menyebabkan individu itu menjerit atau melakonkan keadaan yang mereka alami dalam mimpi mereka yang selalunya dilakukan secara agresif. NS-RED pula merupakan kondisi yang akan menyebabkan individu itu makan ketika tidur.

Konklusinya, jika pasangan, keluarga, kawan atau sesiapa sahaja individu yang kerap tidur bersama dengan kita mengadu bahawa mereka pernah mengigau semasa tidur, segeralah berjumpa doktor untuk mengetahui puncanya bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana
"Mengigau" Oleh Ahmad Farid,
Majalah PENDIDIK, APRIL 2019 Bil: 134
Sumber. hellodoktor.com

Bahan 2 -Grafik

Praktis 4

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah ini, kemudian buat satu **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan atau bahan.*

Bahan 1 – Petikan

Zaman remaja merupakan zaman yang paling mencabar yang perlu ditempuh oleh setiap insan, sebelum bergelar insan dewasa. Perubahan demi perubahan ini menyebabkan sesetengah remaja itu keliru dan tertekan, sehingga mengakibatkan mereka ***mengalami kecelaruan*** dalam segenap aspek kehidupan. Hal ini mengakibatkan sesetengah remaja cenderung untuk melakukan perkara di luar jangkaan, termasuklah memberontak, mengingkari arahan ibu bapa, dan menghadapi masalah. Oleh itu, remaja haruslah sentiasa berpandangan jauh dan berfikiran positif dalam melakar titik permulaan untuk menjadi seorang yang berkepemimpinan.

Zaman remaja merupakan zaman yang paling kritikal dan juga berharga. Hal ini dikatakan demikian kerana zaman ini penuh dengan cabaran dan juga kegemilangan. Oleh hal yang demikian, remaja seharusnya tidak mensia-siakan usia remaja mereka dengan perkara yang negatif, bahkan perlu diisi sebaik-baiknya dengan perkara yang dapat membentuk pemikiran yang kritis dan keperibadian yang mulia. Remaja wajar *menguruskan masa* dengan bijak supaya setiap saat yang berlalu ada manfaatnya kepada diri. Sesungguhnya masa yang berlalu tidak akan kembali, begitu juga dengan usia remaja yang hadir hanya sekali dalam seumur hidup. Dalam hasrat untuk membentuk pemikiran dan keperibadian yang terpuji, remaja perlu berusaha mempelajari ilmu agama dengan bersungguh-sungguh agar hasrat tersebut tercapai. Golongan remaja yang berpendidikan agama sering mendekatkan diri kepada Tuhan dengan mentaati segala arahan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Melalui pembelajaran ilmu agama yang lebih mendalam, sudah tentunya remaja mendapat input yang berguna untuk dipraktikkan dalam kehidupan.

Ajaran agama juga menuntut remaja mentaati kedua-dua ibu bapa selagi ketaatan tersebut tidak menyalahi hukum-hakam agama bagi membentuk pemikiran dan perwatakan yang mulia. Hargailah segala pengorbanan dan penat lelah ibu bapa yang berusaha untuk membesarkan anda bagai menatang minyak yang penuh. Di samping itu, dalam usaha menuntut ilmu di sekolah, para remaja hendaklah menghormati guru pada setiap masa. Penat lelah guru-guru dalam mendidik tidak patut dilupakan. Malah ilmu yang diterima akan menjadi lebih berkat dengan memuliakan mereka. Kebijaksaan dalam memilih rakan pergaulan juga penting dalam melahirkan remaja yang baik. Tidak dapat dinafikan bahawa sikap dan perlakuan rakan dapat mempengaruhi rakannya yang lain justeru pengaruh yang baik pasti mencetuskan emosi dan rohani yang seimbang dalam diri remaja.

Secara tuntasnya, usaha pembentukan akal dan sahsiah yang terpuji dalam kalangan remaja memerlukan komitmen yang tinggi oleh remaja itu sendiri. Remaja sewajarnya konsisten dalam usaha mencapai cita-cita tanpa mengenal erti putus asa. Hal ini amat penting bagi melahirkan remaja yang mampu berdepan dengan dunia hari ini yang penuh dengan pancaroba. Remaja merupakan pewaris negara, dan negara memerlukan pewaris yang mempunyai pemikiran dan perwatakan yang terpuji untuk mencorak pentadbiran negara pada masa hadapan.

(Dipetik dan diubah suai daripada ‘
Sahsiah Remaja Cerminan Masa Depan Negara’
oleh Muhammad Lutfi Zahid *Dewan Siswa,* Jun 2018)

Bahan 2: Grafik

Punca Kebejatan Sosial dalam Kalangan Remaja



(Sumber:Internet)

Praktis 5

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah ini, kemudian buat satu **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan atau bahan.*

Bahan 1 – Petikan

Di saat kita semakin serasi dengan perubahan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dan transformasi digital yang berlaku sepanjang pandemik COVID-19, negara dikejutkan pula dengan isu ancaman siber daripada kumpulan penggodam seperti 'Anonymous Malaysia' yang mampu mengancam sektor keselamatan siber di Malaysia.

Kerajaan menerusi Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) memiliki garis panduan keselamatan pelayan (server) untuk kegunaan organisasi kerajaan. MAMPU memerlukan setiap organisasi mengikuti segala garis panduan yang membabitkan aspek operasi dan kewangan. Ini termasuklah keperluan sesebuah organisasi meningkatkan penguatkuasaan pematuhan teknologi mengikut piawaian antarabangsa, terutama membabitkan proses perolehan dan kewangan yang menjadi tunjang utama kepada sesebuah perkhidmatan.

Setiap organisasi badan kerajaan perlu diwajibkan untuk melaksanakan latihan siber dan prosedur keselamatan siber pada peringkat organisasi. Dalam konteks keselamatan sistem, dua perkara asas yang wajib dilaksanakan pada peringkat sesuatu organisasi ialah pemasangan sistem pengesanan pencerobohan dan pemantauan serta penguatkuasaan keselamatan siber. Organisasi perlu sentiasa peka dan proaktif dalam memantau sistem terbabit, pada masa yang sama, sesebuah organisasi haruslah meningkatkan penggunaan sistem amaran bagi setiap pelayan yang digunakan. Usaha sedemikian secara tidak langsung menyumbang kepada keselamatan siber.

Pelbagai inisiatif kesedaran keselamatan siber di Malaysia sedang dijalankan oleh organisasi berkaitan menerusi pelbagai pendekatan dan kumpulan sasaran. Contohnya, kempen CyberSAFE dikendalikan CyberSecurity Malaysia dan kempen 'Klik Dengan Bijak' yang diperkenalkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Bank Negara Malaysia (BNM) pula dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bekerjasama menghasilkan buku kecil mengenai panduan menjalankan perniagaan dan urus niaga elektronik. Justeru, agenda kesediaan keselamatan siber perlu dipupuk pada peringkat organisasi dan nasional dengan komitmen lebih besar.

Ahli akademik dan penyelidik perlu memainkan peranan penting dengan menghasilkan inovasi penyelidikan berimpak dalam bidang keselamatan siber yang mampu mempertahankan negara daripada serangan penggodam. Sebagai contoh, keperluan keselamatan siber perlu dijadikan kurikulum dalam kursus berkaitan, antaranya pengaturcaraan perisian (pengekodan selamat), perisian dan kitaran pembangunan sistem, pangkalan data, sistem operasi, sistem rangkaian serta pembangunan platform aplikasi lintas.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Keselamatan Siber Mantap Kunci Pertahanan Negara' oleh
Prof Dr R Badlishah Ahmad dan Suhizaz Sudin, *bhrencana@bh.com.my*

Bahan 2

Praktis 6

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah ini, kemudian buat satu **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan atau bahan.*

Bahan 1 – Petikan

Patriotisme pada umunnya dikaitkan dengan semangat kecintaan dan pengorbanan yang kuat untuk negara. Semangat cinta akan negara ini perlu disemai dan dipupuk dalam kalangan remaja kerana semangat ini tidak hadir sendiri tanpa memahami sejarah negara secara jelas. Sejak akhir-akhir ini, semangat patriotisme dikatakan semakin menipis dalam diri remaja kerana generasi pascamerdeka itu tidak pernah merasai jerih perih seperti yang dialami pejuang kemerdekaan tanah air suatu ketika dahulu. Mereka juga berasa selesa dengan kehidupan hari ini. Sehubungan dengan itu, semangat patriotisme mesti disemai melalui sistem pendidikan khususnya dalam mata pelajaran Sejarah, bermula dari peringkat sekolah rendah lagi. Pada masa yang sama, penerapan elemen sejarah melalui mata pelajaran lain seperti Bahasa Melayu, Kajian Tempatan dan Kesusasteraan Melayu turut dapat menyemai semangat patriotisme.

Untuk membina semangat patriotisme dan rasa cinta remaja terhadap negara, pelbagai aktiviti menarik boleh dilaksanakan melalui aktiviti kokurikulum di sekolah seperti Persatuan Sejarah, Kelab Rukun Negara dan Kelab Setia. Di samping itu, kempen sayangi negara hendaklah diadakan secara berterusan. Media elektronik seperti televisyen dan radio perlu menyiarkan dokumentari tentang pejuang kemerdekaan dan menayangkan filem-filem yang berkaitan dengan peristiwa bersejarah negara kita. Penyebaran maklumat tentang peristiwa bersejarah melalui laman sosial perlu dilaksanakan dengan harapan remaja dapat menggunakan kreativiti mereka dengan memuat naik peristiwa-peristiwa sejarah secara interaktif supaya semangat patriotisme dapat diterapkan. Selain itu, program sambutan bulan kemerdekaan perlu dijalankan untuk menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan remaja. Program-program seperti pertandingan nyanyian lagu patriotik, pementasan teater dan drama yang bercorak kenegaraan boleh dianjurkan oleh badan bukan kerajaan, pihak sekolah dan agensi-agensi kerajaan supaya mesej semangat cinta akan negara sampai kepada *golongan sasaran*. Namun, program tersebut kurang berjaya dalam mencapai matlamatnya kerana kurangnya penghayatan para remaja dalam aktiviti bercorak kenegaraan tersebut.

Dalam memupuk semangat patriotisme, ibu bapa turut memainkan peranan penting dengan menunjukkan teladan kepada anak-anak. Misalnya, ibu bapa bersama anak-anak mengibarkan Jalur Gemilang atau melawat tempat-tempat bersejarah tanah air. Akan tetapi, terdapat segelintir ibu bapa yang kurang berperanan dalam menerapkan semangat patriotisme dalam jiwa anak-anak mereka menyebabkan hasrat untuk memupuk semangat terjejas. Para remaja juga perlu dididik dan diterapkan konsep berpegang pada prinsip Kesetiaan kepada Raja dan Negara yang terdapat dalam Rukun Negara. Penerapan terhadap prinsip ini diharap dapat melahirkan remaja yang bersemangat patriotisme dalam meniti arus globalisasi. Oleh itu, setiap rakyat negara ini perlu mempunyai semangat patriotisme dalam mempertahankan maruah bangsa, agama dan negara tercinta.

(Dipetik dan diubah suai daripada ‘
Memupuk Semangat Patriotisme melalui Sejarah’
oleh Azam Rahman *Dewan Siswa*, Ogos 2014)

Bahan 2: Grafik



Praktis 7

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah ini, kemudian buat satu **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan atau bahan.*

Bahan 1 – Petikan

Perancangan pembinaan bangunan korporat baharu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dimulakan sejak 2011 melalui proses ketat di bawah tiga Perdana Menteri. Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee menyatakan bahawa pembinaan ini dirancang melalui kaedah 'land swap' atau pertukaran tanah mengikut tatacara perolehan yang berkuat kuasa dan mendapat kelulusan Kabinet. Beliau menjelaskan bahawa bangunan FAMA itu nanti akan menyediakan pusat jualan agrobazaar bagi memasarkan produk pertanian dan agromakanan.

Fungsi dan peranan FAMA telah diperkemas dengan melaksanakan pemasaran baharu seperti melaksanakan pendigitalan dan e-commerce (e-dagang). Petani-petani kecil diberi bimbingan bagi menyediakan produk-produk keperluan pemasaran moden agar terus relevan dengan keperluan industri. FAMA akan terus memainkan peranan penting untuk membantu pemasaran produk agro makanan. Mengenai penambahbaikan kebolehpasaran produk pertanian untuk pasaran domestik dan antarabangsa, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee menyatakan bahawa dalam Rancangan Malaysia ke-12, kementerian akan melaksanakan pemadanan bekalan makanan dan output pertanian dengan pemasaran melalui pemadanan perniagaan. Kerajaan juga merancang sokongan harga lantai dan insentif MyGap serta kursus pemasaran pusat pengumpulan ladang yang boleh dimanfaatkan 5,000 peserta dengan nilai dagangan RM300 juta.

Dalam pada itu, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) telah dilantik sebagai pemborong tunggal di bawah program Insentif Benih Padi Sah yang sah. Agensi ini juga menguruskan subsidi input, baja, racun serta ejen pemborong tunggal benih pada harga siling RM35 sekampit atau 20 kilogram setiap beg. NAFAS juga bertanggungjawab dalam sistem e-padi, dividen dan tabung bencana padi dan pengedaran serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) padi. Kerajaan akan terus memantau peranan yang diberikan kepada NAFAS ini supaya terus menjadi unggul bagi menangani isu padi dan sawah di seluruh negara.

Dipetik dan diubah suai daripada " Dewan Rakyat: Rancangan bina bangunan baharu FAMA sejak 2011", *Berita Harian*, 2 Disember 2020

Bahan 2: Grafik

LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN MEMAJUKAN SEKTOR PERTANIAN

- memberi perhatian pada pembangunan R&D untuk membuat penyelidikan dalam bidang pertanian
- membangunkan bidang bioteknologi untuk memajukan sektor pertanian negara
- memberi pinjaman kepada mereka yang ingin melibatkan diri dalam sektor pertanian secara komersial
- mewujudkan program Agropreneur Muda
- memastikan supaya hasil pertanian negara mampu bersaing dengan negara-negara lain
- mengadakan latihan pertanian, kursus jangka pendek dan kursus jangka panjang

Sumber: Portal rasmi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

Praktis 8

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah ini, kemudian buat satu **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan atau bahan.*

Bahan 1 – Petikan

Warisan seni Budaya merupakan aspek penting yang melambangkan identiti bangsa sesebuah negara. Melalui warisan seni budaya, ciri keunikan yang dimiliki oleh sesuatu bangsa jelas terpancar dan dapat dikenalpasti dengan jelasnya. Warisan seni budaya yang bersifat "tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan" juga mencerminkan corak kehidupan setiap bangsa yang berbeza antara satu sama lain.

Warisan seni budaya setiap bangsa lain yang unik dan unggul dapat menarik minat bangsa lain untuk menghayati dan mendalaminya. Hal ini amat berkesan untuk memupuk perpaduan antara kaum. Hubungan yang terjalin antara setiap bangsa juga dapat dieratkan. Kepelbagaian warisan seni budaya turut menjadi pemangkin kemajuan industri pelancongan. Pelancong tertarik kepada keunikan warisan seni budaya setiap bangsa di negara kita.

Ketika negara sedang mengorak langkah ke era kemajuan, usaha pengekalan warisan seni budaya perlu dilakukan dengan inisiatif yang baik daripada semua pihak. Pihak tersebut termasuklah institusi pendidikan yang menjadi saluran utama untuk melahirkan generasi muda yang celik dan meminati warisan seni budaya yang diwarisi sejak turun-temurun.

Media massa juga perlu memperkenalkan warisan seni budaya setiap bangsa dari semasa ke semasa untuk memastikan generasi muda mendapat pendedahan yang luas daripada anggota masyarakat dari segenap lapisan. Demi menangani cabaran perkembangan teknologi maklumat, warisan seni budaya setiap bangsa perlu diasimilasikan dengan teknologi maklumat dengan syarat tidak menjejaskan acuan asal warisan seni budaya yang diwarisi.

Dipetik dan diubah suai daripada cetusan pendapat
"Kepentingan Pengekalan Warisan Seni Budaya",
oleh Loh Chun Chuan, *Dewan Siswa*, Julai 2016

Bahan 2: Grafik


Tempat dan bangunan sejarah perlu dikekalkan dan dipulihkan
Kempen
Rakan Seni Budaya
Usaha mengekalkan warisan seni budaya
Ceramah
wawancara
Aktiviti kokurikulum di sekolah dengan mengikuti pertandingan seni budaya

Praktis 9

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah ini, kemudian buat satu **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan atau bahan.*

Bahan 1 – Petikan

Pelbagai transformasi dilaksanakan oleh kerajaan demi meningkatkan kredibiliti perkhidmatan awam di negara ini. Perkhidmatan awam yang dianggotai kira-kira 1.2 juta orang kakitangan tidak terkecuali daripada terlibat dalam transformasi sejajar dengan tuntutan untuk menzahirkan aspirasi kerajaan. Semua penjawat awam perlu berganding bahu dan berazam untuk merealisasikan aspirasi kerajaan yang mengutamakan prestasi dan bertunjangkan keutamaan kepada rakyat.

Peranan penjawat awam amat signifikan dalam melaksanakan agenda negara. Teguran sering dibuat terhadap sikap negatif kakitangan awam yang kurang mesra di kaunter-kaunter apabila berurusan dengan pelanggan. Keadaan ini berlaku disebabkan sikap segelintir kakitangan awam yang tidak bertanggungjawab sehingga mencalarkan nama baik penjawat awam. Kakitangan awam perlu membudayakan kreativiti dan inovasi penjawat awam. Sementara itu, dalam usaha untuk memastikan setiap ringgit yang dibelanjakan mendapat pulangan nilai paling maksimum kepada kerajaan dan rakyat, amalan nilai untuk wang perlu dilaksanakan. Hal ini demikian kerana kerajaan telah berbelanja berjuta-juta ringgit setiap tahun hanya untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam.

Perkara paling penting ialah kakitangan awam sendiri perlu melakukan anjakan paradigma untuk menghadapi cabaran pada masa depan. Pelbagai penyelesaian terbaik demi memartabatkan negara ke tahap yang lebih tinggi perlu dilaksanakan. Mereka hendaklah bersama-sama memberikan sepenuh komitmen dalam memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan. Mereka juga perlu meningkatkan nilai integriti ketika bertugas. Peningkatan tahap integriti ini amat selari dengan komitmen kerajaan yang mahu mewujudkan sebuah pentadbiran yang mendahulukan rakyat dan mengutamakan pencapaian.

Pembaharuan demi pembaharuan yang dilakukan mampu menutup ruang-ruang kosong dalam meningkatkan mutu perkhidmatan awam di negara ini. Hasrat kerajaan untuk mempertingkatkan daya saing negara di persada antarabangsa bakal menjadi kenyataan tidak lama lagi. Semangat kerja secara berpasukan juga perlu diterapkan dalam setiap tugas yang dilaksanakan demi mencapai sasaran yang ditetapkan. Impaknya, pertumbuhan ekonomi negara dapat ditingkatkan di samping mengurangkan kos pengurusan dan perbelanjaan kerajaan. Dalam pada itu, keadaan politik negara juga stabil dan kukuh serta dapat meningkatkan imej negara di persada dunia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Transformasi Perkhidmatan Awam'
Oleh Abd. Kadir Mohd. Ayub
Dewan Masyarakat, Februari 2015

Bahan 2 - Grafik

Praktis 10

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah ini, kemudian buat satu **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan atau bahan.*

Bahan 1 – Petikan

Hutan paya bakau adalah khazanah dunia yang perlu dipelihara dengan baik demi kepentingan sejagat. Apa yang uniknya mengenai hutan paya bakau ini ia hidup di antara laut dan darat serta kaya dengan biodiversiti. Pensyarah Institut Sains Biologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya (UM), Profesor Madya Dr. Rozainah Mohammad Zakaria berkata, hutan paya bakau di persisiran pantai merupakan lokasi penting yang mempunyai kepelbagaian hidupan.

Paya bakau memainkan peranan sebagai penampan dengan mengurangkan kesan gelombang ombak dari arah laut. Paya bakau juga menjadi agen penting memerangkap enapan iaitu satu proses penambakan secara semula jadi akibat aktiviti pasang surut air laut. Masyarakat perlu tahu dan sedar mengenai kepentingan paya bakau yang biasanya wujud di persisiran pantai. Ia mampu melindungi infrastruktur kampung-kampung daripada tiupan angin kencang. Paya bakau juga penting kepada kehidupan marin seperti ikan untuk bertelur dan tempat anak-anak ikan berlindung sebelum masuk ke laut. Justeru, banyak keistimewaan yang boleh dimanfaatkan daripada paya bakau ini khususnya kepada ekosistem alam sekitar.

Selain itu kewujudan paya bakau di sesebuah lokasi juga sangat penting sebagai pusat takungan karbon dalam memelihara alam sekitar. Ia mampu memulihkan tahap pencemaran udara di kawasan sekeliling bergantung kepada keluasan hutan paya bakau itu sendiri. Namun paya bakau di negara kita kian diancam kepupusan akibat kerakusan manusia. Ancaman terbesar paya bakau adalah disebabkan oleh pencemaran. Selain itu pembukaan kawasan ternakan udang secara haram juga telah mengurangkan kawasan paya bakau. Oleh itu, usaha penanaman anak-anak pokok bakau secara berterusan di kawasan tanah berlumpur mampu mengatasi masalah kepupusan hutan paya bakau di negara ini.

Kelangsungan hidup paya bakau memerlukan pelbagai usaha dari semua kelompok masyarakat yang berkesedaran tinggi tentang kepentingan tumbuhan tersebut kepada ekosistem. Tanpa usaha yang jitu paya bakau akan menjadi populasi tumbuhan yang hanya diketahui nama tanpa rupa. Sesungguhnnya kawasan paya bakau memiliki sejuta keistimewaan untuk dihargai oleh seluruh masyarakat Malaysia.

(dipetik dan diubahsuai daripada
Tanggungjawab Memelihara Hutan di antara Laut dan Darat
Oleh Fifi Harteeny Marzuki
Kosmo 14 Ogos 2019

Bahan 2 - Grafik

Omar (kiri) menyerahkan pembayaran akhir kepada Pengurus Global Environment Centre (GEC), R Nagarajan untuk Fasa 1 melibatkan penanaman 10,600 pokok bakau di Sungai Limau, Manjung pada 6 Januari 2021

Praktis 11

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah ini, kemudian buat satu **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan atau bahan.*

Bahan 1 – Petikan

Sejak dahulu lagi sesebuah sekolah dianggap tidak lengkap jika tidak mempunyai satu perpustakaan. Perpustakaan itu pula dianggap sebagai *gedung ilmu* dan sumber pengetahuan. Hal ini bermakna, kalau sebelum ini perpustakaan merupakan pusat pengumpulan bahan bercetak dan bilik alat yang merupakan tempat pengumpulan bahan-bahan alat pandang dengar, sekarang kedua-dua tempat ini diintegrasikan untuk menjadi pusat sumber sekolah.

Pusat sumber sekolah berfungsi sebagai pusat untuk menyediakan, menyimpan, mengedarkan, dan memberi perkhidmatan koleksi bahan. Sama ada bersaiz sekadar sebuah bilik darjah ataupun berdiri megah berbentuk bangunan sendiri, pusat sumber sekolah berpotensi besar dalam meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dan tahap intelektual warga sekolah, khususnya murid. Usaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu yang menjadi satu daripada fokus tahunan pusat sumber sekolah. Pusat sumber sekolah dapat mengadakan kolaborasi dengan Panitia Bahasa Melayu dalam program peningkatan akademik.

Pusat sumber sekolah juga merupakan tempat berlakunya segala kegiatan yang bertujuan untuk meningkatkan pencapaian dalam proses pengajaran dan pemelajaran. Konsep pusat sumber sekolah ini adalah berkaitan dengan konsep pendidikan moden, iaitu untuk mewujudkan keadaan belajar secara kendiri. Dengan yang demikian, setiap individu boleh menentukan kehendak pelajarnya dan merancang sesuatu bagi memupuk keperluan dan kehendak yang tersendiri. Pusat sumber sekolah sememangnya dapat membantu dan membaiki kualiti pendidikan negara agar dapat memberikan asas yang kukuh bagi membentuk masyarakat berpengetahuan. Oleh itu, golongan pendidik sentiasa diingatkan supaya menghasilkan pengajaran yang berkesan.

Pada masa yang sama, pusat sumber sekolah perlu dilengkapi dengan alat bahan, dan kemudahan. Pusat sumber yang lengkap dan menepati kehendak pelanggannya membolehkan proses capaian maklumat dilaksanakan dengan berkesan. Antaranya termasuk penyediaan keratan akhbar dan koleksi rencana daripada majalah. Selain itu, pusat sumber sekolah mampu menghasilkan bahan-bahan yang mudah dan murah, tetapi berkesan kepada pelanggannya. Jadi, pusat sumber sekolah disediakan bertujuan untuk memajukan sumber pelbagai media bagi kegunaan guru dan pelajar.

Tegasnya, dapatlah dikatakan bahawa peranan pusat sumber sekolah sangat luas. Di samping memupuk minat gemar membaca dan membuat penyelidikan, diharapkan apabila pelajar dapat memanfaatkan pusat sumber sekolah, mereka akan dapat menjadi pelajar yang berdedikasi, berfikiran matang, berdisiplin, dan dapat mengembangkan bakat, serta kebolehan mereka berdasarkan minat dan kecenderungan masing-masing.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Pusat Sumber Meningkatkan Penguasaan Bahasa Melayu'
oleh Zuridah Hanim Md. Akhir,
Pelita Bahasa, April 2011

Bahan 2 - Grafik

KEMPEN NILAM PERINGKAT DAERAH

*Pertandingan NILAM
*Sambutan Bulan Galakan Membaca (April)
*Pertandingan Bercerita

20.10.2020 (Selasa) 7.00 Pagi-5.00 Petang

Pusat Sumber SMK Bukit Garam II **Kinabatangan**

Praktis 12

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah ini, kemudian buat satu **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan atau bahan.*

Bahan 1 – Petikan

Bagi sesetengah pihak, merokok umpama makanan harian yang tidak dapat dipisahkan. Ada juga dalam kalangan mereka yang mengaitkan perbuatan menghisap rokok sebagai status yang menunjukkan seseorang individu tersebut telah matang atau sebagai melambangkan imej yang bersifat kemegahan. Biar apapun pandangan dan pendapat daripada individu tersebut, seluruh makhluk yang mampu berfikir dengan waras tetap berpandangan bahawa perbuatan menghisap rokok adalah sesuatu yang perlu dielakkan kerana perbuatan ini merupakan satu pembaziran wang secara jelas, apatah lagi dengan kenaikan harga rokok yang melambung tinggi. Rokok yang dibakar adalah umpama membakar wang kertas yang sepatutnya dapat digunakan untuk tujuan lain yang lebih berfaedah.

Ramai sedia maklum bahawa menghisap rokok menjadi punca pada pelbagai penyakit yang digolongkan dalam kategori penyakit berbahaya. Antaranya, penghisap rokok terdedah pada penyakit kanser paru-paru dan penyakit jantung. Kedua-dua penyakit berbahaya ini telah diisytiharkan sebagai pembunuh nombor satu negara. Perokok bukan sahaja membahayakan diri mereka sendiri malah pada masa yang sama turut membahayakan kesihatan keluarga mereka dan orang lain di sekeliling mereka. Asap rokok yang dikeluarkan setelah dihisap adalah lebih berbahaya kepada orang lain dan kesannya adalah sama dengan siperokok.

Bau busuk yang dikeluarkan oleh penghisap rokok juga boleh mengganggu keselesaan orang lain sehingga dapat menjejaskan pergaulan si perokok dengan orang lain. Hal ini sudah pasti akan menimbulkan suasana yang kurang selesa malah menjejaskan komunikasi seseorang. Bayangkanlah jika anda terpaksa berhadapan dengan si perokok dalam suasana tempat menjamu selera tertutup dan berhawa dingin! Oleh itu, kerajaan telah menguatkuasakan undang-undang bagi melarang orang ramai menghisap rokok ditempat-tempat awam dan di premis-premis kerajaan.

Bagi si perokok, masalah yang timbul ialah mereka akan menghadapi gejala ketagihan yang bukan mudah untuk diatasi. Hanya dengan usaha dan azam yang kuat sahaja perlakuan ini mampu dibanteras tetapi menurut kajian yang dijalankan oleh FOMCA hanya 12 peratus sahaja daripada jumlah yang ingin berhenti merokok mampu berbuat demikian. Sementara itu, pihak Bomba dan Penyelamat Malaysia menganggarkan jumlah kebakaran yang disebabkan oleh api rokok di negara kita mencecah hampir 23 peratus daripada punca kebakaran yang berjaya diselesaikan. Hal ini berpunca daripada sikap perokok yang suka membuang puntung rokok di merata-rata tempat. Natijahnya, merokok bukanlah sesuatu yang perlu dibanggakan. Bukan juga simbol yang menunjukkan kedewasaan tetapi sikap negatif yang menggambarkan ketidakwarasan seseorang individu. Justeru, katakan tak nak untuk sebatang rokok!

Bahan 2 - Grafik



Sumber Infografik: Berita Harian

Penemuan ini adalah hasil Kajian Tanggapan Rakyat Malaysia Mengenai Merokok dan Vape, satu tinjauan pendapat yang dijalankan, baru-baru ini, oleh syarikat penyelidikan pasaran terkemuka di Malaysia, Green Zebras.

Praktis 13

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah ini, kemudian buat satu **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan atau bahan.*

Bahan 1 – Petikan

Kesukarelawan biasanya difahami sebagai aktiviti yang tidak dibayar iaitu seseorang meluangkan masa mereka secara bebas untuk membantu organisasi atau individu yang bukan saudara mereka. Sukarelawan perlu mempunyai minat dan komitmen yang tinggi terhadap kerja-kerja sukarela. Namun, tahap kesedaran masyarakat Malaysia terhadap program sukarelawan perlu diberi perhatian sewajarnya kerana tanpa pengetahuan,pendedahan dan sokongan masyarakat setempat pastinya tidak memenuhi matlamat serta objektif utama, iaitu melahirkan masyarakat yang berempati.

Antara faktor pendorong bagi masyarakat Malaysia untuk membabitkan diri dengan aktiviti kesukarelawanan adalah mendapat pengalaman baharu. Aktiviti ini dapat menambah kecenderungan peserta dalam usaha memperkaya ilmu pengetahuan berdasarkan pengalaman yang diperoleh. Selain itu, mereka juga memupuk budaya bekerjasama, semangat berkumpulan dan mengikis sikap pentingkan diri. Ketika terlibat dengan aktiviti-aktiviti kesukarelawanan, mereka sebenarnya berhadapan atau bergaul dengan pelbagai orang hebat yang baru dikenali justeru mereka dapat meluaskan jaringan kenalan daripada pelbagai latar belakang. Sukarelawan boleh bergaul secara baik melalui aktiviti-aktiviti ini kerana semua yang terlibat ialah insan-insan hebat yang sanggup menyumbang tenaga dan bakti tanpa mengharap balasan. Keikhlasan dalam aktiviti kesukarelawan memberikan kepuasan menerusi amalan kebajikan, kepuasan inilah yang akan membantu individu memperoleh perasaan bahagia dan dalam tak sedar dapat melupakan tekanan untuk sementara waktu dan rasa bosan yang dialami.

Sungguhpun tahap pembabitan masyarakat Malaysia memuaskan terhadap semangat kesukarelawanan, tidak semua berpeluang untuk terbabit. Malah ramai yang tidak mengetahui wujudnya ativiti kesukarelawanan di sekeliling mereka. Masyarakat tidak menyedari bahawa aktiviti ini sebenarnya dapat membina keyakinan diri dalam menyelesaikan masalah. Hal ini demikian kerana para sukarelawan perlu menampilkan keyakinan dan sikap yang sentiasa berusaha menjalankan sesuatu dengan cara yang terbaik. Malah untuk menjadi seorang sukarelawan yang berkualiti, mereka mestilah mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap sesuatu tugas yang diberikan. Secara tidak langsung, sukarelawan ini mampu meningkatkan kebolehpasaran kerjaya mereka selepas tamat pengajian sekiranya sukarelawan ini terdiri daripada mahasiswa-mahasiswa yang masih menuntut di menara gading.

Tuntasnya, pihak penganjur sama ada kerajaan ataupun swasta perlu memainkan peranan dalam usaha mempergiat lagi komitmen mereka dalam memupuk semangat kesukarelawanan masyarakat. Melalui aktiviti seumpama ini maka lahirlah individu yang bertanggungjawab terhadap isu-isu sosial yang melanda masyarakat. Oleh itu, Hari Kesukarelawanan Malaysia diharap dapat diteruskan pada setiap tahun kerana kita perlu meningkatkan lagi kesedaran tentang kepentingan khidmat kesukarelawanan demi pembangunan masyarakat setempat.

Dipetik dan diubah suai daripada "Program Kesukarelawan Wajar Diperhebat'
Oleh Vellapandian Ponnusamy
Berita Harian, Jun 2020

BAHAN 2 - GRAFIK

Praktis 14

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah ini, kemudian buat satu **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan atau bahan.*

Bahan 1 – Petikan

Terdapat beberapa jenis koronavirus seperti severe acute respiratory syndrome coronavirus (SARS) dan Middle East Respiratory syndrome-related coronavirus (MERS-CoV). Koronavirus terbaru yang ditemui di China ialah Novel Coronavirus 2019 (2019-nCoV). Jangkitan Covid-19 boleh menyebabkan spektrum gejala daripada selesema biasa kepada radang paru-paru (pneumonia) yang teruk. Apabila wabak Covid-19 melanda sudah pasti wujud persoalan asas tentang perkara: Bagaimana kita boleh dijangkiti oleh penyakit tersebut?; Mengapakah penyakit tersebut boleh merebak dengan pantas?

Covid-19 merupakan jangkitan berasaskan titisan dan boleh disebarkan secara langsung antara manusia atau melalui sentuhan pada permukaan yang telah tercemar. Covid-19 adalah penyakit berjangkit berbahaya yang boleh merebak melalui titisan cecair daripada hidung dan mulut iaitu pesakit yang bersin atau batuk akan mengeluarkan titisan cecair di udara dan disedut oleh individu yang berdekatan. Penyakit ini boleh merebak melalui udara atau apabila titisan cecair daripada pesakit mencemari benda-benda di sekelilingnya (seperti tombol pintu dan telefon).

Oleh itu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan krisis kecemasan kesihatan antarabangsa ekoran merebaknya wabak ini. Penyakit ini mudah merebak dan dijangkiti kerana kita hidup dalam satu kelompok masyarakat yang besar. Malahan apabila manusia bergerak dari satu tempat atau kawasan ke tempat/kawasan lain, penyakit ini boleh disebarkan kepada tempat/kawasan dan individu malahan masyarakat di situ. Sikap ambil mudah tentang kemungkinan berlakunya sesuatu jangkitan telah diakui oleh agensi-agensi kesihatan antarabangsa sebagai faktor utama yang menyebabkan program-program pencegahan gagal dilaksanakan secara berkesan. Misalnya, seseorang individu yang mempunyai gejala atau simptom Covid-19 akan secara tidak langsung menjadi penyebar kuman penyakit tersebut, tetapi kealpaan dan sikap ambil mudah menyebabkan beliau tidak mengambil langkah awal seperti mengehadkan pergaulan dengan orang lain seterusnya menjadi pembawa atau vektor penyakit berkenaan menyebabkan penyakit ini tersebar secara meluas dalam kalangan masyarakat.

Dalam hal ini, Malaysia menyediakan kerangka perundangan khas bertujuan mencegah dan mengawal penyakit berjangkit. Terkini sejumlah 24 penyakit berjangkit mengancam nyawa telah diwartakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342), antaranya ebola, malaria, tibi, demam denggi, kolera dan plague.

Dipetik dan diubah suai daripada Sinar Harian
Oleh Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman
Universiti Putra Malaysia

BAHAN 2 - GRAFIK

Praktis 15

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah ini, kemudian buat satu **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan atau bahan.*

Bahan 1 – Petikan

Kebelakangan ini, kerajaan amat menekankan satu lagi cabang ekonomi yang sedang pesat merangsang pertumbuhan ekonomi seluruh dunia yang dikenali sebagai ekonomi digital. Ekonomi bentuk baharu ini yang diumumkan sendiri oleh Perdana Menteri disifatkan sebagai enjin pertumbuhan baharu ekonomi Malaysia. Pada hari ini, kebanyakan usahawan telah beralih menjalankan perniagaan daripada berbentuk konvensional dengan menjual produk-produk mereka di premis-premis perniagaan kepada premis perniagaan alam maya. Premis perniagaan alam maya sama ada melalui laman sesawang, blog mahupun laman sosial yang lain telah menjadi trend baharu perniagaan yang dapat menjanakan pendapatan tambahan kepada mana-mana pihak termasuklah suri rumah.

Ledakan teknologi Internet sejak pertengahan tahun 1990-an telah mengubah tingkah laku manusia termasuklah dalam urusan jual beli. Melalui pendekatan ekonomi digital, urusan jual beli bukan sahaja menjadi amat mudah malah turut dapat menjimatkan masa para pembeli. Hal ini dikatakan demikian kerana sesiapa sahaja boleh berurusan jual beli tanpa perlu pergi premis-premis perniagaan untuk membeli produk yang dikehendaki. Pengenalan konsep e-dagang turut memudahkan urusan perniagaan pada skala yang lebih besar, iaitu melibatkan import dan eksport barangan dan produk di seluruh dunia. Oleh sebab kerajaan menyedari kepentingan ekonomi digital ini, kerajaan telah melancarkan inisiatif ekonomi digital melalui Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) pada 22 Mac 2017.

Kombinasi antara alam maya dengan alam nyata mampu mencetuskan ledakan ekonomi yang akhirnya memberikan keuntungan besar kepada negara dan rakyat Malaysia. Kecekapan perniagaan mampu ditingkatkan lagi, dan pada masa yang sama para pengguna atau pembeli akan menikmati manfaatnya melalui pembelian barangan dari mana-mana negara di dunia tanpa perlu berada di negara tersebut. Oleh itu, pendekatan baharu seperti ekonomi digital menyerlahkan lagi gaya baharu dalam kehidupan generasi muda pada masa ini yang lebih cenderung untuk menjalankan sebarang urusan termasuklah jual beli secara maya. Melalui ekonomi digital juga, dijangkakan sebanyak 60 000 peluang pekerjaan baharu diwujudkan buat rakyat Malaysia yang melibatkan pertubuhan eksport barangan sebanyak RM112 bilion menjelang tahun 2025.

Sebelum ini, pelbagai masalah telah menyebabkan produk-produk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sukar memasuki gerbang perniagaan global. Antara masalah yang sering dihadapi oleh pengusaha PKS ialah masalah pemasaran, produktiviti dan teknologi yang rendah, kekurangan modal dan pembiayaan, serta masalah lokasi. Hal ini menjadikan hanya 37 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara disumbangkan oleh PKS. Namun begitu, dengan adanya konsep ekonomi digital, KDNK Malaysia melalui PKS pada masa hadapan boleh ditingkatkan kepada 80 peratus. Hal ini berlaku demikian kerana PKS juga boleh memasuki pintu gerbang perniagaan global sehingga dapat merancakkan lagi sektor berkenaan. Keadaan ini seterusnya telah membuktikan bahawa ekonomi digital berjaya menjadi pemangkin perniagaan bagi usahawan luar bandar. Kemajuan dalam industri PKS sedikit sebanyak dapat *menangani migrasi* penduduk luar bandar ke bandar apabila mereka

turut mampu menjalankan perniagaan di desa dan kampung tanpa perlu berhijrah ke bandar-bandar besar.

Dipetik dan diubahsuaikan daripada
'Ekonomi Digital Pacu Ekonomi Masa Hadapan'
Oleh Rohami Shafie
Dewan Masyarakat, Bil.7 2017

BAHAN 2 -GRAFIK

Tumbuh pesat ekonomi digital

Praktis 16

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah ini, kemudian buat satu **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan atau bahan.*

Bahan 1 – Petikan

Murid-murid pasti sudah biasa mendengar perkataan kaunselor, tetapi sejauh manakah pengetahuan mereka tentang fungsi kaunselor? Ramai murid yang masih kabur tentang dan kriteria sebenar kaunselor dan kriteria individu yang memerlukan khidmatnya. Sebagai orang yang terlatih, kaunselor melaksanakan tugas berlandaskan pengetahuannya dalam bimbingan dan kaunseling yang mampu menangani sebahagian masalah di sekolah. Antara masalah yang dialami oleh murid ialah tekanan emosi. Dalam hal ini, fungsi kaunselor adalah untuk menolong murid mengenal pasti punca tekanan emosi tersebut, di samping memberikan bimbingan tentang cara menangani masalah yang dihadapi.

Walau bagaimanapun, kaunselor bukanlah berperanan untuk menyelesaikan masalah seperti tanggapan sesetengah pihak. Perkara ini perlu difahami oleh setiap murid yang mahu mendapatkan bantuan atau khidmat daripada kaunselor. Kaunselor sebenarnya berperanan untuk memandu murid memahami serta menerima keadaan diri sendiri supaya mereka dapat meningkatkan perlakuan yang baik dan mengurangkan perlakuan yang sebaliknya. Sehubungan dengan itu, murid tidak seharusnya menganggap bahawa mereka yang berjumpa dengan kaunselor merupakan individu yang bermasalah semata-mata. Tanggapan ini tidak benar sama sekali. Hakikatnya, apabila bertemu dengan kaunselor, murid akan dibantu untuk menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupannya seperti panduan memilih jurusan atau kerjaya yang sesuai dan bukan memberikan tumpuan terhadap masalah tertentu sahaja.

Kaunselor juga dapat membantu murid mengesan dan mengembangkan bakat dan minatnya. Hal ini penting supaya segala tindakan yang bakal dilakukan oleh murid selaras dengan apa-apa yang diingini agar mereka berpeluang membuat perancangan masa depan untuk mencapai matlamat hidup. Dalam masa yang sama, kaunselor bertanggungjawab untuk membimbing murid memanfaatkan peluang bagi penyempurnaan kendiri. Pelaksanaan pelbagai program bimbingan dan kaunseling seperti ceramah, kursus dan kem motivasi akan membolehkan kaunselor memahamkan murid tentang hubungan mereka dengan masyarakat sekitar. Dalam hal ini, mereka akan dapat menyesuaikan diri dan berinteraksi secara positif dengan rakan sebaya dan jiran-jiran. Selain itu , kaunselor juga dapat memupuk nilai-nilai dalam diri murid melalui sesi kaunseling yang dijalankan. Penyemaian nilai-nilai murni ini akan meningkatkan mutu disiplin murid-murid di sekolah. Sesungguhnya, usaha-usaha penambahbaikan perkhidmatan kaunseling wajar dilaksanakan agar khidmat yang diberikan oleh kaunselor *mendapat kepercayaan* murid. Sikap profesional kaunselor dalam melaksanakan tugas hendaklah menjadi keutamaan demi menaikkan imej perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Memanfaatkan Khidmat Kaunselor’,
oleh Nadiah Naufal, *Dewan Siswa*, April 2012)

BAHAN 2 - GRAFIK

Praktis 17

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah ini, kemudian buat satu **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan atau bahan.*

Bahan 1 – Petikan

Patriotisme pada umumnya dikaitkan dengan semangat kecintaan dan pengorbanan yang kuat untuk negara. Semangat cinta akan negara ini perlu disemai dan dipupuk dalam kalangan remaja kerana semangat ini tidak hadir sendiri tanpa memahami sejarah negara secara jelas. Sejak akhir-akhir ini, semangat patriotisme dikatakan semakin menipis dalam diri remaja kerana generasi pascamerdeka itu tidak pernah merasai jerih perih seperti yang dialami pejuang kemerdekaan tanah air suatu ketika dahulu. Mereka juga berasa selesa dengan kehidupan hari ini. Sehubungan dengan itu, semangat patriotisme mesti disemai melalui sistem pendidikan khususnya dalam mata pelajaran Sejarah, bermula dari peringkat sekolah rendah lagi. Pada masa yang sama, penerapan elemen sejarah melalui mata pelajaran lain seperti Bahasa Melayu, Kajian Tempatan dan Kesusasteraan Melayu turut dapat menyemai semangat patriotisme.

Untuk membina semangat patriotisme dan rasa cinta remaja terhadap negara, pelbagai aktiviti menarik boleh dilaksanakan melalui aktiviti kokurikulum di sekolah seperti Persatuan Sejarah, Kelab Rukun Negara dan Kelab Setia. Di samping itu, kempen sayangi negara hendaklah diadakan secara berterusan. Media elektronik seperti televisyen dan radio perlu menyiarkan dokumentari tentang pejuang kemerdekaan dan menayangkan filem-filem yang berkaitan dengan peristiwa bersejarah negara kita. Penyebaran maklumat tentang peristiwa bersejarah melalui laman sosial perlu dilaksanakan dengan harapan remaja dapat menggunakan kreativiti mereka dengan memuat naik peristiwa-peristiwa sejarah secara interaktif supaya semangat patriotisme dapat diterapkan. Selain itu, program sambutan bulan kemerdekaan perlu dijalankan untuk menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan remaja. Program-program seperti pertandingan nyanyian lagu patriotik, pementasan teater dan drama yang bercorak kenegaraan boleh dianjurkan oleh badan bukan kerajaan, pihak sekolah dan agensi-agensi kerajaan supaya mesej semangat cinta akan negara sampai kepada *golongan sasaran*. Namun, program tersebut kurang berjaya dalam mencapai matlamatnya kerana kurangnya penghayatan para remaja dalam aktiviti bercorak kenegaraan tersebut.

Dalam memupuk semangat patriotisme, ibu bapa turut memainkan peranan penting dengan menunjukkan teladan kepada anak-anak. Misalnya, ibu bapa bersama anak-anak mengibarkan Jalur Gemilang atau melawat tempat-tempat bersejarah tanah air. Akan tetapi, terdapat segelintir ibu bapa yang kurang berperanan dalam menerapkan semangat patriotisme dalam jiwa anak-anak mereka menyebabkan hasrat untuk memupuk semangat terjejas. Para remaja juga perlu dididik dan diterapkan konsep berpegang pada prinsip Kesetiaan kepada Raja dan Negara yang terdapat dalam Rukun Negara. Penerapan terhadap prinsip ini diharap dapat melahirkan remaja yang bersemangat patriotisme dalam meniti arus globalisasi. Oleh itu, setiap rakyat negara ini perlu mempunyai semangat patriotisme dalam mempertahankan maruah bangsa, agama dan negara tercinta.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Memupuk Semangat Patriotisme melalui Sejarah'
oleh Azam Rahman *Dewan Siswa*, Ogos 2014

BAHAN 2 - GRAFIK

Memupuk Semangat Patriotisme : Mudah atau Sukar ?



Praktis 18

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah ini, kemudian buat satu **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan atau bahan.*

Bahan 1 – Petikan

Telefon pintar wujud hasil perkembangan industri telekomunikasi yang bergerak pantas. Di Malaysia, bilangan murid yang menggunakan telefon pintar semakin meningkat, iaitu kira-kira 20 peratus daripada keseluruhan pengguna. Ramai murid berhasrat untuk memiliki telefon pintar kerana mereka terpengaruh dengan parubahan yang berlaku di sekeliling mereka. Mereka juga turut dipengaruhi oleh rakan sebaya terutamanya yang telah memiliki telefon pintar. Keinginan untuk memiliki telefon pintar boleh menyebabkan berlakunya kes salah laku seperti kecurian dan pergaduhan.

Kewujudan telefon pintar yang lengkap dengan kemudahan multimedia pelbagai guna menyebabkan murid sangat teruja untuk memiliki alat komunikasi mudah alih yang canggih ini. Setelah memiliki peralatan tersebut, mereka menjadi mudah leka dengan peranti masing-masing dan seterusnya membawa perubahan ketara terhadap tingkah laku mereka. Murid yang menggunakan telefon pintar lebih mementingkan hiburan berbanding aspek-aspek lain, contohnya dalam pencarian maklumat dan ilmu pengetahuan. Hal yang demikian boleh membawa kesan negatif terhadap kehidupan seseorang murid. Penggunaan telefon pintar ini juga menyebabkan murid sering berkomunikasi dengan mencemarkan bahasa seperti penggunaan singkatan dan bahasa slanga dalam khidmat pesanan ringkas (SMS), WhatsApp dan Instagram.

Telefon pintar turut berperanan sebagai penghubung keluarga, rakan dan sumber maklumat. Namun jika disalahgunakan, telefon pintar tersebut mampu mendatangkan pelbagai keburukan. Keasyikan menggunakan telefon pintar menyebabkan murid mengabaikan tanggungjawab terhadap pelajaran seperti tidak menyiapkan kerja sekolah dan tidak mengulang kaji pelajaran. Selain itu, keasyikan bermain telefon pintar sehingga larut malam menyebabkan murid hilang fokus semasa di dalam kelas kerana mengantuk akibat tidak cukup tidur. Lebih buruk lagi, terdapat murid yang bermain telefon ketika di dalam kelas hingga mengganggu sesi pembelajaran. Melalui telefon pintar juga, terdapat pihak-pihak tertentu yang menyebarkan maklumat yang belum tentu kesahihannya secara sewenang-wenang. Oleh sebab pemikiran yang kurang matang, murid mudah menerima dan mempercayai maklumat tersebut tanpa mengetahui kesahihannya.

Perkara yang lebih membimbangkan kita ialah keruntuhan akhlak yang serius dalam kalangan murid. Perkara-perkara seperti ini perlu diambil berat oleh semua pihak dalam usaha untuk membendungnya. Oleh itu, larangan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terhadap murid yang membawa telefon bimbit atau telefon pintar ke sekolah ada asasnya dan peraturan ini mesti difahami dan dipatuhi untuk manfaat semua pihak.

Sumber : Internet

BAHAN 2– Ilustrasi Kartun

Praktis 19

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah ini, kemudian buat satu **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan atau bahan.*

Bahan 1 – Petikan

Hari Kanser Sedunia disambut di seluruh dunia pada 4 Februari dengan tujuan mengajak orang ramai untuk menyokong dan sama-sama mengambil bahagian dalam usaha mencegah dan mengawal penyakit kanser. Kanser merupakan satu daripada penyakit kronik yang ditakuti kerana memberi impak negatif kepada pesakit, keluarga dan negara.

Secara amnya, faktor-faktor kanser adalah serupa dengan faktor penyakit kronik yang lain. Kanser dikatakan berpunca daripada amalan pemakanan yang kurang sihat, iaitu kurang pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran. Dalam masa yang sama, banyak juga kes kanser dikesan dalam kalangan mereka yang mempunyai berat badan berlebihan. Pengambilan tembakau atau merokok juga menjadi antara penyumbang utama kepada berlakunya kanser khususnya kanser paru-paru. Kurang melakukan aktiviti fizikal seperti berjoging, mendaki, dan bersukan akibat sibuk dengan kerjaya turut menyumbang kepada peningkatan kes kanser di Malaysia. Kanser juga boleh berlaku disebabkan oleh pengambilan alkohol yang melampau.

Sebagai langkah pencegahan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa komited dalam menggalakkan orang ramai supaya mengamalkan gaya hidup sihat. Di samping itu, KKM juga menyediakan perkhidmatan immunisasi *Human Papilloma Virus* (HPV) untuk murid perempuan di tingkatan satu bagi mencegah kanser serviks dan immunisasi Hepatitis B kepada bayi bagi mencegah kanser hati. Orang ramai pula harus melakukan ujian saringan dan dinasihatkan supaya mengenali tanda dan gejala awal kanser. Hal ini perlu demikian kerana pengesanan awal dan rawatan yang cepat serta berkesan amat perlu untuk memberi peluang yang baik kepada pesakit untuk sembuh. Walau bagaimanapun, peratus keseluruhan kes kanser yang dikesan lewat (tahap *III dan IV*) meningkat dari 58.7% pada 2001-2011 kepada 63.7% pada 2012-2016. Situasi ini adalah membimbangkan dan perlu diberi perhatian sewajarnya. Dalam hal ini, KKM menyediakan perkhidmatan saringan kanser payudara, kolorektal, serviks dan mulut di seluruh negara secara percuma.

Selari dengan tema sambutan Hari Kanser Sedunia tahun ini "Saya Akan dan Saya Boleh" (I Am and I Will), semua individu perlu memainkan peranan masing-masing dalam mencegah dan mengawal kanser di negara ini kerana pencegahan dan pengesanan awal boleh menyelamatkan nyawa.

Dipetik dan diubah suai daripada kenyataan akhbar sempena sambutan
"Hari Kanser Sedunia" Oleh Tan Sri Dato' Seri Dr Noor Hisham bin Abdullah,
Ketua Pengarah, Kementerian Kesihatan Malaysia
4 Februari 2021

BAHAN 2 - GRAFIK

Praktis 20

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah ini, kemudian buat satu **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan atau bahan.*

Bahan 1 – Petikan

Perpaduan antara rakyat Malaysia merupakan satu keistimewaan yang memainkan peranan penting demi mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Banyak negara di dunia mencontohi Malaysia sebagai negara yang berbilang bangsa, agama dan budaya kerana keharmonian dan kemakmuran antara kaum serta budaya menjadi pegangan kepada pandangan positif rakyat antarabangsa terhadap Malaysia.

Perpaduan kaum juga memainkan peranan dalam mengukuhkan lagi ekonomi negara dengan penglibatan semua kaum dalam kegiatan ekonomi. Misalnya, Dasar Ekonomi Baru yang dilancarkan pada tahun 1970 oleh Tun Abdul Razak, adalah bertujuan untuk menyusun semula ketidakseimbangan sosio-ekonomi yang wujud di negara ini. Pelancaran dasar ekonomi tersebut memastikan bahawa taraf hidup masyarakat dapat ditinggikan dalam usaha untuk mencapai kemajuan dalam pembangunan negara. Jurang perbezaan akan terhapus dalam fungsi ekonomi mengikut kaum dan lahirnya perpaduan ekonomi di kalangan rakyat, sambil meningkatkan lagi taraf pembangunan ekonomi negara.

Selain itu, perpaduan kaum amat penting untuk mengekalkan kestabilan politik. Kestabilan politik dalam setiap jabatan amat perlu bagi menjamin keutuhan struktur pentadbiran Malaysia. Fungsi pentadbiran Negara pula perlu dilaksanakan secara sistematik kerana banyak negara luar yang gemar berurusan dengan pemimpin Malaysia. Impak positif yang berlaku ialah Negara Malaysia dapat melebarkan ruang lingkup jalinan persahabatan dan perdagangan bagi mencakupi arena global.

Secara keseluruhan, perpaduan kaum merupakan antara faktor terpenting dalam mengekalkan keharmonian masyarakat berbilang kaum dan agama. Keharmonian demi kesatuan ini juga merupakan keunikan yang bukan sahaja memperteguhkan lagi perpaduan antara kaum, malah menjadi penanda aras bagi Malaysia dalam mencapai matlamat sebagai negara yang aman dan harmoni. Sekiranya kita berpecah atau bertelingkah antara satu sama lain, negara yang aman dan harmoni ini akan menjadi mundur dan pertikaian akan menyebabkan ketidakstabilan ekonomi yang menjejaskan pembangunan negara. Masyarakat Malaysia perlu menjadi penggerak utama dalam memupuk dan mengekalkan perpaduan antara kaum dalam usaha untuk mencapai matlamat ke arah status negara maju serta memastikan pembangunan ekonomi negara yang stabil dan konsisten.

Dipetikan dan diubah suai daripada 'Kepentingan Perpaduan Kaum di Malaysia'
Oleh Sarah Sahadin dalam
Digital Marketer-cum-Junior Graphic Designer and Malay-language
29 August 29 2019

BAHAN 2 - GRAFIK

Praktis 21

Baca **petikan** *dan teliti* **bahan grafik** *yang disertakan di bawah,kemudian buat satu* **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan.** *Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Malaysia diiktiraf pada peringkat global sebagai satu daripada destinasi pelancongan utama dunia, dengan kedudukan antara 10 negara teratas dari segi ketibaan pelancong. Sektor pelancongan merupakan industri perkhidmatan utama yang semakin berkembang maju di Malaysia. Oleh itu, faktor-faktor yang dapat membangunkan industri tersebut haruslah diberi penekanan yang serius oleh semua pihak.

Malaysia mempunyai banyak tempat menarik untuk dilawati. Tempat menarik tersebut lazimnya menjadi tumpuan pelancong asing yang berkunjung ke negara ini. Sebagai contoh, Malaysia memiliki kawasan rekreasi di tanah tinggi yang mempunyai suhu sejuk, seperti Cameron Highlands dan Genting Highlands di Pahang. Keadaan iklim semula jadi negara ini yang panas dan lembap sepanjang tahun juga sudah pasti menggamit hati para pelancong. Jangan kita lupa bahawa Malaysia memiliki sejarah pembentukan negara bangsa yang sangat unik. Kepelbagaian budaya dan etnik, sama ada di Semenanjung ataupun di Malaysia Timur, menjadi modal yang sangat berharga kepada sektor pelancongan. Di Sabah dan Sarawak, kegiatan seni dan manipulasi fabrik suku kaum Kadazan dan Iban telah mendapat tempat dalam hati para pelancong. Di samping itu, udara yang segar dan nyaman tanpa pencemaran di negara ini menjadi nilai tambah yang menjadi lambang kehidupan yang tenang dan bersahaja. Pelancong antarabangsa khususnya dari negara maju beranggapan bahawa Malaysia merupakan destinasi percutian yang murah dan kompetitif kerana kadar tukaran asing yang menarik.

Pakar runding pelabur asing dan kakitangan syarikat multinasional yang berurusan di negara ini juga tertarik oleh kemajuan ekonomi negara yang pesat sehingga Lembah Klang menjadi tumpuan kerana terdapatnya ibu pejabat institusi kewangan antarabangsa dan syarikat teknologi tinggi. Hal ini ditambahkan pula dengan usaha kerajaan Malaysia memajukan sektor pendidikan pengajian tinggi serta industri kesihatan dan perubatannya melalui promosi yang agresif. Penganjuran acara sukan bertaraf dunia dan persidangan antarabangsa juga meletakkan Malaysia di peta pelancongan sukan dan forum. Begitu juga dengan pembinaan pusat konvensyen, seperti Pusat Konvensyen Antarabangsa Kuala Lumpur (KLCC), Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, (PICC), dan Dewan Persidangan Hotel bertaraf lima bintang telah merancakkan ketibaan pelancong yang gemar menyertai perbincangan pada peringkat tinggi serta acara korporat antarabangsa.

Jelaslah perspektif tentang sektor pelancongan di Malaysia telah menjangkau segmen di luar tarikan keindahan alam semula jadi. Strategi ini memberikan kelebihan kepada Malaysia untuk menawarkan produk pelancongan yang lebih berdaya saing. Sumbangan sektor pelancongan kepada pendapatan negara akan terus meningkat. Kedudukan ekonomi yang maju, politik yang stabil, sosial yang harmoni dan keselamatan yang baik menjadi resipi utama bagi menarik lebih banyak pelancong asing. Kedatangan hampir 30 juta orang asing saban tahun membuktikan bahawa Malaysia memiliki masa depan yang sangat cemerlang dalam sektor pelancongan.

(Dipetik dan diubah suai daripada "Pelancongan Menyuntik Pendapatan Negara" oleh Danilah Kamarul, Dewan Masyarakat 2018)

Bahan 2 - Grafik



SKEMA JAWABAN
BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI ABAHASA

Praktis 1

KATA NAMA AM KONKRIT	KATA KERJA TRANSITIF
1. majalah 2. botol minuman 3. botol vitamin 4. bekas kosmetik 5. surat khabar 6. buku 7. kotak kadbod 8. tin minuman dan makanan 9. tisu 10. kraf tangan 11. kain tuala 12.bekas makanan 13. bekas minuman 14. bekas alat tulis	1. membeli 2. menghantar 3. mengubah 4. menggantikan 5. menjana 6. memberi 7. mengurangkan

Praktis 2

KATA NAMA AM ABSTRAK	**KATA NAFI**
1. kasih 2. sayang 3. ketenangan 4. simpati 5. perasaan	1. bukan 2. tidak

Praktis 3

KATA ADJEKTIF	KATA KERJA TRANSITIF
Sesak Padat Besar Sarat Kelabu Berat	Menggalas Menolak Menghadap memaparkan

Praktis 4

KATA KERJA TAK TRANSITIF
Bersukan, Beriadah, Menjadi, Berkualiti

Praktis 5

KATA NAMA TUNGGAL	**KATA MAJMUK**
Dunia, sifat, buluh, rebung, sekolah, pelajar, kurikulum, aktiviti, usaha, semangat	Sekelip mata, nenek moyang, bertolak ansur, bangku sekolah,

Praktis 6

KATA BILANGAN	**KATA MAJMUK MANTAP**
Sebahagian, pelbagai, beberapa	Setiausaha, tanggungjawab, kerjasama

Praktis 7

KATA MAJMUK
Bersatu hati Tanggungjawab Rumah tangga

Praktis 8

KATA HUBUNG	KATA SENDI NAMA
Dan Yang Kerana Atau	Ke Di Daripada Dalam oleh

Praktis 9

KATA SENDI NAMA	KATA HUBUNG GABUNGAN
1. di 2. daripada 3. dalam 4. kepada 5. oleh 6. terhadap	1. dan 2. atau

Praktis 10

KATA TERBITAN AWALAN
Membina, perenung, bertandang, pemunggah, pengadil, pemancing, pemerhati, menjalar, berhak, pengawas,

Praktis 11

KATA ADJEKTIF TERBITAN	**KATA KERJA TERBITAN**
terbaik terbilang	merupakan, mewujudkan, melahirkan, mempunyai, menjadi, berwibawa, memakai, beratur, membeli, diterapkan, mematuhi, mewujudkan, bertanggungjawab, melahirkan

Praktis 12

KATA TERBITAN APITAN	**KATA GANDA**
keupayaan, mengintegrasikan, memberikan, kehidupan, mengatasi, keadaan, kesihatan	kanak-kanak, berkali-kali

Praktis 13

KATA TERBITAN AKHIRAN	KATA KERJA PASIF
tegakkan, pohonkan, siramkan, berikan	disinari, terkapar dimakan, dibatasi

Praktis 14

KATA KERJA TAK TRANSITIF	KATA GANDA
belajar, berasa, bersenam, bersukan, berfaedah	Sekurang-kurangnya bercita-cita, apa-apa.

Praktis 15

KATA GANDA	KATA ADJEKTIF
1. undang-undang 2. berbagai-bagai	1. erat 2. adil 3. saksama 4. kaya 5. progresif

Praktis 16

AKRONIM
senamrobik RTM Bernama jenama cerpen

Praktis 17

KATA GANDA BERIMBUHAN
berenang-renang, melambai-lambai, menari-nari, sebebas-bebas, perlahan-lahan

Praktis 18

AKRONIM	KATA PEMERI
Pawagam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Persatuan Pemamer Filem Malaysia (MAFE) prosedur operasi standard (SOP)	Adalah ialah

Praktis 19

KATA HUBUNG PANCANGAN	KATA HUBUNG GABUNGAN
yang, untuk, supaya	serta, malahan, dan

Praktis 20

KATA NAMA TERBITAN	KATA NAMA TUNGGAL
Penglihatan, bahagian, Penurunan Peningkatan, Penggunaan, Regangan Kerosakan, Pendedahan, paparan	kepala, masalah,, mata, Gejala, Iritasi Bahu, Leher Gajet Masa, Cahaya, Skrin, Kornea, kanta, saraf

Praktis 21

KATA GANDA
kacau-bilau pohon-pohon/pepohon keluh-kesah batu-batu/batu-batan

SKEMA JAWAPAN SINTAKSIS

Praktis 1

i) Amat meminati pelbagai kerjaya yang berkaitan dengan hal-hal perkomputeran Anand.
ii) Meminati seni reka bentuk grafik dia.
iii) Berbelah bahagi dia untuk membuat pilihan / Berbelah bahagi untuk membuat pilihan dia.

Praktis 2

i) Berasa sungguh rindu akan datuk dan nenek saya.

ii) Berbuah lebat agaknya pokok rambutan di seberang sungai.

iii) Sungguh hebat imaginasi kamu.

iv) Sungguh sedap dan menyelerakan masakan nenek.

Praktis 3

i) Subjek : Pihak berkuasa perlu mewajibkan setiap penduduk di kawasan itu

Predikat : sentiasa berada di rumah atau kawasan yang dikategorikan selamat

ii) Subjek : Perkara ini

Predikat : bertepatan dengan arahan pihak berkuasa China untuk memperluas sekatan perjalanan keluar ke atas Wuhan dan tujuh lagi bandar

iii) Subjek : Melihat perkembangan semasa wabak tersebut semua rakyat di negara ini

Predikat : yang ingin keluar negara dinasihatkan memberi keutamaan kepada kesihatan atau menangguhkan perjalanan mereka.

Praktis 4

i) **Kesihatan aset penting dalam kehidupan manusia dan menjadi aspek utama dalam kesejahteraan masyarakat.**
a) Kesihatan aset penting dalam kehidupan manusia
b) Kesihatan menjadi aset utama dalam kesejahteraan masyarakat.

ii) **Gaya hidup masa kini yang serba pantas dan mencabar telah mengakibatkan peningkatan masalah kesihatan yang ketara.**
a) Gaya hidup masa kini yang serba pantas telah mengakibatkan peningkatan masalah kesihatan yang ketara.
b) Gaya hidup masa kini yang mencabar telah mengakibatkan peningkatan masalah kesihatan yang ketara.

iii) **Kesihatan tidak hanya melibatkan soal makanan tetapi berkait rapat dengan proses gaya hidup.**
a) Kesihatan tidak hanya melibatkan soal makanan
b) Kesihatan berkait rapat dengan proses gaya hidup

Praktis 5

1. Kawasan bandar merupakan penyumbang utama pembebasan karbon dioksida dan gas rumah tanaman akibat aktiviti manusia **(FN + FN).**

2. Banyak faedah oleh hutan bandar ini **(FN + FSN).**

3. Hutan bandar yang berkualiti dan stabil dalam ekosistem sangat bagus **(FN + FA).**

4. Pokok bandar mengurangkan karbon dioksida di atmosfera **(FN + FK).**

5. Bidang perhutanan bandar perlu mencari pendekatan lebih kreatif **(FN + FK).**

6. Penggunaan palma dalam perhutanan bandar sangat cantik **(FN + FA).**

Praktis 6

1. FN + FN
2. FN + FA
3. FN + FK
4. FN + FSN
5. (FN+FN)
6. (FN+FA)
7. (FN+FK)
8. (FN+FSN)

Praktis 7

1. Gelaran 'Panglima Bahasa' ini diberikan kepada Syed Nasir.

   = Syed Nasir itu diberikan gelaran " Panglima Bahasa .

2. Pada bulan Februari tahun 1956, beliau dilantik menyandang jawatan Pegawai Pelajaran Persekutuan.
   = Pegawai Pelajaran Persekutuan telah beliau sandang atas pelantikan pada bulan Februari tahun 1956.

3. Selain itu, menurut buku Tun Syed Nasir (1996), DBP lahir hasil daripada Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu ketiga yang diadakan di Singapura dan Johor Bahru.
   =DBP lahir di Singapura dan Johor Bahru setelah mengadakan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu ketiga. Inilah yang disebut dalam buku Tun Syed nasir (1966).

Praktis 8

1. Siapakah yang perlu pengisian untuk membina ketahanan diri?
2. Berapakah komponen bidang yang perlu diasuh pemimpin murid?
3. Apakah usaha yang dijalankan oleh Majlis Guru kaunseling Kemaman (MGKK)?
4. Bagaimanakah PPD Daerah Kemaman dan JPNJ dapat membantu usaha MGKK?
5. Nyatakan alternatif ke arah membentuk jati diri pemimpin tersebut?
6. Berikan beberapa jalinan perkongsian pintar bersama Johor Student Leader Counsil (JSLC).

Praktis 9

Ayat : Orientasi Pusat Sumber Sekolah merupakan siri lapan buah buku yang sesuai untuk sekolah rendah dan menengah rendah

Subjek : Orientasi Pusat Sumber Sekolah

Predikat : merupakan siri lapan buah buku yang sesuai untuk sekolah rendah dan menengah rendah

Ayat : Pusat Sumber Sekolah di bawah Unit Kurikulum dipertanggungjawabkan kepada guru yang dinamakan sebagai Guru Perpustakaan dan Media

Subjek : Pusat Sumber Sekolah di bawah Unit Kurikulum

Predikat : dipertanggungjawabkan kepada guru yang dinamakan sebagai Guru Perpustakaan dan Media

Ayat : Buku ini memperkenalkan murid dengan kertas, kulit buku dan jaket buku

Subjek : Buku ini

Predikat : memperkenalkan murid dengan kertas, kulit buku dan jaket buku

Praktis 10

1. Dengan berani, seorang lelaki tua menghampiriku dan mengatakan Black market, black market.
2. Shahmeem menunjukkan minat dan mengagumi kecantikan jaket itu lantas memberitahu bahawa jaket itu seperti jaket yang pernah dilihat oleh mereka di Grand Bazaar semalam.
3. Aku menegah Shahmeem melayan lelaki tua itu.

Praktis 11

1. Dr. Maxi memberi helah dengan menyakinkan Allia bahawa dia hanya meminta Allia bertemu Farisha kerana ada banyak maklumat yang perlu dia perlu masukkan semalam.

2. Allia memberitahu bahawa dia sudah berkongsi banyak maklumat dengan Farisha pagi tadi. Allia bertanya sebab dia masih perlu bersama dengan Farisha lagi.

3. Untuk meredakan kebimbangan Allia, Aqram menjelaskan bahawa mereka akan memberikan arahan yang selanjutnya kepada Allia selepas 10 minit Allia berada di dalam bilik Farisha pagi esok.

Praktis 12

1. Apakah kesan perbuatan membuli menerusi alam maya?
2. Bagaimanakah situasi akan menjadi lebih parah?
3. Mengapakah perkara ini berlaku?
4. Mengapakah perkara ini membimbangkan ibu bapa?
5. Apakah hasrat mereka yang dibuli?
6. Mengapakah situasi ini berlaku?

Praktis 13

1. Apakah kebaikan coklat hitam selain untuk kesihatan jantung?
2. Apakah kebaikan memakan coklat hitam mengikut kuantiti yang dibenarkan setiap hari selama dua minggu?
3. Mengapakah coklkat hitam ini mampu menjadikan kulit berseri dan mengekalkan awet muda?
4. Mengapakah kita tidak perlu bimbang memakan coklat hitam?
5. Apakah saranan terhadap ibu bapa?
6. Mengapakah kanak-kanak tidak gemarkan coklat hitam?

Praktis 14

1. Walaupun semua tingkap dan pintu masih belum dibuka, hening pagi masih lagi dapat dirasai dalam kediaman kami sekeluarga.
   - Semua tingkap dan pintu masih belum dibuka.
   - Hening pagi masih lagi dapat diarasai dalam kediaman kami sekeluarga.

2. Topi keledar dan kunci motosikal ayah sudah tiada di atas almari.
   - Topi keledar ayat sudah tiada di atas almari.
   - Kunci motosikal ayah sudah tiada di atas almari.

3. Ayat tidak dapat datang kerana rakan sekerjanya bercuti untuk menghantar anaknya ke asrama.
   - Ayat tidak dapat datang.
   - Rakan sekerjanya bercuti untuk menghantar anaknya ke asrama.

Praktis 15

1. Pemilihan Calon angkasawan pertama negara tidak menghadapi sebarang masalah kerana ramai peserta telah menawarkan diri untuk menyertainya.

   Subjek : Pemilihan Calon angkasawan pertama negara

   Predikat : tidak menghadapi sebarang masalah kerana ramai peserta telah menawarkan diri untuk menyertainya.

2. Kejayaan program ini memberikan impak yang besar kepada negara untuk terus maju dalam bidang penerokaan angkasa lepas.

   Subjek : Kejayaan program ini

   Predikat : memberikan impak yang besar kepada negara untuk terus maju dalam bidang penerokaan angkasa lepas.

3. Negara dapat menjalin kerjasama yang lebih erat dengan negara-negara yang sudah maju dalam bidang tersebut.

   Subjek : Negara

   Predikat : dapat menjalin kerjasama yang lebih erat dengan negara-negara yang sudah maju dalam bidang tersebut.

Praktis 16

i) **Kementerian sentiasa memberi galakan kepada kumpulan sasar untuk mengusahakan aktiviti pertanian secara moden dengan aplikasi teknologi dan inovasi.**
   - Galakan kepada kumpulan sasar sentiasa diberi oleh kementerian untuk mengusahakan aktiviti pertanian secara moden dengan aplikasi teknologi dan inovasi.

ii) **Kerajaan turut menyediakan dana bersesuaian bagi menyokong petani, nelayan dan penternak, terutama yang menceburi bidang keusahawanan.**
   - Dana bersesuaian turut disediakan oleh kerajaan bagi menyokong petani, nelayan dan penternak, terutama yang menceburi bidang keusahawanan.

iii) **Semua pihak perlu melaksanakan transformasi bidang pertanian dan industri makanan supaya sektor agromakanan menjadi lebih moden, dinamik dan kompetitif**.
   - Transformasi bidang pertanian dan industri makanan perlu dilaksanakan semua pihak supaya sektor agromakanan menjadi lebih moden, dinamik dan kompetitif.

Praktis 17

i) **Agensi kerajaan dan swasta yang menjalankan kawad kebakaran sebenarnya turut dibantu oleh pihak bomba**

- Pihak bomba sebenarnya turut membantu agensi kerajaan dan swasta yang menjalankan kawad kebakaran.

ii) **Kempen untuk menyedarkan masyarakat tentang keselamatan dan bahaya kebakaran juga diadakan oleh mereka.**

- Mereka juga mengadakan kempen untuk menyedarkan masyarakat tentang keselamatan dan bahaya kebakaran.

iii) **Kerja-kerja forensik kebombaan dijalankan pihak bomba untuk menyiasat punca kebakaran dan seterusnya melaksanakan pendakwaan di mahkamah selepas berlaku sesuatu kebakaran.**

- Pihak bomba menjalankan kerja-kerja forensik kebombaan untuk menyiasat punca kebakaran dan seterusnya melaksanakan pendakwaan di mahkamah selepas berlaku sesuatu kebakaran.

Praktis 18

1. Ayat penyata
2. Ayat perintah
3. Ayat seruan

Praktis 19

1. Semua rakyat Malaysia **diingatkan** oleh Kementerian Kesihatan agar sentiasa mengamalkan cara hidup sihat dan kekal aktif sepanjang musim Aidilfitri ini,sekaligus dapat menikmati kemeriahan perayaan bersama-sama keluarga dengan sempurna.
2. Orang ramai turut **dinasihati** oleh Datuk Dr.Noor Hisham Abdullah dengan memastikan persekitaran rumah bersih bagi mengelak pembiakan nyamuk yang boleh menyebabkan penyakit denggi,chikungunya,malaria dan lain-lain penyakit bawaan sektor.
3. Oleh itu, juadah perlu kami **sediakan** dengan mengutamakan amalan kebersihan dan keselamatan makanan yang menggunakan bahan mentah segar.

Praktis 20

i. Cadangan asal penubuhan Gagasan Pesekutuan Malaysia telah disuarakan oleh Tunku Abdul Rahman
ii. Penjelasan tentang gagasan Malaysia telah diberikan kepada pemimpin dan rakyat Borneo Utara dan Selatan dalam satu persidangan
iii. Lawatan ke 35 buah tempat Borneo Utara dan Sarawak telah diadakan oleh ahli Suruhanjaya Cobbold

SKEMA JAWAPAN PENYUNTINGAN

Praktis 1

BIL	KESALAHAN BAHASA	
1	adalah	ialah
2	Hal ini disebabkan oleh kerana	Hal ini disebabkan oleh
3	menyehatkan	menyihatkan
4	di dalam	dalam
5	tidak	bukan
6	membazir	membuang
7	dan	malahan
8	terhindar	menghindari
9	runcing	meruncing

Praktis 2

BIL	KESALAHAN BAHASA	
1	mentaksirkannya	mentafsirkannya
2	kepada	pada
3	terpaparkan	memaparkan
4	reliti	realiti
5	fikiran	Pemikiran
6	gulungan	golongan
7	latarbelakang	Latar belakang
8	dan	Atau
9	kepada	akan
10	lahirkan	melahirkan
11	menyintai	mencintai

Praktis 3

BIL	KESALAHAN BAHASA	
1	daripada	dari
2	Jagoh-jagoh	Jaguh-jatuh
3	samada	sama ada
4	skuash	skuasy
5	Negara-ku	Negaraku
6	berdendang	berkumandang
7	Antara bangsa	antarabangsa
8	Oleh kerana	Oleh sebab
9	palapis	pelapis
10	dibekal	dibekalkan

Praktis 4

BIL	KESALAHAN BAHASA	
1	pembaruan	pembaharuan
2	institut	institusi
3	mempergiatkan	mempergiat
4	konspirasi	aspirasi
5	saingan	saing
6	antara bangsa	antarabangsa
7	dalam	di
8	apa bila	apabila
9	daripada	dari
10	pemeriksaan	pemantauan
11	kebanyakkan	kebanyakan

Praktis 5

BIL	KESALAHAN BAHASA	
1	mahluk	makhluk
2	paling unik sekali	paling unik/ unik sekali
3	justeru	kerana
4	mempastikan	memastikan
5	memperuntukan	memperuntukkan
6	dari	daripada
7	pelbagai punca-punca	pelbagai punca
8	sekitaran	persekitaran
9	komplekasi,	komplikasi
10	mempercepatkan	mempercepat
11	dibaiki.	dibetulkan
12	tempuh	tempoh
13	bila	apabila

Praktis 6

Petikan 1	Pembetulan	catatan
tercabar	mencabar	Imbuhan
licin	lancar	Istilah/kata
sekaligus	sekali gus	Ejaan
berhemah	berhemat	Istilah/kata
perlu koperasi lakukan	perlu dilakukan oleh koperasi	Frasa
tentu	menentu	Imbuhan
Petikan 2		
pengeluaran	pengeluar	Imbuhan
resepi	resipi	Ejaan
pengawit	pengawet	Ejaan
tutup	ditutup	Imbuhan
Selain itu	Selain	Kata
pasaraya	pasar raya	Ejaan

Praktis 7

BIL	KESALAHAN BAHASA	
	KESALAHAN	**PEMBETULAN**
1	strategi	strategik
2	Oleh kerana itu,	Oleh sebab itu,
3	intensif	insentif
4	merancakan	merancakkan
5	sokongan	menyokong
6	efisyen	efisien
7	mempacu	memacu
8	marjin	margin
9	menggunapakai	Mengguna pakai
10	pada	kepada

Praktis 8

BIL	KESALAHAN BAHASA	
	KESALAHAN	**PEMBETULAN**
1	penyediaan	persediaan
2	murid mereka kemukakan	Dikemukakan oleh murid
3	emel	e-mel
4	Selain daripada itu,	Lain daripada itu,
5	mengambil	menarik
6	dari	daripada
7	Bukan	Tidak
8	apa	apa-apa
9	Di	Pada
10	penguji	menguji

Praktis 9

Petikan 1

BIL	KESALAHAN BAHASA	
	KESALAHAN	**PEMBETULAN**
1	dari	daripada
2	ditinggal	ketinggalan
3	baru	baharu
4	ketulinan	ketulenan
5	bila	apabila
6	penulisan tugasan	tugasan penulisan

Petikan 2

BIL	KESALAHAN BAHASA	
	KESALAHAN	**PEMBETULAN**
1	beberapa	berapa
2	Ayam kecil-kecil	Ayam-ayam kecil
3	dijalankan	berjalan
4	pelihara	memelihara
5	masaalah	masalah

Praktis 10

Kesalahan Bahasa	Pembetulan
Mengesa-gesa	Tergesa-gesa
barang	barangan
simpanan	disimpan
terperingkat	berperingkat
hasil	kesan
angkut	angkat
sanaman	senaman
Ulang-ulang	Ulang-alik
kolori	kalori
angkatan	mengangkat
urat-urat	Otot-otot

Praktis 11

	Kesalahan Bahasa	Pembetulan
1	tradisonal	tradisional
2	di makan	dimakan
3	komersil	Komersial
4	berbagai	berbagai-bagai/pelbagai
5	supaya	untuk
6	mengelakan	mengelakkan
7	urat sakit	sakit urat
8	kursusnya	khususnya
9	mewujudkan	menjadikan
10	memanas	memanaskan
11	memulih	memulihkan
12	dari	daripada
13	pesakit	penyakit

Praktis 12

	Kesalahan Bahasa	Pembetulan
1	kepada	pada
2	pengerak	penggerak
3	mekanisma	mekanisme
4	ditingkatkan	meningkatkan
5	berdayasaing	berdaya saing
6	dengan	dan
7	gembelengan	gemblengan
8	pastikan	memastikan
9	diterima	diiktiraf
11	mendapat	mencapai
12	di dalam	dalam

Praktis 13

	Kesalahan Bahasa	Pembetulan
1	ejen	agen
2	pada	kepada
3	memberi	memberikan
4	sosio ekonomi	sosioekonomi
5	kerja	pekerjaan
6	tidak	bukan
7	dan	tetapi
8	saingan	persaingan
9	hebat	sengit
10	lepas	lepasan

11	daripada	daripada – dari
12	setahun ke tahun	setahun ke setahun/tahun ke tahun
13	berbagai	pelbagai/berbagai-bagai

Praktis 14

Bahan 1

	Kesalahan Bahasa	Pembetulan
1	di dalal	dalam
2	memperkenal	memperkenalkan
3	baru	baharu
4	Sehubungan itu	Sehubungan dengan itu
5	teknoloji	teknoloji
6	memperkukuhkan	memperkukuh
7	pencapaian	mencapai
8	dengan	dan

Bahan 2

	Kesalahan Bahasa	Pembetulan
1	harga	jumlah
2	billion	bilion
3	internet	Internet
4	supaya	untuk
5	menyebarkan tentang ilmu	menyebarkan ilmu
6	pada	kepada

Praktis 15

	Kesalahan Bahasa	Pembetulan
1	pada	kepada
2	bertujuan untuk	bertujuan
3	penukaran	pertukaran
4	punca	sumber
5	diperluaskan	diperluas
6	dapatan	pendapatan
7	di	dalam
8	separuh	sebahagian
9	perlaksanaan	pelaksanaan
10	penuhi	memenuhi
11	stesyen	stesen
12	setok	stok
13	ganjaran mata	mata ganjaran

SKEMA JAWAPAN BAHASA STANDARD

Praktis 1

Seketika lagi maka Laksamana pun datang membawa syahawat dan Keris Kertala Sari	Sebentar nanti Laksamana akan datang membawa syahawat (kemaluan) dan Keris Kertala Sari
Maka sembah Bendahara, "Inilah, tuanku pertandaan yang sungguh	Bendahara menyembah, "Inilah bukti yang sebenarnya, tuanku.
Pada bicara patik, jika lain daripada Laksamana, tiada akan dapat membunuh penjurit itu	Pada pendapat patik, tiada seorang pun yang mampu membunuh penjurit/askar upahan melainkan Laksamana.
Janganlah membunuh dia, menentang matanya pun tiada dapat."	Bukan sahaja tidak dapat membunuh dia, bertentang mata pun mereka tidak mampu
Maka segala mereka pun masing-masing tunduk kemalu-maluan, lalu kembali.	Mereka tunduk malu dan berlalu pergi.

Praktis 2

Jawab orang yang empunya padi itu, "Dari segala macam makanan yang ada di bumi, tidaklah ada yang lebih enak dan lebih besar faedahnya daripada tanaman yang engkau sangka emas ini."	Tuan punya padi itu menjawab, "Dari pelbagai makanan yang terdapat di bumi, tidak ada yang lebih enak dan lebih banyak faedahnya daripada tanaman yang engkau sangkakan emas ini."
Maka berkatalah anak yatim piatu itu kepada penduduk kayangan itu, "Jikalau tuan tidak keberatan, perkenankanlah saya mengambilnya barang sedikit. Saya hendak menanamnya pula di bawah sana di bumi tempat asal saya."	Lalu anak yatim piatu itu berkata kepada penduduk kayangan itu, "Jika tuan tidak keberatan, persetujuilah permintaan saya untuk mengambil sedikit barang itu. Saya hendak menanamnya pula di bumi tempat asal saya.

Praktis 3

Sebermula maka Kertala Sari pun masuk ke dalam . Maka dilihatnya oleh Kertala Sari orang berkawal terlalu banyak dengan alat senjatanya.	Kertala Sari memasuki kampung dan melihat ramai orang bersenjata sedang berkawal.
Maka Kertala Sari pun membaca pustakanya lalu berjalan di tengah orang banyak itu. Maka ia pun pergi ke rumah seorang kaya.	Kertala Sari membaca manteranya kemudian dia berjalan di tengah-tengah khalayak ramai seterusnya memasuki rumah seorang kaya.
Maka dicurinya harta yang kemas-kemas itu lalu dibawanya kembali dan bini orang kaya-kaya itu dicabulinya. Maka ia pun kembali ke tempatnya.	Kertala Sari telah mencuri harta yang bernilai dan mencabuli isteri orang kaya. Setelah itu,Kertala Sari pun pulang ke tempatnya.

Praktis 4

Maka kata segala anak buah Seri Nara Diraja, “Bagaimana maka datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, dan bulu mata dengan bulu kening sudah bertemu?”	Semua anak buah Seri Nara Diraja berkata, “Bagaimanakah datuk hendak berkahwin dan beristeri muda? Datuk sudah tua kerana bulu mata dengan bulu kening sudah becantum.
Maka kata Seri Nara Diraja, “Di mana kamu sekalian tahu, jikalau demikian, sia-sialah cula dibeli oleh bapaku sekati emas di benua Keling itu.”	Seri Nara Diraja berkata, Bagaimana kamu semua tahu yang aku sudah tua?Sia-sialah bapaku membeli azimat yang berharga sekati emas di benua Keling itu.”

Praktis 5

Sembah Sang Memerang dengan ketakutannya, “Harapkan diampun tuanku, beribu-ribu ampun, telah sebenarnyalah seperti sembah Sang Sebarau itu; mengaku kesalahanlah patik-patik yang kedua ini, titah tuanku patik junjung.”	Sang Memerang menyembah dengan ketakutan, “Harapkan diampun tuanku, beribu-ribu ampun, benarlah seperti percakapan Sang Sebarau itu, patik mengaku kesalahan yang kedua ini, titah tuanku patik junjung.
Titah baginda, “Hai Syah Alam di Rimba, menanglah engkau; patut engkau diatkan nyawa anak memerang itu ganti nyawa dan bini Sang Sebarau ini yang telah dimakan Sang Memerang itu; bukan salah engkau melainkan salah Sang Memerang sendiri anaknya mati dipijak sekaliannya.”	Titah baginda, “ Hai Syah Alam di Rimba, engkau menang: engkau patut denda nyawa anak memerang itu dan bini Sang Sebarau yang telah dimakan Sang Memerang itu; bukan salah engkau tetapi salah Sang Memerang sendiri kerana anaknya mati dipijak sekaliannya.
Demikian adanya.	Demikian adanya.

Praktis 6

Dan telah sudah lepas idah, maka Seri Nara Diraja pun bernikah dengan Tun Kudu. Maka menjadi muafakatlah Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja, menjadi berkasih-kasihan seperti saudara sejalan jadi. Maka sembah Seri Nara Diraja pada Sultan Muzaffar Syah, “Tuanku, baiklah Paduka Raja dijadikan bendahara, kerana ia sedia anak bendahara.”	Setelah selesai tempoh idah, Seri Nara Diraja pun bernikah dengan Tun Kudu. Setelah itu, hubungan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja pulih seperti saudara sendiri.Seri Nara Diraja telah mencadangkan kepada Sultan Muzaffar Syah “Tuanku, ada baiknya Paduka Raja dijadikan sebagai bendahara memandangkan paduka Raja memang anak kepada Bendahara.”
Maka titah baginda, “Baiklah.” Maka Paduka Raja pun dijadikan bendahara.	Baginda bertitah,” Baiklah.” Paduka Raja pun dilantik menjadi bendahara.

Praktis 7

Maka orang Siam terlalu hairan melihat kelakuan Tun Umar itu. Telah Hari malam, maka Awi Dicu pun datanglah. Maka oleh Bendahara Paduka Raja segala pohon kayu bakau dan nyirih dan tumpu api-api itu sekaliannya disuruhnya tambati puntung api. Telah dipandang oleh orang siam api tiasa terbilang lagi banyaknya, maka kata hulubalang Siam, "Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka ini, tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang apa hal kita? Sedang sebuah perahunya tadi lagi tiada terlawan oleh kita."	Orang-orang Siam sangat hairan melihat kelakuan Tun Umar. Apabila malam tiba, Awi Dicu pun sampai. Bendahara Paduka Raja segera memerintahkan agar semua pohon kayu bakau, nyirih dan tumpu api-api diikat dengan puntung api. Setelah orang siam melihat begitu banyak nyalaan api, maka hulubalang berkata" tidak terkira banyaknya persediaan kelengkapan perahu orang Melaka, sekiranya semua perahu tersebut menghampiri kita maka sudah pasti kita tidak dapat melawan kekuatan mereka, sedangkan sebuah perahu mereka tadi tidak dapat mereka kalahkan"

Praktis 8

Syahadan, maka kedengaran di Melaka bahawa Cau Pandan sudah mati, sakitnya muntahkan darah, dadanya seperti kena panah. Telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka titah baginda, "Sungguhlah Tuan Sidi Arab ini hamba Allah keramat."	Kerajaan Melaka telah mendengar berita kematian Cau Pandan disebabkan muntah darah kerana dadanya seperti terkena panah. Apabila Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar tersebut, baginda pun bertitah" Sesungguhnya Tuan Sidi arab memang mempunyai ilmu keramat"
Maka beberapa puji baginda akan Tuan Sidi Arab itu dan dianugerahi baginda dengan sepertinya.	Baginda pun memuji ketinggian ilmu Tuan Sidi Arab dan baginda menganugerahkan hadiah yang setimpal kepadanya.

Praktis 9

Maka kata orang itu, "Manira ini disuruhkan oleh Patih Gajah Mada melihat *pakanira*, sudahkah datang dari Daha atau belumkah, kerana Patih Gajah Mada hendak bertemu dengan manira."	Orang itu berkata, " Saya ini disuruh oleh Patih Gajah Mada untuk melihat engkau sama ada sudah datang dari Daha atau belum, kerana Patih Gajah Mada hendak bertemu dengan engkau."
Maka Kertala Sari segera mengambil kerisnya lalu berjalan diiringkan oleh orang itu.	Setelah itu, Kertala Sari segera mengambil kerisnya lalu berjalan beriringan dengan orang itu.

Praktis 10

Maka baginda pun terlalu amat kurnia akan Laksamana; barang sesuatu bicara, jikalau tiada Laksamana, tiadalah putus	Baginda pun terlalu menyayangi akan Laksamana sehingga ada pendapat, sekiranya Laksamana tiada, putusnya tiada
Maka negeri Melaka pun kararlah	Sesudah itu, negeri Melaka pun aman
Berapa lamanya maka terdengar ke Majapahit kepada Patih Gajah Mada bahawa Kertala Sari sudah mati dibunuh oleh Laksamana	Setelah beberapa lamanya, khabar Kertala Sari sudah mati dibunuh oleh Laksamana terdengar di Majapahit iaitu kepada Patih Gajah Mada

Praktis 11

Menurut cerita yang disampaikan oleh pemilik cerita (yang empunya cerita), terdapat seseorang yang dikenali sebagai Raja Benua Siam. Sejak zaman dahulu kala, negeri Siam itu disebut orang sebagai (dikenali dengan nama) Syahrunuwi dan semua raja di bawah angin (negeri-negeri di gugusan pulau-pulau Melayu) tunduk kepada Siam dengan rajanya yang bernama Bubunnya. Terdapat khabar yang disampaikan hingga benua Siam bahawa negeri Melaka yang merupakan sebuah negeri besar tidak tunduk kepada pemerintahannya, lalu Paduka Bubunnya pun memerintahkan orangnya ke Melaka untuk meminta surat sembah.

Praktis 12

Raja Benua Siam sangat marah lalu memerintahkan agar menyediakan kelengkapan untuk menyerang Melaka. Panglima Siam yang bernama Awi Cakri membawa rakyat Siam yang tidak terkira banyaknya (sejumlah angkatan perang yang sangat ramai). Lalu dikhabarkan kepada kepada Duli Sultan Muzaffar Syah bahawa raja Siam menitahkan hulubalang yang bernama Awi Cakri membawa rakyat Siam yang tidak terkira banyaknya dan berjalan kaki terus (menuju) ke hulu Pahang.

Praktis 13

Setelah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar tersebut, baginda menitahkan agar menghimpunkan seluruh rakyat di segenap teluk rantau berkumpul di Melaka. Tun Perak membawa orang Kelang ke Melaka bersama-sama dengan anak dan isteri mereka. Lalu datang seorang orang Kelang menghadap Sultan dan menyembah maklum (persembahkan perihal), "Daulat tuanku, semua orang teluk rantau lain yang datang terdiri daripada kaum lelaki sahaja, tetapi Tun Perak membawa orang Kelang ke Melaka dengan isteri mereka sekali.

Praktis 14

Terdapat perihal Seri Amerta yang asalnya merupakan orang Pasai dari Tanah Sumatera. Oleh sebab beliau merupakan seorang yang bijaksana dan petah berkata-kata, lalu beliau telah dilantik sebagai bentara oleh Sultan Muzaffar Syah serta diberikan gelaran Seri Amerta. Seri Amerta telah diperbuatkan satu bangku tebal yang terletak di bawah lutut sultan. Di situlah Seri Amerta memikul pedangnya dan menyampaikan segala titah sultan.

Praktis 15

Selanjutnya, pada suatu hari, Tun Perak datang menghadap sultan bersama-sama dengan rakyat yang lain. Lalu bentara yang bergelar Seri Amerta mengatakan kepada Tun Perak, "Tuan Tun Perak, semua orang Kelang telah mengadu kepada sultan tentang perbuatan Tun Perak yang membawa semua orang Kelang bersama-sama dengan isteri mereka. Mengapakah demikian perbuatan tuan?"

Praktis 16

Tun Perak tidak menjawab pertanyaan Seri Amerta itu. Tun Perak masih tidak menjawab apabila Seri Amerta bertanya sekali lagi. Setelah tiga kali ditanya barulah Tun Perak menjawab dengan menasihati Seri Amerta, "Wahai Seri Amerta, jagalah pedang yang dianugerahkan kepada tuan hamba dengan baik, jangan dibiarkan berkarat dan jangan dibiarkan tumpul matanya. Duli Yang Dipertuan tinggal di negeri ini bersama-sama dengan anak, isteri dan segala perkakas.

Praktis 17

Oleh itu benarkah pada pendapat tuan hamba bahawa kami sekalian datang dengan hanya kaum lelaki dengan jarak Selat Kelang yang sangat jauh? Jika terjadi sesuatu kepada negeri ini, kami tidak mengetahui nasib yang akan menimpa kami (kelak). Oleh hal yang demikian hamba menyuruh orang Kelang membawa bersama-sama dengan anak dan isteri mereka supaya mereka dapat berperang dengan hati yang bersungguh-sungguh bukan hanya untuk Duli Yang Dipertuan tetapi yang lebih utama adalah demi anak dan isteri mereka."

Praktis 18

Seri Amerta mempersembahkan semua kata-kata Tun Perak itu kepada sultan. Baginda tersenyum sambil bertitah, "Benar kata-kata Tun Perak itu." Sultan mengambil sirih daripada tepak sirih lalu diberikan kepada Tun Perak lalu bertitah, "Tun Perak tidak sepatutnya tinggal di Kelang lagi, sebaliknya Tun Perak perlu tinggal di negeri (Melaka)."

Praktis 19

Apabila mendengar khabar bahawa Cau Pandan ingin menyerang Melaka, Tuan Sidi Arab pun berdiri dihadapan Sultan Muzaffar Shah.Seterusnya Tuan Sidi Arab menggunakan panahnya mengarahkan ke benua Siam.Kemudian Tuan Sidi Arab menarik panahnya sambal berkata "matilah engkau,Cau Pandan."

Praktis 20

Apabila benua Siam mengetahui bahawa negeri Melaka tidak mahu tunduk kepadanya, Paduka Bubunnya pun menyuruh wakilnya pergi ke Melaka untuk meminta surat sembah. Walau bagaimanapun, Sultan Muzaffar Syah enggan menyembah benua Siam. Raja Benua Siam berasa sangat marah lalu menyuruh bersedia untuk menyerang Melaka. Panglimanya, Awi Cakri membawa rakyatnya sampai tidak terkira.

SKEMA JAWAPAN – PERIBAHASA

Praktis 1

i. Anak yatim piatu
ii. Sudah jatuh ditimpa tangan
iii. Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan
iv. Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang

Praktis 2

i. Kecil-kecil cili padi – walaupun dilihat kurang berkeupayaan tetapi mampu bersaing.
ii. Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa- pengetahuan dan kelebihan itu tidak khusus pada orang-orang tua sahaja, boleh juga kepada orang muda.
iii. Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai- sekiranya takut kepada risiko, jangan dekati bahaya.

Praktis 3

i. Genggam bara api biar sampai jadi arang/usaha tangga kejayaan/alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan (melipatgandakan usaha)
ii. Seperti kaca terhempas ke batu (perasaan yang kecewa)
iii. Hendak seribu daya tak hendak seribu dalih (berazam)
iv. Masa itu emas (masa)

Praktis 4

i. Seperti cendawan tumbuh selepas hujan
ii. Beringat sebelum kena, berjimat sebelum habis
iii. Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.

Praktis 5

i. Alang-alang berdakwat biar hitam

- Alang-alang mandi biar basah
- Alang-alang berminyak biar licin
- Genggam bara api biar sampai jadi arang

ii. Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan
   - Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih
   - Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya

Praktis 6

i. Gulung tikar – Berhenti membuat sesuatu pekerjaan kerana kerugian (bankrap)

ii. Tulang belakang – Menjadi tunjang kekuatan atau harapan

Praktis 7

i. Melentur buluh biarlah daripada rebungnya - Mendidik anak-anak biarlah ketika anak itu masih kecil

ii. Harapkan pagar, pagar makan padi – Menaruh kepercayaan kepada seseorang yang akhirnya hanya membinasakan diri sendiri

Praktis 8

i. Masa itu emas

ii. Umpama sirih, menjalar dulu kemudian melilit, barulah memanjat puncak junjung

iii. Anak buah

Praktis 9

i. Jauh berjalan luas pemandangan

ii. Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak

iii. Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas

Praktis 10

i. Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya

ii. Seperti anak ayam kehilangan ibu

iii. Sudah jatuh ditimpa tangga

Praktis 11

i. Serkap jarang

ii. Cinta monyet

iii. Pelanduk dua serupa

Praktis 12

i. Bagai itik mendapat air - Kegembiraan yang amat sangat kerana beroleh sesuatu yang disukai.

ii. Kalau tidak berada-ada masakan tempua bersarang rendah – Tentu ada sebab sebabnya yakni sesuatu sebab yang tersembunyi, maka sesuatu perkara itu berlaku demikian

iii. Kalau tiada angin bertiup, masakan pokok bergoyang – Apabila terjadinya sesuatu hal tentu ada sebabnya

iv. Air tenang jangan disangka tiada buaya - Orang yang diam jangan disangka bodoh atau pengecut.

Praktis 13

i. Biar mati anak jangan mati adat/ Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah.

ii. Enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing

iii. Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi/Berdiri sama tinggi, duduk sama rendah

Praktis 14

i. Kalau tidak dipecahkan ruyung, masakan/manakan dapat sagunya / Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan

ii. Ukur baju di badan sendiri

iii. Membaca jambatan ilmu

Praktis 15

i. Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan/ hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih

Maksud: sekiranya seseorang itu bersungguh-sungguh dalam mengusahakan sesuatu pasti akan mampu melaksanakannya

ii. Bagai lebah menghimpun madu

Maksud: orang yang sangat rajin

iii. Bagai aur dengan tebing

Maksud: saling membantu dan bekerjasama

Praktis 16

i. Biar mati anak, jangan mati adat.

Maksud : orang yang kuat berpegang pada adat.

ii. Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.

Maksud: menurut adat atau peraturan di tempat yang kita diami atau tinggal

iii. Untung anak lelaki cari-carikan, untung anak perempuan nanti-nantikan.

Maksud: orang lelaki merisik bakal isterinya

iv. Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

Maksud: adat yang tidak berubah, sesuatu tetap utuh

SKEMA JAWABAN PETIKAN UMUM

Praktis 1

Cadangan Jawapan :	
i. Menjejaskan kualiti	• merosakkan/mengurangkan mutu
ii. Persamaan dan perbezaan kesan stres yang terdapat dalam kedua-dua bahan ialah	Pesamaan kesan stres : Stres menjejaskan kehidupan seseorang Perbezaan kesan stres : Bahan 1: menjejaskan kualiti kehidupan kita, malahan orang sekeliling seperti keluarga dan kawan rapat kita juga boleh terkena tempiasnya. Bahan 2 ; Stres boleh memburukkan masalah kesihatan seseorang sehingga boleh membunuh
iii. Kesan lain stres	• mudah lupa • tidak fokus dengan kerja • sukar tidur • sakit kepala • emosi tidak stabil • sistem penghadaman terganggu •
iv. Cadangan menangani stres	• Pemakanan yang betul • Jangan membebankan diri • Rehat yang secukupnya

	• Sentiasa berinteraksi dengan keluarga atau orang terdekat • Berjumpa pakar kaunseling • Melakukan aktiviti yang diminati • Tidur yang mencukupi

Praktis 2

Soalan	Cadangan Jawaban	Markah
i. Maksud peningkatan pola	pertambahan corak/cara	2
ii. Perbezaan antara wabak influenza dan pandemic COVID-19	1. Serangan influenza yang meningkat tetapi terkawal. -Penyakit pandemik C19 belum dapat dikawal sepenuhnya. 2. Serangan influenza merupakan penyakit kategori Epedemik -C19 merupakan penyakit kategori Pandemik. 3. Penyakit serangan influenza tidak melibatkan penutupan sekolah. -C19 melibatkan penutupan sekolah dan pembelajaran secara dalam talian.	3
iii. Langkah-langkah mengawal penyakit berjangkit sengan berkesan	-mematuhi dan mengikuti pelan operasi dan panduan menghadapi wabak penyakit berjangkit. -mendapatkan vaksin yang disarankan oleh kerajaan. -sentiasa cakna dan mengikuti perkembangan berita semasa -sentiasa memastikan kebersihan diri dan orang terdekat serta kawasan sekeliling Jawaban relevan diterima	4
iv. tindakan yang akan saya lakukan agar jiran saya mematuhi panduan menghadapi wabak penyakit berjangkit.	-memberikan nasihat secara bertatasusila -memaklumkan impak yang negatif sekiranya orang lain terlibat. -memberikan panduan yang lengkap tentang cara-cara menghadapi wabak penyakit berjangkit.	4

	-berkongsi pengalaman dan maklumat berkaitan di media social seperti Whatsapp, Telegram, Facebook dan Twitter. Jawaban relevan diterima	

Praktis 3

Soalan		Cadangan Jawaban	Markah
i.	maksud ***mengubah perkembangan***	-Menukar pertumbuhan /Menjadikan / mengalihkan (mengubah) pertumbuhan (perkembangan) menukar perkembangan Mengubah pertumbuhan	2 m 1m
ii.	**persamaan dan perbezaan** kesan penggunaan gajet kepada anak-anak**.**	Persamaan Bahan 1 dan 2 Kedua-dua bahan menyentuh kesan negatif penggunaan gajet kepada golongan muda. (remaja / kanak-kanak) Perbezaan Bahan 1 : Kesannya kepada kesihatan mental khususnya kekurangan tidur kepada remaja Bahan 2 : Kesannya kepada kesihatan fizikal khususnya mata kepada kanak-kanak.	3 m
iii.	Faedah teknologi maklumat kepada murid.	i. dapat memudahkan urusan kerja sekolah ii. dapat menjadi sumber rujukan pelbagai ilmu pengetahuan iii. dapat memudahkan e-pembelajaran dengan guru dan rakan melalui pelbagai aplikasi	3 m

	iv. dapat berkongsi ilmu dan budaya dengan rakan-rakan alam maya dari luar negara v. jawapan yang releven daripada murid boleh diterima	
iv. Sebagai ibu bapa, cadangkan langkah-langkah untuk memastikan anak-anak menggunakan gajet dengan bijak.	- Ibu bapa perlu memantau penggunaan gajet dalam kalangan anak-anak dengan meletakkan komputer di ruang terbuka di dalam rumah - Ibu bapa perlu mengehadkan penggunaan gajet kepada anak-anak dengan menetapkan tempoh masa penggunaannya. - Ibu bapa perlu meletakkan aplikasi saringan di dalam sistem komputer supaya dapat menghalang anak-anak melayari laman web yang tidak sesuai. - Ibu bapa perlu mendidik anak-anak menggunakan laman web yang berilmiah dengan mengadakan pertandingan banyak membaca dalam kalangan ahli keluarga. - Ibu bapa perlu sentiasa menasihati anak-anak supaya memanfaatkan gajet dengan semaksimum mungkin untuk perkara-perkara yang berfaedah. - Ibu bapa perlu melarang anak-anak menggunakan gajet pada waktu malam agar kesihatan mereka tidak terganggu.Ibu bapa perlu sentiasa menunjukkan contoh yang baik dalam penggunaan gajet kepada anak-anak	4 markah

	supaya mereka menjadi generasi muda berminda kelas pertama jawapan yang releven daripada pelajar boleh diterima	

Praktis 4

Soalan	Cadangan Jawaban	Markah
i.Maksud *sentiasa berwaspada*	Selalu / berhati-hati	2 markah
ii. Perbezaan cara-cara ibu bapa dalam mengelakkan anak-anak menjadi mangsa jenayah.	Bahan 1 -memberikan pendedahan kepada anak-anak tentang bahaya dan risiko yang tidak dijangka apabila berada di luar rumah -menerapkan nilai murni kepada anak-anak -mendidik dan mendisiplinkan anak-anak Bahan 2 -memberi perhatian serta bimbingan kepada anak-anak -memberikan pendidikan agar anak-anak mengetahui norma-norma sosial yang perlu dipatuhi	3 markah
iii. Kesan buruk penglibatan remaja dalam kes jenayah	Peningkatan kadar jenayah dalam negara Kadar pengangguran dalam negara meningkat Kurang tenaga mahir sama ada dalam sektor awam ataupun sektor swasta Pendapatan dan kewangan negara terjejas	3 markah

	Mana-mana jawapan lain yang sesuai diterima	
iv.punca-punca yang menyebabkan masalah ini berlaku?	1.Remaja kini mudah terpengaruh dengan kelakuan negatif yang disebarkan melalui media elektronik. -Kebebasan menggunakan Internet tanpa kawalan -Ibu bapa tidak mengehadkan masa penggunaan internet anak-anak di rumah -keseronokan semasa menggunakan internet -Pengaruh rakan sebaya **Mana-mana jawapan lain yang sesuai diterima**	4 markah

Praktis 5

Soalan	**Cadangan Jawapan**	**Markah**
I	Keperibadian yang asli/sejati/ bukan tiruan	2 markah
Ii	Bahan 1 Jati diri yang kian rapuh memberikan impak negatif terhadap kecintaan pada negara dan bangsa, khususnya dalam kalangan generasi muda Bahan 2 Masyarakat terutamanya generasi muda akan mudah terpesong dan terbelenggu dalam situasi yang merencatkan kemajuan diri dan semua di sekeliling mereka.	3 (2 isi + 1 markah bahasa)
Iii	-mengukuhkan pegangan agama / nilai-nilai murni/ menguasai bahasa ibunda -mengawal kemasukan budaya asing/ luar yang negatif - memupuk semangat cinta akan negara / patriotisme dalam	4 (3 isi + 1m Bahasa)

	-mengadakan kempen kesedaran / jati diri bangsa -menganjurkan kursus kepimpinan / kem jati diri -menyediakan modul jati diri/ kenegaraan **(jawapan lain yang relevan diterima)**	
iv	- Pengaruh budaya barat - Gaya hidup moden yang menganggap bahawa adat resam ketinggalan zaman - Ada adat resam yang bertentangan dengan ajaran agama/kepercayaan agama - Tidak dijadikan amalan dalam kehidupan seharian / hanya dilakukan dalam situasi tertentu - etnik majoriti mempengaruhi etnik minority - perkahwinan campur etnik menyebabkan keaslian budaya dan amalan adat resam semakin terhakis - ibu bapa tidak menitikberatkan amalan budaya dan adat resam dalam kalangan anak-anak **Jawaban lain yang relevan diterima**	4 (3 isi + 1m bahasa)

Praktis 6

Soalan	Cadangan Jawaban	Markah
i. Maksud *menerajui transformasi* ialah :	Memimpin/mengetuai perubahan	2 markah
ii. Persamaan dan Perbezaan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam sektor pertanian.	**Persamaan Bahan 1 dan Bahan 2** ialah isu pada peringkat pengeluaran seperti : -kekurangan tanah pertanian, pengurusan tanah pertanian, kualiti benih dan baja, serangan penyakit, kekurangan sumber air, umur majoriti pesawah, -pelaksanaan subsidi dan insentif kerajaan -masalah kekurangan data -memastikan berlakunya satu perubahan dalam sektor pertanian dan industri makanan dengan memanfaatkan teknologi pertanian dan inovasi moden **Perbezaan cabaran** ada pada Bahan 2 iaitu cabaran dari sudut faktor lain seperti - cabaran menstabilkan harga barangan - cabaran mengurangkan keperluan import negara	2 markah
iii. Manfaat sektor pertanian kepada individu	-Boleh dijadikan sebagai hobi/mengisi masa lapang -Boleh dijadikan sebagai salah satu punca pendapatan -Boleh dijadikan sebagai salah satu aktiviti rekreasi dan menyihatkan badan	3 markah

	-Boleh dijadikan sumber makanan sehari-hari dan menjimatkan wang **Jawaban lain yang relevan diterima**	
iv.Langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan bagi mengatasi isu generasi muda kurang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian.	-Membuat kempen/karnival di sekolah -Memberikan kursus percuma berkaitan pertanian -Memberikan insentif kepada generasi muda bagi memulakan pertanian -Menawarkan kembali subjek elektif pertanian kepada sekolah harian biasa selain di kolej vokasional -menggalakkan lebih banyak penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pertanian **Jawaban lain yang relevan diterima**	4 markah

Praktis 7

Soalan	**Cadangan Jawapan**	**Markah**
I	Licin beroperasi/ beropersi tanpa tersangkut-sangkut Beroperasi lancar	2m 1m
Ii	- Memerlukan pekerja yang tidak ramai/sedikit - Mengurangkan kos operasi peniaga - Pelanggan membayar secara dalam talian sebelum produk atau barangan dihantar kepada pelanggan	1m 1m (2 isi + 1 markah bahasa)
iii	- risiko jaminan kualiti barangan yang dibeli /kualiti produk yang rendah -penipuan urusan jual beli / produk yang dibeli tidak diterima /produk yang diterima tidak sama dengan produk yang dinyatakan secara atas talian -sukar untuk memulangkan barangan yang rosak	1m 1m 1m 1m

	-sukar untuk mendapatkan bayaran balik / wang pembelian jika barangan yang diterima rosak atau hilang -sukar untuk membatalkan kontrak jual beli yang dipersetujui secara atas talian **(jawapan lain boleh diterima sekiranya sesuai)**	1m (3 isi + 1m Bahasa)
Iv	- Bekerja sebagai penghantar makanan seperti Grab Food, foodpanda/ barang - Bekerja sebagai pemandu Grab/ teksi - Membuat perniagaan secara atas talian - Menanam sayur-sayuran/ bunga untuk dijual - Membuka kedai runcit/ restoran / gerai **(jawapan lain sila terima jika sesuai)**	1m 1m 1m 1m 1m 4 m

Praktis 8

Soalan	Cadangan jawaban	Markah
i.Maksud *aspek budaya*	sudut / bahagian peradaban	2 *markah*
ii. Persamaan tujuan pesta budaya berdasarkan kedua-dua bahan dan perbezaan budaya warisan yang ditonjolkan	Persamaan tujuan pesta budaya: - budaya warisan menjadi pegangan dan tatapan generasi akan datang Perbezaan budaya warisan yang ditonjolkan ialah : Bahan 1 : Keaslian pakaian tradisi dan penguasaan bahasa ibunda yang baik Bahan 2 : Acara sukan tradisi melalui kemahiran memburu menggunakan kemahiran menyumpit	3 markah

iii.	Usaha memartabatkan budaya warisan penting kerana	-Dapat membina jati diri yang kukuh dalam kalangan masyarakat -Budaya warisan dapat dilestarikan sepanjang zaman -Budaya warisan dihargai oleh generasi muda - Dapat menjanakan ekonomi negara - Melambangkan keunikan negara - Dikenali oleh masyarakat dunia **Jawaban lain yang relevan diterima**	4 markah
iv.	Sebagai remaja, usaha yang dapat dilakukan	- melibatkan diri dalam aktiviti kebudayaan di sekolah - aktif dalam persatuan permainan tradisional - mengingati budaya warisan dan mengamalkannya - memakai pakaian tradisional - mempelajari cara penyediaan makanan tradisional - menjadi teladan yang baik kepada golongan lebih muda **Jawaban yang relevan diterima**	4 markah

Praktis 9

Soalan	Cadangan Jawaban	Markah
i.	waktu lapang	2 m
ii.	**Persamaan** memerlukan strategi dan fokus tinggi untuk meraih kemenangan. **Perbezaan** -medium sukan (ICT, peralatan sukan) -kecekapan. (ICT, pergerakan fizikal) -bilangan pemain pada satu-satu masa. -cara perlawanan-(bersemuka, maya)	3 m
iii.	-arena yg mempunyai khalayak yg ramai-boleh menjana pendapatan yang lumayan -promosi berterusan dalam saluran media sosial berkaitan permainan video, hadiah kemenangan dan potensi untuk dikenali di luar negara -konsep permainan interaktif memberikan keseronokan kepada pemainnya. -faktor grafik dan kecanggihan teknologi permainan.	4 m
iv.	-menasihati rakan untuk memohon bantuan daripada kaunselor/pakar psikologi. -menasihati rakan mengehadkan masa bermain. -mengajak rakan melakukan aktiviti lain (bersukan, rekreasi, hobi lain) -menasihati rakan mengamalkan waktu makan dan tidur yang teratur.	4 m

Praktis 10

Soalan		Cadangan Jawaban	Markah
i.	Maksud *lokasi strategik*:	Lokasi- Kawasan / tempat Strategik- sesuai/penting/utama Kawasan sesuai Lokasi sesuai Kawasan strategik	2 markah 1 markah
ii.	Persamaan dan perbezaan kepentingan hobi berdasarkan 2 bahan	**Kedua-dua bahan menyatakan hobi dapat :** Menjanakan pendapatan / Menjadi sumber pendapatan sampingan **Perbezaan :** **Bahan 1** Membawa tuah kepada pemancing **Bahan 2** Menghijaukan bumi dan mengawal pemanasan global berjaya memiliki kebun sendiri	3 markah
iii. Kegiatan hobi ini semakin diabaikan oleh golongan remaja kerana		-Remaja memberi alasan kesuntukan waktu. -Tugasan sekolah terlalu banyak hingga tiada masa terluang untuk membabitkan diri dengan hobi tersebut. -Remaja kurang cakna kepentingannya -Remaja menganggap hobi hanya membuang masa dan kurang berfaedah -Mereka menganggap hobi memerlukan belanja/kos **Jawaban lain yang relevan diterima**	3 markah
		-Saya akan mendapatkan pandangan daripada ibu bapa, guru kaunseling atau orang dewasa	4 markah

iv. Cara memilih hobi yang bersesuaian dengan status anda sebagai pelajar	kerana mereka merupakan orang yang berpengalaman -Saya akan mendapatkan maklumat tentang hobi tersebut daripada pelbagai sumber seperti buku, Internet dan majalah. -Saya akan bertanya kepada rakan yang mempunyai hobi untuk mendapatkan idea dan pengalaman mereka. -Saya akan memilih hobi yang berkaitan dengan pelajaran kerana saya percaya hobi tersebut mampu membantu saya memahami ilmu yang saya pelajari di rumah. **Jawaban lain yang relevan diterima**	

Praktis 11

Soalan	Cadangan Jawaban	Markah
i. Maksud rangkai kata *idea bernas:*	buah fikiran/ hasil pemikiran penuh berisi/ yang baik/ baik sekali/ matang	2 markah
ii. persamaan dan perbezaan manfaat membaca dalam kalangan masyarakat	**Persamaan** pembinaan ilmu pengetahuan dalam diri seseorang/ meningkatkan ilmu pengetahuan. **Perbezaan** -dapat menguasai pelbagai bidang dalam kehidupan mereka dan mencipta sejarah. - kuasa pembebasan daripada belenggu kemiskinan dan kejahilan. - membolehkan pemikiran seseorang itu berkembang dan mempunyai imaginasi yang lebih tinggi untuk bercakap dan mengeluarkan pendapat. - mampu untuk melahirkan manusia yang berguna dan mempunyai tahap - pemikiran yang tinggi. - menjadi pemimpin negara.	2 isi cukup [Maksimum :3 markah]

iii. Punca amalan membaca dalam kalangan murid sekolah kian pudar	- Trend pelajar diberi telefon pintar/ gajet. - Sikap malas pelajar. - Menganggap membaca sebagai aktiviti membosankan. - Tiada teguran ibu bapa terhadap sikap anak-anak yang kurang membaca. - Lebih minat menonton televisyen. - Pengaruh rakan sebaya. - Sikap pihak sekolah kurang memberi kesedaran kepada pelajar tentang kebaikan membaca. **(Jawapan lain yang sesuai juga diterima)**	[3 isi cukup] [Maksimum: 4 markah]
iii. Cara anda dapat membantu menyelesaikan masalah ini	- menasihati/ menegur rakan. - melaporkan kepada guru / kaunselor/ ustaz/ ustazah. - melaporkan kepada ibu bapa/ ahli keluarga rakan tersebut. - menghadiahkan bahan bacaan yang bermanfaat kepada rakan. - mengajak rakan membaca bahan bacaan yang bermanfaat. **(Jawapan lain yang sesuai juga diterima)**	[3 isi cukup] [Maksimum: 4 markah]

Praktis 12

Cadangan Jawapan :	
(i)	• cara pantas
(ii)	Perbezaan : Bahan 1 ; • Punca-punca banjir kilat • Kesan-kesan banjir kilat Bahan 2 ; • Kepentingan pelestarian alam sekitar • Pengekalan kawasan hijau dalam setiap pembangunan • Penubuhan Galeri Perhutanan
(iii)	Langkah berkesan menangani masalah alam sekitar: • Kerajaan memperkasakan Program Kitar Semula • Dokumentari alam sekitar • Tindakan undang-undang yang ketat • Pendidikan alam sekitar di peringkat sekolah • sistem penghadaman terganggu • Kempen kesedaran kepentingan alam sekitar
(iv)	Tindakan saya: • Menasihati jiran / menerangkan keburukan / memberitahu peraturan • Melaporkan kepada pihak Jabatan Alam Sekitar/pihak berkuasa • Membantu jiran melupuskan sampah dengan cara yang betul • Meminta bantuan daripada ketua penduduk/ketua kampung

SKEMA JAWAPAN PETIKAN SASTERA

Praktis 1

1. Maksud *menunjang pohon kebenaran:*
   - menyokong asal mula/asal usul/pangkal perkara yang betul

2. Pesanan ibu [**Bahan 1**]
   - Selalu membaca buku untuk melengkapkan diri dengan ilmu
   - Pilih kawan yang mulia/baik hati dan menjauhkan diri daripada rakan yang mementingkan diri sendiri
   - Pilih kawan yang boleh membimbing dan jauhi rakan yang bertabiat buruk/rakan yang boleh mempengaruhi anak melakukan perkara yang negatif.

- Berwaspada/Menjaga diri ketika berada di luar kerana mungkin ada bahaya yang menimpa
- Menjaga kesihatan diri

Pesanan ibu [**Bahan 2**]

- Tidak mengabaikan perintah agama
- Memelihara bahasa ibunda

3. Kesan jika kita mengabaikan pesanan seorang ibu
   - Terjebak dalam gejala sosial atau perkara yang tidak baik/sentiasa berhadapan dengan masalah
   - Tersalah memilih jalan hidup/membuat sebarang keputusan
   - Tidak mempunyai jati diri/pegangan/pendirian yang kukuh
   - Menjadi anak yang derhaka kerana tidak mendengar nasihat ibu
   - Melukai hati ibu kerana enggan mendengar nasihatnya
   - Menjadi orang yang tidak berakhlak mulia
   - Sukar untuk berjaya dalam hidup kerana tiada pedoman/panduan/bimbingan yang betul
4. Cara seseorang individu yang sibuk bekerja menjaga ibu bapa mereka yang sudah lanjut usia
   - Membuat jadual penggiliran menjaga ibu bapa antara adik-beradik
   - Mengupah jururawat peribadi untuk menjaga ibu bapa di rumah
   - Menguruskan masa dengan efisien agar mempunyai masa/kesempatan menjaga ibu bapa
   - Sentiasa menghubungi/menelefon ibu bapa ketika bekerja untuk mengetahui keadaan mereka
   - Mengunjungi ibu bapa setiap hari dan setiap kali mempunyai masa lapang

Praktis 2

1. Maksud rangkai kata '*Dirgahayu bahasaku'* berdasarkan **Bahan 1** ialah semoga bahasa Melayu terus berkembang.

2. Keistimewaan bahasa Melayu berdasarkan semua bahan ialah :
   - Bahasa Melayu merupakan bahasa ilmu yang dapat digunakan untuk memajukan negara
   - Bahasa Melayu berperanan sebagai lambang perpaduan rakyat berbilang bangsa di negara kita
   - Membentuk jati diri
   - Melambangkan maruah masyarakat penuturnya
   - Mencerminkan kehalusan dan kesopanan budi bahasa dan ketinggian adab Susila
   - Asas pembentukan sebuah negara bangsa yang berdaulat
   - Sebagai alat penyebar dan pewaris khazanah ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan sesuatu bangsa yang diperturunkan dari generasi ke generasi.
3. Pada pendapat saya, masih ada segelintir masyarakat Melayu yang enggan bertutur menggunakan bahasa Melayu kerana :
   - Tanggapan masyarakat bahawa bertutur dalam bahasa Melayu melambangkan status yang rendah
   - Mengagung-agungkan bahasa Inggeris
   - Bahasa Melayu bukan bahasa antarabangsa
   - Bahasa Melayu tiada nilai komersial
   - Lebih berminat dengan bahasa rojak khususnya penggunaan sistem pesanan ringkas (SMS) kerana penggunaan telefon selular yang semakin meluas dan memerlukan mereka menggunakan bahasa lebih ringkas
   - Sikap kurang yakin masyarakat Melayu terhadap bahasa Melayu (berpandangan bahasa tersebut akan lenyap ditelan zaman)
   - Kurangnya semangat patriotisme
   - Faktor emosi serta cara didikan keluarga dan keadaan persekitaran
   - Penggunaan bahasa dalam media cetak dan media elektronik yang tidak menitikberatkan penggunaan bahasa Melayu yang betul sehingga menyebabkan masyarakat terbawa-bawa dalam kehidupan seharian

4. Cara-cara yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan untuk menggalakkan masyarakat menggunakan bahasa Melayu dengan baik ialah :
   - Menganjurkan kempen/ program-program yang mampu menarik minat masyarakat seperti sayembara atau peraduan menulis cerpen
   - Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah dan universiti
   - Menyediakan lebih ramai guru yang mahir berbahasa Melayu dan mengajar bahasa Melayu dengan baik
   - Memastikan bahasa Melayu digunakan dalam semua acara rasmi
   - Menggalakkan industri perfileman menggunakan bahasa Melayu yang betul dalam menghasilkan filem

- Menggalakkan penerbit buku menggunakan bahasa Melayu yang betul dan bukannya menggunakan bahasa rojak dalam penerbitan buku.
- Memastikan media massa menggunakan bahasa Melayu yang betul dalam pengiklanan.

Praktis 3

i) Berdasarkan **Bahan 1,** berikan maksud *alternatif lain* ialah cara yang berbeza

ii) Berdasarkan **semua bahan**, kebaikan-kebaikan kiropraktik:

- Mengurangkan sakit leher dan belakang
- Mengurangkan kesakitan dan ketegangan otot
- Membantu memulihkan keupayaan
- Menghilangkan segala kegusaran

iii) Faktor perubatan moden menjadi pilihan masyarakat pada hari ini:

- Tempoh rawatan pendek
- Kesakitan yang kecil (dengan adanya ubat bius)
- Dipercayai oleh masyarakat
- Penyakit kronik dapat dirawat (melalui pembedahan/ ubat)

(iv) Nasihat saya supaya rakan mendapat rawatan kiropraktik:

- Memberitahu kebaikan keropraktik
- Memberitahu tempat kiropraktik yang mendapat kelulusan dan berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia
- Memberitahu rakan berjumpa dengan pakar kiropraktik yang bertauliah

Praktis 4

(i) Berdasarkan **Bahan 1,** berikan maksud *menghakis kekuatan* ialah hilang keteguhan

(ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan perbezaan dan persamaan martabat bahasa Melayu:

Perbezaan Bahan 1 , Bahan 2 dan Bahan 3

- Bahasa rojak sehingga menghakis kekuatan bahasa Melayu
- Memartabatkan bahasa Melayu
- Kesantunan dalam berbahasa

Persamaan

- Bahasa rojak jangan digunakan apabila berkomunikasi

(iii) Punca penggunaan bahasa rojak dalam kalangan masyarakat:
- Perkembangan pesat dunia teknologi maklumat
- Penggunaan bahasa rojak sangat meluas dalam hubungan seharian
- Penggunaan meluas di media sosial
- Program-program televisyen dan radio serta iklan juga menggunakan bahasa rojak

(iv) Tindakan yang saya perlu lakukan supaya rakan saya boleh menggunakan bahasa Melayu dengan betul:
- Mengajak kawan untuk mengikuti aktiviti bahasa di sekolah
- Menegur dengan cara berhemah
- Mengajak kawan ke pameran-pameran berkaitan dengan bahasa
- Mengajak kawan untuk menyertai pertandingan bahasa yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka

Skema Praktis 5

Skema

(i) Maksud *mega mendong*:

- awan mengandungi/membawa hujan / redup/tidak terang **2**

[Maksimum isi : 2 markah]

(ii) Berdasarkan **semua bahan,** masalah yang dihadapi oleh mereka ketika mencari rezeki:

P1 biduk hanyut dibawa ombak

P2 nelayan tersentak biduk sesat haluan

P3 ayam sakit

P4 penternak kecil terperangkap dalam jerat syarikat besar

P5 harga syarikat besar tentukan

P6 menanggung hutang

P7 kolek bagai buih kecil terapung di air

P8 menjaring sedikit rezeki

[Maksimum isi : 4 markah]

[Isi cukup 3]

(iii) Kebaikan menceburi bidang pertanian kepada negara:

P1 memanfaatkan sumber yang dimiliki oleh negara

P2 mewujudkan peluang pekerjaan

P3 meningkatkan pendapatan eksport negara

P4 mewujudkan keberdikarian bekalan makanan negara

P5 melahirkan imej yang baik untuk negara

P6 memelihara ekologi alam sekitar

[Maksimum isi : 3 markah]

[Isi cukup 2]

(iv) Tindakan saya dapat membantu sahabat yang menghadiri temu duga:

P1 membantu menyediakan senarai dokumen yang berkaitan projek
P2 membantu mengemaskinikan kertas cadangan projek penternakan
P3 membantu menyediakan laporan projek penternakan
P4 membantu menyediakan surat tanah atau surat perjanjian sewaan tanah
P5 membantu menyediakan profil projek
P6 membantu menyediakan resume diri / **bahan-bahan bantuan yang membantu**
P7 menyediakan surat atau sijil kursus teknikal yang berkaitan tentang projek
P8 membantu mengadakan pratemuduga untuk menambah keyakinan diri
P9 membantu membentuk penampilan imej yang sesuai
P10 membantu persediaan fizikal / emosi / mental
P11 membantu pengetahuan dalam diri / **dalami apakah bidang projek / peka terhadap isu semasa dan pengetahuan am**

[Maksimum isi : 4 markah]
[Isi cukup 3]

Praktis 6

i. Maksud rangkap ketiga
   - Bahasa ibunda atau kebangsaan tidak boleh diabaikan sekiranya inginkan negara mencapai kemajuan.

[2 markah]

ii. Kepentingan-kepentingan yang diperoleh apabila masyarakat memelihara Bahasa Melayu
   - hanya bahasa Melayu warisan yang tinggal.
   - bahasa Melayu Bahasa penyatuan/ perpaduan.
   - bahasa Melayu melambangkan jiwa bangsa.

[2 isi cukup]
[Maksimum:3 markah]

iii. Pada pendapat saya,sebab-sebab pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa utama di negara kita ialah
   - bahasa Melayu mempunyai jumlah penutur yang terbesar di negara ini.

- bahasa Melayu merupakan bahasa yang bersifat pribumi bagi negara ini.
- bahasa Melayu sebagai alat komunikasi semua kaum.
- bahasa Melayu telah lama menjadi bahasa pentadbiran di negara Melayu.

[2 isi cukup]
[Maksimum: 3 markah]
(Jawapan lain yang sesuai juga diterima)

iv. Sebagai seorang rakan, langkah-langkah yang boleh saya lakukan untuk mengatasi masalah ini ialah
- saya boleh mengajak rakan-rakan untuk menyertai kempen-kempen/ kem- kem bahasa/ ceramah-ceramah yang berkaitan dengan bahasa kebangsaan.
- saya boleh menghadiahkan buku-buku/ novel-novel/ bahan bacaan/ majalah dalam bahasa Melayu kepada rakan.
- saya juga boleh menegur rakan-rakan secara berhemah apabila berlakunya kesalahan bahasa ketika pertuturan.
- saya boleh melibatkan rakan-rakan dalam pertandingan kebangsaan yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

[3 isi cukup]
[Maksimum: 4 markah]
(Jawapan lain yang sesuai juga diterima)

Skema Praktis 7

(i) Rangkai kata *sudah dimakan tua* bermaksud
- telah lanjut usia

[2 *markah*]

(ii) Persamaan yang terdapat dalam bahan tersebut ialah:
P1- sikap anak yang mengabaikan tanggungjawab terhadap ibu bapa yang telah tua
P2- sikap anak-anak yang telah melupakan pengorbanan ibu bapa mereka
P3- sikap anak yang tidak menghormati dan menyayangi ibu bapa
P4- hati ibu bapa yang terluka kerana sikap anak-anak

[2 isi cukup]
[Maksimum: 3 markah]

(iii)Pada pendapat saya, cara-cara yang boleh dilakukan oleh anak-anak untuk membalas jasa ibu bapa:
P1- sentiasa menghormati mereka/mendengar cakap/membantu mereka
P2- belajar bersungguh-sungguh
P3- mempamerkan tingkah laku yang baik/menjaga nama baik ibu bapa
P4- Sentiasa mendoakan kesejahteraan mereka

[2 isi cukup]
[Maksimum: 3 markah]

(Jawapan lain yang sesuai juga diterima)

(iv) Sebagai warga yang prihatin, langkah-langkah yang dapat saya lakukan untuk mengatasi masalah gelandangan:

P1- melaporkan kepada pihak yang bertanggungjawab
P2- membantu mencari tempat penginapan sementara
P3- membantu mendapatkan rawatan perubatan/makanan
P4- membantu mendapatkan khidmat bimbingan dan kaunseling

[3 isi cukup]
[Maksimum: 4 markah]
(Jawapan lain yang sesuai juga diterima)

Praktis 8

i. Maksud menyalakan semangat

- menghidupkan / membangkitkan keinginan / kemahuan
- *menyalakan* keinginan / kemahuan
- menghidupkan / membangkitkan *semangat*

[2 *markah*]

ii. Kepentingan bidang sukan kepada masyarakat

Bahan 1
P1 memenuhi impian dan cita-cita
P2 menaikkan nama seseorang individu di persada dunia

Bahan 2
P3 membangunkan masa depan

Bahan 3
P4 mencerdaskan minda
P5 mencergaskan jasmani / badan
P6 membentuk semangat waja
P7 berada dalam keadaan ceria dan sentiasa berdisiplin
P8 menjadikan rakyat semakin sihat
P9 memajukan negara

[Maksimum : 4 *markah*]
[Isi cukup : 3 isi]

iii. Langkah-langkah perlu dilakukan oleh pelbagai pihak untuk merealisasikan impian memiliki emas pertama dalam sukan Olimpik

P1 menggunakan jurulatih berkaliber / mengimport jurulatih
P2 Program Podium diperkemaskan
P3 Mencungkil bakat di peringkat akar umbi / sekolah
P4 Latihan intensif / menghantar ke luar negara
P5 Fasiliti / kemudahan / stadium sukan dinaik taraf
P6 Penganjuran sukan di peringkat antarabangsa
P7 menawarkan hadiah insentif yang lumayan

(Langkah yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 *markah*]
[Isi cukup : 2 isi]

iv. Cadangan yang boleh diberikan kepada pihak sekolah untuk menarik minat murid menyertai Hari Sukan Tahunan tersebut

P1 membantu guru menganjurkan Kempen Galakan Bersukan / 1 Murid 1 Sukan
P2 menyediakan ganjaran dalam bentuk sijil / hadiah
P3 memberi pengiktirafan dalam Majlis Anugerah Pencapaian Kokurikulum dan Sukan

P4 menyediakan pakaian khas sukan secara percuma kepada wakil sekolah
P5 mengadakan pertandingan antara sekolah lain dalam daerah
P6 motivasi kepada murid sebelum pertandingan

(Langkah yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 *markah*]
[Isi cukup : 3 isi]

SKEMA JAWAPAN NOVEL

Praktis 1

(a) Reaksi individu atau hadirin yang menyaksikan persembahan tarian zapin oleh Haiqal dan See Hwa:

P1- setiap kali Haiqal mengambil tempat di hadapan pentas, tepukan yang gemuruh bergema

P2-malah ada beberapa orang tua yang menyaksikan Haiqal menari itu dengan linangan air mata.

P3- Lazim yang datang dengan dipapah oleh rakan-rakannya juga sentiasa bersorak memberikan kata-kata perangsang kepada Haiqal dan See Hwa.

P4- YB Datuk Saiful Azizi sendiri meminta Haiqal dan See Hwa sekali lagi menari berpasangan di atas pentas

P5- Beliau begitu terpesona melihat kelembutan gerak tari See Hwa dan Haiqal.

P6- Nurul Asiyah, gadis kecil yang berdiri di tengah-tengah ibu bapanya mengangkat kedua-dua tangan dan menunjukkan ibu jari ke atas

[4 *markah*]

(b) Sinopsis novel:

Novel	**Sinopsis**
Di Sebalik Dinara	1. Permulaan atau eksposisi – Farisha berada di lapangan terbang untuk pulang selepas menghadiri mesyuarat di Nusajaya. Dia terasa sangat mengantuk kerana bangun awal pagi untuk berkejar dari Kuala Lumpur ke Nusajaya dan pulang ke Kuala Lumpur pada hari yang sama. -Dia berkenalan dengan seorang pemuda, Akram di lapangan terbang terbang dan berjumpa semula semasa Farisha menghadiri simposium di Hotel Renaissance. Pemuda itu menawarkan projek mini yang yang bernilai tinggi di Soft Lab. **2. Perkembangan** – Hari-hari seterusnya, Farisha memulakan tugasan di Soft Lab dengan ditemani oleh Aqram. Dia berkenalan dengan Dr Maxi dan juga saintis hebat bernama Karl. Farisha mula mengkaji projek yang akan digodamnya iaitu Dinara dengan bantuan Aqram dan Alia.

	-Semasa bekerja di Soft Lab, Farisha dan Shida menemui pelbagai maklumat berkaitan projek Dinara. Shida menimbulkan beberapa kemusykilan tentang seorang pembantu penyelidik bernama Medina. **3. Perumitan** - Farisha berasa sangat terkejut dan sedih apabila mengetahui yang dia hanya anak angkat. Farisha menangis sepanjang malam dan tidak dapat melelapkan mata. - Konflik juga berlaku di pejabat Farisha di Soft Lab, apabila Farisha jatuh pengsan dan dimasukkan ke hospital menyebabkan sesi komunikasi bawah sedar dengan Karl tidak dapat diteruskan. - Aqram, Khairul Anwar dan Dr Maxi mengambil keputusan untuk menggantikan tempatnya dengan Shida. **4. Klimaks** -Situasi semakin tegang apabila Shida terpaksa mengambil alih tempat Farisha untuk sesi komunikasi bawah sedar dengan Karl. Karl marah kerana dia hanya mahukan sesi komunikasi dilakukan dengan Farisha. -Sementara itu, reaksi Shida sungguh tidak dijangka. Dia meronta-ronta dan membanting diri kerana kejutan situasi yang tidak pernah dialaminya. Karl masuk ke dalam tubuh Shida untuk menyelesaikan tugasan Dinara. Tiba-tiba Medina tiba di pejabat Dr Maxi untuk membalas dendam terhadap Karl. Berlaku perdebatan yang hebat antara Medina dengan Karl (Shida). Suasana di pejabat Dr Maxi sangat tegang. Semua watak ada di bilik Dr. Maxi ketika ini.

	5. Peleraian -Di rumah agam Karl di Puchong. Karl sedang nazak. Medina sangat terkejut dan menyesal kerana meninggalkan Karl. -Setiap orang dibenarkan menemui Karl secara perseorangan. Medina menangis teresak-esak. Alia pula meraung. Sementara yang lain reda dengan situasi tersebut. -Karl disahkan meninggal dunia pada jam 7 malam. Mayatnya dibakar dan abunya ditabur di Selat Melaka.

Novel	**Sinopsis**
Silir Daksina	1. Permulaan atau eksposisi -Haiqal yang mempunyai konflik jiwa, iaitu dia ingin mengenali ayahnya, Abdullah bin Kayan. Konflik jiwa ini timbul apabila dia menerima manuskrip daripada See Hwa yang merupakan hasil tulisan arwah ayahnya. -Sebelum Haiqal memasuki sekolah tadika, uminya telah memberitahu bahawa walid itu bukanlah ayah kandungnya. -Sewaktu ayahnya meninggal dunia, Haiqal tidak dapat mengikut umi dan walidnya menziarahi jenazah arwah ayahnya kerana dia sedang menduduki peperiksaan UPSR. Haiqal mengetahui bahawa peperiksaan itu penting tetapi dia juga beranggapan bahawa memberi penghormatan yang paling akhir kepada ayahnya juga penting. **2. Perkembangan** -Haiqal menerima sebuah menuskrip yang dikirim oleh dari selatan tanah air oleh seseorang yang bernama Ong See Hwa -Manuskrip itu meninggalkan kesan kepada Haiqal kerana seolah-olah mengisahkan seseorang yang sangat dekat dengan hidupnya. -Kisah Abdullah bin Kayan diceritakan dalam manuskrip sebagai Cikgu Amirulnizam atau Cikgu Zam di kampung halamannya, Kampung Seri Purnama. Di sana, Amirulnizam bertugas sebagai cikgu di sekolah rendah. Di samping itu, Cikgu Zam juga terlibat

	aktif dalam aktiviti sastera dan budaya dengan menghidupkan kumpulan zapin D'Purnama semula yang telah terkubur. Cikgu Zam juga mempunyai bakat dalam bidang penulisan novel, cerpen, dan puisi. -Di kampung itu, Cikgu Zam mendapat sokongan padu daripada Tauke Lim, Pak Cik Bakar, Haji Salleh, dan orang-orang kampung yang lain. Kegiatan sastera dan budaya yang digerakaktifkan oleh Cikgu Zam telah mendapat perhatian Yang Berhormat Samsuri dan berjaya mengharumkan nama kampung. -Cikgu Zam juga bercadang untuk menubuhkan Aksara di kampungnya. Namun demikian, kehidupan Cikgu Zam dirasakan kosong kerana anaknya, Aiman tiada di sisinya. Dia amat rindu kepada anaknya itu lalu menumpahkan kasih dan sayangnya terhadap anaknya itu kepada Ai Ling. Ai Ling diberikan perhatian yang istimewa oleh Cikgu Zam. -Bagaimanapun, Cikgu Zam telah mengidap penyakit tetapi penyakit yang ditanggungnya itu dirahsiakan. -Sebelum akhir hayatnya, Cikgu Zam sempat menulis manuskrip dan manuskrip itu diserahkan kepada Ai Ling untuk disampaikan kepada anaknya, Aiman. Setelah dia meninggal dunia, manuskrip itu telah dihantar oleh Ong See Hwa kepada Haiqal yang berada di Kuala Terengganu. **3. Perumitan** -Haiqal berasa amat rindu kepada ayahnya. Dia ingin menjejaki kehidupan ayahnya di Kampung Seri Purnama, Parit Raja, Batu Pahat. Namun demikian, dia tahu bahawa uminya tidak akan membenarkan dia ke sana. -Konflik yang dihadapi oleh Haiqal banyak diceritakan kepada rakannya, Ratna sewaktu dia mengunjungi gerai makan milik Ratna di Pantai Batu Buruk. -Haiqal bertekad untuk memberitahu uminya tentang hasratnya untuk menjejaki kehidupan ayahnya, Abdullah bin Kayan. Selepas

	berbincang dengan Ratna, akhirnya Haiqal nekad untuk mengemukakan hasratnya itu kepada uminya. **4. Puncak atau klimaks** -Haiqal telah berbincang dengan umi dan walid selepas dia selesai menunaikan solat maghrib. Haiqal memberitahu hasratnya untuk ke kampung halaman arwah ayahnya di Batu Pahat, Johor kepada uminya. -Umi Haiqal tidak membenarkan Haigal ke kampung arwah ayahnya. Haiqal dan uminya bergaduh tentang hasrat Haiqal tersebut. Uminya mengugut Haiqal bahawa dia tidak akan memberikan wang kepadanya sekiranya dia ke kampung arwah ayahnya itu. -Walid memahami perasaan Haiqal dan merestukan pemergian Haigal. Walid akan menampung perbelanjaan Haiqal sepanjang dia berada di Johor kelak. **5. Peleraian** -Haiqal telah pergi ke kampung ayahnya, iaitu di Kampung Seri Purnama. Dengan bantuan Tauke Ong, See Hwa, Pak Cik Bakar, dan Lazim, Haiqal dapat menjejaki bekas-bekas ya kehidupan arwah ayahnya. Haiqal mencadangkan agar kumpulan zapin D'Purnama dihidupkan semula selepas sekian lama terkubur. -Justeru, persiapan untuk majlis persembahan tarian zapin telah diadakan. Haiqal juga terlibat dalam latihan tarian zapin. Seminggu sebelum acara persembahan itu, Haiqal telah memaklumkan kepada walidnya tentang tarian zapin jincat itu. -Pada hari majlis tersebut, mereka mendapat berita bahawa Lazim telah ditimpa kemalangan jalan raya sewaktu pulang dari kerja. Haji Salim mengemukakan cadangan supaya See Hwa menggantikan tempat Lazim. -Persembahan Haiqal dan See Hwa mendapat sambutan daripada Yang Berhormat Datuk Syaiful Azizi dan penduduk kampung.

	-Sewaktu Haiqal mempersembahkan tarian zapin di atas pentas, Haiqal ternampak uminya, walid, dan adik tirinya, Nurul Asiyah sedang menyaksikan ndu persembahannya dari bahagian belakang balai tempat duduk kampung Haiqal berasa amat gembira dan ingin berlari untuk memeluk ahli keluarganya itu sebagai tanda kesyukuran. -Umi, Walid dan Nurul Asiyah melawat pusara Abdullah bin Kayan dengan ditemani oleh Haiqal -Haiqal mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajaran di sebuah universiti di Bumi Kenyalang dalam bidang sastera

[6 *markah*]

Praktis 2

(a) Tanggapan Haiqal dan Lazim terhadap Abdullah bin Kayan:

- Abdullah bin Kayan penulis buku yang hebat
- Abdulah bin Kayan seorang penari zapin yang hebat
- Abdullah bin Kayan bertanggungjawab menghidupkan zapin D'Purnama
- Abdullah bin Kayan memujuk ahli-ahli lama yang jauh hati akibat sengketa sesama mereka

[4 *markah*]

(b) **Tema novel**:

Novel	**Tema dan Huraian**
Di Sebalik Dinara	Tema: Ketaasuban terhadap teknologi hingga menghilangkan nilai-nilai kemanusiaan. Buktinya: - Karl menjalankan pelbagai uji kaji terhadap manusia termasuk menjadikan anaknya Farisha sebagai bahan uji kaji untuk menjadikan anaknya seorang yang genius. - Karl juga telah mencipta manusia cyborg dan mikrocip yang berfungsi memindahkan maklumat daripada seorang manusia kepada manusia yang lain

	- Marilyn meneruskan ciptaan sainsnya untuk menjatuhkan Karl (bekas suami) kerana telah menyeksa suatu ketika dahulu – Marilyn berjaya menyebarkan virus ke dalam sistem dinara.

Novel	**Tema dan Huraian**
Silir Daksina	Tema: Kekeluargaan Buktinya: - Konflik keluarga yang dihadapi oleh seorang anak, iaitu Haiqal Hakimi apabila kedua ibu bapanya bercerai. Akibat perceraian tersebut menyebabkan Haiqal kehilangan kasih sayang seorang ayah. Haiqal mengikut Uminya ke Terengganu manakala Abdullah bin Kayan menetap di Kampung Seri Purnama. - Kehadiran Umi,Walid dan adik tiri Haiqal semasa malam persembahan Zapin D'Purnama membuktikan hubungan kekeluargaan sentiasa terjalin erat walaupun perselisihan faham berlaku antara Umi dengan Haiqal ketika Haiqal bertekad balik ke kampung arwah ayahnya.

[6 *markah*]

Praktis 3

(a) Watak dan perwatakan Tauke Ong:

P1- seorang lelaki cina

P2- memakai kemeja kotak-kotak

P3- berseluar pendek labuh separuh lutut

P4- sangat mesra

P5- kuat ketawa

[4 *markah*]

(b) Persoalan novel:

Novel	**Persoalan**
Di Sebalik Dinara	1. Persoalan kasih sayang terhadap ahli keluarga - Azraai cuba menyelamatkan adiknya, Farisha daripada diculik oleh orang suruhan Marylin 2. Persoalan keberanian menghadapi cabaran - Farisha berani menerima cabaran untuk menggodam sistem Dinara 3. Persoalan kebijaksanaan dalam bidang teknologi - Farisha sangat bijak dalam bidang pengkomputeran sehingga ditawarkan untuk menggodam sistem Dinara 4. Persoalan sikap baik hati - Keluarga Azraai yang baik hati sanggup menerima Farisha sebagai anak angkat mereka.

Novel	**Persoalan**
Silir Daksina	1. Persoalan kegigihan seorang remaja dalam merungkaikan misteri kehidupan sebenar ayah kandungnya. - Haiqal berusaha untuk mengetahui sejarah kehidupan ayah kandungnya setelah mendapat manuskrip yang dikirimkan oleh Ong See Hwa 2. Persoalan kasih sayang seorang ayah kepada anaknya.

	- Abdullah Kayan yang merupakan bapa kepada Haiqal terlalu sayang akan anaknya yang dipisahkan oleh isterinya sehingga menghasilkan manuskrip tentang perasaan rindu kepada anaknya 3. Persoalan usaha untuk mengangkat kesenian tarian zapin. - Penduduk Kampung Seri Purnama dan Abdullah Kayan telah berusaha untuk mengangkat kesenian tarian zapin di kampung tersebut. 4. Persoalan hubungan baik antara dua bangsa yang berlainan budaya. - Hubungan antara Tauke Lim dan Amirulnizam serta penduduk kampung begitu baik walaupun mereka berlainan bangsa 5. Persoalan sikap kerjasama penduduk kampung. - Penduduk Kampung Seri Purnama sentiasa bekerjasama dalam menjayakan pelbagai aktiviti yang dijalankan di kampung tersebut seperti Sambutan Hari Kemerdekaan peringkat mukim di situ.

Praktis 4

(a) Keadaan pantai Batu Buruk:

P1- hujan masih lagi tidak berhenti

P2- lampu lampu kuning dinyalakan

P3- pantai yang tadinya riuh sudah mula sepi

P4- pelanggan mula kurang

P5- pelanggan yang ada ialah pelanggan yang datang menunggang motorsikal

[4 *markah*]

(b) Persoalan novel:

Novel	**Persoalan Kerjasama**
Di Sebalik Dinara	1. Persoalan Kerjasama dalam membangunkan syarikat - Farisha dan Rosman bekerjasama untuk membangunkan syarikat yang mereka bina bersama iaitu Secured Shell Sdn Bhd. 2. Persoalan kerjasama menyelesaikan sesuatu tugasan. - Farisha bekerjasama dengan Shida untuk menyelesaikan tugasannya di Soft Lab. Farisha memerlukan maklumat daripada Shida untuk menyediakan kerja-kerja di Soft Lab. Dalam kerja-kerja teknikal dan penulisan dokumen perlu banyak perbincangan. 3. Persoalan kerjasama dalam membuat keputusan - Rosman dan Farisha berbincang bersama sama sebelum membuat keputusan menerima kontrak dengan Soft Lab. 4. Persoalan kerjasama dalam menuntut ilmu pengetahuan - Farisha dan Rosman bekerjasama dalam menuntut ilmu dalam bidang komputer. Mereka bersama-sama menghadiri simposium berkaitan dengan keselamatan sistem di Hotel Renaissance Kuala Lumpur. 5. Persoalan kerjasama dalam melaksanakan sesuatu projek - Dr Maxi, Khairul Anwar dan Aqram bekerjasama untuk melaksanakan Projek Dinara dengan merancang untuk menggunakan khidmat Farisha supaya projek itu berjalan dengan lancar. 6. Persoalan kerjasama dalam menjalankan tanggungjawab yang diberikan. - Shida, Rosman dan Farisha bekerjasama untuk menyelesaikan tanggungjawab yang diberikan kepada mereka tanpa menghiraukan risiko yang bakal mereka hadapi.

Novel	Persoalan kerjasama
Silir Daksina	1. Persoalan kerjasama dalam meraikan tetamu - Haiqal, Ong See Hwa bekerjasama menjayakan persembahan tarian zapin sempena menyambut kedatangan YB ke kampung mereka. 2. Persoalan kerjasama dalam menghidupkan warisan seni bangsa - Penduduk Seri Purnama bekerjasama dengan Haiqal untuk menganjurkan malam kebudayaan di kampung itu. 3. Persoalan kerjasama dalam mencari asal usul diri. - Walid memberikan kerjasama kepada Haiqal dengan memberikan sokongan dan duit apabila Haiqal berhasrat untuk pergi mencari identiti ayah kandungnya. 4. Persoalan kerjasama mempelajari tarian yang baharu. - Pak cik Bakar, Wak Min dan Lazim memberikan kerjasama dengan mengajar Haiqal tarian zapin apabila Haiqal menyatakan hasratnya untuk mempelajari tarian zapin. 5. Persoalan kerjasama menunaikan hasrat seseorang. - Tauke Ong memberikan kerjasamanya dengan bersetuju apabila Abdullah bin Kayan meminta Tauke Ong menjaga ladang kelapa sawitnya dan mnyerahkan ladang itu kepada Haiqal setelah dia meninggal dunia. 6. Persoalan sikap kerjasama penduduk kampung. - Penduduk Kampung Seri Purnama sentiasa bekerjasama dalam menjayakan pelbagai aktiviti yang dijalankan di kampung tersebut seperti Sambutan Hari Kemerdekaan peringkat mukim di situ.

Praktis 5

(a) Perwatakan Alia berserta bukti.

- Alia seorang yang pemarah.

Buktinya, Dr. Maxi terdengar pintu bilik Alia dihempas, dia tahu bahawa Alia marah.

- Alia seorang yang mempunyai perasaan tidak stabil.

Buktinya, pengarang menyatakan perasaan Alia tidak pernah stabil.

- Alia merupakan prototaip yang tidak sempurna.

Buktinya, pengarang menyatakan Alia ialah prototaip pertama Karl, dia ibarat ciptaan yang tidak pernah selesai, menyebabkan dia perlu dipertingkat dan dibetulkan dari semasa ke semasa.

[4 *markah*]

(b) Perwatakan Watak Utama:

Novel	**Perwatakan watak utama**
Di Sebalik Dinara	Watak Utama: Farisha <u>Perwatakan Farisha</u> - Seorang yang penyayang - menyayangi abangnya Azraai, sehingga menangis teresak-esak semasa mendapat tahu abangnya menghidap penyakit jantung. - Seorang yang bijak - Seorang yang berkemahiran dalam bidang perkomputeran *dan apa-apa jawapan yang relevan

Novel	**Perwatakan watak utama**
Silir Daksina	Watak Utama: Haiqal <u>Perwatakan Haiqal</u> - Seorang anak yang baik - Haiqal tidak pernah bertanya kepada umi tentang ayahnya kerana tidak mahu menyakiti hati uminya - Seorang yang penyayang - dia sayang akan umi, ayah kandungnya, ayah tiri dan adik tirinya - Seorang yang baik hati - Haiqal memujuk Ratna yang menangis selepas menerima keputusan SPM yang tidak memuaskan.

	- Seorang yang berani - Haiqal berani mengambil keputusan untuk pergi seorang diri ke kampung ayah kandungnya walaupun tanpa sokongan uminya - Seorang yang bijak dalam pelajaran - Haiqal mendapat keputusan yang cemerlang dan mendapat tawaran menyambung pelajaran di Universiti Bumi Kenyalang - Seorang yang taat pada perintah agama - menunaikan solat subuh apabila sampai ke stesyen bas Batu Pahat sebelum menaiki teksi ke kampung ayahnya

Praktis 6

(a) Latar masyarakat

- Masyarakat yang bertanggungjawab.

Buktinya, See Hwa menyatakan sudah menjadi tanggungjawabnya untuk meminjam kan buku-buku Abdullah Kayan kepada Haiqal.

- Masyarakat yang berbudibahasa.

Buktinya, See Hwa atau anak bungsu Tauke Ong dan dan Puan Khei ini bukan sahaja cantik tetapi sangat berbudi bahasa.

- Masyarakat yang menguasai pelbagai bahasa.

Buktinya, walau pun See Hwa berketurunan Cina, tetapi dia sangat fasih bertutur dalam bahasa Melayu.

[4 markah]

b) Dua ciri istimewa watak utama yang menarik perhatian anda.

Novel	**Watak Utama**
Di Sebalik Dinara	Watak Utama: Farisha - Seorang yang berani. Contohnya, berani pulang seorang diri dengan menaiki kapal terbang dari Johor ke Kuala Lumpur. - Seorang yang bijak. Contohnya, Farisha bijak dalambidang komputer dan berjaya menggodam sistem keselamatan Bank Sapurba.

	- Seorang yang penyayang. Contohnya, walaupun baru mengenali Karl sebagai ayah kandungnya dan telah mengetahui bahawa Karl pernah menjadikannya sebagai bahan uji kaji, Farisha tetap menyayangi Karl dan memanggilnya ayah.

Novel	**Watak Utama**
Silir Daksina	Watak Utama: Haiqal - Seorang yang berani. Contohnya, Haiqal berani mempertahankan keputusannya untuk pergi ke kampung halaman ayah kandungnya, walaupun mendapat tentangan daripada uminya. - Seorang yang bijak dalam pelajaran. Contohnya, Haiqal berjaya menyambung pengajian ke sebuah universiti di Bumi Kenyalang. - Seorang yang penyayang. Contohnya, Haiqal sangat menyeyangi ayah kandungnya walaupun dia tidak pernah mengenali dan bertemu dengannya. Haiqal sanggup pergi ke Kampung Seri Purnama seorang diri untuk menjejaki peninggalan arwah ayahnya.

Praktis 7

(a) Persetujuan yang diberikan oleh Yang Berhormat kepada Haiqal.:

- untuk mendeklamasikan puisi pada malam perasmiannya
- teruja apabila menerima undangan sebagai perasmi

[4 *markah*]

(b) Dua konflik yang dihadapi oleh watak utama:

Novel	**Dua konflik yang dihadapi oleh watak utama**
Di Sebalik Dinara	i. Konflik antara adik dengan abang. Konflik tercetus apabila Farisha berasa terkilan selepas menyedari dirinya merupakan anak angkat keluarga Azraai dan merupakan seorang anak yang tidak sah taraf. Hal ini dikatakan demikian kerana pengenalan bapanya tidak tercatat dalam fail manakala ibunya bernama Marilyn berketurunan Portugis. Farisha terkilan kerana Azraai menyembunyikan perkara yang sebenar selama ini daripadanya. ii. Konflik antara anak dengan ibu. Farisha berkonflik dengan ibunya, Medina/Marilyn apabila dia mengetahui bahawa ibunya itu cuba membunuhnya semasa kecil. Farisha melarang Marilyn mendekatinya atau memeluknya ketika mereka berdua berada di dalam kereta. Farisha turut memalingkan muka apabila Marilyn mengucupnya pada bahagian pipi.

Novel	**Dua konflik yang dihadapi oleh watak utama**
Silir Daksina	i. Konflik antara ibu dengan anak. Umi Haiqal tidak menyokong tindakannya untuk pulang ke Johor kerana di Johor Haiqal tidak mengenali sesiapa dan Haiqal juga tidak mempunyai tempat tinggal untuk bermalam. Uminya juga tidak akan memberikan wang belanja kepada Haiqal jika Haiqal ke Johor. ii. Konflik antara sahabat. Haiqal berkonflik dengan Ratna apabila Ratna menyepikan diri sepanjang Haiqal berada di Batu Pahat. Setelah Haiqal pulang ke Terengganu, barulah Haiqal mengetahui sebab Ratna menyepikan diri. Rupa-rupanya Ratna telah bertunang dengan seorang usahawan muda yang menjadi rakan kongsi dan bakal suaminya.

Praktis 8

(a) Sebab-sebab along mahu ke kampung ayah along yang sudah meninggal:

- Cuma hendak memenuhi harapan ayah
- Ayah yang suruh along ke sana
- Banyak perkara yang perlu along ketahui di kampung ayahnya.

[4 *markah*]

(b) Dua perwatakan watak sampingan:

Novel	**Dua perwatakan watak sampingan**
Di Sebalik Dinara	**Azraai:** i. Seorang yang bertanggungjawab - Azraai segera melarikan dan menyembunyikan Farisha demi keselamatan sebaik-baik sahaja Azraai mengetahui bahawa ibu Farisha telah dapat berkomunikasi dengan Farisha ii. Seorang yang amanah- Azraai menunaikan amanah arwah ayahnya untuk memberitahu Farisha tentang statusnya sebagai anak angkat dalam keluarganya.
	Dr Maxi: i. Seorang yang tidak berperikemanusiaan - Dr Maxi tidak mempunyai rasa kemanusiaan sehingga memperlakukan kehendaknya terhadap Shida dan tidak mengendahkan rayuan Aqram yang meminatinya menamatkan sesi komunikasi bawah sedar antara Shida dan Karl. ii. Seorang yang bijak - Dr Maxi berjaya menanam mikrocip pada tubuh Shida supaya Shida boleh mendapat maklumat daripada karl yang sedang sakit.

Novel	**Dua perwatakan watak sampingan**
Silir Daksina	**Tauke Ong**: i. Seorang yang amanah - Tauke Ong memberikan kunci rumah arwah Haiqal dan menjaga serta mengusahakan kebun kelapa sawit arwah ayah Haiqal dan memasukkan wang hasilnya ke dalam akaun bank atas nama Haiqal. ii. Seorang yang murah hati- Tauke Ong meminjamkan motosikalnya kepada Haiqal.
	Abdullah Kayan: i. Seorang yang bertanggungjawab - sebagai seorang ayah, Abdullah Kayan menyediakan wang simpanan dan kebun untuk diberikan kepada anaknya haiqal ii. Seorang yang tabah dan sabar dengan dugaan - Abdullah Kayan tetap tabah dan sabar kerana lama tidak bertemu dengan anaknya Haiqal akibat perceraian dengan Umi, Rafiqah. Abdullah sabar walau pun berjauhan dengan anaknya dan sangat merindui anaknya.

Praktis 9

(a) Halangan dan cabaran yang akan dialami oleh Haiqal untuk ke kampung ayahnya, Abdullah bin Kayan:

- mengenangkan nasib Haiqal apabila berada di sana nanti.
- tiada sesiapa yang dikenalinya di sana.
- halangan daripada uminya sendiri.

[4 *markah*]

(b) Dua contoh peristiwa menggambarkan unsur saspens:

Novel	**Peristiwa yang menggambarkan unsur saspens**
Di Sebalik Dinara	i. Peristiwa Farisha tiba-tiba pengsan di makmal Soft Lab. Farisha yang sihat tiba-tiba pengsan di Soft Lab menimbulkan prasangka buruk pada fikiran Dr. Maxi yang kemungkinan Farisha mengandung. Akhirnya, teka-teki ini terjawab apabila pembaca mengetahui punca Farisha pengsan adalah kerana dia telah diserang oleh virus yang digodam oleh musuh mereka dan bukannya disebabkan oleh mengandung atau sakit. ii. Peristiwa ketika Farisha mendapat tahu bahawa Karl ialah ayah kandungnya yang sebenar. Pada mulanya, Farisha sangat terkejut apabila mengetahui tentang perkara itu. pembaca tertanya-tanya sama ada Farisha dapat menerima kenyataan tersebut ataupun sebaliknya.

Novel	**Peristiwa yang menggambarkan unsur saspens**
Silir Daksina	i. Peristiwa Cikgu Zam sering terkenang akan Aiman ketika melihat anak-anak Tauke Lim. Cikgu Zam terlalu merindui anaknya itu. Sikap Cikgu Zam yang perahsia menyebabkan tiada siapa yang mengetahui identiti Aiman. Akhirnya, perasaan ingin tahu terjawab apabila identiti Aiman didedahkan oleh penulis. Aiman dan Haiqal ialah orang yang sama iaitu anak yang sangat dirindui oleh Abdullah bin Kayan atau Cikgu Zam. ii. Peristiwa Haiqal bertekad untuk pergi ke Johor seorang diri walaupun dihalang keras oleh uminya. Pembaca tertanya-tanya sama ada misi haiqal untuk menjejaki kehidupan lampau ayahny berjaya atau sebalinya. Pembaca tertanya-tanya sama ada Haiqal mampu menyesuaikan diri ketika berada di Kampung Seri Purnama atau sebaliknya.

Praktis 10

(a) Misteri dan keganjilan situasi yang sedang disiasat oleh watak Farisha:

- Dinara sebenarnya hasil kerja Karl dan seorang lagi saintis iaitu Medina
- sebelum Dinara berjaya disiapkan, Medina telah menghilangkan diri
- Farisha cuma menjumpai dua tiga dokumen sahaja

[4 *markah*]

(b) Dua contoh peristiwa menggambarkan teknik imbas kembali:

Novel	**Peristiwa yang menggambarkan imbas kembali**
Di Sebalik Dinara	i. Farisha teringat akan ayah dan ibunya yang menghidap barah tulang. Peristiwa ini diingati apabila dia dan Rosman dipertemukan dengan Karl yang sakit dan terbaring kerana penyakit barah usus. ii. Azraai teringat kembali peristiwa pertama kali dia melihat wajah anak kecil berusia dua tahun pada ketika itu. Jarak usia Azraai dan Farisha ialah 14 tahun. Walaupun sudah terbiasa dengan kehidupan anak tunggal, namun Azraai menyambut kehadiran Farisha ke dalam hidup keluarga mereka dengan hati yang terbuka serta penuh ikhlas. Farisha telah menjadi adiknya selama 26 tahun. Dia bimbang jika kasih sayang Farisha berubah apabila Farisha mengetahui bahawa dia hanyalah anak angkat.

Novel	**Peristiwa yang menggambarkan imbas kembali**
Silir Daksina	i. Amirulnizam teringat kembali peristiwa seorang lelaki berumur dalam lingkungan dua puluhan berbangsa Cina memakai seluar labuh separas lutut dan memakai baju kemeja lusuh berlengan pendek datang ke rumahnya. Lelaki itu bertemu dengan ayahnya untuk mengambil upah menoreh getah di kebun ayahnya. Hasil keuntungan akan dibahagi dua. Lelaki tersebut ialah Tauke Ong yang hidup susah kerana tanah mendiang ayahnya telah habis digadaikan oleh abangnya yang kuat berjudi.

	ii. Haiqal teringat sewaktu dia menginjak usia enam tahun, Umi memberitahu bahawa Walid ialah ayah tirinya dan ayah kandungnya masih hidup pada waktu itu.

Praktis 11

(a) Cara-cara Tauke Lim menyesuaikan diri dengan penduduk Kampung Seri Purnama:
- Mereka bersikap ringan tulang
- Jika ada majlis keramaian, mereka turut rewang (bergotong-royong bagi menjayakan sesuatu majlis)
- Mereka juga murah hati dengan menyumbang bahan-bahan makanan seperti gula dan beras.

[4 *markah*]

(b) Dua contoh peristiwa menunjukkan latar tempat (watak utama):

Novel	**Latar tempat (penting dalam hidup watak utama)**
Di Sebalik Dinara	Watak Utama: Farisha a) Rumah Azraai. - Farisha telah datang ke rumah Azraai iaitu abangnya setelah dua bulan tidak berjumpa. Farisha makan malam bersama keluarga abangnya. Pada ketika inilah Farisha mengetahui abangnya menghidap sakit jantung. Kemudian, Farisha juga mendapat tahu bahawa dia hanyalah anak angkat dalam keluarga Azraai. b) Bilik kerja Farisha di Soft Lab. - Bilik ini digunakan untuk menjalankan projek mini Soft Lab. Dalam bilik ini juga, Farisha mendapat penerangan daripada Aqram dan Alia tentang tugasannya. Bilik ini dilengkapi dengan dinding dwifungsi yang juga boleh berfungsi sebagai 'touch screen'.

Silir Daksina	Watak Utama" Haiqal a) Kuala Terengganu (rumah umi dan walid) - Tempat tinggal Haiqal bersama-sama dengan ahli keluarganya yang terdiri daripada umi, walid dan adik tirinya iaitu Nurul Asiah. b) Pusara Abdullah bin Kayan (di Kampung Seri Purnama). - Haiqal telah melawat pusara ayahnya dan membacakan surah Yassin. Dia juga mendoakan ayahnya agar roh arwah ditempatkan di sisi orang yang baik-baik.

Nota: terima jawapan lain yang sesuai.

Praktis 12

(a) Perkara yang menyebabkan Farisha tidak dapat terus terlena pada malam itu ialah:

- Sistem Dinara telah diceroboh
- Farisha mengetahui bahawa semua orang di Soft Lab bergantung kepadanya untuk menyelamatkan sistem Dinara
- Farisha menjadi ragu sama ada mampu atau tidak melaksana tugasan menyelamatkan sistem Dinara seorang diri tanpa bantuan Rosman.

[4 *markah*]

(b) Dua contoh peristiwa yang berlaku pada waktu pagi:

Novel	**Peristiwa pada waktu pagi**
Di Sebalik Dinara	a) Farisha terjaga daripada keadaan diri yang dianggapnya tertidur dan lama terlena. Menurut Farisha, dia tertidur kerana semalam dia telah bermimpi buruk sehingga menyebabkan dia sakit kepala. Farisha tidak menyedari jika ketidaksedarannya itu adalah akibat dirinya dipergunakan untuk berkomunikasi dengan Karl. b) Farisha dan Shida memulakan pekerjaan di Soft Lab. Farisha bertemu untuk mendapatkan penerangan daripada Aqram, manakala Shida pula bertemu dengan

	Khairul Anwar. Mereka berdua juga bertemu dengan Alia pada waktu pagi dan menemukan sesuatu yang pelik pada wajah Alia.
Silir Daksina	a) Haiqal tiba di stesen Batu Pahat seawal pukul 5.30 pagi. Dia kemudiannya mencari surau untuk menunaikan solat subuh. b) Tauke Ong menjemput Haiqal untuk makan tengah hari di pecan bersama-sama dengan Swee Hwa.

Nota: terima jawapan lain yang sesuai.

Praktis 13

(a) Sebab Alia separuh mengherdik apabila Farisha dapat berkomunikasi dengan Karl
- Alia berasa Cemburu
- Alia merasakan perkara tersebut tidak adil kerana Farisha dibenarkan berhubung dengan Karl sedangkan dia tidak.

[4 *markah*]

(b) Dua contoh peristiwa berlaku kepincangan dalam masyarakat:

Novel	**Peristiwa menunjukkan kepincangan masyarakat**
Di Sebalik Dinara	Masyarakat yang tidak mempercayai kewujudan Tuhan. - Karl tidak mengakui dan mempercayai kewujudan Tuhan. Dia telah menukarkan isterinya, Rusmina menjadi cyborg bernama Alia kerana Rusmina tidak mahu meninggalkan agama yang dianutinya. Rusmina juga pernah diseksa sehingga cacat oleh Karl apabila menolak meninggalkan agama. Alia ialah cyborg canggih yang mempunyai perasaan kerana tidak semua ingatannya berjaya dipadamkan.
Silir Daksina	Masyarakat yang bersikap pendendam. - Umi tidak membenarkan Haiqal menjejaki sejarah hidup ayahnya kerana dendam terhadap bekas suaminya itu. Umi juga tidak mahu membiayai perbelanjaan Haiqal yang ingin ke Batu

	Pahat. Umi tidak mahu Haiqal menjadi seperti ayahnya yang dianggap hidup dalam dunia yang tersendiri. Walid yang bersimpati dengan Haiqal telah memberikan duit kepadanya.

Praktis 14

(a) Sebab-sebab Haiqal begitu mengagumi Ratna

- Ratna mempunyai cita-cita yang tinggi untuk menjadi usahawan.
- Setelah gagal SPM, Ratna tidak menoleh ke belakang.
- Ratna membantu emaknya menguruskan gerai sambil belajar cara mengurskannya.

[4 *markah*]

(b) Dua contoh latar masyarakat:

Novel	**Latar masyarakat**
Di Sebalik Dinara	1. Masyarakat yang mementingkan kasih sayang dalam keluarga - Azraai dan Farisha saling menyayangi. Dua beradik ini saling mengambil berat dan risau akan keselamatan antara satu sama lain. Azraai kerap menelefon adiknya dan memeasang interkom yang bersambung antara apartmen Farisha dengan rumah Azraai. 2. Masyarakat yang celik IT Farisha, Marilyn@Medina dan Karl merupakan antara contoh masyarakat yang sangat hebat dalam dunia ICT. Mereka mampu mencipta program baharu dan mampu juga menggodam komputer. Azraai juga seorang yang pakar dalam ICT dan mengaplikasikannya di rumahnnya dan apartmen Farisha. 3. Masyarakat yang suka bersaing untuk menunjukkan kehebatan diri - Marilyn@Medina dan Karl saling bersaing untuk menunjukkan kehebatan masing-masing dalam dunia penyelidika Sains. Karl tidak dapat meneerima kenyataan yang Marilyn lebih hebat

	daripadanya. KArl mensabotaj Marilyn sehingga dia menjadi gila.
Silir Daksina	1. Masyarakat yang amanah - Tauke Ong sangat amanah menjaga rumah arwah ayah Haiqal sehingga Haiqal datang ke Kampung SeriPurnama. Dua hari sekali Swee Hwa mengemas rumah arwah ayah Haiqal dengan kakaknya. Swee Hwa memegang amanah arwah ayah Haiqal untuk menjaga manuskripnya dan menyerahkannya kepada Haiqal. 2. Masyarakat yang meminati sastera tanah air - Swee Hwa dan Haiqal meminati karya karyawan sastera negara seperti Abdullah Hussain, A.Samad Said dan Shahnon Ahmad. 3. Golongan Peniaga - Wak Min dan isterinya Menah mengusahakan warung makanan di Kampung Seri Purnama.

Praktis 15

(a) Kepentingan mikrocip tersebut kepada Karl:

- Membolehkan Karl menyalurkan pemikirannya kepada Farisha.
- Mikrocip itu berupaya menjadi penerima isyarat dan mentafsirkan arahan Karl
- menggerakkan anggota tubuh Farisha untuk bertindak balas terhadap arahan Karl
- [4 *markah*]

(b) Dua contoh peristiwa yang menggambarkan nilai ketabahan:

Novel	**Peristiwa yang menggambarkan nilai ketabahan**
Di Sebalik Dinara	i. Peristiwa Farisha berdepan dengan pelbagai cabaran dalam kehidupannya sejak kecil. Dia menjadi bahan uji kaji, ibu bapanya yang mengeksploitasi kemajuan teknologi untuk kepentingan sendiri. Farisha mendepani setiap cabaran tersebut dengan hati yang tabah meskipun nyawanya hampir melayang akibat menjadi mangsa culik ii. Peristiwa Medina yang berpisah dengan anaknya, Farisha berusaha menjejaki anaknya walaupun terpaksa menghantar orang suruhannya menculik Farisha supaya tidak menjadi mangsa uji kaji bekas suaminya, Karl. Medina tabah meneruskan hidup walaupun menderita akibat merindui anaknya, Farisha

Novel	**Peristiwa yang menggambarkan nilai ketabahan**
Silir Daksina	i. Peristiwa Haiqal Hakimi yang terpaksa berpisah dengan ayah kandungnya, Abdullah bin Kayan tabah menghadapi cabaran. Niatnya balik ke kampung untuk menjejaki peninggalan ayahnya meskipun ditentang oleh uminya tidak menghalangnya untuk meneruskan tekadnya ii. Peristiwa Tauke Lim mengalami pelbagai cabaran dan kesusahan hidup semasa dia dan keluarganya baru berpindah ke kampung Seri Purnama. Tauke Lim menghadapi setiap dugaan hidup dengan hati yang tabah

Praktis 16

(a) Maklumat yang Aqram Berjaya perolehi menerusi pemikiran Farisha:

- Aqram dapat melihat rasa ragu, risau dan marah yang bercampur aduk
- Terdapat ada sedikit keraguan yang terpalit di minda Farisha tentang projek yang ditawarkan oleh Aqram. Farisha tidak yakin tawaran itu serius
- Farisha berasa risau akan kereta Rosman yang kerap rosak. Mungkin nanti ada tugasan-tugasan yang bakal tertangguh akibat ketiadaan kenderaan
- Farisha juga menyimpan sekelumit amarah terhadap tindakan abangnya, Azraai yang dirasakannya agak mengongkong hidupnya dan membataskan kebebasannya akhir-akhir ini

[4 *markah*]

(b) Peristiwa yang boleh diteladani:

Novel	**Peristiwa yang boleh diteladani**
Di Sebalik Dinara	i. Peristiwa ketika Farisha berjumpa dengan ayah kandungnya, Karl buat pertama kalinya di rumah agam milik Karl. Walaupun dia tahu Karl telah menjadikan dirinya sebagai bahan uji kaji dan menyebabkan dia terpaksa mengalami pelbagai dugaan dalam hidupnya, dia tetap simpati akan keadaan diri Karl yang sedang nazak sehingga menitiskan air mata. Sikap Farisha yang simpati dan tidak berdendam dengan perbuatan bapanya menggambarkan nilai kemanusiaan yang tinggi dalam dirinya dan boleh diteladani.

Novel	**Peristiwa yang boleh diteladani**
Silir Daksina	i. Peristiwa Haiqal yang dapat bergaul mesra dengan penduduk Kampung Seri Purnama kerana keramahannya. Keramahannya berbual-bual dengan Tauke Ong dan Pak Cik Bakar serta penduduk sekitar telah menyebabkan penduduk kampung melayannya dengan baik. Peristiwa ini wajar diteladani kerana sikap baik dan keramahan seseorang yang telah membawa kebaikan kepada dirinya.

Praktis 17

(a) Sebab Dr Maxi melarang Khairul Anwar memadam ingatan Shida:

- Dr Maxi mahu Shida mengingat perkara yang telah berlaku tadi (melalui sesi yang telah dijalankan Bersama Shida)
- Dr Maxi mahu mendengar sendiri daripada mulut Shida perkara yang dialaminya sepanjang sesi dijalankan
- Dorongan naluri penyelidik Dr Maxi telah menguasai kerana selama ini dia lebih menumpukan perhatian untuk menyelamatkan Dinara dan hanya menurut sahaja prosedur yang telah digariskan oleh Karl
- Dr Maxi teruja jika ada penemuan baru bagi Sof Lab nanti

[4 *markah*]

(b) Peristiwa memberi kesan positif:

Novel	**Peristiwa yang memberi kesan positif**
Di Sebalik Dinara	i. Peristiwa ketika Azraai memasang alat keselamatan iaitu "retinal scanner" dan "intercom" di rumah Farisha yang bersambung terus ke rumahnya. Tindakan Azraai bertujuan memantau keselamatan adiknya kerana bimbang akan gangguan jenayah yang semakin menjadi-jadi di kawasan kediaman Farisha. Sikap Azraai yang begitu mengambil berat akan keselamatan adiknya memberi kesan positif kepada saya kerana kita seharusnya sentiasa menjaga keselamatan antara adik beradik. ii. Peristiwa tentang kejayaan Farisha dalam menggodam sistem data Bank Sapura dan sistem Dinara turut memberi kesan positif kepada diri saya. Kebijaksanaan Farisha berpunca daripada implan yang telah dipasang oleh bapanya Karl sejak kecil lagi di dalam badannya. Peristiwa ini saya anggap memberi kesan positif kepada saya kerana kita haruslah menggunakan ilmu dan kebijaksanaan yang sedia ada untuk manfaat kepada orang di sekeliling.

Novel	Peristiwa yang memberi kesan yang positif
Silir Daksina	i. Peristiwa ketika Haiqal membuat keputusan untuk melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam dalam bidang sastera. Walaupun ibunya menentang keras keputusan tersebut namun dia tetap nekad dan tegas dalam keputusannya. Dia tetap memasuki bidang sastera seperti yang dia inginkan. Tindakan Haiqal tersebut telah memberi kesan positif dan mesej kepada saya bahawa kita perlu mempertahankan sesuatu keputusan jika memang mempunyai minat dan cita-cita yang mendalam dalam bidang tersebut. ii. Peristiwa lain yang memberi kesan positif kepada saya ialah semangat yang ditunjukkan oleh Ratna dalam meneruskan cita-citanya selepas mengalami kegagalan. Walaupun pada mulanya dia sangat kecewa kerana gagal mendapat keputusan yang baik dalam SPM namun dia tidak putus asa untuk meneruskan minatnya dalam bidang perniagaan. Perkara ini memberi impak positif kepada saya agar jangan berputus asa dan terus berusaha mencapai cita-cita walaupun mengalami kegagalan kerana kita pasti berjaya pada suatu hari nanti.

Praktis 18

(a) Sebab Tarian Zapin semakin dilupakan oleh generasi muda:

- kurang berminat dengan kebudayaan tradisional
- banyak hiburan lain yang lebih sesuai dengan cita rasa mereka

[4 *markah*]

(b) Peristiwa yang menarik:

Novel	**Peristiwa menarik**
Di Sebalik Dinara	Peristiwa Karl menguasai tubuh dan minda Shida walaupun Karl sebenarnya sudah meninggal dunia. Shida berkata-kata seperti Karl dan menimbulkan keraguan pembaca sama ada Karl masih hidup dan menumpang di badan Shida. Peristiwa ini menarik bagi saya kerana menimbulkan kekaguman dalam diri saya tentang kehebatan kuasa teknologi.

Novel	**Peristiwa menarik**
Silir Daksina	Peristiwa Haiqal bertikam lidah dengan ibunya menarik perhatian pembaca kerana Haiqal ketika itu telah mengetahui kampung ayah kandungnya meminta izin daripada ibunya untuk menziarahi kampung tersebut. Ibunya terkejut dengan tindakannya dan menyuarakan pandangan supaya Haiqal tidak pulang ke kampung itu. Sungguhpun begitu, Haiqal tetap mempertahankan kehendakknya untuk pergi ke kampung tersebut walaupun Umi tidak memberikan walau sesenpun duit. Peristiwa ini dianggap menarik kerana Haiqal tetap mempertahankan haknya untuk mengetahui tentang ayah kandungnya walaupun terpaksa berhadapan pelbagai dugaan.

SKEMA RUMUSAN

Praktis 1

Pendahuluan
Rumusan ini membincangkan faktor-faktor muflis, langkah-langkah mengatasi dan juga kesan-kesan terhadap individu yang terlibat khususnya golongan muda.

Isi Fokus 1 : Faktor-faktor muflis
- Amalan gemar memiliki telefon pintar atau alat elektronik tercanggih di pasaran dan bertukar-tukar model terbaharu menjadi trend generasi terkini.
- Membeli barangan berjenama yang mahal harganya.
- Gemar memilih pakej perkahwinan yang terkini.

Isi Fokus 2 : Langkah-langkah mengatasi
- Pembelian rumah pada usia muda bagi mendapatkan tempoh pembiayaan yang lebih anjal.
- Tidak terlalu mengikut nafsu ketika berbelanja.
- Mengawal perbelanjaan menggunakan kad kredit.

Isi Fokus 3 : Manfaat-manfaat SSPN-i
- Perlindungan taksiran cukai sehingga RM8000
- Perlindungan takaful & khairat kematian
- Jaminan simpanan oleh kerajaan

Penutup
Kesimpulannya, golongan muda hendaklah mengelakkan diri daripada muflis agar hidup sentiasa tenteram.

Praktis 2

Rumusan membincangkan kesan dan kebaikan telefon pintar kepada pengguna.

Fokus 1

1. Murid bertindak agresif dengan merakamkan aktiviti yang tidak bermoral.
2. Murid mudah terikut-ikut dengan persekitaran dan mempunyai perasaan ingin melakukan perkara yang dilihat.
3. Impak yang besar terhadap terhadap perubahan tingkah laku murid.
4. Penggunaan telefon pintar sehingga lewat malam menyebabkan mereka tidak mendapat tidur yang cukup hingga membawa kepada perubahan personality.
5. Penggunaan telefon pintar mengubah cara remaja berkomunikasi.
6. Penurunan tahap penglihatan yang teruk akan menyebabkan sakit kepala
7. Masalah mata kering, mata penat, dan kesakitan pada bahagian bahu dan leher.
8. Kerosakan saraf mata akibat pendedahan cahaya biru dari skrin paparan alat elektronik.

Fokus 2

1. Telefon pintar membolehkan murid menghubungi ibu bapa dan rakan-rakan.
2. Telefon pintar boleh menjadi sumber maklumat jika digunakan dengan baik.

Kesimpulan

Kesimpulannya, pengguna telefon pintar hendaklah bijak agar dapat menghindari sebarang keburukan.

Praktis 3

Bil	Jawapan	M
1	Rumusan membincangkan punca-punca mengigau, kesan-kesan mengigau dan impak kerap berjaga malam.	2
2	Rumusan membincangkan punca-punca mengigau, dan impak kerap berjaga malam.	1
3	Rumusan membincangkan punca-punca mengigau.	1
4	Rumusan membincangkan impak kerap berjaga malam	1

Perenggan Isi
(Pilih **8 isi** sahaja yang merangkumi **semua fokus** daripada **kedua-dua bahan**)

Isi Bahan 1:

Fokus 1 : Punca-punca mengigau
- mimpi yang dialami ketika tidur terutamanya mimpi ngeri
- keletihan yang melampau stres
- Mengalami masalah kesihatan
- kesan pengambilan ubat-ubatan
- penyakit gangguan tidur yang dialami

Fokus 2 : Kesan-kesan mengigau
- memudaratkan kualiti tidur
- cenderung untuk melakukan perbuatan atau percakapan yang agresif
- mendatangkan kecederaan kepada dirinya atau individu yang tidur bersamanya.

Isi Bahan 2 :

Fokus 3 : Impak kerap berjaga malam

- mengalami gangguan fungsi kognitif, pelupa dan tiada daya tumpuan
- menghidap obesiti dan diabetes
- emosi terganggu
- impak kepada imuniti

Kesimpulan

Bil	Jawapan	m
1	Kesimpulannya, kita perlu peka terhadap tabiat tidur masing-masing agar terhindar daripada masalah kesihatan.	2

Praktis 4

Pendahuluan	Markah
Rumusan membincangkan usaha/ langkah membentuk peribadi remaja yang unggul dan punca-punca kebejatan sosial dalam kalangan remaja.	2

Fokus 1: Bahan 1 – Usaha/ langkah membentuk peribadi remaja yang unggul		
Isi		Markah
1	remaja haruslah sentiasa berpandangan jauh dan berfikiran positif	2
2	remaja seharusnya tidak mensia-siakan usia remaja mereka dengan perkara yang negatif	*2*
3	remaja wajar mengurus masa dengan baik	*2*
4	remaja perlu mempelajari ilmu agama dengan bersungguh-sungguh	*2*
5	remaja mentaati kedua ibu bapa	*2*
6	para remaja hendaklah menghormati guru pada setiap masa	*2*

Fokus 2: Bahan 1– Punca Kebejatan sosial		
Isi		Markah
1	sikap dan perlakuan rakan dapat mempengaruhi rakannya	2

Fokus 2: Bahan 2 –		
Isi		Markah
1	meminggirkan nilai,tradisi dan moral atas nama kemodenan	2
2	kemahiran keibubapan yang rendah (2 markah)	2
3	ibu bapa tidak memberi masa yang berkualiti dengan anak-anak	2
4	ibu bapa menyerahkan tanggungjawab mendidik anak-anak kepada pembantu rumah	2
5	komunikasi ibu bapa dan anak yang lemah	2
6	pengaruh internet tanpa sempadan	2

Penutup	Kesimpulannya, semua pihak harus berkerjasama dalam membentuk peribadi remaja yang unggul agar generasi cemerlang dapat dilahirkan.	Markah 2

Praktis 5

Pendahuluan

Rumusan membincangkan langkah-langkah keselamatan siber dan kebaikan sistem keselamatan yang dibangunkan kepada negara	2 markah

Isi tersurat bahan 1: Langkah-langkah keselamatan siber

1	Sesebuah organisasi haruslah meningkatkan penguatkuasaan pematuhan teknologi mengikut piawaian antarabangsa	2 markah
2	Setiap organisasi badan kerajaan perlu diwajibkan untuk melaksanakan latihan siber dan prosedur keselamatan siber pada peringkat organisasi.	2 markah
3	pemasangan sistem pengesanan pencerobohan dan pemantauan serta penguatkuasaan keselamatan siber.	2 markah
4	Sesebuah organisasi wajib meningkatkan penggunaan sistem amaran bagi setiap pelayan yang digunakan	2 markah
5	Inisiatif kesedaran keselamatan siber	2 markah
6	Bank Negara Malaysia (BNM) pula dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bekerjasama menghasilkan buku kecil mengenai panduan menjalankan perniagaan dan urus niaga elektronik	2 markah
7	Ahli akademik haruslah menghasilkan inovasi penyelidikan berimpak dalam bidang keselamatan siber	2 markah

Isi tersurat bahan 2: Kesan buruk tidak mengukuhkan sistem keselamatan siber.

1	Sesuatu sistem dalam sesebuah organisasi akan digondam dan mengakibatkan kerugian.	2 markah
2	Maklumat sulit sesebuah badan kerajaan akan jatuh ditangan penjenayah siber yang boleh mengancam keselamatan sesebuah organisasi mahupun kedaulatan negara.	2 markah
3	Organisasi terpaksa memperuntukkan dana besar untuk memulihkan pelayar yang rosak akibat digodam.	2 markah
4	Jenayah peras ugut akan berlaku secara berleluasa di negara ini.	2 markah

Penutup

Kesimpulannya, semua pihak mestilah bekerjasama meningkatkan penguatkuasaan pematuhan keselamatan siber mengikut piawaian antarabangsa supaya pencerobohan terhadap sistem sesuatu organisasi kukuh.	2 markah

Praktis 6

Pendahuluan:

Rumusan membincangkan cara-cara memupuk patriotisme dalam kalangan remaja dan kepentingan memupuk semangat patriotisme. [2 markah]

Fokus 1: Bahan 1- cara-cara memupuk semangat patriotisme dalam kalangan remaja

- melalui sistem pendidikan khususnya dalam mata pelajaran Sejarah
- penerapan elemen sejarah melalui mata pelajaran lain
- melalui aktiviti kokurikulum di sekolah
- kempen sayangi negara hendaklah diadakan secara berterusan.
- Penyebaran maklumat tentang peristiwa bersejarah melalui laman sosial
- ibu bapa turut memainkan peranan penting dengan menunjukkan teladan kepada anak-anak.
- berpegang pada prinsip Kesetiaan kepada Raja dan Negara

Fokus 2: Bahan 2 – kepentingan memupuk semangat patriotisme.

- membentuk ke arah membina negara bangsa bersatu padu
- menjadi benteng untuk memastikan kemerdekaan negara
- melahirkan rakyat yang saling membantu dan bekerjasama membangunkan negara
- meningkatkan keyakinan rakyat
- meningkatkan semangat rakyat untuk mempertahankan negara daripada musuh dan ancaman luar

Penutup:

Kesimpulannya, semua pihak haruslah berusaha memupuk semangat patriotisme agar kedaulatan negara terpelihara.

Praktis 7

Pendahuluan:
Rumusan membincangkan peranan/ fungsi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan langkah-langkah kerajaan memajukan sektor pertanian. (2 markah)

Fokus 1: Bahan 1 – Peranan/ fungsi FAMA

Isi 1: …menyediakan pusat jualan agrobazaar bagi memasarkan produk pertanian dan agromakanan. (2 markah)

Isi 2: …melaksanakan pemasaran baharu (2 markah)

Isi 3: …memberi bimbingan kepada petani-petani kecil bagi menyediakan produk-produk keperluan pemasaran moden. (2 markah)

Isi 4: …membantu pemasaran produk agro makanan (2 markah)

Fokus 2: Bahan 1 - Usaha- usaha kerajaan memajukan sektor pertanian

- …melaksanakan pemadanan bekalan makanan dan output pertanian dengan pemasaran melalui pemadanan perniagaan (2 markah)

- …merancang sokongan harga lantai dan insentif MyGap serta kursus pemasaran pusat pengumpulan ladang (2 markah)

Fokus 2: Bahan 2 – Usaha –usaha kerajaan memajukan sektor pertanian

- memberi perhatian pada pembangunan R&D untuk membuat penyelidikan dalam bidang pertanian (2 markah)
- membangunkan bidang bioteknologi untuk memajukan sektor pertanian negara (2 markah)
- memberi pinjaman kepada mereka yang ingin melibatkan diri dalam sektor pertanian secara komersial (2 markah)
- mewujudkan program Agropreneur Muda (2 markah)
- memastikan supaya hasil pertanian negara mampu bersaing dengan negara-negara lain (2 markah)
- mengadakan latihan pertanian, kursus jangka pendek dan kursus jangka panjang (2 markah)

Penutup: Kesimpulannya, semua pihak harus menyokong usaha kerajaan dalam memajukan sektor pertanian agar ekonomi negara dapat ditingkatkan.

Praktis 8

Pendahuluan:

Rumusan membincangkan kepentingan pengekalan warisan seni budaya dan usaha-usaha untuk mengekalkannya. [2 markah]

Fokus 1: Bahan 1- Kepentingan pengekalan warisan seni budaya

- melambangkan identiti bangsa sesebuah negara.
- mencerminkan corak kehidupan setiap bangsa yang berbeza antara satu sama lain.
- dapat menarik minat bangsa lain untuk menghayati dan mendalaminya.
- untuk memupuk perpaduan antara kaum.
- hubungan erat terjalin antara setiap bangsa
- menjadi pemangkin kemajuan industri pelancongan

Fokus 2: Bahan 1 – Usaha-usaha mengekalkannya

- Institusi pendidikan yang menjadi saluran utama untuk melahirkan generasi muda yang celik dan meminati warisan seni budaya .
- Media massa juga perlu memperkenalkan warisan seni budaya setiap bangsa dari semasa ke semasa

Fokus 2: Bahan 2 – Usaha-usaha mengekalkannya

- mengadakan kempen warisan seni budaya
- menganjurkan ceramah warisan seni budaya
- wawancara mengekalkan seni budaya
- Tempat dan bangunan sejarah perlu dikekalkan dan dipulihkan
- Aktiviti kokurikulum di sekolah dengan mengikuti pertandingan seni budaya
- Rakan Seni Budaya

Nisbah Isi: 6:2

Penutup:

Kesimpulannya, semua pihak haruslah berusaha mengekalkan keutuhan warisan seni budaya dalam masyarakat agar menjamin generasi yang celik warisan tradisi.

[2 markah]

Praktis 9

Pendahuluan

Rumusan membincangkan Fokus1 dan Fokus2 meningkatkan mutu perkhidmatan awam di negara ini.

Bahan 1: Petikan

Fokus 1 *(usaha-usaha)*

1. Pelbagai transformasi dilaksanakan oleh kerajaan.
2. Membudayakan kreativiti dan inovasi penjawat awa
3. Amalan nilai untuk wang perlu dilaksanakan
4. Kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit setiap tahun
5. Melakukan anjakan paradigma, menghadapi cabaran pada masa depan
6. Meningkatkan nilai dan integriti.
7. Mempermudah dan mempercepat urusan pelanggan tanpa kerenah birokrasi
8. Semangat kerja secara berpasukan juga perlu diterapkan dalam setiap tugas yang dilaksanakan

Fokus 2 *(kesan-kesan)*

1. pertumbuhan ekonomi negara dapat ditingkatkan
2. mengurangkan kos pengurusan dan perbelanjaan kerajaan.
3. keadaan politik negara juga stabil dan kukuh
4. meningkatkan imej negara di persada dunia

Bahan 2: Grafik

Fokus 1 *(usaha-usaha)*

1. Pekerja melaksanakan kerja secara berpasukan.
2. Pekerja sentiasa berdisiplin
3. Pekerja mempunyai keterampilan dalam berkomunikasi
4. Pekerja perlu bijak menyelesaikan masalah
5. Pekerja perlu mahir menggunakan teknologi terkini

Kesimpulan

Kesimpulannya, kakitangan awam perlu meningkatkan mutu perkhidmatan dengan lebih efisien agar sektor perkhidmatan awam terus cemerlang

Praktis 10

<table>
<tr><td colspan="2">Pendahuluan
Rumusan membincangkan (fokus 1) dan (Fokus 2)</td></tr>
<tr><td colspan="2">Rumusan membincangkan kepentingan dan usaha-usaha memulihara hutan paya bakau di Malaysia</td></tr>
<tr><td colspan="2">Bahan 1 (teks)</td></tr>
<tr><td>Fokus 1
Kepentingan

1. Menjadi penampan dengan mengurangkan kesan gelombang ombak dari laut.
2. Menjadi agen memerangkap enapan iaitu satu proses penambakan secara semula jadi kerana aktiviti pasang surut air laut.
3. Melindungi infrasruktur kampong-kampung dari tiupan angin kencang.
4. Kawasan hidupan marin bertelur.
5. Menjadi tempat anak-anak ikan berlindung sebelum masuk ke laut.
6. Menjadi pusat takungan karbon dalam memelihara alam.
7. Memulihkan tahap pencemaran udara di kawasan sekeliling.</td><td>Fokus 2
Usaha-usaha memulihara paya bakau

1. usaha penanaman anak-anak pokok bakau secara berterusan di kawasan tanah berlumpur mampu mengatasi masalah kepupusan hutan paya bakau di negara ini.</td></tr>
<tr><td colspan="2">Bahan 2 (grafik)</td></tr>
<tr><td>Fokus 1

Tiada</td><td>Fokus 2

1. Menjadikan kawasan paya bakau sebagai kawasan pelancongan atau rekreasi
2. Pihak kerajaan menganjurkan kempen / program sayangi hutan paya bakau
3. Kerjasama pihak kerajaan dan NGO dalam usaha memulihara hutan paya bakau.</td></tr>
<tr><td colspan="2">Kesimpulan

Kesimpulannya (pihak yang bertanggungjawab) (cadangan) (tema) agar/supaya (kesan)</td></tr>
</table>

Praktis 11

Rumusan membincangkan fungsi-fungsi pusat sumber sekolah dan langkah-langkah menarik minat pelanggan.

Fungsi-fungsi pusat sumber sekolah adalah sebagai pusat untuk menyediakan, menyimpan dan memberi perkhidmatan koleksi bahan. **Seterusnya**, pusat sumber berperanan besar dalam meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu dan tahap intelektual murid. **Selanjutnya,** kita boleh mengadakan sambutan Bulan Galakan Membaca di pusat sumber.

Langkah-langkah menarik minat murid adalah melengkapkan dengan alat bahan, dan kemudahan serta menghasilkan bahan-bahan yang mudah dan murah. **Selain itu,** pusat sumber perlu memajukan sumber pelbagai media bagi kegunaan guru dan pelajar. **Di samping itu,** galakan memupuk minat gemar membaca dan membuat penyelidikan perlu diteruskan. **Akhir sekali,** kempen NILAM perlu dijalankan bagi menggalakkan murid membaca.

Kesimpulannya, warga sekolah harus memanfaatkan pusat sumber sekolah untuk mengakses ilmu agar dapat menjana generasi berpengetahuan tinggi .

Praktis 12

Rumusan membincangkan **faktor-faktor** tabiat merokok dan **kesan-kesannya** kepada masyarakat di Malaysia.

Faktor-faktor tabiat merokok dalam kalangan masyarakat ialah segelintir mereka mengaitkan perbuatan menghisap rokok sebagai status seseorang individu tersebut telah matang atau melambangkan imej yang bersifat kemegahan. **Selanjutnya,** rokok seludup murah telah menarik minat golongan perokok bawah umur di Malaysia.

Merokok **mendatangkan keburukan** kerana perbuatan ini merupakan satu bentuk pembaziran. **Selain itu**, merokok juga boleh menyebabkan pelbagai penyakit berbahaya dan membahayakan kesihatan orang lain di sekeliling mereka. **Seterusnya**, merokok menyebabkan orang lain berasa tidak selesa serta mengganggu komunikasi. **Perbuatan ini menyebabkan** ketagihan yang amat sukar untuk dihentikan m**alah**, puntung rokok yang dibuang merata-rata boleh mengakibatkan kebakaran.

Kesimpulannya, semua pihak **harus** berganding bahu **agar** masalah merokok dalam kalangan masyarakat dapat diatasi bagi melahirkan generasi yang sihat

Praktis 13

Pendahuluan

Rumusan membincangkan kebaikan menyertai aktiviti kesukarelawanan dan langkah-langkah mempergiat penyertaan dalam kalangan masyarakat	2 markah

Isi tersurat bahan 1: Kebaikan menyertai aktiviti kesukarelawanan

1	memperkaya ilmu pengetahuan berdasarkan pengalaman yang diperoleh	2 markah
2	memupuk budaya bekerjasama, semangat berkumpulan dan mengikis sikap pentingkan diri	2 markah
3	meluaskan jaringan kenalan daripada pelbagai latar belakang	2 markah
4	memberikan kepuasan menerusi amalan kebajikan	2 markah
5	membina keyakinan diri dalam menyelesaikan masalah	2 markah
6	meningkatkan kebolehpasaran kerjaya	2 markah

Isi tersurat bahan 2: Langkah-langkah mempergiat penyertaan

1	Melaksanakan kempen kesedaran di peringkat sekolah rendah	2 markah
2	Membudayakan kegiatan sukarelawan dalam kalangan masyarakat	2 markah
3	Meraikan sambutan Hari Kesukarelawanan Malaysia setiap tahun	2 markah
4	Memberi pendedahan tentang aktiviti kesukarelawanan kepada masyarakat melalui media massa	2 markah

Penutup

Kesimpulannya, semua pihak mestilah menyokong aktiviti kesukarelawanan supaya menjadi masyarakat yang bertanggungjawab kepada negara.	2 markah

Praktis 14

Perenggan	**Jawapan**	**Markah**
Pendahuluan	Rumusan membincangkan cara-cara penyebaran jangkitan, gejala-gejalanya dan langkah-langkah mencegah wabak Covid-19	2
Isi Bahan 1 : Petikan Fokus 1 : Cara-cara sebaran Virus	S1 : disebarkan secara langsung antara manusia.	2
	S2 : melalui sentuhan pada permukaan yang telah tercemar.	2
	S3 : merebak melalui titisan cecair daripada hidung dan mulut	2
	S4 : merebak melalui udara	2
	S5 :melalui titisan cecair daripada pesakit mencemari benda-benda di sekelilingnya	2
	S6 : Sikap ambil mudah tentang kemungkinan berlakunya sesuatu jangkitan	2
Bahan 2: Grafik Fokus 2: Gejala Jangkitan	S1 : demam	2
	S2 : batuk	
	S3 : sesak nafas	
Fokus 3: Langkah-langkah mencegah	S1 : tidak berkumpul secara beramai-ramai.	2
	S2 : sentiasa membasuh tangan	2
	S3 : jarakan diri	2
	S4: elakkan berkunjung	2
	S5: dapatkan rawatan sekiranya bersimptom	2
	S6: elakkan melancong ke negara yang berisiko	2
Kesimpulan	Kesimpulannya, semua pihak perlulah bekerjasama mencegah berlakunya penyebaran **wabak Covid-19** agar keselamatan masyarakat terjamin.	2

Pemarkahan Rumusan : 30 markah		
Perenggan	Isi	Markah
Pendahuluan	3 fokus	2
Isi Tersurat (8 isi) *Fokus 1* *Fokus 2* *Fokus 3*	 3/4 3/2 2	16
Kesimpulan	2	2
Bahasa (holistik)		10
Jumlah	30	30

Praktis 15

Perenggan	**Jawapan**	**Markah**
Pendahuluan	Rumusan membincangkan manfaat-manfaat ekonomi digital, masalah sebelum ekonomi digital dan kesan-kesan ekonomi digital.	2
Isi Bahan 1 : Petikan Fokus 1 : Manfaat-manfaat Ekonomi Digital	S1 : enjin pertumbuhan baharu ekonomi Malaysia	2
	S2 : dapat menjanakan pendapatan tambahan kepada mana-mana pihak termasuklah suri rumah	2
	S3 : urusan jual beli bukan sahaja menjadi amat mudah	2
	S4 : Dapat menjimatkan masa para pembeli	2
	S5 :memudahkan urusan perniagaan pada skala yang lebih besar, iaitu melibatkan import dan eksport barangan	2
	S6 : para pengguna atau pembeli akan menikmati manfaatnya melalui pembelian barangan dari mana-mana negara di dunia tanpa perlu berada di negara tersebut	2
	S7: ekonomi digital menyerlahkan lagi gaya baharu dalam kehidupan generasi muda pada masa ini	2
	S8: dijangkakan sebanyak 60 000 peluang pekerjaan baharu diwujudkan buat rakyat Malaysia	2
	S9: KDNK Malaysia melalui PKS pada masa hadapan boleh ditingkatkan kepada 80 peratus	2
	S10: ekonomi digital berjaya menjadi pemangkin perniagaan bagi usahawan luar bandar	2
Fokus 2: Masalah sebelum ekonomi digital	S1: masalah pemasaran, produktiviti dan teknologi yang rendah.	2
	S2: kekurangan modal dan pembiayaan, serta masalah lokasi.	2
Bahan 2: Grafik Fokus 3: Kesan Ekonomi digital	S1: ekonomi digital tumbuh dengan pesat.	2
	S2: hampir semua aktiviti ekonomi akan berlaku atas talian.	
Kesimpulan	Kesimpulannya, kita hendaklah memanfaatkan **ekonomi digital** agar ekonomi negar berkembang seiring dengan negara maju.	2

Praktis 16

Perenggan	Jawapan	M
Pendahuluan	Rumusan membincangkan peranan / tanggungjawab kaunselor di sekolah	2
Isi **Bahan 1 : Petikan** **Fokus 1 :** peranan / tanggungjawab kaunselor di sekolah	S1 : menolong murid mengenal pasti punca tekanan emosi.	2
	S2 : memberikan bimbingan tentang cara menangani masalah yang dihadapi.	2
	S3 : memandu murid memahami serta menerima keadaan diri sendiri.	2
	S4 : murid akan dibantu untuk menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupannya.	2
	S5 : membantu murid mengesan dan mengembangkan bakat dan minatnya.	2
	S6 : membimbing murid memanfaatkan peluang bagi penyempurnaan kendiri.	2
	S7 : memahamkan murid tentang hubungan mereka dengan masyarakat sekitar.	2
	S8 : memupuk nilai-nilai murni dalam diri murid.	2
Fokus 2 Kebaikan murid berjumpa dengan kaunselor	S1 : apat meningkatkan perlakuan yang baik	2
	S2 : panduan memilih jurusan atau kerjaya yang sesuai	2
	S3 : membuat perancangan masa depan untuk mencapai matlamat hidup.	2
	S4: dapat menyesuaikan diri dan berinteraksi secara positif dengan rakan sebaya dan jiran-jiran.	2
	S5: meningkatkan mutu disiplin murid-murid di sekolah.	2
Bahan 2 : Grafik Peranan Unit Bimbingan dan Kaundeling	S1 : menyediakan Khidmat Nasihat	2
	S2 : memberikan Bimbingan Kerjaya	2
	S3 : Meningkatkan Motivasi Murid	2
Kesimpulan	Kesimpulannya, setiap murid digalakkan berjumpa kaunselor agar dapat meningkatkan keyakinan diri demi menjamin masa depan yang cerah.	2

RUJUKAN GURU

Jawapan Isi dalam Bahan 1 : Petikan

Murid-murid pasti sudah biasa mendengar perkataan kaunselor, tetapi sejauh manakah pengetahuan mereka tentang fungsi kaunselor? Ramai murid yang masih kabur tentang dan kriteria sebenar kaunselor dan kriteria individu yang memerlukan khidmatnya. Sebagai orang yang terlatih, kaunselor melaksanakan tugas berlandaskan pengetahuannya dalam bimbingan dan kaunseling yang mampu menangani sebahagian masalah di sekolah. Antara masalah yang dialami oleh murid ialah tekanan emosi. Dalam hal ini, fungsi kaunselor adalah untuk **(S1) menolong murid mengenal pasti punca tekanan emosi** tersebut, di samping **(S2) memberikan bimbingan tentang cara menangani masalah yang dihadapi.**

Walau bagaimanapun, kaunselor bukanlah berperanan untuk menyelesaikan masalah seperti tanggapan sesetengah pihak. Perkara ini perlu difahami oleh setiap murid yang mahu mendapatkan bantuan atau khidmat daripada kaunselor. Kaunselor sebenarnya berperanan untuk **(S3) memandu murid memahami serta menerima keadaan diri sendiri** supaya mereka dapat meningkatkan perlakuan yang baik dan mengurangkan perlakuan yang sebaliknya. Sehubungan dengan itu, murid tidak seharusnya menganggap bahawa mereka yang berjumpa dengan kaunselor merupakan individu yang bermasalah semata-mata. Tanggapan ini tidak benar sama sekali. Hakikatnya, apabila bertemu dengan kaunselor, **(S4) murid akan dibantu untuk menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupannya** seperti panduan memilih jurusan atau kerjaya yang sesuai dan bukan memberikan tumpuan terhadap masalah tertentu sahaja.

Kaunselor juga dapat **(S5) membantu murid mengesan dan mengembangkan bakat dan minatnya**. Hal ini penting supaya segala tindakan yang bakal dilakukan oleh murid selaras dengan apa-apa yang diingini agar mereka berpeluang membuat perancangan masa depan untuk mencapai matlamat hidup. Dalam masa yang sama, kaunselor bertanggungjawab untuk **(S6) membimbing murid memanfaatkan peluang bagi penyempurnaan kendiri**. Pelaksanaan pelbagai program bimbingan dan kaunseling seperti ceramah, kursus dan kem motivasi akan membolehkan kaunselor **(S7) memahamkan murid tentang hubungan mereka dengan masyarakat sekitar.** Dalam hal ini, mereka akan dapat menyesuaikan diri dan berinteraksi secara positif dengan rakan sebaya dan jiran-jiran. Selain itu , kaunselor juga dapat **(S8) memupuk nilai-nilai dalam diri murid** melalui sesi kaunseling yang dijalankan. Penyemaian nilai-nilai murni ini akan meningkatkan mutu disiplin murid-murid di sekolah.

Sesungguhnya, usaha-usaha penambahbaikan perkhidmatan kaunseling wajar dilaksanakan agar khidmat yang diberikan oleh kaunselor mendapat kepercayaan murid. Sikap profesional kaunselor dalam melaksanakan tugas hendaklah menjadi keutamaan demi menaikkan imej perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.

(Dipetik dan diubah suai daripada *Memanfaatkan Khidmat Kaunselor,*
oleh Nadiah Naufal, Dewan Siswa, April 2012)

Contoh Rumusan Lengkap :

Rumusan membincangkan tanggungjawab kaunselor di sekolah **dan** kebaikan murid berjumpa dengan kaunselor.

Antara tanggungjawab kaunselor ialah menolong murid mengenal pasti punca tekanan emosi **dan** memberikan bimbingan tentang cara menangani masalah yang dihadapi. **Seterusnya,** memandu murid memahami serta menerima keadaan diri sendiri, murid akan dibantu untuk menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupannya **serta** membantu murid mengesan dan mengembangkan bakat dan minatnya. **Selanjutnya,** menyediakan Khidmat Nasihat, memberikan Bimbingan Kerjaya **dan** Meningkatkan Motivasi Murid.

Antara kebaikan murid berjumpa dengan kaunselor ialah dapat meningkatkan perlakuan yang baik **dan** panduan memilih jurusan atau kerjaya yang sesuai. **Selain itu,** membuat perancangan masa depan untuk mencapai matlamat hidup.

Kesimpulannya, setiap murid digalakkan berjumpa kaunselor agar dapat meningkatkan keyakinan diri demi menjamin masa depan yang cerah.

(118 patah perkataan)

Pemarkahan Rumusan : 30 markah	
Perenggan	Markah
Pendahuluan	2
Isi Tersurat (8 isi)	16
Kesimpulan	2
Bahasa	10
Jumlah	30

Praktis 17

BILANGAN ISI	BILANGAN ISI CALON	BILANGAN ISI DITERIMA
BAHAN 1 Fokus 1 (usaha-usaha)	5	5
BAHAN 2 Fokus 2 (cabaran)	3	3
JUMLAH		8

Pendahuluan	Rumusan membincangkan usaha-usaha dan cabaran memupuk semangat patriotisme dalam kalangan remaja.	2

Usaha-usaha memupuk semangat patriotisme)

ISI	JAWAPAN	MARKAH
S1	melalui sistem pendidikan khususnya dalam mata pelajaran Sejarah	2
S2	penerapan elemen sejarah melalui mata pelajaran lain	2
S3	melalui aktiviti kokurikulum di sekolah	2
S4	kempen sayangi negara hendaklah diadakan secara berterusan	2
S5	penyebaran maklumat tentang peristiwa bersejarah melalui laman sosial	2
S6	program sambutan bulan kemerdekaan perlu dijalankan	2
S7	ibu bapa turut memainkan peranan penting dengan menunjukkan teladan kepada anak-anak.	2
S8	berpegang pada prinsip Kesetiaan kepada Raja dan Negara	2

Cabaran memupuk semangat patriotisme

ISI	JAWAPAN	MARKAH
S1	perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi	2
S2	kurang melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan	2
S3	pengaruh budaya luar yang bertentangan dengan budaya masyarakat Malaysia	
S4	nilai-nilai kemanusiaan kian luntur	

KESIMPULAN

ISI	JAWAPAN	MARKAH
K1	Kesimpulannya, semua pihak hendaklah berusaha memupuk semangat patriotisme agar kedaulatan negara akan terpelihara.	2

Praktis 18

PANDUAN GURU

BAHAN 1- Petikan

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu **rumusan**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan iklan.

Telefon pintar wujud hasil perkembangan industri telekomunikasi yang bergerak pantas. Di Malaysia, bilangan murid yang menggunakan telefon pintar semakin meningkat, iaitu kira-kira 20 peratus daripada keseluruhan pengguna. Ramai murid berhasrat untuk memiliki telefon pintar kerana mereka terpengaruh dengan perubahan yang berlaku di sekeliling mereka. Mereka juga turut dipengaruhi oleh rakan sebaya terutamanya yang telah memiliki telefon pintar. Keinginan untuk memiliki telefon pintar boleh menyebabkan berlakunya kes salah laku seperti kecurian dan pergaduhan.

Kewujudan telefon pintar yang lengkap dengan kemudahan multimedia pelbagai guna menyebabkan murid sangat teruja untuk memiliki alat komunikasi mudah alih yang canggih ini. Setelah memiliki peralatan tersebut, mereka menjadi mudah leka dengan peranti masing-masing dan seterusnya membawa perubahan ketara terhadap tingkah laku mereka. Murid yang menggunakan telefon pintar lebih mementingkan hiburan berbanding aspek-aspek lain, contohnya dalam pencarian maklumat dan ilmu pengetahuan. Hal yang demikian boleh membawa kesan negatif terhadap kehidupan seseorang murid. Penggunaan telefon pintar ini juga menyebabkan murid sering berkomunikasi dengan mencemarkan bahasa seperti penggunaan singkatan dan bahasa slanga dalam khidmat pesanan ringkas (SMS), WhatsApp dan Instagram.

Telefon pintar turut berperanan sebagai penghubung keluarga, rakan dan sumber maklumat. Namun jika disalahgunakan, telefon pintar tersebut mampu mendatangkan pelbagai keburukan. Keasyikan menggunakan telefon pintar menyebabkan murid mengabaikan tanggungjawab terhadap pelajaran seperti tidak menyiapkan kerja sekolah dan tidak mengulang kaji pelajaran. Selain itu, keasyikan bermain telefon pintar sehingga larut malam menyebabkan murid hilang fokus semasa di dalam kelas kerana mengantuk akibat tidak cukup tidur. Lebih buruk lagi, terdapat murid yang bermain telefon ketika di dalam kelas hingga mengganggu sesi pembelajaran.

Perkara yang lebih membimbangkan kita ialah keruntuhan akhlak yang serius dalam kalangan murid. Perkara-perkara seperti ini perlu diambil berat oleh semua pihak dalam usaha untuk membendungnya. Oleh itu, larangan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terhadap murid yang membawa telefon bimbit atau telefon pintar ke sekolah ada asasnya dan peraturan ini mesti difahami dan dipatuhi untuk manfaat semua pihak.

BAHAN 2- ILUSTRASI KARTUN

PANDUAN MENCARI JAWAPAN : IS FB1 + FB2

Isu : Telefon bimbit dalam kalangan murid

Subjek : murid sekolah

Fokus B1:

Punca murid ingin memiliki telefon pintar

Kesan penyalahgunaan telefon pintar dalam kalangan murid sekolah

Fokus B2:

Punca penyalahgunaan telefon pintar dalam kalangan murid di sekolah

<table>
<tr><td colspan="2">PENDAHULUAN
Rumusan membincangkan punca murid menggunakan telefon pintar , kesan penyalahgunaan telefon pintar kepada murid sekolah , dan punca penyalahgunaan telefon pintar dalam kalangan murid di sekolah.</td></tr>
<tr><td colspan="2">ISI TERSURAT BAHAN 1</td></tr>
<tr><td>Punca murid ingin memiliki telefon pintar</td><td>Kesan penyalahgunaan penggunaan telefon pintar kepada murid sekolah</td></tr>
<tr><td>1.Terpengaruh dengan parubahan yang berlaku di sekeliling mereka.</td><td>1. Mereka menjadi mudah leka dengan peranti masing-masing</td></tr>
<tr><td>2. Dipengaruhi oleh rakan sebaya</td><td>2. Perubahan ketara terhadap tingkah laku mereka</td></tr>
<tr><td rowspan="6">3. Kewujudan telefon pintar yang lengkap dengan kemudahan multimedia pelbagai guna</td><td>3. Lebih mementingkan hiburan berbanding aspek-aspek lain,</td></tr>
<tr><td>4. Murid sering berkomunikasi dengan mencemarkan bahasa</td></tr>
<tr><td>5. Murid mengabaikan tanggungjawab terhadap pelajaran</td></tr>
<tr><td>6. Murid hilang fokus semasa di dalam kelas</td></tr>
<tr><td>7. Murid bermain telefon ketika di dalam kelas mengganggu sesi pembelajaran.</td></tr>
<tr><td>8. Keruntuhan akhlak yang serius dalam kalangan murid</td></tr>
<tr><td colspan="2">ISI TERSURAT BAHAN 2
Punca penyalahgunaan telefon pintar dalam kalangan murid di sekolah</td></tr>
<tr><td colspan="2">1. Pengawas sekolah tidak melaporkan kepada guru disiplin.</td></tr>
<tr><td colspan="2">2. Guru disiplin tidak membuat pemeriksan mengejut</td></tr>
</table>

3. Ada talian Internet percuma.
KESIMPULAN ; Kesimpulannya**, ibu bapa dan pihak sekolah** haruslah **memantau penggunaan telefon pintar dalam kalangan murid** agar **memberikan manfaat kepada murid.**

CADANGAN JAWAPAN :

Rumusan membincangkan **punca murid ingin memiliki telefon pintar , kesan penggunaan telefon pintar kepada murid , dan punca penyalahgunaan telefon pintar** dalam kalangan murid di sekolah.

Punca murid ingin memiliki telefon pintar adalah kerana terpengaruh dengan perubahan yang berlaku di sekeliling mereka (1), dipengaruhi oleh rakan sebaya (2), dan Kewujudan telefon pintar yang lengkap dengan kemudahan multimedia pelbagai guna(3). **Kesan penyalahgunaan telefon pintar kepada murid** ialah mereka menjadi mudah leka dengan peranti masing-masing (4), dan mengabaikan tanggungjawab terhadap pelajaran (5). **Selain itu,** hilang fokus semasa di dalam kelas (6). **Punca penyalahgunaan telefon pintar** dalam kalangan murid di sekolah **ialah** guru disiplin tidak membuat pemeriksaan mengejut (7) dan ada talian Internet percuma(8)

Kesimpulannya**, ibu bapa dan pihak sekolah** haruslah **memantau penggunaan telefon pintar dalam kalangan murid** agar **memberikan manfaat kepada murid.**

(112 patah kata)

Praktis 19

Perenggan Pendahuluan

Bil	Jawapan	M
1	Rumusan membincangkan faktor-faktor penyakit kanser, langkah-langkah pencegahan kanser dan tanda-tanda amaran kanser.	2
2	Rumusan membincangkan faktor-faktor penyakit kanser, dan tanda-tanda amaran kanser.	1
3	Rumusan membincangkan faktor-faktor penyakit kanser, dan langkah-langkah pencegahan kanser.	1
4	Rumusan membincangkan faktor-faktor penyakit kanser	1

Perenggan Isi
(Pilih **8 isi** sahaja yang merangkumi **semua fokus** daripada **kedua-dua bahan**)

Isi Bahan 1:

Fokus 1 : Faktor-faktor kanser

1. amalan pemakanan yang kurang sihat keletihan yang melampau
2. mempunyai berat badan berlebihan
3. pengambilan tembakau / merokok
4. kurang melakukan aktiviti fizikal
5. pengambilan alkohol yang melampau.

Fokus 2 : Langkah-langkah pencegahan kanser

1. KKM menggalakkan orang ramai supaya mengamalkan gaya hidup sihat
2. KKM juga menyediakan perkhidmatan immunisasi
3. Orang ramai harus melakukan ujian saringan dan mengenali tanda dan gejala awal kanser
4. KKM menyediakan perkhidmatan saringan kanser di seluruh negara secara percuma.

Isi Bahan 2 :

Fokus 3 : Tanda-tanda amaran kanser

1. pendarahan dari faraj
2. perubahan pola membuang air besar
3. suara garau lebih dua minggu
4. benjolan pada payudara
5. benjolan di leher yang tidak wujud sebelum ini
6. pendarahan luar biasa pada hidung atau hilang pendengaran atau telinga berdengung
7. ulser tidak sembuh atau benjolan atau tompok-tompok putih dan merah di mulut
8. sakit atau ketidakselesaan pada perut yang berterusan
9. batuk yang beryerusan dan kahak berdarah

Perenggan Penutup

Bil	Jawapan	M
1	Kesimpulannya, kita perlu peka terhadap sebarang perubahan yang berlaku pada tubuh kita agar kanser dapat dikesan lebih awal.	2
2	Kesimpulannya, kita perlu mangamalkan gaya hidup sihat supaya dapat mencegah kanser	2

Praktis 20

Perenggan	**Jawapan**	**Markah**
Pendahuluan	Rumusan membincangkan kepentingan perpaduan kaum dan langkah-langkah memupuk semangat perpaduan.	2
Isi **Bahan 1 : Petikan** **Fokus 1 : kepentingan perpaduan kaum**	S1 : keharmonian dan kemakmuran antara kaum	2
	S2 : mengukuhkan lagi ekonomi negara	2
	S3 : Jurang perbezaan akan terhapus dalam fungsi ekonomi mengikut kaum	2
	S4 : lahirnya perpaduan ekonomi di kalangan rakyat	2
	S5 :meningkatkan lagi taraf pembangunan ekonomi negara.	2
	S6 : mengekalkan kestabilan politik	2
Bahan 2: Grafik **Fokus 2: Langkah-langkah memupuk semangat perpaduan**	S1 : menghindari sebarang tindakan provokasi	2
	S2 : meraihkan hari perayaan kaum bersama-sama	
	S3 :kunjung-mengunjungi S4: memahami perayaan masing-masing S5: aktiviti sukan S6: media massa	
Kesimpulan	Kesimpulannya, semua pihak perlulah bekerjasama memupuk semangat perpaduan agar dapat melahirkan negara yang harmoni.	2

Pemarkahan Rumusan : 30 markah		
Perenggan	Isi	Markah
Pendahuluan	2 fokus	2
Isi Tersurat (8 isi) *Fokus 1* *Fokus 2*	 4/5 4/3	16
Kesimpulan	2	2

Praktis 21

Pendahuluan

Rumusan membincangkan faktor-faktor/sebab-sebab yang menarik kedatangan pelancong dan usaha-usaha untuk meningkatkan industri pelancongan.

[2 markah]

Isi- Faktor

- Keadaan iklim semula jadi negara ini yang panas dan lembap sepanjang tahun.
- Malaysia memiliki sejarah pembentukan negara bangsa yang sangat unik.
- Kegiatan seni dan manipulasi fabrik suku kaum Kadazan dan Iban.
- Udara yang segar tanpa pencemaran.
- Kemajuan negara yang pesat
- Kedudukan ekonomi yang maju,politik stabil,sosial yang harmoni dan keselamatan yang baik
- Kepelbagaian barangan/ kraf tangan (bahan grafik)
- Kepelbagaian budaya tempatan/ etnik tempatan (bahan grafik)
- Faktor Kemudahsampaian ke destinasi /pengangkutan yang baik (bahan grafik)
- Harga barangan yang murah (bahan grafik)

Isi- Usaha

- Kerajaan memajukan sektor pendidikan pengajian tinggi serta industri kesihatan dan perubatannya melalui promosi.
- Penganjuran acara sukan bertaraf dunia dan persidangan antarabangsa
- Pembinaan pusat konvensyen dan Dewan Persidangan Hotel bertaraf lima bintang.

[8 markah]

Kesimpulan :

Kesimpulannya, kerajaan hendaklah memperkasakan sektor pelancongan agar negara lebih makmur.

Kesimpulannya, sektor pelancongan hendaklah diperkasakan oleh pihak kerajaan agar negara lebih makmur.

[2 markah]

LAMPIRAN SENARAI PENYUMBANG BAHAN MODUL MONOTOS BAHASA MELAYU KERTAS 2 KSSM SPM

SOALAN 1: MORFOLOGI		
Bil	Penyumbang Bahan	Sekolah
1	Jauhariah Parmin (Ketua)	SMK Bandaraya Kota Kinabalu
2	Mariam Ag Damit	SMK Tebobon Kota Kinabalu
3	Kaslia Sinang	SM Sung Siew Sandakan
4	Jainah Nahasin	SMK Ranau, Ranau
5	Samsuh Musa	SMK Kinabutan, Tawau
6	Salmawati Saleh	SMK Ulu Sapi Sandakan
7	Sarina Hassan	SMK Bandaraya Kota Kinabalu
8	Orlen Sitang	SMK Bandaraya Kota Kinabalu
9	Juilis Mokujal	SMK Narinang, Kota Belud

SOALAN 2: SINTAKSIS		
Bil	Penyumbang Bahan	Sekolah
1	Evyirina binti Malajin (Ketua)	SMK Kolombong, Kota Kinabalu
2	Dr Daisy binti Paul	SMK Kolombong, Kota Kinabalu
3	Harisa binti Abdul Latip	SMK Tinusa, Sandakan
4	Naida binti Pide	SMK Paris, Kinabatangan
5	Ani binti Abbas	SMK Paris, Kinabatangan
6	Rosdiana binti Abdul Aras	SMK Sandakan, Sandakan
7	Siti Aminah binti Amring	SMK Sandakan,Sandakan
8	Hamidah binti Shafie	SMJK Shan Tao, Kota Kinabalu
9	Juilis Mokujal	SMK Narinang, Kota Belud

SOALAN 3: PENYUNTINGAN		
Bil	Penyumbang Bahan	Sekolah
1	Rusana binti Abdullah	SMK Sanzac, Kota Kinabalu
2	Darmiati Tikka	SMK Balung,Tawau
3	Jauhariah binti Parmin	SMK Bandaraya, Kota Kinabalu
4	Felicia Geoffrey Imbon	SMK St Martin, Tambunan
5	Emily binti Pius	SMK St Martin, Tambunan
6	Dayang Salmah binti Merasin	SMK Sungai Damit, Tuaran
7	Saripah binti Kulu	SMK Sungai Damit, Tuaran
8	Samsiah bintin Suddin	SMK Umas-Umas, Tawau
9	Juilis Mokujal	SMK Narinang, Kota Belud

SOALAN 4: BAHASA STRANDARD		
Bil	Penyumbang Bahan	Sekolah
1	Rozana binti Yandare (Ketua)	SMK Desa Kencana, Lahad Datu
2	Muliani Rauneh	SMK Nabawan, Nabawan
3	Rosewati Roslan	SMK Mat Salleh, Ranau
4	Evelyna Chin	SMK Benoni, Papar
5	Juilis Mokujal	SMK Narinang, Kota Belud
6	Dr Daisy binti Paul	SMK Kolombong, Kota Kinabalu

SOALAN 5: BAHASA PERIBAHASA		
Bil	Penyumbang Bahan	Sekolah
1	Kazaruddin bin Lahisi (Ketua)	SMK Gunsanad, Keningau
2	Juilis Mokujal	SMK Narinang, Kota Belud
3	Rozana Yandare	SMK Desa Kencana, Lahad Datu
4	Rusana binti Abdullah	SMK Sanzac, Kota Kinabalu
5	Mohd Redzuan Md Taib	SMK Desa Wawasan, Tambunan
6	Hanizah Hassan	SMK Bingkor, Keningau
7	Muliani Rauneh	SMK Nabawan, Nabawan
8	Siti Fatimah Baharum	SM St Peter Telipok
9	Juilis Mokujal	SMK Narinang, Kota Belud

BAHAGIAN B

SOALAN 6: PETIKAN UMUM		
Bil	Penyumbang Bahan	Sekolah
1	Halina Jumaring (Ketua)	SMK Taman Tun Fuad, Kota Kinabalu
2	Jauhariah binti Parmin	SMK Bandaraya, Kota Kinabalu
3	Edrena Rainal	SMK Bukit Garam, Kinabatangan
4	Salwa James	SMK Sook,Keningau
5	Harisa Hj Abd Latip	SMK Tinusa, Sandakan
6	Evelyna Chin	SMK Benoni,Papar
7	Mohd Arman bin Amrdan	SMK Bukit Garam, Kinabatangan
8	Emelda Jinawin	SMK Benoni,Papar
9	Arelya Samidah	SM Tinggi Kota Kinabalu
10	Juilis Mokujal	SMK Narinang, Kota Belud
11	Ramatia Dullah	SMK Kinarut, Papar
12	Normah Abdullah	SMK Kinarut,Papar

SOALAN 7: PETIKAN SASTERA		
Bil	Penyumbang Bahan	Sekolah
1	Hetty Afzan binti Fadil (Ketua)	SMK Kota Marudu, Kota Marudu
2	Juilis Mokujal	SMK Narinang, Kota Belud
3	Octovia De Onidian Larius	SMK Tambunan, Tambunan
4	Cindy John	SMK Tambunan, Tambunan
5	Dr Daisy binti Paul	SMK Kolombong, Kota Kinabalu
6	Datu Ramlee Ddatu Amir Hussin	SMK Segama, Lahad Datu

SOALAN 8: NOVEL		
Bil	Penyumbang Bahan	Sekolah
1	Doreen Pakoi @ Pius Miting (Ketua)	SMK Tenom, Tenom
2	Juilis Mokujal	SMK Narinang, Kota Belud
3	Hadijah Binti Mohamad	SMK (A) Tun Datu Mustapha, Papar
4	Norhayati Binti Lal Muhammad	SMK Bundu Tuhan, Ranau
5	Jumainah Mahmud	SMK Tulid, Keningau
6	Nor Asmah Binti Sahimin	SMJK Chung Hwa, Tenom
7	Hamidah Binti Raya	SMK Pinggan Pinggan, Pitas
8	Siti Mariana Yusin	SMK Kemburongoh, Ranau
9	Muliani Binti Rauneh	SMK Nabawan, Nabawan

BAHAGIAN C

SOALAN 9: RUMUSAN		
Bil	Penyumbang Bahan	Sekolah
1	Evelyn Juanis (Ketua)	SMK Tenghilan, Tuaran
2	Salwa Jammes	SMK Sook, Keningau
3	Suhaida Abu	SMK Tiong Hua, Tenom
4	Lianah Sikana	SMK Nabawan, Nabawan
5	Nur Azlina Hamid	SMK Banggi, Kudat
6	Muhammad Ruzaini Awang	SMK Bukit Garam 2,Sandakan
7	Juilis Mokujal	SMK Narinang, Kota Belud
8	Arnella Matdin	SMK Inanam, Kota Kinabalu
9	Mangit Kaur	SMK Taman Tun Fuad, KK
10	Connie Cosmas	SMK Tansau, Penampang
11	Liaw Kon Yin @ Nurismah Liaw	SMK Taman Ria, Tuaran
12	Hamidah Binti Raya	SMK Pinggan-Pinggan, Pitas
13	Halina Jumaring	SMK Taman Tun Fuad, KK
14	Rosnah Abdul	SMK Merotai Besar, Tawau